

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

**Bil. 51** **Selasa** **22 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 7)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 41)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2017

**Jawatankuasa:**

**Jadual:**

Maksud B.62 (Halaman 49)

Maksud B.63 (Halaman 134)

Maksud B.64 (Halaman 190)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada

Peraturan Mesyuarat

(Halaman 44)

Usul Anggaran Pembangunan 2017

**Jawatankuasa:**

Maksud P.62 (Halaman 49)

Maksud P.63 (Halaman 134)

Maksud P.64 (Halaman 190)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 22 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah benar kandungan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* boleh dimuat turun dan dipantau oleh pembangun sistem berkenaan dari Amerika Syarikat serta sejauh mana ia akan memberi cabaran kepada negara ini.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *WhatsApp* mengumumkan bahawa setiap bentuk *chat* pada platformnya termasuk panggilan telefon dan video dan kumpulan sembang akan disulitkan secara *default*. Ini bermakna tiada siapa kecuali orang-orang yang menghantar dan menerima mesej yang boleh membaca atau melihat mesej selagi mereka menggunakan versi terbaru *WhatsApp* dikeluarkan pada April 2016. Walau bagaimanapun, aplikasi *Telegram* tidak mengaktifkan *encryption* secara *default*. Jika pengguna tiada menetapkan untuk penyulitan *end to end*, syarikat boleh mengakses yang dihantar melalui aplikasi tersebut.

Pengguna aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Telegram* sesuai digunakan untuk aktiviti sosial tetapi tidak disokong sama sekali untuk digunakan bagi menyampaikan maklumat terperingkat. Ini bertentangan dengan etika kerja penjawat awam. Implikasi penggunaan aplikasi yang tidak dilindungi termasuk risiko kebocoran dan pencerobohan keselamatan akibat komunikasi terdedah. Selain itu terdapat risiko pencurian identiti, penjejasan reputasi dan penurunan dalam keyakinan pengguna IT. Untuk mengelak akibat dan kebocoran data, adalah perlu supaya pengguna memastikan alat pesanan dan teknologi aplikasi digunakan adalah *up-to-date* dan mempunyai perlindungan yang diperlukan untuk komunikasi secara selamat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyedari tentang *WhatsApp* dan telegram ini tidak sesuai untuk komunikasi rasmi dan juga *share document*, dengan izin, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan maklumat sensitif dalam kerajaan tidak mengalami ketirisan? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak MOSTI sedar tentang keperluan untuk menghantar maklumat secara dalam talian. Pihak MOSTI dan *CyberSecurity* Malaysia telah membangunkan sistem *Secure Document Repository System* atau secara singkat SDRS. Satu sistem tertutup yang dihoskan oleh kementerian dan disulitkan menggunakan kaedah *encryption*. Sistem ini hanya boleh diakses oleh pengguna berdaftar sahaja. Sistem ini kini sedang diguna pakai di MOSTI untuk dokumen terperingkat. Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara juga telah menggunakan Dasar Kriptografi Negara untuk melindungi keselamatan aset maklumat kritikal negara melalui pengelasan infrastruktur kriptografi yang boleh dipercayai. MOSTI melalui *CyberSecurity* Malaysia adalah peneraju bagi pendekatan strategik tujuh iaitu penyelidikan dan pembangunan kriptografi dan pendekatan strategik lima iaitu pembangunan modal insan dan industri.

Antara lain, *CyberSecurity* Malaysia telah ditugaskan untuk membangunkan pelan penyelidikan dan pembangunan kriptografi yang komprehensif ke arah membangunkan sistem kriptografi negara dengan matlamat untuk mewujudkan kriptografi tempatan yang khusus bagi kegunaan kerajaan, agensi yang kritikal, syarikat dan orang awam. Bagi menyokong dasar ini, *CyberSecurity* Malaysia sedang membangunkan penilaian Hologram Kriptografi Negara dan Skim Kriptografi Tempatan ataupun *Malaysian Cryptographic Module Validation Scheme (MCMVP)* serta menarik minat makmal penilaian kriptografi berdasarkan keperluan piawaian antarabangsa (FIPS 140). Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada maklumat ataupun kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian, apakah hasil daripada kajian ini terutama terhadap penyebaran maklumat palsu melalui *WhatsApp* yang boleh menimbulkan keresahan ataupun kebimbangan kepada orang ramai dan apakah tindakan terhadap golongan seperti ini, penjenayah yang menggunakan aplikasi seperti ini?

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes-kes seperti ini ada *directive* melalui MCMC dan dia bukan di bawah Kementerian MOSTI dan kita mempunyai undang-undang yang sedia ada untuk menangani mereka

yang sama ada fitnah, membuat tohmahan ataupun menyebar maklumat palsu. Terima kasih.

**2. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasional pelaksanaan format baru Ujian Penilaian Sekolah Rendah yang telah menyebabkan keputusan UPSR tahun 2016 begitu merosot sehingga ramai murid yang terkeliru dan kecewa kerana gagal mendapat semua A.

#### ■1010

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian.

Pada tahun 2010, tujuh tahun yang lalu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menentukan satu format baru kepada peperiksaan UPSR. *Engagement* telah dibuat dengan kongres, dengan Kesatuan Guru, dengan NGO, ahli-ahli akademik dan akhirnya satu keputusan telah diputuskan bersama dan Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa pada tahun 2011 iaitu pelajar-pelajar pada Tahun 1 pada 2011, akan mengambil UPSR yang berdasarkan kepada format baru.

Jadi Tahun 1 tahun 2011, dan tahun 2016 pelajar-pelajar berada pada Tahun 6. Jadi ini dipanggil *cohort* yang pertama untuk pelajar-pelajar mengambil UPSR dengan format baru, yang dalam format baru ini diperkenalkan ‘enam’ mata pelajaran- minta maaf, empat mata pelajaran tapi enam kertas, iaitu:

- (i) Bahasa Malaysia I- Penulisan;
- (ii) Bahasa Malaysia II – Pemahaman;
- (iii) Bahasa Inggeris I;
- (iv) Bahasa Inggeris II;
- (v) Bahasa Cina dan Bahasa Tamil- dua kertas;
- (vi) Matematik; dan
- (vii) Sains.

Jadi, yang berbezanya ialah- yang dalam format lama tidak ada penulisan dan pemahaman. Dalam format lama hanya ada pemahaman objektif sahaja. Contohnya, Bahasa Malaysia dulu ada 40 soalan objektif, dan soalan itu dikurangkan kepada 20 soalan sahaja dalam objektif. Itu antara yang diperkenalkan.

Tujuan diperkenalkan ini untuk membolehkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dicampur sekali dengan akademik. Akademik satu bab, Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang dikenali sebagai psikometrik; pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum sekolah; dan PBS iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Jadi tiga ini dicampur dengan akademik, akan dapatlah penilaian seorang pelajar yang berada di sekolah pada Tahun 6. Itu jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penurunan peratusan pelajar yang mendapat semua ‘A’ adalah sangat ketara dan mendadak. Daripada 86 peratus pada tahun sebelumnya kepada hanya 1.1 peratus pada tahun ini. Itu belum lagi dikira jumlah pelajar yang mendapat semua ‘E’ yang lebih besar berbanding ‘A’ yang seolah-olah menunjukkan masih berlaku pengabaian pendidikan terhadap murid-murid yang lemah. Soalan saya, apa faktor dan punca utama yang menyebabkan perkara ini berlaku sama ada keupayaan guru-guru, kemampuan pelajar ataupun cara dan penggredan markah peperiksaan?

**Dato’ Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Kubang Kerian. Sukalah saya menyebut di sini bahawa dalam format baru ini, sudah tentulah guru-guru diambil kira sepanjang enam tahun *cahort* yang pertama ini, ada peningkatan kepada proses pelajaran dan pembelajaran dibuat terhadap guru, sama ada guru baru yang keluar daripada IPGM, ataupun guru baru keluar daripada universiti, termasuk juga guru yang sudah lama, dibawa balik berkursus untuk memahamkan kaedah-kaedah format baru. *Especially* melibatkan penulisan pelajar sama ada dalam Bahasa Malaysia atau pun bahasa Inggeris. Dan proses ini berterusan beberapa tahun untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Keduanya, berkaitan dengan apa yang disebut sebagai yang kita dikenali soalan KBAT. Soalan KBAT ini soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *higher order thinking skills*. Yang ini salah satu perkara yang perlu difikirkan oleh pelajar, dan aplikasi kepada ini hendaklah dibuat oleh guru. Jadi sesuatu ujian di dalam kelas itu hendaklah dibuat, hendaklah pelajar-pelajar dapat berfikir. Bukan sahaja pelajar dapat berfikir, tetapi pelajar dapat - bagaimana pelajar boleh menyelesaikan masalah dan selepas itu pelajar boleh menerangkan kembali kepada kelas atau kepada guru bahawa inilah jalan penyelesaian sesuatu perkara.

Saya akui, Yang Berhormat menyebut bahawa sememangnya keputusan ‘A’ itu memang rendah. Akan tetapi secara keseluruhannya Yang Berhormat, apabila kita mengambil analisa melihat kepada pelajar yang mendapat ‘B’ dan pelajar yang mendapat ‘C’ misalnya, sebab tahun ini sampai ‘E’, UPSR sebelum ini hanya sampai ‘D’ tetapi pada tahun ini kita bagi ‘A’, ‘B’, ‘C’ dan ‘E’. Jadi maknanya ‘D’ itu boleh lagi diambil kira dalam keputusan peperiksaan UPSR.

Satu penilaian penuh dan analisa tentang berkaitan, buat pertama kali ini kita akan buat, *insya-Allah* nanti kementerian akan keluarkan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bertanya pada pihak Menteri, mengapa format peperiksaan seperti UPSR ini sentiasa ditukar, dan apa matlamat yang dicapai oleh pihak kementerian melalui pelaksanaan format baru UPSR ini? Terima kasih. Akan tetapi apa pun, anak saya *alhamdulillah*, 6A.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tahniah. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tahniah Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih soalan. Sebenarnya kalau nak ditengok, bukanlah selalu ditukar peperiksaan ini, sebab kita sudah maklumkan kepada masyarakat bahawa pada tahun 2010 - tahun 2010 maknanya, pelajar Tahun 1 tahun 2011 bermulanya pertukaran pada tahun 2016, maknanya enam tahun selepas itu barulah peperiksaan ini ditukar.

Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa sehingga hari ini, kaedah yang kita gunakan melalui peperiksaan, kaedah lama itu sebenarnya kalau kita banding dengan tempat-tempat lain, di negara-negara lain, banyak negara sudah berubah dari segi cara atau pun format peperiksaan. Dan banyak negara di dunia ini sebenarnya yang telah membuat pentaksiran berdasarkan sekolah. Pentaksiran berdasarkan sekolah dicampur dengan akademik. Akan tetapi kita di sini, kita sudah jadi *exam-oriented*.

Yang Berhormat Pokok Sena misalnya, bila dia tanya seseorang kawan, dia kata, "Anak dapat berapa A?" Contohlah. "Anak dapat berapa A?". Jadi dia tidak tanya daripada segi keseluruhan akademik itu, yang ditanya berapa 'A' yang dapat. Anak dapat berapa 'A'? Jadi itu dipanggi *exam-oriented*.

Maka sebab itu dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah, nak dicampurkan sedikit hal ehwal yang berkaitan dengan psikometrik, jasmani, kokurikulum dan juga sahsiah diri di sekolah, itu diambil. Sebab itu dalam pemilihan ke asrama penuh untuk tahun depan, kita ambil minimum 3A 3B. Yang dapat 3A 3B - minimum, dan kita campurkan akademik dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Cikgu ada enam tahun nak tengok pelajar itu, dia boleh bagi markah 'A' atau pun 'B' ke pelajar ini. Pelajar ini disiplin baik, perangai baik, kehadiran ke sekolah baik, dan *result* dia pun baik. Jadi maknanya, dia bagi 'A' kepada pelajar itu, maknanya pelajar itu sememangnya memang boleh digunakan sebagai pelajar yang terbaik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri pun terbaik - *on time*. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Rajang.

3. **Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan, apa status pelaksanaan penurunan kuasa (*empowerment*) secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi urusan pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, terutama sekali awal tahun ini pada 20 Januari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah berbincang tentang penurunan kuasa secara pentadbiran dari Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri. Dan hasil daripada perbincangan tersebut ada 13 perkara, yang dipersetujui akan diturunkan kuasanya kepada negeri Sarawak.

**■1020**

Satu daripada penurunan kuasa yang akan diberi ialah yang merangkumi pegawai negeri akan mewakili SPA Persekutuan di bidang pelajaran ataupun pendidikan dan termasuk juga *recruitment* untuk guru dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Kesihatan. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penyelarasaran Pelaksanaan Bagi Mengkaji Pemberian *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ataupun dengan singkatannya JPPESS. Melalui jawatankuasa ini, SPP Persekutuan akan melantik orang tempatan menjadi Pengerusi Lembaga Temu duga sama ada untuk perkhidmatan pendidikan ataupun *vacancy*, tempat kekosongan yang lain.

Untuk perkhidmatan pendidikan kerjasama sangat diperlukan dari Kementerian Pendidikan dan kita berterima kasih kerana Kementerian Pendidikan telah memberi kerjasama yang erat dan setakat ini 20 orang pegawai sektor pendidikan yang memenuhi kriteria tertentu telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Temu duga Negeri Sarawak dan majlis penyerahan watikah pelantikan kepada 20 orang pegawai ini telah diadakan pada 26 September tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan bagi melantik calon-calon Pengerusi Lembaga Temuduga untuk negeri Sarawak di masa akan datang? Terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dan kalau tidak silap ingatan saya, empat kriteria yang telah ditetapkan.

- (i) Pengerusi Temuduga tersebut mestilah orang yang telah dilantik oleh SPP semasa dia di-recruit sebagai seorang pegawai di jabatan;
- (ii) dia mestilah anak kelahiran Sarawak sendiri yang kad pengenalannya ada 'K' di depan itu;
- (iii) orang yang menjadi Pengerusi mesti tidak kurang dari dua tahun sudah berkhidmat dengan jabatan iaitu Jabatan Pendidikan; dan
- (iv) walaupun tahap orang yang dilantik ataupun pangkat orang yang dilantik sebagai Pengerusi ini mestilah jauh tinggi dari orang yang akan ditemu duga, ataupun vacancy yang akan ditemu duga ini biasanya ataupun secara amnya pegawai yang dilantik sebagai Pengerusi ini sekurang-kurangnya ialah DG48. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak ada soalan tambahan kedua ya. Baiklah. Sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih semua Yang Berhormat.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan tanaman semula getah melalui RISDA mengikut negeri-negeri dalam tempoh 5 tahun sehingga sekarang; dan
- (b) berapakah peruntukan tanaman semula getah oleh RISDA dalam kawasan Parlimen Gerik khusus untuk kawasan Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang menjemput untuk menjawab. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tanaman semula getah melalui RISDA mengikut negeri-negeri dalam tempoh lima tahun dari 2012 ke 2016 ini adalah seperti berikut:

NEGERI	PERUNTUKAN (RM)
Johor	20,176,212
Kedah	73,909,063
Kelantan	56,306,463
Melaka	11,663,800
Negeri Sembilan	74,800,996
Pahang	111,187,356
Pulau Pinang	6,058,406
Perak	21,885,035
Perlis	5,342,397
Selangor	6,136,867
Terengganu	26,295,617
Sabah	175,478,590
Sarawak	123,230,660
<b>JUMLAH</b>	<b>712,471,462</b>

Jadi manakala untuk menjawab soalan (b), manakala bagi peruntukan tanaman semula getah oleh RISDA dalam kawasan Parlimen Gerik, khusus untuk kawasan Orang Asli, sebanyak RM442,000 telah diperuntukkan dari Rancangan Malaysia Kesepuluh hingga sekarang dengan bilangan seramai 43 peserta Orang Asli dan melibatkan kawasan seluas 90 hektar. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah menceritakan kelulusan peruntukan tanaman semula yang agak besar untuk seluruh negara. Dalam pada itu saya berterima kasih juga kepada kerajaan kerana telah memberi *one-off* kepada semua pekebun-pekebun kecil ekoran daripada harga getah yang turun. Dalam masa yang sama apa yang ingin saya tanyakan ialah tanam semula di RPS Kemar di mana pada hari ini kita tengok dalam *paper* menyatakan kes malaria kena 41 orang di RPS Kemar. Saya telah meminta daripada RISDA lebih daripada lima tahun untuk tanam semula di RPS Kemar yang keluasannya 2,000 ekar.

Setakat ini saya pastikan dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi seolah-olah kita tidak menyediakan peruntukan tanam semula di kampung di RPS Kemar di mana RPS Skema ini antara kampung di Gerik yang paling ramai penduduk orang Asli, lebih daripada 5,000 orang dan mereka bergantung kepada tanaman getah. Soalan saya, sejauh mana tindakan pihak RISDA untuk memastikan tanam semula di RPS Kemar ini dapat dijayakan. Sekiranya tidak dimulakan, saya amat bimbang pokok getah akan rosak, tidak mengeluarkan susu dan menjelaskan lebih daripada seribu keluarga yang tinggal di sana di mana walaupun RPS Kemar berada dalam hutan, tetapi kemajuan amat banyak di sana termasuk kementerian telah memberi bantuan solar *hybrid* yang antara terbesar di dalam Asia dan juga pelbagai kemudahan di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang. Sesuai dengan orangnya, tinggi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Jadi soalan saya, itulah sejauh mana seolah-olah hendak dibangunkan tanam semula di RPS Kemar. Terima kasih.

■1030

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita menerima maklum balas yang begitu terperinci dan ini menunjukkan, memberi gambaran Yang Berhormat Gerik ini amat peka mengetahui sangat dengan keadaan di kawasan beliau. Terima kasihlah sebagai maklumat kepada RISDA, kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya mungkin tidak dapat menjawab secara terperinci apa yang telah dibangkitkan, ditanya oleh Yang Berhormat. Jadi biarlah saya mohon supaya RISDA akan memberi secara bertulis, kemudian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menjawab soalan. Apa yang telah disarankan ataupun dicadangkan oleh Yang Berhormat, kementerian akan ambil maklum dan kita akan bekerja bersama untuk kita sampai kepada satu penyelesaian, kalau dapat sekurang-kurangnya. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam menilai kembali percambahan sekolah perubatan bagi memastikan hanya graduan yang berkualiti dihasilkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar atas soalan yang berkaitan dengan kualiti pelajar perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi atau KPT sentiasa menitikberatkan tahap kualiti pendidikan tinggi swasta dengan menetapkan syarat-syarat pengendalian program pengajian yang wajib dipenuhi oleh institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS. Dalam konteks program pengajian perubatan, antara syarat utama yang ditekankan dalam memastikan hanya graduan berkualiti dihasilkan ialah:

- (i) pematuhan syarat kelayakan minimum akademik pelajar yang diterima masuk ke dalam program yang ditawarkan;
- (ii) struktur pelaksanaan kursus yang ditawarkan meliputi kurikulum dan modul yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia atau *Malaysia Medical Council* dengan izin;

- (iii) kelayakan akademik tenaga pengajar dan mempunyai permit mengajar;
- (iv) IPTS mempunyai kemudahan dan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran klinikal yang lengkap; dan
- (v) memperoleh pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysia Qualification Agency (MQA)* bagi program-program yang ditawarkan.

Menerusi syarat-syarat yang dinyatakan tadi, graduan daripada sekolah perubatan IPTS dijamin kualiti dan memenuhi tahap piawaian bidang kesihatan dan perubatan yang ditetapkan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi kursus perubatan masih di dalam tempoh moratorium sehingga tahun 2021. Pengawalseliaan kualiti program perubatan oleh pihak MQA, KPT, MMC atau Majlis Perubatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bertujuan untuk mengekalkan kualiti graduan yang dihasilkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin buat soalan tambahan di sini. Negara kita mempunyai satu sasaran iaitu *medical tourism*, di mana ini juga adalah merupakan pendapatan negara dengan kos perubatan yang murah serta servis yang diberikan.

Yang kedua, dasar negara juga adalah memastikan kita ada nisbah 400 penduduk kepada seorang doktor. Jadi saya ingin bertanya sebagai soalan tambahan, bagaimana Kementerian Pendidikan Tinggi bersama dengan Kementerian Kesihatan, bersama dengan Kementerian Pelancongan melihat keperluan yang hari ini kita dapati banjiran graduan. Tadi disebut tentang moratorium yang saya difahamkan disambung lagi daripada dulu 2011 sampai 2016, kemudian saya difahamkan disebut oleh Menteri, tambah lagi 2016 sampai ke 2021.

Jadi saya ingin bertanya, adakah moratorium itu untuk tidak membuka lagi Fakulti Perubatan atau mana-mana swasta yang nak buka kolej perubatan atau kah tak mahu ambil langsung pelajar daripada Fakulti Perubatan. Ia sebab saya melihat bahawa hari ini selain daripada kita nak mengejar apa yang disebut sebagai sasaran *tourism* dan juga sasaran satu doktor kepada 400 orang penduduk nisbah itu, bagaimana kita, pada waktu yang sama hendak mengekalkan kualiti dari segi tempat untuk mereka latih. Saya nak minta satu lagi soalan, adakah kerajaan bercadang bahawa pihak hospital swasta juga boleh mengambil *housemanship* bagi pelajar-pelajar perubatan ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan dan saya akan rujuk kepada moratorium. Moratorium adalah

dasar pengambilan pelajar perubatan dan moratorium bagi program perubatan telah dilanjutkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ini adalah bertujuan untuk mengawal kualiti pelajar dan dia tidak ada program perubatan yang baru di peringkat ijazah sarjana muda dan tidak ada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Perlanjutan tempoh moratorium ini akan dapat membantu mengawal bilangan graduan perubatan daripada institusi pendidikan tinggi tempatan. Perlanjutan tempoh moratorium juga dapat memastikan pelajar perubatan dapat menjalani latihan klinikal dalam tempoh pengajian dengan optimum serta bilangan graduan adalah dapat memenuhi keperluan penawaran dan kehendak industri.

Yang berkaitan dengan *housemanship*. Semasa Bajet 2017 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau sudah memaklumkan bahawa pada tahun 2017, *housemanship* akan dalam bentuk kontrak akan ditawarkan kepada pelajar-pelajar oleh Kementerian Kesihatan.

Yang berkaitan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi yang berkaitan dengan *medical tourism*. Memang kita boleh melihat bahawa memang ada peluang untuk tiga kementerian untuk bekerjasama atau mengadakan kolaborasi di mana KPT, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelancongan boleh mewujudkan kolaborasi untuk melihat di mana cadangan atau yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar dapat diaplikasikan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas 2015 terdapat 4,140 graduan perubatan yang menjadi *houseman*. Daripada 4,140 orang itu, sebanyak 2,195 orang graduan *housemanship* ini dikeluarkan oleh universiti awam tempatan. Selebihnya daripada universiti luar negara ataupun universiti tempatan, kolej tempatan yang *twin* program dengan luar negara.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyenaraikan kepada saya, memberitahu saya, berapa banyakkah pada tahun ini, sekarang, ada berapa banyak institut pengajian tinggi awam dan institut pengajian tinggi swasta, sama ada yang sendiri ataupun yang *twin* dengan kolej perubatan daripada luar negara di dalam Malaysia sekarang. Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Memandangkan ini adalah memerlukan *information specific*, jadi jika diperlukan, saya akan memberi jawapan dalam bentuk tulisan. Sekian, terima kasih.

**■1040**

3. **Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani kehadiran import produk keluli pada harga murah dari China yang menyebabkan sebuah kilang keluli tempatan ditutup.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini lebih kapasiti pengeluaran atau *excess capacity* di Republik Rakyat China telah mengakibatkan peningkatan import produk besi dan keluli kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia.

Ini telah menjaskan pertumbuhan industri besi dan keluli di peringkat global dan menyebabkan semua negara yang terlibat mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengatasi masalah lambakan import produk besi dan keluli dari Republik Rakyat China.

Sejak tahun 2013, kerajaan telah mengambil langkah-langkah remedai perdagangan bagi mengatasi masalah amalan perdagangan tidak adil, *unfair trade practices* dengan izin daripada segi lambakan atau subsidi bagi import dari luar negara termasuk China dan memberi perlindungan sementara kepada pengeluar-pengeluar tempatan yang mengeluarkan barang yang serupa atau barang yang setanding.

Pelaksanaan penyiasatan dan remedai yang diperakukan adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang tertera dalam Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia mengenai langkah-langkah anti-lambakan, timbal balas dan pelindung. Sehingga kini, kerajaan telah mengenakan duti bagi lima kes anti-lambakan dan tiga kes pelindung bagi produk besi dan keluli. Selain itu, kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah kawalan di pintu masuk sempadan melalui penguatkuasaan *certificate of approval*, dengan izin dan lesen import AP ke atas produk tertentu bagi mengawal pengimportan besi dan keluli yang tidak berkualiti dan tidak mematuhi standard.

Sehingga kini, 177 baris tarif produk besi dan keluli telah dikenakan *certificate of approval*. Sejak tahun 2012, kerajaan turut mengambil pendekatan tanggungjawab bersama sebagai pendekatan yang praktikal untuk semua pihak berkepentingan melibatkan kerajaan dan industri.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri khususnya telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan daya saing di sepanjang rantaian nilai industri. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menambah baik dasar dan meningkatkan daya saing industri besi keluli tempatan adalah seperti berikut:

- (i) mengekalkan duti import semasa pada kadar 15 peratus bagi produk kepingan sehingga tahun 2020. Sebelum ini kadar duti

- dicadangkan dikurangkan kepada 0 peratus sehingga 10 peratus pada tahun 2018;
- (ii) menambah baik kaedah pemberian pengecualian duti import bagi bahan mentah besi dan keluli yang digunakan dalam menghasilkan keluaran siap untuk pasaran eksport dengan menggunakan kemudahan pulang balik duti;
  - (iii) proses penilaian permohonan pengecualian duti import yang ditambah baik melalui penglibatan wakil pihak industri;
  - (iv) Jabatan Kastam Diraja Malaysia turut menjalankan audit pematuhan ke atas syarikat-syarikat yang terlibat bagi memastikan pihak syarikat mematuhi syarat-syarat kelulusan pengecualian duti import;
  - (v) pengeluaran lesen pengilang bagi projek pembesaran kepelbagaian dan projek baru adalah tertakluk kepada syarat iaitu syarikat hendaklah menjalankan aktiviti berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi serta aktiviti penggunaan tenaga yang efisien; dan
  - (vi) mengutamakan penggunaan produk besi dan keluli keluaran tempatan dalam semua projek kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam berdepan dengan masalah lambakan keluli daripada negara China dan Rusia, Kesatuan Eropah telah pun meningkatkan levi mereka sehingga 36.1 peratus.

Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji kenaikan levi bagi menangani masalah tersebut? Apakah bantuan kerajaan untuk meringankan beban 489 pekerja yang telah diberhentikan kerja sementara waktu oleh syarikat yang terjejas? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Daripada segi langkah-langkah khususnya untuk levi, kita baru-baru ini telah mengumumkan pada September 2016 khususnya, MITI telah mengumumkan agar mengenakan duti pelindung sementara atas *steel reinforcing bar* dengan izin *Rebar* dengan duti sebanyak 13.42 peratus dan juga pada 27 September 2016, MITI juga mengenakan duti pelindung sementara atas produk *steel wire rods* dan *reform bar in coils* dengan duti sebanyak 13.9 peratus.

Sebenarnya untuk duti-duti dan levi-levi, kita juga harus melihat daripada segi apakah maklum balas khususnya daripada industri tempatan. MITI sentiasa mengambil langkah, bersama-sama dengan penubuhan khususnya untuk meningkatkan daya saing

industri besi kita dengan penubuhan Malaysia Steel Institute pada tahun 2014 untuk mengkaji dan menilai khususnya prospek penyatuan, penggabungan dalam industri tempatan.

Selain itu, dari segi isu-isu lambakan, kita juga mempunyai proses untuk menentu sama ada kita akan mengadakan *anti diode dumping*, dengan izin iaitu anti lambakan atau proses pelindung, *safeguard*. Untuk pekerja-pekerja yang diberhentikan, kita juga melalui Jabatan Sumber Manusia bekerjasama untuk mencari pekerjaan yang sesuai untuk mereka yang telah ditamatkan kerja. Sekian terima kasih.

**Seorang Ahli:** [Batuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sekarang musim kita demam, batuk sejak pada minggu lepas. Ramai kedengaran daripada Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat batuk-batuk, selesema dan sebagainya. Saya juga dapat mesej Yang Berhormat Baling terpaksa dimasukkan ke hospital kerana demam dan sakit. Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang minat? Ya, sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hasil daripada lambakan keluli dalam pasaran negara kita menyebabkan saingan terhadap industri keluli tempatan dan menyebabkan harga semakin rendah dan sekali gus menjelaskan kilang dan menyebabkan pembuangan pekerja.

Jadi dalam keadaan ini, apakah cabaran yang pihak kementerian hadapi dalam melaksanakan duti anti lambakan ini supaya memastikan perlindungan ini benar-benar dapat memberi kesan terhadap industri keluli tempatan untuk jangka panjang. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kementerian juga harus melihat daripada segi langkah-langkah ini di mana apabila harga semakin rendah, kita juga harus mencari titik seimbangan. Ini kerana apabila harga itu rendah, ia juga memberi kos yang rendah khususnya dari segi pembinaan dan sebagainya. Ini tentu akan memberi manfaat khususnya kepada banyak rakyat.

Akan tetapi apabila harga terlalu rendah, ia akan menjelaskan industri tempatan yang MITI juga melihat ia memainkan peranan yang penting memandangkan dia menyumbang kira-kira empat peratus daripada KDNK negara kita. Oleh itu daripada segi bagaimana kerajaan menambah baik, khususnya daripada segi daya saing untuk industri ini, kita sekarang bekerjasama khususnya melalui Malaysia Steel Institute untuk melihat potensi untuk melaksanakan bagaimana kita memasukkan rakan negara strategik yang berteknologi tinggi, bagaimana kita meningkatkan khususnya daya saing

dan penggunaan tenaga yang efisien supaya dari segi kos pengeluaran itu dapat diturunkan.

Sebenarnya terdapat persepsi yang salah bahawa mengatakan semua yang beroperasi dalam syarikat besi dan keluli tempatan utama mengalami kerugian. Terdapat juga syarikat sebenarnya yang mempunyai keuntungan. Maka itu adalah salah satu pendekatan yang diambil oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

**4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam menjayakan projek penternakan rusa yang disebut PM dalam Bajet 2016. Bagaimana caranya untuk memohon projek penternakan ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 telah memasukkan penternakan rusa sebagai salah satu komoditi yang diberikan galakan pengecualian cukai menerusi Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang diluluskan di bawah seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Galakan ini diberi sebagai inisiatif untuk mengembangkan lagi industri ternakan rusa tempatan.

#### ■1050

Menyedari potensi ini, penternakan rusa akan terus dikembangkan di negara ini. Sehingga kini, terdapat seramai 341 orang pengusaha ternakan rusa dengan populasi sebanyak 17,876 ekor berbanding hanya 258 orang pengusaha dengan populasi sebanyak 12,597 ekor pada tahun 2016. Perkara ini dilihat hasil daripada projek pembangunan industri rusa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama di negeri Kelantan, Perak dan Perlis.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mempunyai pusat pembiakan baka induk rusa di Pusat Ternakan Haiwan Lenggong, Perak. Pusat ini membekalkan baka induk mengikut kadar harga jabatan yang mana harganya adalah jauh lebih rendah berbanding dengan harga pasaran semasa.

Syarikat atau perseorangan yang berminat untuk memperoleh bekalan baka daripada jabatan boleh memajukan permohonan ke pejabat DVS negeri dan salinan kepada pejabat DVS daerah di mana tapak projek tersebut terlibat. Pegawai DVS negeri atau daerah yang terlibat akan melakukan lawatan siasat ke tapak cadangan projek bagi

menilai keupayaan dan kesesuaian tapak tersebut. Laporan dan surat sokongan dari pihak DVS negeri akan dikemukakan ke ibu pejabat Putrajaya. Pihak ibu pejabat akan membuat penilaian kemampuan projek dan juga stok sedia ada sebelum bekalan baka induk dibekalkan kepada penternak yang memohon.

Buat masa ini, tiada peruntukan atau dana khusus yang disediakan bagi penternakan rusa. Walau bagaimanapun, DVS menyediakan khidmat nasihat seperti rundingan untuk cadangan projek, khidmat nasihat pengurusan ternakan dan teknikal serta menjalankan program kesihatan kelompok dan khidmat rawatan kesihatan kepada pengusaha yang memerlukan bantuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Saya melihat kepada potensi penternakan rusa ini kerana ia sangat baik untuk dijadikan penternakan alternatif kepada pengusaha-pengusaha penternakan di kampung-kampung kerana dengan kos yang hampir sama dengan ternakan lain dan juga dengan kadar penyakit yang sangat minimum dan juga dengan permintaan serta harga pasaran daging rusa ini sangat tinggi berbanding dengan yang lain. Maka, sepatutnya pihak kerajaan perlu untuk memberikan peruntukan dan juga pertambahan yang lebih besar. Kalau saya melihat kepada penternakan komoditi yang ada dalam bajet kita pada kali ini, tidak banyak pertambahan daripada tahun yang lepas.

Soalan tambahan saya, selain daripada ternakan rusa yang juga merupakan haiwan eksotik ini— masyarakat kita suka makan daging-daging haiwan eksotik ini— adakah pihak kementerian bercadang untuk mencari, selain daripada rusa, sebagai ternakan alternatif dan haiwan eksotik seperti kijang, landak dan sebagainya kerana orang kita suka makan haiwan eksotik ini? Tuan Yang di-Pertua pun suka makan. Kalau tak percaya, cuba sembelih rusa yang ada dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya dan Yang Berhormat Bukit Gantang suka makan.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Suka makan ya. Jadi soalan tambahan saya lagi ialah bila nak sembelih rusa dalam pagar Parlimen ini untuk kita makan sama? Sekian, assalamualaikum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Ya, penternakan rusa ini memang ada potensi kerana haiwan ini tahan lasaklah dan kurang penyakit. Akan tetapi buat masa ini, harga dia adalah mahal sikitlah

kalau dibandingkan dengan daging-daging lain kerana pada masa ini harga semasanya ialah kurang lebih RM60 satu kilolah.

Cadangan untuk *introduce* haiwan-haiwan eksotik yang lain itu cadangan yang baik. Kita akan mengkajilah sama ada *viable*, dengan izin, atau tidak *viable*. Saya faham ramai juga rakyat-rakyat kita suka makan daging-daging haiwan eksotiklah oleh sebab mungkin dapat menambahkan kesihatan dan sebagainya. Jadi, kita akan membuat *research* mana-mana haiwan yang sesuai untuk diternakkan untuk menambah lagi daging alternatif. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, daripada 341 pusat ternakan rusa yang ada di negara kita, adakah yang sudah menjadikan ia juga sebagai produk pelancongan selain daripada produk untuk dagingnya? Bantuan kerajaan yang diharapkan tadi tetapi dengar juga cuma bantuan benih. Kalau boleh diadakan untuk kita jadikan ia sebagai produk pelancongan seperti yang diadakan di luar negara di mana kambing biri-biri pun menjadi pusat pelancongan dengan adanya persembahan-persembahan dan juga seterusnya restoran-restoran yang boleh menghidangkan daging eksotik ini kepada pelancong yang sudah ramai mula datang ke negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan atas soalan tambahan. Memang ada pengusaha-pengusaha yang menternakkan rusa ini menjadikan tapak dekat Melaka itu tempat pelancongan jugalah. Akan tetapi, bukan kerana hanya ada rusa yang diternakkanlah. Ada haiwan-haiwan lain seperti unta, burung *ostrich* dan sebagainya kerana kalau kita hendak buat satu-satu *agro tourism*, ia mestilah dapat menarik pelanggan-pelanggan tersebut.

Tadi saya lupa menjawab soalan Yang Berhormat Bachok mengenai rusa di Parlimen. Itu di bawah Parlimenlah. Mungkin Tuan Yang di-Pertua akan membenarkan untuk disebelih di sinilah.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Tuan Yang di-Pertua dah setuju dah.

**5. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah paling efektif untuk membendung masalah gejala buli dalam kalangan murid sekolah kerana masalah ini semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih atas soalan, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa masalah disiplin murid masih berlaku. Walau bagaimanapun, hasil kerjasama semua pihak dan juga program yang dijalankan, KPM mendapat terdapat penurunan kes salah laku buli murid-murid di sekolah iaitu daripada 0.08 peratus pada tahun 2013 kepada 0.06 peratus pada tahun 2015.

Walaupun terdapat penurunan statistik kes buli, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus berusaha untuk memastikan kes salah laku ini tidak berulang. KPM memberi penegasan dalam isu buli dan gengsterisme melalui arahan surat pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan setiap tahun dari tahun 2009 hingga 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani gejala buli di sekolah, KPM mengambil pendekatan berikut:-

- (i) Mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Disiplin Sekolah selari dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 87 Tahun 2001;
- (ii) pihak sekolah diarah untuk mengadakan mesyuarat permuafakatan sekolah jika difikirkan kes perlu ditangani dengan segera;
- (iii) mengedarkan *Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah* sebagai rujukan dan panduan kepada pihak sekolah;
- (iv) mengadakan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia di bawah program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang berperanan sebagai polis perhubungan sekolah;
- (v) mengadakan mesyuarat secara berkala bersama-sama dengan Polis Diraja Malaysia bagi memperkasa penglibatan mereka di sekolah;
- (vi) merekodkan salah laku murid ke dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) secara dalam talian untuk pelaksanaan intervensi yang bersesuaian terhadap murid yang terlibat; dan
- (vii) mengadakan program intervensi yang bersesuaian terhadap murid yang terlibat seperti menggunakan pengaruh rakan sebaya di bawah penubuhan pembimbing rakan sebaya (PRS) di sekolah, program Remaja Berawaswan melibatkan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dan sesi kaunseling bersama-sama murid yang terlibat.

Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Saya

merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri KPM kerana mengambil langkah yang cukup baik sekali bagi mencegah gejala buli ini.

**■1100**

Walau bagaimanapun, kita melihat di dalam video-video sering diviralkan berkenaan dengan masalah buli ini. Kita melihat dalam perasaan yang kasihan, sedih yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan sudah pasti akan merunsingkan pihak ibu bapa di atas gejala sosial ini. Persoalan saya, pihak kementerian telah melaksanakan beberapa program permuafakatan dan sebagainya tetapi adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan atau mewujudkan sebuah majlis pencegahan aktiviti buli kebangsaan yang akan menyatukan ibu bapa, guru-guru, persatuan PIBG dan lain-lain agensi serta adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan warden ini di kalangan mungkin bekas-bekas tentera yang mempunyai disiplin yang tinggi bagi mencegah gejala ini.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Lipis. Buat masa ini kementerian tidak ada cadangan untuk menubuhkan majlis pencegahan secara kebangsaan ataupun peringkat kebangsaan kerana trend kepada kes-kes buli ini di sekolah-sekolah *hotspot*, ia tidak berlaku di merata sekolah. Jadi, kementerian mengambil maklum tentang kes-kes yang berlaku di sekolah-sekolah *hotspot*. Maka pendekatan dan pelaksananya terhadap sekolah-sekolah tersebut akan membawa impak yang berkesan. Jadi belumlah sampai kita hendak mendapatkan sokongan bekas-bekas tentera hendak menjadi warden masuk ke sekolah tetapi sekarang kita ada kerjasama dengan pihak polis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih Timbalan Menteri. Walaupun kes buli ini menurun menurut daripada fakta yang diberikan tadi, tetapi keadaannya amat merisaukan terutamanya penglibatan daripada kalangan yang terlibat itu ialah pelajar-pelajar perempuan. Ini yang paling sedihlah. Tak tahu lah jejaka manakah yang bertuah yang dapat perempuan tersebut. Jadi saya memohon dan meminta penjelasan daripada Menteri, di kalangan pelajar yang terlibat dengan kes buli ini, boleh tak berikan perangkaan daripada segi penglibatan daripada segi jantina dan juga daripada segi agama dan saya ingin tahu juga adakah pihak kementerian bercadang mereka ini ialah merupakan nama-nama yang diberikan keutamaan untuk masuk di dalam PLKN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang . Saya boleh berikan secara bertulis tentang statistik jantina, agama ataupun kaum mereka yang terlibat dalam kes buli. PLKN itu dilakukan secara rambang dan

sekarang ada pilihan untuk menyertai PLKN. Tak ada kaitan langsung dengan mereka yang terlibat dalam kes buli tetapi apa yang ingin saya kongsikan dalam Dewan ini ialah kes buli ini sekarang kita sedang merangka satu kategori yang baru iaitu kes buli siber. Bukan hanya daripada segi fizikal ataupun daripada segi oral tetapi secara siber ini semakin meningkat tentang kritikan ataupun tohmahan daripada segi di *internet*. Maka kita akan mengambil tindakan terhadap mereka yang menggunakan siber ini untuk melakukan kes-kes buli. Kita mengambil serius terhadap apa-apa kes buli di sekolah dan berharap bahawa kerjasama antara ibu bapa, pihak polis dan pihak-pihak yang terlibat akan membantu kita mengurangkan trend di sekolah kita. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak nyatakan sebenarnya gejala buli ini juga berlaku di Dewan Rakyat [*Dewan riuh*] khususnya gejala buli terhadap Ahli Yang Berhormat wanita seperti apa yang berlaku semalam. Jadi, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tindakan harus diambil kepada pemimpin negara seperti yang membuli Ahli Yang Berhormat wanita supaya mereka tidak dijadikan contoh dan teladan yang salah kepada pelajar-pelajar sekolah kita [*Tepuk*]. Apakah pandangan Yang Berhormat kerana pemimpin ini sepatutnya tunjukkan teladan kepada orang muda dan murid-murid sekolah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itulah Yang Berhormat, serba salah saya hendak jemput Yang Berhormat Seputeh. Dah agak dah rasanya soalan itu. [*Ketawa*]. Yang Berhormat, sebabnya ini soalan mengenai gejala buli di sekolah. Kalau dalam perbahasan tak apa, ini sesi soal jawab lisan. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Sin Woon:** Ya Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Seputeh kena balik sekolah lagi baru boleh kita jaga disiplin di peringkat sekolah [*Dewan riuh*]. Soalan dia tak ada kaitan, soalan dia tak ada kaitan. Jadi tak perlu saya jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hantar Yang Berhormat Pasir Salak pergi sekolah dulu.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

**6. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) jumlah sumbangan diterima dari UNESCO untuk kedua-dua Bandaraya Warisan Dunia George Town dan Melaka untuk tahun 2010 – 2016 dan adakah wang itu telah diagihkan kepada kedua-dua bandar raya warisan; dan
- (b) bagaimanakah dengan pemantauan kementerian kepada kedua-dua bandar raya warisan dunia ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Kerajaan Malaysia, tidak menerima sebarang sumbangan daripada UNESCO sejak daripada mula mendapat pengiktirafan sehingga kini untuk Tapak Warisan Dunia George Town dan juga Melaka. Kebiasaan peruntukan oleh UNESCO hanya disalurkan kepada negara-negara yang benar-benar memerlukan serta tidak mempunyai keupayaan untuk membiayai pemeliharaan warisan mereka. Namun begitu, kerja-kerja pemeliharaan kedua-dua tapak warisan dunia ini menggunakan peruntukan khas berjumlah RM50 juta yang telah pun diluluskan melalui Bajet 2009. Daripada jumlah ini, sebanyak RM20 juta telah disalurkan melalui Khazanah Nasional Berhad untuk Tapak Warisan Dunia George Town dan RM30 juta disalurkan melalui Jabatan Warisan Negara untuk kerja-kerja pemuliharaan Tapak Warisan Dunia Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tanggungjawab sebagai *focal point* Konvensyen Warisan Dunia 1972, pihak kementerian sentiasa memantau kerja kedua-dua tapak warisan dunia daripada semasa ke semasa bagi memastikan nilai-nilai keunggulan sejagat dengan izin, *outstanding universal value* ianya terpelihara. Pemantauan yang dilakukan adalah termasuk melalui;

- (i) penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka dan juga George Town iaitu *Management Committee For World Heritage Sites of Malacca and George Town*,
- (ii) penyediaan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemeliharaan (*Conservation Management Plan*) atau CMP dan juga Rancangan Kawasan Khas yang mengandungi garis panduan, pelan guna tanah dan juga lain-lain,
- (iii) mewujudkan sebuah jawatankuasa peringkat Jabatan Warisan Negara untuk menilai setiap permohonan kebenaran merancang

- di tapak sebelum pembangunan boleh dijalankan. Maksudnya tidak boleh sewenang-wenangnya dijalankan; dan
- (iv) penubuhan Pejabat Tapak Warisan Dunia untuk Melaka dan juga Pulau Pinang untuk memantau tapak-tapak warisan dunia tersebut dan;
  - (v) penubuhan Pejabat Jabatan Warisan Negara Zon Selatan untuk membantu memantau Tapak Warisan Dunia Melaka dan Pejabat Jabatan Warisan Negara Zon Utara untuk membantu memantau Tapak Warisan Dunia George Town.

Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, memandangkan bukan senang kita dapat kedua-dua Bandar raya George Town dan Melaka diisyiharkan sebagai bandar raya warisan dunia. Sebab itu saya ingin tanya apakah kriteria atau asas pertimbangan oleh UNESCO atau oleh badan-badan tertentu yang mengisyiharkan kedua-dua bandar raya kita sebagai bandar raya warisan dunia. Apakah asas pertimbangan atau kriteria dan bagaimanakah setakat ini kedua-dua bandar raya kita adakah masih mencapai prestasi yang baik supaya kita dapat mengekalkan kedudukan ini. Terima kasih.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat kedua-dua tapak ini mendapat pengiktirafan daripada UNESCO, saya ambil contoh di Melaka.

#### ■1110

Saya ambil contoh di Melaka. Pada tahun 2007, sebelum pengiktirafan diberikan pada Melaka, jumlah kedatangan ke Melaka hanya 5 juta, dan hari ini jumlah kedatangan 2016 yang datang ke Melaka seramai 15 juta. Di situ impak- yang telah memberikan satu impak yang besar hasil daripada pengiktirafan, pastinya dalam usaha untuk mendapatkan tapak warisan itu, pastinya terdapat dalam garis panduan, dan juga terdapat dalam para 236 *UNESCO Operational Guideline 2015*. Itu saya boleh berikan salinan kepada Yang Berhormat Kota Melaka nanti. Terima kasih.

**[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang) tidak hadir]**

8. **Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah peruntukan yang digunakan untuk membuka Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan jumlah UTC yang akan dibuka serta keberkesanannya setakat ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang merujuk kepada soalan, untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah NBOS ataupun Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Ia bertujuan untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan juga sektor swasta kepada rakyat.

UTC Melaka telah pun dilancarkan sebagai yang pertama pada 1 Jun 2012, dan yang menarik UTC ini menjalankan perkhidmatan dari 8.30 pagi sampai 10 malam di Semenanjung, termasuk di hujung minggu. Manakala di Sabah dan Sarawak daripada 8 pagi sampai 9 malam.

Kos untuk menuju UTC sesebuah bergantung kepada tempat dan sebagainya. Ia secara purata dalam sekitar RM7 juta sampai RM50 juta, dan untuk makluman, sehingga kini kerajaan sudah pun mewujudkan 16 buah UTC dengan jumlah kos terlibat sebanyak RM504 juta.

Seperti yang kita maklum juga dalam Bajet 2017, kerajaan akan meneruskan penubuhan UTC baru di Perlis, Selangor, Negeri Sembilan dan juga Pulau Pinang iaitu negeri-negeri yang masih belum ada UTC, dengan anggaran peruntukan sebanyak RM100 juta.

Berdasarkan kepada objektif penubuhan, UTC telah menyediakan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan juga sektor swasta pada komuniti masyarakat secara berkesan. Sejak 2013 sehingga September 2016 seramai 37,739,965 orang pelanggan telah pun dicatatkan menerima perkhidmatan di semua UTC seluruh negara. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya menyokong dasar penubuhan UTC di setiap negeri. Soalan tambahan saya, adakah usaha kerajaan dalam mempromosikan UTC di setiap negeri supaya lebih banyak orang ramai terutama mereka yang tinggal di luar bandar supaya mereka tahu dan sedar tentang perkhidmatan yang dibekalkan di UTC, dan adakah usaha kerajaan untuk mengatasi isu lokasi seperti yang berlaku di Sibu di mana UTC itu telah mengambil alih tiga tingkat tempat letak kereta sebagai pejabat, dan ini mengakibatkan ketidakcukupan tempat letak kereta. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih. Itu soalan daripada Lanang. Kita sedar UTC ini selalunya kita akan cuba membaik pulih bangunan-bangunan yang mungkin tidak popular, bangunan-bangunan yang mungkin kurang digunakan, yang tidak dapat digunakan secara optimum, maka kerajaan akan mengambil alih bangunan itu yang selalunya dimiliki oleh Kerajaan Pusat. Ada juga setengah-setengahnya dimiliki oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran dan sebagainya.

Kita tahu bahawa UTC ini sebagai satu lagi langkah untuk meningkatkan tahap perkhidmatan penyampaian- *delivery system* kepada rakyat dengan lebih berkesan, dan kita tahu bahawa selalunya agensi-agensi yang terlibat sebelum ini seperti Jabatan Pendaftaran, KDN, Imigresen dan sebagainya, ini memang sudah adapun di bandar-bandar besar, dan kita wujudkan UTC ini untuk memudahkan lagi rakyat mendapat perkhidmatan seumpama itu di kawasan-kawasan yang mungkin jauh dari bandar besar.

Apa yang dibangkitkan di Sibu, katanya diambil bekas bangunan tempat letak kereta diconvert menjadi UTC, menyebabkan kekurangan tempat letak kereta, itu saya kira perlu diselaraskan dan dibincang bersama dengan Majlis Perbandaran, dan juga pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah, sebab mungkin sebelum ini keputusan untuk menyewa ataupun memajak bangunan itu telah pun dibuat setelah berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kita maklum bahawa penubuhan UTC untuk menyediakan prasarana perkhidmatan pada masyarakat di bandar dan pinggir bandar. Untuk luar bandar kita ada RTC. Jadi soalan yang ingin saya kemukakan, apa *feedback* daripada masyarakat, sejauh mana sambutan yang telah berlaku sepanjang RTC atau UTC diwujudkan, dan adakah unsur-unsur penambahbaikan dalam segi perkhidmatan sebab mungkin ada kesesakan, ada waktu-waktu kaunter penuh?

Saya juga dapat makluman bahawa Kenya satu buah negara yang telah melihat bagaimana UTC dilaksanakan di negara kita, dan mereka mengambil model ini untuk dilaksanakan di Kenya. Hari ini lebih kurang 40 buah pusat UTC, seperti UTC kita di Kenya didirikan. Jadi adakah ini akan melebarkan lagi hubungan Malaysia dengan negara-negara lain untuk memberi- mungkin model yang baik ini kepada negara-negara yang memerlukan perkhidmatan yang sama. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan.

Seperti yang saya sebutkan tadi di dalam UTC ini kita akan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kepada rakyat. Contohnya kita mempunyai tidak kurang daripada 10 kluster utama perkhidmatan antaranya macam perkhidmatan guna sama kerajaan

yang mana agensi seperti JPN, JPJ, Imigresen, agensi Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah, Bendahari Negeri, dan sebagainya.

Kemudian perkhidmatan kesihatan, Pusat Aktiviti Belia, perkhidmatan utiliti seperti pembayaran bil-bil air, api dan juga telefon, perkhidmatan keselamatan Polis Diraja Malaysia, kemudahan perbankan, ATM, CDM, dan juga bank sendiri seperti Bank Islam.

Kemudian Pusat Pembangunan Usahawan, seperti Amanah Ikhtiar, SME, MARA dan juga PUNB dan juga TEKUN.

Perkhidmatan kebajikan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Seterusnya perkhidmatan latihan ada PTPTN, *JobsMalaysia*.

Kemudian Jabatan Tenaga Kerja, dan juga termasuk ada setengah-setengah *locality* UTC ini mempunyai kaunter untuk pergerakan aktiviti seperti NGO.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, UTC hari ini telah pun mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa. Kita telah mengadakan satu konvensyen peringkat antarabangsa baru-baru ini di Putrajaya, yang disertai oleh banyak negara luar termasuk Afrika, Maldives, dan sebagainya yang datang untuk mengambil bahagian serta mempelajari langkah-langkah yang kita ambil ini untuk diterapkan dalam perkhidmatan kerajaan di negara masing-masing.

Kita memang telah pun bekerjasama dengan mereka untuk memberi tunjuk ajar sejauh mana cara yang kita buat di Malaysia ini dapat juga dikembangkan dan membantu perkhidmatan mereka untuk rakyat di negara masing-masing. Kita sedar bahawa memang setengah-setengah tempat, UTC ini kadang-kadang ia menjadi satu *redundant* juga sebab ada UTC yang sudah pun berada dalam bandar besar yang mempunyai pelbagai kemudahan perkhidmatan agensi-agensi sedia ad,a kemudian dibina ataupun diwujudkan UTC maka ia menjadi agak *redundant*.

Jadi sebab itulah, langkah selanjutnya kita akan mengembangkan UTC-UTC baru ini ke kawasan-kawasan yang agak jauh sedikit daripada bandar yang dapat memberikan perkhidmatan yang lebih optimum kepada masyarakat yang memerlukan, terutama daripada golongan luar bandar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kedatangan dua orang peguam terkenal dalam hal hak asasi. Nombor satu Encik Esthern Paiwa, dan Encik Kurukan yang ada di sini hari ini [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu peranan UTC bagus, *very effective-* bagus. Akan tetapi bukankah

kita boleh mengakui bahawa peranan yang dimain oleh UTC *overlapping* dengan peranan yang dimainkan oleh semua *departments* lain seperti imigresen, polis dan sebagainya.

■1120

Bukankah lebih baik Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan bahawa kita ada UTC di semua *department* kerajaan supaya semua *department* kerajaan menjadi UTC. Kenapa kita mengalihkan kepada satu sahaja walhal kepada imigresen, kepada polis, kepada pihak-pihak lain kita tidak memberi seimbang, menolong. Kalau hasrat kerajaan adalah untuk menolong masyarakat bukankah ia lebih baik menggunakan sistem yang sedia ada supaya mereka di UTC kan. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya telah pun jelaskan tadi. Memang terdapat setengah-setengah lokasi UTC ini menjadi *redundant* ataupun *overlapping* antara agensi-agensi yang telah pun sedia ada. Oleh sebab itulah strategi selanjutnya adalah untuk memastikan pemilihan lokasi UTC ini mestilah ianya tidak menjalankan kerja-kerja yang telah pun sedia ada. Kita sedar bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi untuk ‘meng-UTC-kan’ semua agensi-agensi kerajaan itu mungkin kita boleh buat di bandar-bandar baru di masa akan datang. Oleh sebab sebelum ini semua agensi kerajaan mempunyai perancangan tersendiri. Oleh sebab itulah semua agensi itu mempunyai pejabat-pejabat sama ada di peringkat negeri mahupun peringkat *region* ataupun wilayah ataupun mungkin di peringkat daerah.

Jadi untuk langkah jangka panjang untuk mungkin boleh menjimatkan kos dan sebagainya. Satu pusat sehenti boleh diwujudkan dan ini mudah-mudahan akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan di masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku ketika pergi dan balik di kawasan berhampiran sekolah. Apakah usaha yang akan dilakukan dalam menangani isu ini terutamanya dalam mengawal lalu lintas di kawasan sekolah serta sejauh manakah tahap kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap isu keselamatan ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Taser Gelugor. *[Disampuk]* Tidak dapat hendak balas. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun ini sehingga Oktober 2016 menunjukkan 0.046 peratus murid dilaporkan terlibat dalam kemalangan jalan raya.

KPM memandang serius perkara ini dan sentiasa bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya warga sekolah bagi mengelakkan kes kemalangan yang membabitkan murid di luar premis sekolah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantau isu keselamatan sekolah terutamanya keselamatan murid-murid melalui peraturan dan panduan yang sedang dikuatkuasakan. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan aspek keselamatan sekolah ialah:

- (i) mengeluarkan buku *Konsep dan Manual Sekolah Selamat* pada tahun 2002 sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk mewujudkan sekolah selamat;
- (ii) memastikan sekurang-kurangnya dua orang pengawal keselamatan sentiasa menjalankan tugas mereka pada setiap sesi persekolahan; dan
- (iii) memastikan pihak sekolah melaporkan segala kerosakan bangunan sekolah yang mengancam keselamatan murid di sekolah di samping mengambil langkah intervensi bagi menjamin keselamatan murid. Semua urusan berkaitan dengan murid perlu dirujuk kepada pentadbir sekolah terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan murid.

KPM juga menjalankan Program 3K iaitu kebersihan, kesihatan dan keselamatan bagi memastikan keselamatan murid di kawasan sekolah terjamin daripada segala bentuk risiko keselamatan dan kesihatan. Sekian terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada statistik yang dikeluarkan oleh PDRM menunjukkan 309 kes kematian penunggang motosikal daripada kalangan pelajar sekolah dicatatkan sepanjang tahun 2015 dan 290 kes pada tahun 2014. Menunjukkan ada peningkatan kes sebanyak 109 peratus. Jadi dalam hal ini kalau kita melihat dia adalah berkaitan dengan beberapa perkara seperti kedudukan sekolah yang terlalu hampir sangat dengan jalan besar dan arus aliran lalu lintas yang begitu tinggi. Kedua ialah kesalahan-kesalahan lazim yang banyak dilakukan juga oleh pelajar-pelajar sekolah khususnya yang sekolah menengah, menunggang dan membonceng tanpa memakai topi keledar, menunggang dengan membawa lebih daripada seorang pembonceng, menunggang tanpa lesen dan kenderaan yang tidak sempurna.

Selain daripada itu, kita juga boleh melihat bahawa ada pelajar-pelajar yang tidak peka dengan keselamatan diri mereka masing-masing termasuk juga ibu bapa mereka sekali. Jadi dalam hal ini kalau kita lihat juga pada September lepas tiga murid maut dirempuh kenderaan di hadapan sekolah mereka. Masing-masing di Bagan Serai, Perak di Dungun, Terengganu dan di Alor Gajah, Melaka.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada tindakan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu kerjasama dengan JPJ, MIROS dan sebagainya. Saya berpendapat itu adalah kerjasama yang bermusim ataupun mungkin berlaku hanya setahun sekali dan sebagainya. Akan tetapi adakah perancangan-perancangan, tindakan, kawalan yang diambil secara lebih berkesan yang bersifat harian ataupun bersifat kekal. Sebagai contohnya, ada atau tidak kementerian telah memberikan syarat kepada pihak sekolah supaya menyediakan pengadang-pengadang ataupun *railing* yang cukup di kawasan-kawasan menunggu bas ataupun kawasan-kawasan menurunkan dan menaikkan penumpang daripada kalangan pelajar sekolah. Supaya pelajar-pelajar ini tidak bermain di atas jalan kerana ada pagar *railing* dan sebagainya.

Maksud saya juga ialah penyediaan apa-apa juga infrastruktur yang boleh mengekang daripada berlakunya kemalangan ini secara berleluasa. Selain daripada itu apakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat ini sesi soal jawab lisan Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, sedikit sahaja. Apakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Panjang ini Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey, setakat soalan itu dahulu, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Tasek Gelugor. Memang dari segi keselamatan sekolah pihak pengurusan sekolah akan memastikan pada waktu lepasan sekolah tidak ada murid-murid atau pelajar yang perlu menunggu di tepi jalan. Kebiasaannya murid-murid akan berada di dalam kawasan sekolah semasa menunggu ibu bapa atau bas sekolah datang untuk mengambil mereka. Kawasan-kawasan itu juga diberikan penghalang untuk menjaga keselamatan diri murid-murid kita. Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk merangka

modul keselamatan dalam kurikulum pembelajaran di sekolah. Sekarang ini termasuk ke dalam bahasa Melayu adanya modul keselamatan lalu lintas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa yang sama kementerian sedang mengadakan satu pilot program di Putrajaya untuk melihat bagaimana kita boleh melantik warden lalu lintas. Segala rancangan itu termasuk pakaian seragam itu sedang menunggu kelulusan daripada Ketua Polis Negara. Sekian terima kasih.

**10. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sebab-sebabnya Jawatankuasa Penyelaras Gaji Kebangsaan tidak menetapkan paras yang lebih tinggi untuk gaji minima bagi 2016. Adakah Kerajaan Malaysia bercadang berbincang dengan kerajaan negara-negara ASEAN untuk meningkatkan gaji minimum secara serentak di semua negara yang menganggotai ASEAN.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) tidak mengesyorkan kadar gaji minimum yang terlalu tinggi selepas mengambil kira perkara-perkara berikut.

Pertama, formula permulaan kadar gaji minimum tersebut adalah berdasarkan data yang kukuh iaitu *indicator* ekonomi semasa seperti gaji menengah *median wage* dengan izin yang menunjukkan keupayaan majikan membayar gaji, pertumbuhan produktiviti, kadar pengangguran dan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Kedua, saranan Bank Dunia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyatakan pandangan dalam seminar *Review of Minimum Wages Order 2012 with ILO and World Bank* pada 25 hingga 26 Mac 2014. Mengesyorkan agar bagi pertama kali Malaysia mengkaji semula perintah gaji minimum, peningkatan kadar hendaklah munasabah, tidak terlalu drastik hingga menjelaskan daya saing ekonomi negara;

### ■1130

Ketiga, peningkatan kadar gaji minimum juga hendaklah turut mengambil kira aspek kemampuan majikan-majikan dalam menampung peningkatan kos operasi kelak dan seterusnya aspek-aspek lain seperti kesan susulan (*domino effects*) dengan izin seperti penutupan operasi atau pemberhentian kerja akibat proses penstrukturran semula sesuatu operasi kerana peningkatan kos operasi.

Kesimpulannya, Majlis Perundingan Gaji Negara berpendirian kadar gaji minimum baru ialah RM1,000 sebulan iaitu RM4.81 sejam di Semenanjung Malaysia

dan RM920 sebulan atau RM4.42 sejam di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah munasabah, berdaya saing dan tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Malaysia termasuk Kementerian Sumber Manusia sering mengadakan berbagai-bagai program yang berkaitan dengan kepentingan pekerja bersama negara-negara serantau ASEAN dan Asia dalam meningkatkan perkhidmatan dan kebajikan pekerja termasuklah dari segi keselamatan.

Berhubung cadangan untuk berbincang mengenai penyelarasan kadar gaji minimum di negara-negara ASEAN secara serentak, pihak kerajaan pada masa sekarang tidak mempunyai sebarang perancangan berhubung perkara ini. Sekiranya Malaysia mengusulkan cadangan ini, perkara-perkara tersebut hendaklah diambil kira. Objektif ASEAN sebagai pertubuhan yang neutral dan menghormati pelaksanaan dasar domestik masing-masing perlu diberi perhatian. Setiap negara ASEAN mempunyai dasar-dasar yang berbeza mengikut skop ekonomi, sosial dan kepentingan kerajaan masing-masing dan ia hendaklah juga tidak menjaskan hubungan muhibah yang telah dijalin sekian lama di kalangan negara-negara ASEAN.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang kita nampak ada persaingan antara negara-negara ASEAN untuk dapat FTI dan ada orang katakan ini macam *race to the bottom*. Kita berlumba ke bawah. So, adakah kita nampak ini sebagai satu kekangan kepada kita? Jika kita mahu naikkan gaji tetapi kita takut macam Yang Berhormat Timbalan Menteri kata daya saing kita, *business* mungkin akan tutup dan kita akan kehilangan kerja. So nampaknya pada saya, jika kita mahu naikkan lagi gaji minimum, kita perlu ada kerjasama dengan negara ASEAN juga yang juga ini bukan akan langgar kepentingan mereka. Mereka juga hendak bantu B.40 mereka. Akan tetapi sekarang kita *cross purposes*. Kalau hanya kita buat, mungkin kita hilang FDI kepada Vietnam. Akan tetapi jika Vietnam juga buat perkara yang sama, mereka tidak dapat *comparative advantage*. So saya rasa ini satu strategi yang amat penting untuk kita bekerjasama dengan ASEAN. Ini saya mahu dapatkan pandangan kementerian terhadap ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa negara kita ASEAN dan Kementerian Sumber Manusia khususnya sering mengadakan *conference* dan berbagai-bagai program bagi kita meningkatkan kebajikan dan faedah kepada pekerja-pekerja di negara kita. Kita ada 14 juta *workforce* di negara kita termasuklah dari segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Akan tetapi dalam konteks gaji minimum ini, kita belum ada persetujuan bersama. Namun, memanglah cadangan Yang Berhormat mungkin baik. Bagi negara umpamanya kita sudah melaksanakan pelaksanaan gaji minimum ini dan pematuhan kepada pelaksanaan ini 99 peratus. Hanya satu peratus sahaja. Saya juga hendak beritahu kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Kalau kita lihat negara kita Malaysia adalah antara negara yang cukup baik dalam melaksanakan pelaksanaan gaji minimum ini. Umpamanya Australia, Tuan Yang di-Pertua, memanglah negara maju yang telah memberikan gaji minimum terbaik iaitu RM14,388 sebulan kepada pekerja mereka.

Pernah saya sebutkan Yang Berhormat Sungai Siput, kalau bertanya saya sebagai seorang Ahli Parlimen, sebagai seorang bersama dengan pekerja, sudah tentulah saya hendak bayar pekerja saya gaji yang amat baik, terbaik. *Why not* kita boleh bayar RM3,000 hingga RM4,000 sebulan. RM5,000 sebulan. Akan tetapi apakah kerana kita bayar mereka bulan ini RM4,000 akhirnya majikan kita akan sengsara dan akhirnya mereka ditutup dan tidak ada lagi peluang pekerjaan. Saya ambil contoh lagi. Negara-negara lain yang kita – bukan saya hendak bandingkan tetapi ini boleh kita perbandingan supaya kita dapat memikirkan bahawa kepentingan ini mesti kita ambil kira.

Negara	Gaji Minimum (RM)
Vietnam	600 hingga 680
Bangladesh	291
Mongolia	370
Myanmar	370
Laos	415
Pakistan	415
Indonesia	383

Filipina dan negara-negara lain ada lagi banyak saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Sebab itulah mungkin kita sentiasa mengadakan perundingan dengan negara-negara ASEAN tetapi kita akan melihat. Jangan kerana syor kita untuk menambahkan gaji minimum kepada pekerja kita, akhirnya kita memutuskan atau merenggangkan hubungan kerana ia akan menimbulkan desakan kepada pekerja. Bagi saya sebagai pekerja memang saya bersetuju tetapi apakah kita hendak tekan majikan sehingga menyebabkan pekerja hilang pekerjaan dan majikan gulung tikar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya ruang untuk soalan tambahan. Soalan tambahan saya

pertama, kita merakamkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana pengenalan gaji minimum ini yang ternyata memberi manfaat kepada rakyat kita. Sehubungan dengan yang dibangkitkan sebentar tadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Gaji minimum mendatangkan satu daya tarikan kepada terutamanya pekerja-pekerja luar dengan mendapat kebenaran untuk bekerja di dalam negara kita. Sehubungan dengan itu, apakah tindakan pihak kementerian bagi membuat kajian keberkesanan gaji minimum dan impaknya dari sudut ekonomi kepada pekerja-pekerja tempatan dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang atas keprihatinan tentang pekerja Malaysia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita melihat perkara ini. Oleh kerana dasar ataupun ILO tidak mengizinkan kita melakukan diskriminasi pekerja termasuk gaji minimum ini. Jadi sudah tentulah kalau berapa banyak – katalah kita ada 1.9 juta pekerja asing di negara kita, kita terpaksa membayar gaji mereka mengikut bagaimana kita bayar kepada pekerja kita. Jadi tidak boleh kita membezakan antara pekerja asing dengan pekerja kita. Sebab itulah kita dalam Dasar Gaji Minimum ini, setiap dua tahun, kajian semula akan dibuat untuk melihat apakah implikasi dan apakah baik buruknya hasil pelaksanaan gaji minimum ini.

Namun, saya ingin tegaskan di sini bahawa Dasar Gaji Minimum antaranya ialah bertujuan untuk menggalakkan pekerja tempatan mengambil pekerjaan di tempat kita dan dalam masa yang sama kita hendak supaya pekerja asing ini tidak datang ke negara kita. Namun demikian, saya tidak nafikan bahawa pekerja asing ini masih kita perlukan. Sebab itulah saya menyeru kepada pekerja-pekerja tempatan dan anak-anak muda *come forward*. Datang, tampil ke depan. Cari peluang-peluang pekerjaan yang telah pun kita tawarkan. Umpamanya melalui UTC yang baru ini kita adakan. Sebanyak 280 majikan telah pun menawarkan 15,000 kerja kosong dan inilah peluang yang harus disambut, diterima oleh pekerja-pekerja kita supaya mereka dapat menikmati gaji minimum yang kita laksanakan selama ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

11. **Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan perdagangan ke atas Malaysia apabila United Kingdom keluar dari Kesatuan Eropah. Kalau ada, apakah cara mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, United Kingdom adalah rakan datang ketiga terbesar Malaysia di Kesatuan Eropah. Pada tahun 2015, perdagangan Malaysia dengan UK

berjumlah RM16.5 bilion atau 1.1 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia. Keputusan UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah (Brexit) akan memberi impak minimum kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia dalam jangka sederhana dan panjang. Asas yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan. Proses keluar daripada Kesatuan Eropah juga masih belum bermula.

■1140

Ia dijangka akan mengambil masa lebih kurang dua tahun selepas permohonan rasmi di bawah Perkara 50 Perjanjian Lisbon dimulakan oleh UK. Dalam tempoh itu UK dan Kesatuan Eropah perlu menetapkan syarat-syarat proses keluar termasuk mengenai hubungan dagang dan ekonomi. Walaupun proses ini belum bermula lagi, bagi memastikan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan UK kekal seperti sekarang, MITI dan MATRADE telah menganjurkan aktiviti promosi Malaysia di UK pada 24 hingga 27 September 2016.

Program Promosi Malaysia di UK dilaksanakan, bertujuan meningkatkan pertubuhan perdagangan dua hala, meningkatkan lagi pelaburan dari UK dan menggalakkan pelancong UK ke Malaysia. Selain itu program ini juga adalah salah satu strategi kerajaan untuk menjenamakan Malaysia di UK sebagai destinasi pilihan untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan bertaraf di dunia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Selain daripada UK, apakah rakan dagangan yang utama bagi Malaysia dalam negara EU yang ada sekarang? Kalau boleh Yang Berhormat berikan jumlah dagangan itu dalam tahun 2015. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Nilai dagangan mungkin saya tidak ada maklumat terperinci pada masa sekarang. Akan tetapi dari segi pedagang utama dari EU, nombor satu adalah Germany. Nombor dua, Netherlands. Untuk nilai dagangan, kita akan bagi secara spesifik. Sekian, terima kasih.

**12. Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sumber tambahan yang harus dibekalkan supaya ESSCOM dapat membanteras kegiatan penceroboh yang menceroboh kedaulatan Malaysia dapat dibendung dengan lebih berkesan.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya menjawab bagi pihak

Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun saya pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri dahulu, makanya tidaklah asing sangat bagi saya menjawab soalan ini.

Usaha ESSCOM untuk membanteras jenayah rentas sempadan tidak akan berjaya jika hanya ESSCOM dan pasukan keselamatan sahaja yang terlibat. Penglibatan semua pihak adalah penting bagi memastikan usaha membendung kegiatan ini mencapai matlamat. Sokongan dan kerjasama semua pihak adalah perlu dalam usaha untuk memastikan tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah sentiasa terjamin.

Sehubungan dengan itu ESSCOM mengharap agar ia keselamatan tidak hanya dibeban kepada pasukan keselamatan. Masyarakat khususnya wakil-wakil rakyat yang seharusnya memainkan peranan utama dalam menyedarkan masyarakat betapa isu keselamatan ini merupakan isu bersama dan tanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keamanan Pantai Timur Sabah digalas bersama-sama.

Tujuan itu, kerajaan telah melantik wakil-wakil rakyat Parlimen kawasan ESSZONE sebagai sukarelawan-sukarelawan kehormat maritim untuk menggembung masyarakat terutamanya dalam menjaga keselamatan ESSZONE. Justeru, sumber tambahan adalah peranan semua golongan masyarakat dalam membantu dan membanteras kejadian culik rentas sempadan termasuk melalui penglibatan sukarelawan Maritim Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya soalan saya ialah mengenai sama ada apakah sumber tambahan yang harus dibekalkan supaya ESSCOM dapat membanteras kegiatan secara lebih berkesan? Saya rasa jawapan itu tidak diberikan secara telus.

Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya begini, sering kita kedengaran di berita yang disampaikan menerusi *remarks* yang dibuat oleh Menteri berkenaan, barangkali berlakunya kes pengkhianatan dalaman yang telah menjadikan bahan-bahan risikan dan sebagainya, *intelligence* dengan izin telah pun dibocorkan. Pengkhianat itu telah bersubahat nampaknya dengan penceroboh-penceroboh yang datang ke mari untuk membuat penculikan secara haram. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat sebut, sebagai komen awalnya saya juga boleh bersetuju Yang Berhormat. Salah satu daripadanya keadaan muka perairan laut Sabah yang mempunyai seluas 1,400 kilometer panjang dan lautnya juga ada tempat-tempat yang

cetek, ada tempat-tempat yang terumbu karang dan ada juga bukit dalam laut itu sendiri. Jadi permukaan air di dalam laut itu tidak menentu.

Jadi kadang-kadang bot yang kita ada, yang kita guna oleh anggota keselamatan ini hanya didesign *in such a way*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk satu muka perairan sahaja. Akan tetapi di tempat-tempat yang cetek, tempat-tempat yang berterumbu dan sebagainya, bot-bot ini tidak boleh melalui yang mana bot-bot kecil untuk diguna pakai oleh pihak penjenayah ini mempunyai laluan dan boleh lalu ke tempat-tempat tersebut. Itu yang pertama.

Kedua ialah berhubung dengan *radar screen* kita. Pengesahan radar kita memang boleh dikatakan belum lagi sampai ke tahap yang betul-betul boleh cover *the whole 1,400 kilometers* yang menjangkau mungkin 70 kilometer ke laut. Ini yang perlu diadakan supaya tiap-tiap akses masuk ke dalam kawasan itu boleh didapati. Akan tetapi jaminan 100 peratus belum boleh didapati walaupun apa yang saya sebutkan ini kita ada bot-bot yang boleh merantau ke tempat yang cetek, *radar screen* yang boleh merangkumi semua kawasan.

Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 49,695 bot berkeliaran di setiap perairan itu setiap masa. Jumlah bot nelayannya, bot nelayan ESSZONE, nelayan yang menangkap ikan secara tradisional dan bermacam-macam Yang Berhormat. Jadi, 49,695 bot yang setiap hari lalu di kawasan itu. Jadi kita tidak tahu yang mana satu. Itulah sebabnya rangka kerjasama dengan pihak sukarelawan ini penting untuk memberi maklumat-maklumat yang kita perlu oleh pihak keselamatan mengambil tindakan.

Keduanya, soalannya Yang Berhormat tambahan iaitu berhubung dengan *illegal*. Sebenarnya kebanyakannya *illegal* ini daripada pihak *Philippines*, *Illegal Philippines*. Dia digaji oleh pekerja-pekerja dalam *resort centre* itu ataupun yang di luar *resort* itu entah ada di sana yang belum dikeluarkan daripada negara kita.

Soalan untuk mengeluarkan pihak-pihak PATI ini kepada negara asal adalah bukan satu perkara yang mudah Yang Berhormat. Sebabnya ia mesti mempunyai negara yang boleh menerima mereka walaupun kita tahu mereka ini orang Filipino, kita tidak boleh hantar dengan *Philippines* oleh kerana *Philippines* tidak menerima dia. Dia mesti ada dokumen yang perlu untuk dia dihantar balik.

Kalau *Philippines* tak nak bagi dokumen ini, dia tidak boleh dihantar balik. Jadi kita kena biarkan macam itu sahaja. Jadi ini yang menjadi satu masalah, menjadi dalang kepada pihak penjenayah memberi maklumat dan mendatangkan kesan yang negatif kepada kawasan ESSZONE itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Menteri, saya tahu ini walaupun Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri,

cuma saya hendak sebutkan jawapan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Pertama dari sudut airnya cetek. Keduanya, kawasan ini *very forest*. Semuanya kita tahu. Sedar atau tidak Yang Berhormat dan kita sedar bahawa airnya cetek dan menggunakan bot-bot yang sesuai untuk digunakan. Ini sudah berpuluhan tahun dah. Kenapakah kerajaan tidak membuat, membina dan menyediakan kemudahan seumpama itu untuk membanteras supaya kita boleh kejar mereka?

Saya ada suarkan. Saya masih ingat dahulu. Malahan dahulu ESSCOM pun minta dengan saya peruntukan untuk beli. Bayangkan Ahli Parlimen minta untuk beli supaya bot yang seumpama itu. *The requirement is not entertained* dengan izin oleh HQ dia, satu. Kedua, persoalan dari segi kawasan ini amat luas, saya ingat jawapan ini sudah banyak lah Yang Berhormat. Di Semenanjung ini keluasan dia punya luas punya banyak. Akan tetapi sejak ESSCOM diwujudkan, kerap sangat lanun berlaku, penculikan ini. *Before that, that was no there.*

Jadi, apakah sebenarnya yang saya hendak tahu ialah fasal jaminan-jaminan yang diberikan oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua sebenarnya membimbangkan saya. Apa sebenarnya *action plan* yang betul-betul berkesan? *It is not because* kawasan ini sempadan dia luas. Bukan oleh kerana kawasan ini memerlukan bot yang cetek, yang ringan. Sehingga ada yang pegawai keselamatan maklumkan dengan saya Yang Berhormat Menteri hendak beli minyak untuk hendak buat rondaan pun tidak cukup kewangan.

## ■1150

So, ini yang saya sebutkan *priority is no right*. Sepatutnya harus ada *comprehensive plan*. Adakah kerajaan amat serius menangani supaya perkara ini boleh dirunding, bukan setakat runding dengan karaoke, dengan Menteri, Presiden Filipina, *[Dewan ketawa]* runding dengan serius. Ini nyawa manusia. Ini kedaulatan negara kita yang perlu diatasi dengan terperinci, dengan negara jiran kita. Kita tahu mereka orang pendatang tanpa izin. *For God's sake. Once and for all.* Kerajaan kena bertindak dengan lebih komprehensif, pendekatan supaya rakyat — kadang-kadang kita minta rakyat dibebankan. Jaga keselamatan, rakyat ada sukarela. Apabila tidak ada duit, GST. Semuanya rakyat.

Jadi peranan kerajaan di mana, yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah-masalah bukan hanya kewangan, keselamatan negara kita. Saya hendak cadangkan supaya setujukah atau tidak Yang Berhormat, perlunya — Saya ada cadangkan supaya ada *white paper* tentang perkara ini, cadangan yang lebih komprehensif tentang menangani masalah keselamatan, kedaulatan negara kita di pantai timur Sabah ini.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak perlu bercakap lagi sudah. Yang Berhormat Menteri dahulu, nombor satu. Nombor dua, orang Sabah pula. Kawasan beliau juga berhadapan dengan Filipina. Jadi, sebenarnya, saya tidak perlu jawab lagi sudah. Ucapan panjang, jawapan sendiri. Jadi terima kasihlah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Saya hendak minta supaya komitmen kerajaan jangan — Bukan. Saya tahu itu cadangan saya. Sama ada komitmennya setuju atau tidak supaya bekalan petrol kepada kemudahan ini disediakan supaya *comprehensive plan*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim...*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sekejap ya.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Oh! Ada.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak mengapa, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sekejap. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. *Insya-Allah*, saya akan bawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dan saya bincang secara serius perkara ini oleh sebabnya, pada pandangan saya sendiri, memang saya bersetuju dengan banyak perkara supaya kita mempunyai *comprehensive plan* dan pelan yang kita lihat, — Saya pernah menjadi operator RASCOM dahulu, sebab itu saya tahu.

RASCOM itu lebih mudah. Keadaannya tidak kompleks dan cara hendak lari daripada RASCOM dahulu bukan mudah, hendak cepat macam sekarang. Bot setengah jam sudah sampai ke perairan Filipina. Kerjasama tetapi soalannya juga, Tuan Yang di-Pertua, kena menerima hakikat. Perubahan politik ini berlainan sedikit daripada dahulu. Mungkin sekarang ada Presiden Indonesia yang begitu proaktif dari sudut keselamatan. Mungkin ada kerjasama di antara Kerajaan Filipina dan Kerajaan Malaysia yang boleh mengatasi masalah jenayah rentas sempadan dan masalah keseluruhannya di selatan Sabah itu. Terima kasih.

**13. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pengguna yang telah mendaftar sebagai penyedia perkhidmatan *UBER* dan *Grabcar* di seluruh negara sehingga bulan Oktober 2016.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang yang mengehendaki penyelia perkhidmatan *e-hailing* seperti *UBER* dan *Grabcar* untuk berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Justeru, tiada maklumat lengkap yang tepat berhubung dengan bilangan sebenar pemandu dan kenderaan yang berdaftar dengan *UBER* dan *Grabcar*.

Namun, berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh daripada penyelia perkhidmatan tersebut, jumlah keseluruhan pemandu yang telah berdaftar dengan *UBER* dan *Grabcar* di seluruh negara adalah dianggarkan sekitar 50,000 hingga 60,000 orang. Daripada jumlah berkenaan, dianggarkan hanya 20 peratus pemandu yang aktif manakala selebihnya adalah pemandu separuh masa yang telah mempunyai pekerjaan yang tetap. Kebanyakan pemandu yang menggunakan aplikasi *UBER* dan *Grabcar*, tertumpu di kawasan bandar seperti Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, *UBER* dan *Grabcar* ini berada dalam pasaran, telah digunakan oleh sebahagian daripada rakyat Malaysia, sudah lebih kurang satu tahun. Saya hendak tanya, bilakah satu rang undang-undang bagi maksud mengawal selia *ride-hailing* ini akan dibentangkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kerajaan dalam peringkat memuktamadkan rang undang-undang itu kerana ini bukan sahaja melibatkan SPAD tetapi ia juga melibatkan Akta LPKP untuk negeri Sarawak dan Sabah.

Pada waktu yang sama, kita juga kena melihat Akta JPJ di mana masih lagi ada rungutan, ada yang berpendapat bahawa PSB itu, sama ada perlu atau tidak. Ada juga kita melihat, pemeriksaan kenderaan secara wajib dan kesemuanya untuk memastikan kita mempunyai satu paras ataupun *same playing level, playing field*. Ini adalah satu perkara yang perlu dilihat dan mengikut jangkaan kita, kita akan bentangkan rang undang-undang ini pada Mac sesi depan. Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Bilakah kerajaan hendak bebaskan pemandu-pemandu teksi daripada cengkamannya *permit license* lain dan *rent seeking*

yang begitu berleluasa sehingga pemandu-pemandu teksi tidak dapat bersaing dengan *UBER* dan *Grabcar*?

Perkara ini telah wujud berpuluhan-puluhan tahun tetapi mereka bukan. Sebenarnya mereka memandu tetapi yang mengutip, yang menguntungkan adalah orang di belakangnya. Sistem *rent seeking* ini, bilakah akan dihapuskan untuk benar-benar membela nasib pemandu-pemandu teksi? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Inilah yang akan dilakukan kerajaan dalam 11 tindakan, Program Transformasi Industri Teksi. Salah satunya ialah kita hendak bagi permit secara berleluasa kepada individu yang memandu. Itu pertama.

Kedua, kita hendak memberi geran tunai kepada mereka untuk membantu mereka mendapatkan kenderaan baru supaya mereka boleh bersaing dengan pemandu *Grabcar* dan juga *UBER*. Ini antara tindakan yang akan diambil oleh kerajaan dan kita akan bagi. Jadi sehingga kita membuat regulasi bagaimana kita hendak kawal selia operasi *UBER* dan *Grabcar*. Kalau kita tidak kawal dengan baik, akhirnya, perasaannya, apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat itu, tetap wujud.

Jadi pada peringkat sekarang, kita belum ada undang-undang yang boleh mensyaratkan mereka mendaftar secara wajib tetapi dengan adanya undang-undang ini, ada kawal selia untuk pengoperasian *UBER* dan *Grabcar* ini. Semoga...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri beritahu bila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Ini sesi soal jawab lisan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bilakah perkara ini akan dilakukan? Satu tempoh, satu jadual tempoh ...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya sudah kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak perlu, Yang Berhormat. Kita ada Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, Yang Berhormat. Saya cuma hendak ulangi apa yang saya jawab. Ia akan dibawa ke Parlimen ini pada Mac tahun 2017. Terima kasih.

15. **Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah kementerian memastikan bekalan elektrik luar bandar ke Kampung Malubang dan Kampung Pansuran, Pitas dapat disiapkan memandangkan projek itu sudah tergendala lebih kurang empat tahun.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Nombor 15.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kelewatan penyambungan bekalan elektrik ke Kampung Malubang dan Kampung Pansuran ini disebabkan oleh keperluan menaik taraf pencawang pengagihan utama ‘**bongkon**’ yang dimohon oleh pihak berkuasa elektrik negeri. Kesemua pemasangan elektrik terlibat telah pun siap sepenuhnya dan projek ini sedang dalam peringkat pengujian dan seterusnya akan dimulakan tugas sekitar penghujung bulan Disember 2016 ini. Sekian,terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memang di Kanowit nampak banyak juga kawasan-kawasan di Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman yang masih memerlukan *electricity supply*.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, di manakah tempat kita mengadu ataupun yang paling cepat untuk kita mendapat sambungan *electricity* ini sebab kalau mereka berjumpa dengan wakil rakyat, memang wakil rakyat akan bawa kepada pihak kementerian tetapi prosesnya akan berputar-putar balik kepada kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi, soalan saya adalah saluran yang manakah yang paling cepat untuk mereka ini mendapatkan penyambungan *electricity* kepada kawasan-kawasan yang diperlukan? Terima kasih.

■1200

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada garis panduanlah untuk pengaduan ataupun permohonan dibuat. Di Sarawak, salurannya melalui KKA atau Kementerian Kemudahan Awam atau *Ministry of Public Utilities* di Sarawak. Di peringkat kawasan, melalui Pejabat Residen atau Pejabat Daerah juga. Oleh sebab kesemuanya permohonan ini akan dikumpulkan, dan disenaraikan oleh pihak berkuasa negeri iaitu Kementerian Kemudahan Awam, dan dimajukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Untuk buat pengaduan, Wakil-wakil Rakyat boleh buat pengaduan terus kepada KKLW. Kita ada pejabat cawangan negeri atau PCN, di peringkat di negeri Sarawak di Kuching. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi waktu pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.  
Ya, sila.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.  
**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada perkara rang undang-undang dulu kita selesaikan ya.  
**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.05 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam Peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 23 November 2016.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan apa?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menggunakan Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Saya baca di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal apa itu Yang Berhormat?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Peraturan Mesyuarat 26(1) yang berbunyi,

*“26 (1) Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:”*

*"(p) usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku;"*

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Yang Berhormat Pasir Salak ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengikut Peraturan Mesyuarat 36(4) di atas tata tertib dan perkataan yang telah digunakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak semalam. Semasa kejadian, Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee ada mempengerusikan Mesyuarat. Kami Ahli Parlimen di sini memohon agar Ahli Parlimen Pasir Salak menarik balik perkataan itu dan memohon maaf tetapi Timbalan Yang di-Pertua tidak dibenarkan dan *ruling* Timbalan Yang di-Pertua pada masa itu adalah supaya Tuan Yang di-Pertua buat keputusan. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu Kawan, saya faham.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 2.30 petang Tuan Pengerusi, apabila Tuan Yang di-Pertua masuk saya minta untuk keputusan Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar tetapi beliau kata belum meneliti lagi kes ini atau isu ini, jadi mohon masa. Sudah satu hari- 24 jam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ya saya faham.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin satu keputusan daripada Dewan yang mulia ini. Adakah ini tata tertib yang patut, boleh digunakan atau *you know, we allowed in the* Dewan yang mulia ini perkataan-perkataan yang tidak senonoh? Oleh sebab sampai hari ini 24 jam, Ahli Parlimen Pasir Salak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu Kawan cukuplah, Yang Berhormat saya faham

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tidak meminta maaf. *He didn't even do it outside the* Dewan Tuan Pengerusi. Jadi saya ingin satu keputusan, dan saya ingin merujuk Yang Berhormat Pasir Salak ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya beliau dapat *at least, if he want to defense himself we will giving the chance to do it.*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Kawan sila duduk.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Taiping menyokong Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Kawan, semasa rakan sejawat saya mempengerusikan

Mesyuarat, rakan sejawat saya telah membuat *ruling* terhadap perkara tersebut. Yang hendak dirujuk, yang hendak ditimbulkan Tuan Yang di-Pertua perkara mengenai tiga orang Wakil Rakyat Yang Berhormat yang telah ditangkap oleh polis.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Tentang- Yang Berhormat ada dua saya ingat. Pertama, terhadap perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Kawan saya belum habis lagi. Yang Berhormat Batu Kawan, saya sabar menunggu Yang Berhormat apabila Yang Berhormat bercakap ya. Yang Berhormat sila duduk elok-elok Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua sebelum itu, Yang Berhormat rakan sejawat saya telah membuat *ruling*. Jadi biarlah perkara tersebut selesai. Jika Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada hak untuk membuat usul...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya?

Bersendirian untuk membuat rayuan terhadap keputusan Tuan Yang di-Pertua. Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tidak ada keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada

keputusan Yang Berhormat...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apakah keputusannya Tuan Pengerusi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba lihat semula *Hansard* yang telah Tuan Yang di-Pertua rakan sejawat saya telah sebutkan, saya masih ingat lagi. Ya, sila Setiausaha.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Cukup, kalau tidak puas hati. Tidak puas hati boleh buat usul.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, saya *just* ingin penjelasan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Cukup Yang Berhormat.

■1210

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, mengatakan beliau akan membuat keputusan nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yes, he did. He said he will give a decision and we don't know what is the decision. Kalau betul Tuan Speaker telah membuat keputusan, apakah keputusannya? How is it? We don't know what is the keputusan of the Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** We all respect to you, the Chair and the House.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tan Sri sudah datang.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tan Sri.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab setiap kali saya mempengerusikan, setiap kali Timbalan-timbalan mempengerusikan, sentiasa diingatkan jangan gunakan perkataan-perkataan yang mengundang seperti begini. Jangan bercakap kalau saya masih bercakap.

Yang Berhormat Batu Kawan, setelah Yang Berhormat Batu Kawan berdiri kelmarin sewaktu saya mempengerusikan, selepas itu saya baca *Hansard*. Saya panggil Yang Berhormat Timbalan Speaker Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee. Apa yang disebut pada ketika itu dan telah pun dibuat keputusan ialah perkataan yang digunakan oleh yang Pasir Salak, menurut *Hansard*, menurut Timbalan Speaker adalah merujuk kepada *surname*, telah diputuskan. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat! Itu keputusan telah dibuat pada hari kelmarin. Selepas itu, Yang Berhormat Batu Kawan cakap kelmarin dan diulang dan telah pun saya dengar tadi bahawa menurut Yang Berhormat Batu Kawan, keputusan itu dipulangkan kepada saya.

Yang Berhormat sekarang ini yang bohong kepada saya kerana tidak ada dalam *Hansard* mengatakan begitu. Ahli Yang Berhormat, sudah saya baca *Hansard* dan saya telah tanyakan kepada Datuk Ronald bahawa apa yang pada ketika itu disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ronald ialah perkataan itu merujuk kepada nama. Selepas

daripada itu, semua reda dan Yang Berhormat Batu Kawan sendiri ada dalam Dewan. Jadi kenapa Yang Berhormat Batu Kawan bohong kepada saya?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berbohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat saya berbohong, saya boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, belum saya panggil Yang Berhormat!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Saya boleh tarik balik tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *We all know what he meant when he used that word*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *It wasn't to Seputeh surname...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

Perkara yang telah berlalu yang telah dibuat keputusan pada ketika itu selepas itu dibangkitkan kembali. Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan yang telah dibuat, maka Yang Berhormat buat usul seperti yang disebutkan tadi oleh Timbalan Speaker kerana perkara yang telah berlaku di depan mata tidak payah untuk dirujuk pada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana semua orang nampak. Tidak perlu ada penyiasatan.

Yang dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini perkara yang mahu ambil bukti-bukti, panggil saksi. *This thing happened in front of your eyes. You were here!* Pada ketika itu sudah reda, mesyuarat sudah berjalan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk! Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat!

Keputusan sudah dibuat. Kalau tidak puas hati, buat usul. Kalau lagi Yang Berhormat berdiri dan ada lagi yang bercakap tidak tentu, saya akan menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 43. Itu sebab sentiasa diingatkan, jangan menggunakan perkataan-perkataan yang melanggar peraturan mesyuarat!!!

Yang Berhormat, apabila saya baca kelmarin apa yang berlaku. Ada perkataan-perkataan “sial”, ada perkataan- semua melanggar peraturan mesyuarat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu sudah siasat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Selepas itu...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu duduk! Yang Berhormat Batu duduk. Yang Berhormat Shah Alam duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini mesyuarat kamu. Kami cuma mempengerusikan sahaja supaya..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu duduk!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau macam ini, kita ada hak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Untuk bawa *issues*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat semua patuh kepada peraturan mesyuarat, tidak ada apa-apa berlaku. Kalau kami biarkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kami tidak tegur, saya tidak bercakap keras begini, di suatu hari nanti ada akan berlaku bahawa Parlimen Malaysia akan berlaku seperti Parlimen negara-negara lain, yang akan secara fizikal-bukan lagi bertengkar secara mulut- akan berlaku.

Jadi itu sudahlah. Keputusan sudah dibuat kelmarin bermakna perkataan-perkataan pun telah juga dikeluarkan. Kelmarin Yang Berhormat Ampang berhujah, saya kasi biar. Dia membala apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, masuk *Hansard*. Bermakna bagi saya, bagi Timbalan kelmarin sudah berbalas-balas. Pantun sudah dijual, pantun sudah dibalas. Jadi kalau sudah pantun sudah dijual, pantun sudah dibalas kenapa pula saya dan Timbalan-timbalan Speaker saya yang terpaksa buat keputusan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam. Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam kecuali Yang Berhormat Shah Alam bangkitkan peraturan mesyuarat. Sudahlah, kalau hal yang sama, saya tidak mahu dengar lagi. Sudahlah kecuali Yang Berhormat Shah Alam mahu saya menggunakan saya punya kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 43, mahu? Sudahlah, sudahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Kita teruskan mesyuarat kerana ada lagi perkara-perkara mustahak kita akan bincang. Jadi buat apa yang terjadi kelmarin dan hari ini sebagai iktibar. Jangan lagi mengundang reaksi negatif.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam sudahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada siapa undang Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyeru kepada Speaker untuk menegur Yang Berhormat Pasir Salak. Tarik balik kenyataan itu. Itu sahaja yang saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:**...Kerana cukup jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Apa yang dimaksudkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah, sudahlah. Sudahlah Yang Berhormat. Yang terpaksa saya teriak-teriak ini pasal apa? Kerana perkara itu jangan lagi diulang balik. Kalau mahu cuba...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong Yang Berhormat Shah Alam, duduk. Kalau mahu cuba saya punya *patient*, tolong buat perkara-perkara waktu saya duduk di sini. Tolong buat. Sila Setiausaha.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

**DAN**

### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" ***[Hari Kesembilan]***

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.62 [Jadual] –  
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Sebelum saya panggil siapa pembahas, Yang Berhormat Batu sudah berdiri. Tolong patuhi peraturan mesyuarat. Jangan berhujah lagi sindir-menyindir. Nanti ada lagi orang berdiri sebelah kanan.

Sila Yang Berhormat Batu.

■1220

**12.20 tgh.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, pertama sekali saya rayu kepada Tuan Pengerusi sabar, jangan marah sangat. Kami yang berada di sini...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat. Mahu hampir sembilan tahun Yang Berhormat, saya duduk di sini. Saya sabar, saya sabar, saya sabar sehingga menjelaskan kesihatan saya. Bukan saya sahaja Yang Berhormat, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga yang kesihatan terjejas oleh kerana tabiat kita semua Yang Berhormat. Kita patut berubah. Politik, kalau politik di luar tidak apa, jangan lagi di dalam. Tolonglah, sindir menyindir itu tidak akan membawa kebaikan kepada kita semua. Saya cukup sabar. Sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi saya meneruskan dengan tajuk yang saya ingin bawa di bawah Butiran 020100 - Pengurusan Polis bersama dengan Butiran 020200 - Logistik. Saya pertama sekali, saya memandang dengan prihatin dan kluatir dalam logistik ini sudah dikurangkan perbelanjaan sebanyak 12.12 peratus. Ini menunjukkan satu potongan yang agak besar memandangkan beban anggota PDRM kita makin menambah dengan cabaran ekonomi dan kegawatan kita.

Saya juga ingin mengambil di bawah tajuk ini untuk membangkitkan isu-isu cara tangkapan yang telah dilakukan dan bagaimana polis memilih dan mendakwa atas aktivis-aktivis yang baru sahaja kita menyaksikan satu perhimpunan aman. Setahu saya, pihak polis sendiri merasa agak kecewa dan hilang arah tuju kerana nampaknya seolah-olah ada campur tangan daripada politik sehingga senarai tangkapan itu dan juga dakwaan yang telah diambil itu tidak ada kaitan dengan isu perhimpunan aman.

Ambil contoh, saya telah ditahan dan dibawa satu tuduhan bahawa melakukan rusuhan dan ini menyebabkan saya terpaksa duduk dalam lokap untuk dua malam,

tetapi saya ucapkan terima kasih kepada pihak polis yang telah melakukan layanan secara profesional tetapi bukan semua perkara ini dijalankan secara *smooth*, dengan izin kerana kita rasa kesal bagaimana telah berkali-kali bila kita meluluskan SOSMA ini, kita dapat di Dewan ini, dapat jaminan daripada pihak pemerintah kerajaan telah mengatakan SOSMA ini khusus untuk penganas yang bersenjata, yang mengancam keselamatan negara. Itu yang saya juga ingin bahas dalam Butiran 020660 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Sebab bila ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri tidak diancam dengan ancaman yang beranasir-anasir yang bersenjata dan berunsur keganasan.

Kita ingin dapat penjelasan, apa alasan yang kita perlukan untuk menahan seorang aktivis daripada NGO, yang tidak ada rekod langsung terhadap melakukan keganasan. Semasa tahanan, kami didedahkan bahawa sebahagian daripada tahanan ini adalah untuk menyiasat dana asing. Dana asing itu bukanlah sebahagian daripada isu ketenteraman awam. Kalau dana asing itu disyaki, pakailah undang-undang lain untuk menyiasat dan berkali-kali termasuk pasukan polis telah mengadu bahawa masa dan tenaga telah digunakan untuk membanteras aktiviti-aktiviti politik ini telah mengambil banyak masa dan sumber.

Saya ingin tahu dengan Ops! Bersih yang telah melakukan tangkapan beramai-ramai ini, berapa jumlah dari segi sumbangan kewangan yang telah dibelanjakan. Saya telah dimaklumkan secara tidak rasmi, sekurang-kurangnya RM1.8 juta telah digunakan dalam operasi hujung minggu yang lalu. Kita juga rasa tenaga polis sebanyak yang saya juga tidak dapat penjelasan sebanyak 9 ribu polis telah *deploy* untuk operasi hujung minggu yang lalu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat boleh mencelah? Terima kasih Yang Berhormat Batu, saya ingin memetik kenyataan media daripada SUHAKAM yang dikeluarkan oleh pengurusnya Tan Sri Razali Ismail. SUHAKAM telah memuji perhimpunan Bersih kerana ia cukup aman dan tenteram dan berakhir dengan nyanyian Negaraku. Ini adalah satu perhimpunan patriotik, oleh kerana itu terbukti tidak berlaku sebarang rusuhan, tidak ada sebarang unsur-unsur kejahatan.

Maka setujukah Yang Berhormat Batu, di mana ini adalah suara rakyat meminta supaya saudari Maria Chin dilepaskan dengan segera dan tidak ditahan di bawah SOSMA. Kedua, apabila kita bahas undang-undang, Akta SOSMA pada tahun 2012, di mana Menteri Kabinet telah berjanji di dalam Dewan ini, *Hansard* sejelas-jelas merekodkan Akta SOSMA tidak akan digunakan terhadap Bersih dan aktivis Bersih. Ini adalah janji, mengapa janji hari ini dimungkiri? Mengapa janji ini tidak dipegang? Setujukah Yang Berhormat Batu ?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini adalah *point* yang kita ingin dapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Kita boleh berbeza pandangan sama ada Bersih ini patriotik atau sama ada ini mencabar dasar kerajaan atau tidak. Tetapi isu sekarang ialah keselamatan negara, itulah sebab saya bahas di bawah tajuk ini, di bawah Butiran 020660. Kita ingin kerajaan jelaskan, apakah unsur-unsur keganasan yang kemungkinan dibawa oleh pihak pemimpin Bersih terhadap ketenteraman. Kalau tidak, ia menunjukkan satu penganiayaan yang akan menjadikan Malaysia jadi bahan ketawa dan diperlekehkan sistem perundangan negara.

Saya juga ingin terus dengan Butiran 020800 - Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti dan isu ini saya juga ingin tahu, adalah cara seperti *phone tapping* terhadap penjenayah digunakan kepada orang-orang politik? Kerana bila berlaku ini, saya dapati seolah-olah kita diikuti dan sampai boleh setiba saya di rumah, polis sudah datang. Kita syaki di kalangan kita, adakala telefon kita juga direkodkan melalui sistem *phone tapping*. Ini sama ada kita ingin tahu prosedur ini adalah sah atau tidak dari segi undang-undang.

Saya dengan ringkasnya, saya hendak bawa beberapa isu. Satu, 09050 - Membanteras Perdagangan Manusia, saya juga khuatir dengan RM4 juta sahaja yang diperuntukkan dan nampaknya ini satu pengurangan yang besar. Sama seperti di bawah Butiran 060000 -Pendaftaran Negara, 18 peratus telah dipotong, ini satu perkara yang ada kemungkinan akan menggugat *perfomance* anggota polis. Saya juga diminta oleh pihak polis, kata mereka tidak dapat *overtime*. Kalau dapat kerja yang tambah beban, tanggungjawab yang meningkat tetapi polis tidak dapat *overtime*, itu adalah satu perkara yang menganiayai hak mereka.

#### ■1230

Akhir sekali, dalam isu penjara Butiran 030000 - Penjara, saya ingin tahu kenapa sehingga hari ini bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan keluarganya masih tidak dapat bertemu dengan membenarkan sentuhan di kalangan ahli-ahli keluarga? Apakah prosedur ini terlalu ketat dan harus diubahsuai? Dengan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi untuk mematuhi masa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai, berhujah ikut peraturan mesyuarat. Sila.

#### 12.30 tgh.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaah* dan salam

sejahtera. Saya ingin menyentuh Butiran 020500 – Pencegahan Dadah, Butiran 050000 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Butiran 050400 – Rawatan dan Pemulihan. Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan KDN kerana telah melancarkan berbagai usaha dan saya percaya dengan bersungguh-sungguh untuk melawan dengan dadah ini yang kita katakan dadah musuh negara, dadah juga musuh dunia ini sebenarnya, dadah menghancurkan segala-galanya. Saya suka melihat bajet yang ditentukan ini iaitu pencegah dadah ini meningkat hampir RM20 juta kepada RM283 juta. Akan tetapi kebimbangan saya pada bajet yang ditentukan untuk AADK, menurun hampir RM33 juta dan juga bajet untuk rawatan dan pemulihan ini turun juga hampir RM20 juta, sedangkan ini adalah antara perkara-perkara yang penting yang kerajaan telah buat ini yang belum lagi kita dapat melihat kejayaan.

Tuan Pengerasi, enam dekad kita sudah lawan. Cuba lawan dengan dadah ini dan dadah ini nombor satu musuh kita sekarang ini, semua orang sudah setuju. Kebimbangannya ialah kita lihat peningkatan dadah hari ini. Peningkatan penggunaan, peningkatan *drug trafficking*, dengan izin, kita bimbang, takut apakah perlu melihat kembali dasar kita ini. Kalau kita tanam padi tidak boleh tumbuh gandum, kalau kita buat benda yang salah walaupun kalau kita buat benda yang tidak betul tapi kita buat bersungguh-sungguh, kita pergi menghala ke tempat lain. Kita bimbang sebab ini bukan enam tahun tapi sudah enam dekad.

Tuan Pengerasi, jumlah penagih dadah yang dikesan 2015 menunjukkan peningkatan yang ketara 6,600 orang lebih berbanding 2014. Berlaku penurunan bagi kes berulang iaitu sebanyak 1,793. Apa yang membimbangkan adalah bangsa Melayu kekal mencatat paling ramai 80 peratus daripada 25,655 orang. Ini satu yang sangat ketara hari ini, yang kita perlu bagi penekanan. Oleh kerana di zaman dunia hari ini sedang menghadapi masalah-masalah begini, kita lihat banyak negara-negara telah beralih pada polisi dan sebagainya. Yang penting yang saya melihat ialah yang saya fikir ialah cara kita melihat. Bagaimana kita melihat penagih dadah berkaitan isu dadah ini. Kalau kita melihat penagih dadah dengan jijik dan sampah masyarakat, maka kita tidak akan pergi jauh dengan usaha-usaha yang kita lakukan. Kalau kita lihat dengan penuh kasih sayang, menganggap mereka ini sebagai orang yang sakit, maka kita mempunyai peluang.

Oleh kerana negara-negara yang lain, saya pernah pergi ke Switzerland, melihat dasar polisi Swiss di Zurich dan melihat bagaimana mereka mengubah dasar mereka kepada dasar yang mementingkan rawatan pencegahan dan rawatan dan juga masalah sosial kepada penagih-penagih dadah ini. Hari ini kita lihat negara seperti Switzerland,

Portugal telah mencapai kejayaan dan tidak ada lagi *open scene* yang mana boleh meragut keamanan.

Dalam satu kenyataan oleh *US surgeon, doctor Vivek Murthy* mengatakan, *reportnya bulan lepas berkenaan dengan drug, alcohol and health* mengatakan, "*addiction is a chronic brain disease, it's not a moral failing*". Satu kenyataan dalam BMJ juga mengatakan *doctors actually*, dengan izin Tuan Pengerusi, *should lead for the call of drugs policy reform*. Ini kena tanya dengan Yang Berhormat Sungai Siput juga, bagaimana. Oleh sebab doktor sendiri, mereka hampir pada masalah dadah ini sebenarnya, mereka melihat masalah dadah ini sebenarnya. Tuan Pengerusi, hari ini kita lihat di Malaysia, dadah yang tradisional, itu *old timerslah*, orang lama. Juga hari ini dadah yang menggunakan sintetik iaitu *methamphetamine* dan sebagainya, katanya lebih *kicklah*, masalah.

Jadi, kita lihat juga satu masalah lagi tentang saya nak timbulkan juga ini masalah penggunaan daun ketum. Satu ketika dulu dibincangkan nak diletakkan di bawah akta mana, akta racun ke, akta dadah ke, menghadapi banyak tentangan dan sebagainya. Saya ingin tanya kerajaan, KDN, adakah cukup data saintifik untuk meletakkan di mana akta ini? Akta ini nak dipindahkan ke akta dadah umpamanya, adakah cukup saintifik? Sebenarnya, berapa jumlah penggunaan ketum di sini? Di US, digunakan ketum ini untuk rawat penyakit dan mereka dapat saya tidak tahu daripada mana. Mungkin *illegally import* daripada mana-mana negara. Akan tetapi ketum ini saya nak tanya, adakah kita melakukan uji kaji yang sebenarnya? Adakah kita membuat *pain study* ataupun saya difahamkan USM buat banyak *animal study*, bilakah kita nak buat *human study* ataupun kita hanya mendapat *report, self report* daripada pengguna-pengguna ketum itu sendiri.

Satu lagi saya nak tanya, adakah betul-betul ada *collaboration* di antara kementerian-kementerian terlibat? MOHE, *Ministry of Health, Agriculture*, NRE dan juga MOSTI. Adakah ada *collaboration* untuk berfikir bagaimana tentang penggunaannya, *potential therapeuticnya, misuse and abusenya*.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]** Boleh saya tanya sedikit? Oleh sebab saya tertarik dengan apa Yang Berhormat katakan kajian mengenai ketum dan juga *collaboration* dengan universiti dan segalanya. Selain daripada ketum, saya pernah terjumpa ada seorang dalam dialog kita semasa di London, ada seorang pelajar ataupun dia ada mengatakan bahawa sampai satu tahap, ada setengah negara maju menggunakan *hemp oil*. Salah satu daripada apa yang boleh digunakan adalah untuk menyembuhkan sirosis dan ekzema. Jadinya, mungkin Yang Berhormat juga boleh masukkan ke dalam itu supaya satu lagi kajian dibuat berdasarkan kepada *hemp*

*oil* ini sebab kita di Malaysia kita tidak boleh guna. Akan tetapi di negara-negara lain seperti di UK dan juga *even* di Europe, mereka juga telah menggunakan perkara ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat mengenai penggunaan ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, itu penting, saya setuju dan masuk ke dalam perbahasan saya juga ini. Oleh sebab itu saya cadangkan, kenapa kita tidak buat satu, contohnya kita buat *International Ketum Symposium*. Panggil semua orang, kita bincang pendapat dan sebagainya. Kalau ketum ini, kalau dibuat uji kaji dan boleh mendatangkan *big business*, baguslah. Kita buat ketum, saya pernah sebut dulu, buat ketum cola, bila minum menjadi kuat, tidak ada lah orang tidur di mana-mana. Jadi, contohnya dan juga boleh digunakan untuk rawatan lain yang telah disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong juga tadi. Jadi ini penting, adakah kerajaan bersedia untuk buat perkara ini?

Tuan Pengerusi, penyalahgunaan dadah ini kita kata boleh menghancurkan rumah tangga, keluarga dan sebagainya dan negara pun boleh hancur. Kita bimbang dalam negara kita hendak jadi negara maju, adakah belia-belia kita terselamat daripada masalah dadah ini? Jadi, ini penumpuan pada belia dan seperti saya sebut tadi, *intervention* mesti *early*, dengan izin. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian yang secara rasminya ialah *Cure and Care Services*. Saya ingin tanya, sejauh manakah pencapaian sasaran AADK yang meletakkan sehingga 40 peratus jumlah penagih mampu pulih sepenuhnya? Sejauh mana? Bagaimana pula dengan perkembangan sasaran dalam mengurangkan 20 peratus penagih baru di seluruh negara berdasarkan statistik pada 2015. Saya ingin bertanya sebab apa, masalah yang kita hadapi adalah penyalahgunaan dan juga sindiket. Sindiket pengedaran, ini satu perkara yang besar lagi. Berapakah jumlah *kingpin* dadah yang telah ditahan oleh pihak polis dari 2015 hingga kini? Walaupun kita mengatakan bahawa dasar kita patut melihat kepada kesihatan, rawatan, pencegahan, *harm reduction*, dengan izin. Dasar kita patut lihat kepada membantu dari segi psiko sosial. Dasar kita tidak sepatutnya melibatkan pemenjaraan, kerana pemenjaraan ini, bila orang sudah kena penjara ini, boleh dapat kerja? Saya nak tanyalah mana-mana tempat, kalau kita tahulah orang yang datang *interview* dengan kita itu sudah masuk penjara, nak ambil kerja? Nak ambil kerja? Contohnya, kedai makan kalau ambil kerja nanti orang kata jangan pergi makan situ, itu bekas penagih, itu bekas banduan dan sebagainya. Pemenjaraan ini boleh menyebabkan implikasi yang banyak. Ini belum kita cerita lagi dalam penjara, bagaimana rawatan *metadon*, rawatan untuk HIV dan sebagainya. Sebab itu saya katakan *harm reduction*, dengan izin Tuan Pengerusi, banyak membantu kerana *sharing* media ini telah menyebabkan perkembangan penyakit-penyakit yang bahaya, HIV,

*hepattitis C* yang akan melibatkan perbelanjaan yang banyak oleh negara. Jadi kita lihat, perkara-perkara penting yang perlu dilihat jika ada pemenjaraan.

Walau bagaimanapun tentang pengedaran dadah ini perlu dihukum dengan sepatutnya. Malah saya pernah kata hari itu, kalau hukumnya adalah hukum gantung, jangan gantung sorok-sorok, gantung tunjuk-tunjuk, bagi orang takut. Kadang-kadang kita sorok-sorok ini orang tidak takut. Betul ke kena hukum gantung? Siapa pernah tengok? Doktor-doktor pernah tengoklah kan? Saya pernah tengok dalam penjara. Akan tetapi orang lain macam mana kan? Kegerunan dan sebagainya.

▪ 1240

Tuan Pengerusi, apakah statistik terkini penagih yang ditangkap atas penyalahgunaan ketum? Ini saja hendak tanya perkara ini, ada kah perkara macam itu. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan KDN atau usaha bersungguh-sungguh. Jangan kata tidak usaha. Kerajaan memang berusaha bersungguh-sungguh. Cuma perlu ada penambahbaikan, perlu ada perbincangan. Seperti yang saya katakan tadi, buat satu internasional simposium, kita bincang habis-habisan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau lah ketum ini umpamanya...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai.....

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Boleh mendatangkan kebaikan, jadi satu bisnes yang besar, maka negara akan kaya dengan ketum ini. Kita buat betul-betul.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah habis.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sikit saja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Saya bagi habis, 10 saat lagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Beberapa ketika dulu kita hampir membuat rang undang-undang untuk hukum berat, hukum mati untuk ketum. Hari ini kita bercakap tentang konvensyen. Hebat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kuala Krai ini dia tidak faham orang cakap. Bila cakap dia tidak dengar. Itu yang dia cakap, dia cakap merapu.

Tuan Pengerusi, saya patuh kepada undang-undang kita, sudah cukup kita, sudah cukup merah itu. Jadi saya berhenti dekat ini. Yang Berhormat Bagan Serai menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

#### **12.41 tgh.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang untuk saya turut berbahas. *Insya-Allah*, saya tidak menyindir sesiapa [*Ketawa*] Cuma semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya. Dia terus lari keluar Dewan. Jangan pula Tuan Pengerusi marah saya, keluar Dewan pula, itu berat.

Baik B.62 KDN, Butiran 010300 – Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP)/Agenzia Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM).

Saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana peranan UPP yang telah sedia ada sejak sekian lama, dan kemudiannya diwujud pula AKSEM seperti mana yang disebut dalam buku ini, dalam mencegah penyeludupan, bukan sahaja penyeludupan dari luar masuk ke dalam negara kita, tetapi juga penyeludupan dari dalam negara kita ini keluar.

Umpamanya isu yang berbangkit selama ini sehingga memberikan kesan kepada soal kehidupan rakyat yang terpaksa berdepan dengan keadaan tekanan kenaikan kos sara hidup dan sebagainya ialah kerajaan berhujah untuk kononnya rasionalisasi subsidi dilakukan. Walaupun hakikatnya menarik balik subsidi dan menyebabkan berlakunya kenaikan harga kepada barang-barang tertentu yang dikawal selama ini, menyebabkan beban itu kepada rakyat. Alasan yang diberikan oleh kerajaan ialah kerana barang-barang subsidi telah pun diseludup keluar daripada negara kita khususnya pergi ke Selatan Thai dan juga sempadan dengan Indonesia.

Jadi ini memberikan kesan akhirnya kepada rakyat kebanyakan di dalam negara kita khususnya masyarakat kampung yang berpendapatan rendah. Jadi contoh macam kita katakan bahawa tepung gandum. Tepung gandum yang sekarang ini kalau tidak silap saya sudah pun dikatakan berada di pasaran di luar, dilaporkan oleh media. Kemudian baru-baru ini minyak masak, akibat daripada minyak masak diseludup keluar, lalu kerajaan berhujah bahawa kerajaan telah kerugian RM500 juta dan kerajaan akhirnya inilah proses rasionalisasi subsidi dan sehingga menyebabkan kesusahan kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita terpaksa menanggung kenaikan harga minyak. Walaupun masih wujud minyak yang satu kilo dalam paket plastik itu tetapi sudah tentu ini akan menyusahkan rakyat kerana sekali lagi selepas ini

mungkin akan juga dihujah oleh kerajaan, minyak ini juga diseludup. Maka akhirnya ditarik balik subsidi keseluruhan.

Isunya ialah penyeludupan Tuan Pengerusi. Jadi apa peranan UPP selama ini dan AKSEM yang baru ini dalam berusaha untuk mencegah penyeludupan barang-barang subsidi ini keluar daripada negara kita? Jadi bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Dan ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak tangani masalah sebenarnya. Sebaliknya menangani masalah yang membebankan rakyat. Isunya, penyakitnya, macam saya katakan sebelum ini, penyakitnya penyeludupan tetapi yang diubatnya ialah tarik balik subsidi, rugut balik apa yang sudah pun diberikan kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan dalam hal ini, apakah peranan yang dimainkan oleh UPP dan juga AKSIM selama ini?

Kemudian yang kedunya ialah berkaitan dengan Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia iaitu PDRM.

Saya hendak dapatkan penjelasan, bilakah akan diwujudkan satu buah Ibu Pejabat Daerah Polis yang baru di Daerah Pokok Sena. Dalam Parlimen Pokok Sena ini, ada 2 buah daerah. Satu buah Daerah Kota Setar, satu lagi Daerah Pokok Sena. Jadi polis hari ini hanya polis Alor Setar. Yang Daerah Kota Setar itulah merupakan polis kepada keseluruhan Parlimen Pokok Sena, yang ada 2 buah daerah dalam konteks kerajaan negeri iaitu Daerah Kota Setar dan Daerah Pokok Sena.

Sedangkan di Balai Polis Pokok Sena itu sendiri, di Pekan Pokok Sena itu, hanya ada balai polis yang 16 ataupun 17 orang anggota sahaja. Dengan hendak menjaga kepesatan penduduk yang makin bertambah, dengan kawasan-kawasan perumahan baru dan sebagainya. Saya tidak fikir, satu buah balai dengan 16 anggota mampu untuk hendak menjaga kepadatan penduduk yang ada di kawasan dalam Daerah Pokok Sena dalam Parlimen Pokok Sena, dan ini juga menjadi rungutan kepada anggota-anggota pasukan polis yang ada di Balai Pokok Sena.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan soal SOSMA ini. Adakah tindakan yang dilakukan oleh pihak polis ini, atas rasional apa pihak polis menahan Maria Chin ini di bawah SOSMA? Adakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu termaktub memenuhi roh semangat yang terkandung dalam Akta SOSMA itu sendiri, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan satu aktiviti yang dilakukan oleh seorang atau kumpulan orang dengan tujuan untuk mengguling atau melemahkan demokrasi berparlimen dengan cara yang ganas dan tidak berlandaskan perlembagaan, itu termasuk dalam penguatkuasaan SOSMA.

Sedangkan saya tidak pernah melihat apa-apa kelakuan yang dilakukan oleh Maria Chin itu terkandung seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu melakukan keganasan... *[Disampuk]* Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena untuk mencelah berkenaan dengan isu SOSMA tersebut.

Adakah, saya *just* hendak minta pandangan Yang Berhormat Pokok Sena berkenaan dengan guna pakai SOSMA terhadap aktivis-aktivis seperti Maria Chin, ataupun Maria Chin sekarang di mana pada masa dahulu terdapat satu jaminan yang dijadikan undang-undang *express* di SOSMA tersebut bahawa akta ini tidak akan digunakan untuk aktivis dan juga ahli politik. Itu dinyatakan secara *express* di Dewan yang mulia ini, dan juga dinyatakan dalam akta tersebut.

Jadi persoalan yang timbul Yang Berhormat Pokok Sena, adakah dua kriteria yang diperlukan untuk mengactivate SOSMA tersebut iaitu sama ada terdapat *violence*, dan sama ada aktiviti-aktiviti itu tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan. Ini dua elemen yang perlu dibuktikan. Adakah itu pernah berlaku dalam mana-mana perhimpunan BERSIH dari BERSIH 1 sehingga sekarang, untuk menjustifikasi-*to justify the used of SOSMA and any other preventive detention legislation on such activities or it is simply, dengan izin, a blatant abused of process by the ruling party or to silence dissent on the policies and unclean election?* Itu saya minta pandangan Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Memang sejak BERSIH 1 sampai BERSIH 5 saya hadir. Saya tidak pernah kata tidak hadir dalam Perhimpunan BERSIH ini. Tidak adapun unsur-unsur *violence*, unsur-unsur keganasan yang dibawa oleh mana-mana pimpinan BERSIH hatta Maria yang mengambil alih sebagai Pengurus BERSIH ini untuk mengetuai dan mengepalai BERSIH, tidak pernah dalam apa-apa ucapan, apa-apa ungkapan yang pernah mengeluarkan arahan untuk bertindak secara yang ganas, yang bertentangan dengan semangat demokrasi seperti mana yang telah kita dukung selama ini.

Saya fikir bahawa ini telah menjadikan akta ini ‘akta lidah bercabang’. Jaminan yang diberikan oleh pemimpin negara ialah menunjukkan jaminan daripada lidah bercabang. Jaminan dalam Parlimen mengatakan tidak akan disalah guna tetapi tindakan yang di luar menunjukkan satu perbuatan salah guna kuasa yang keterlaluan bagi saya. Sedangkan Mahkamah Tinggi dalam kes ‘*Datuk Khairuddin Abu Hassan and Matthias Chang*’ juga telah pun mengeluarkan satu keputusan,

memutuskan bahawa kesalahan yang dinyatakan oleh polis itu kesalahan yang tidak menepati, memenuhi kehendak SOSMA.

**■1250**

Akhirnya diarahkan supaya mereka dibebaskan. Jadi menunjukkan bagi saya polis sendiri telah mengingkari keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Jadi sebab itu saya minta pihak kerajaan, pihak Menteri memperjelaskan apa rasionalnya mereka nak tahan Maria itu di bawah SOSMA. Saya fikir bahawa ini satu tindakan yang keterlaluan dan saya menuntut supaya Maria mestilah dibebaskan seberapa segera. [Tepuk]

**Tuan Pengerusi:** Sila. Sila Yang Berhormat Lumut.

**12.50 tgh.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:**  
Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.62 Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia dan Butiran 020200 – Logistik.

Dalam butiran ini saya ingin merujuk kepada laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berhubung kelulusan perolehan perabot bagi cadangan pembinaan semula Kem Batalion 5 Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor. Apa yang ingin saya persoalkan berhubung perolehan perabot bernilai RM800,000 yang diperuntukkan kepada Kem Batalion 5 dan dikendalikan oleh PGA Briged Tengah.

PGA Briged Tengah merupakan pusat tanggungjawab. Pusat tanggungjawab diberi *authority* untuk membuat perolehan. Setiap perolehan, setiap LPO ataupun pesanan perolehan kerajaan bernilai RM20,000 sahaja. Dalam hal ini, bagaimana PGA Briged Tengah ini boleh mengendalikan perolehan perabot ini bernilai RM800,000. Jika saya teliti daripada laporan ini, ada menunjukkan bahawa berlaku pemalsuan dan penipuan terhadap dokumen pembayaran yang telah berlaku dalam pengurusan perolehan perabot ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian. Apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan dan adakah pusat tanggungjawab ataupun Briged Komander Tengah Polis, PGA ini telah diambil tindakan oleh kerana melanggar peraturan-peraturan perolehan kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Saya harap tindakan-tindakan yang diambil boleh memberi teladan ataupun pengajaran kepada pasukan supaya tidak berurus dengan pembekal dengan cara yang tidak dibenarkan oleh kerajaan.

Dengan itu, saya mengharapkan penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**12.53 tgh.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak fokus Butiran 060000. Ini berkenaan dengan isu kanak-kanak yang walaupun dilahirkan di Malaysia adalah tanpa kewarganegaraan ataupun *stateless*.

Saya ada seorang daripada kawasan saya, Kalidas Anak Malik yang ada pemegang kad pengenalan biru. Dia telah berkahwin dengan seorang Maderi yang tiada pendaftaran walaupun lahir di Malaysia. Ibu Maderi pun tiada dokumen, so Maderi tidak ada dokumen. So Kalidas dan Maderi ada lima orang anak, mereka semua mempunyai sijil kelahiran, lahir di hospital tetapi dicatatkan dalam sijil kelahiran mereka bahawa mereka ini bukan warganegara.

Bila saya bawa mereka ke Jabatan Pendaftaran, walaupun dikatakan di bawah 15(2) bahawa jika di bawah umur 21 tahun dan jika seorang daripada ibu bapa mereka adalah warganegara, mereka tidak diberi kerana mereka menerima kewarganegaraan bapa sebagai asas untuk pemberian kewarganegaraan. Berasaskan ini di atas Jadual 2 Bahagian 3 Nombor 17 yang mengatakan perhubungan seorang anak yang tidak sah taraf, kena ikut ibu dan bukan ikut bapa.

So Kalidas ini, saya telah bawa dia dan anak-anaknya untuk buat ujian DNA. Akan tetapi walaupun kita bagi bukti DNA dan buktikan Kalidas ini adalah bapa kandung kepada lima orang anak ini, Jabatan Pendaftaran tidak mahu terima dan dia klasifikasikan kes ini di bawah 15(a). Kalidas ini bukan seorang yang kaya, dia pekerja kontrak. Bila lima orang anak dia tidak ada kewarganegaraan, ini satu beban *finance* yang amat berat untuk dia. Bila pergi ke hospital pun, mereka kena bayar lebih. Jadi ini akan menjaskan masa depan anak-anaknya. Mereka daripada satu lapisan yang miskin dan status mereka sebagai *stateless* ini akan lebih menjaskan mereka. So *cycle of poverty is going to continue*.

Saya mahu tanya, kenapa Menteri tidak boleh pakai kuasa *discretionary* untuk *fast track* dan luluskan permohonan-permohonan macam ini yang mana kanak-kanak itu memang telah dilahirkan di Malaysia, memang seorang daripada ibu bapa mereka adalah warganegara tetapi mereka tidak dapat daftar perkahwinan mereka kerana ibunya tidak ada dokumen. Saya ada pada setakat, 17 buah kes kanak-kanak dalam kategori macam ini. Macam Kalidas ada lima orang di situ, ada dua kategorilah, satu di mana ibu mereka pun dilahirkan di Malaysia tetapi tidak ada dokumen. Ada satu lagi kategori di mana ibu mereka adalah daripada luar negara.

Saya ada seorang bernama Foo Mau Yiong yang telah berkahwin dengan seorang Filipina. Mereka ada lima orang anak. Mereka hanya daftarkan perkahwinan mereka selepas anak kedua dilahirkan. So tiga anak yang bongsu itu telah dapat kewarganegaraan, telah dapat IC biru, tidak ada masalah. Akan tetapi dua orang anak yang sulung itu, yang dilahirkan sebelum perkahwinan sampai sekarang tidak dapat IC walaupun ada sijil kelahiran tetapi bila mereka pergi ke Jabatan Pendaftaran, mereka telah *apply* di bawah 15(a), tiga kali sudah, masih tidak dapat. So kes-kes macam ini, macam untuk Encik Foo Mau Yiong ini anak sulung dia 21 tahun, dia tidak dapat habiskan pelajarannya, dia tidak dapat pergi ke sekolah menengah. Dia ada kesusahan untuk dapat kerja kerana dia tidak ada IC. Jadi ini semua *actually* menjelaskan pelajarannya, kerjanya.

Kita tahu, macam saya ada kes Encik Naveen, ini Naveen Moorthy, ada satu lagi kes yang saya baca dalam *paper*. Dia ini lebih kurang sama. Bapanya orang Malaysia, ibunya Filipina, *apply* tiga kali tidak dapat. Mereka pergi jumpa *lawyer*, fail kes *judicial review* di *high court* dan dia telah dapat kerana *high court* mengatakan kena beri. So dia keluarkan *mandamus* itu pun dirayu oleh Jabatan Pendaftaran tetapi dia kalah di Mahkamah Rayuan, dia telah dapat.

Akan tetapi saya harap Menteri tidak akan paksa semua 17 orang ini untuk pergi cari *lawyer* memfailkan kes. Ini ambil masa, ini ambil kos dan saya ingat tidak perlu. Jadi saya ingin rayu kepada Menteri, campur tangan dalam kes-kes sebegini. Jika ada bukti dia lahir di Malaysia, jika ada bukti bapanya rakyat Malaysia, boleh pakai kuasa Menteri untuk luluskan. Tidak perlu kita tarik dia sampai ke mahkamah, *fight the whole case* kerana mereka ramai. Ramai di antara mereka ini daripada B40. Dia akan kekalkan di B40 ataupun di B20 jika mereka dipinggirkan lagi oleh statusnya begini.

Isu kedua yang saya ingin bawa ialah 010200 – Dasar dan Operasi. Saya mahu fokus pendekatan terhadap pemohon suaka, *a silent seeker*. Kita tahu pada masa ini di kawasan Rakhine di Burma ada banyak masalah antara Rohingya dengan orang lain di situ, ada ketegangan, ada perlawanan, ada ramai orang dibunuhi. Saya rasa hanya tunggu masa kita akan dapat lagi satu gelombang pemohon suaka di Malaysia. Akan tetapi di Malaysia, masalah yang kita masih ada dalam Kementerian Dalam Negeri ialah kita tidak ada kategori untuk pemohon suaka.

Kita kumpulkan mereka sama dengan pendatang asing tanpa izin. Kita tidak ada kategori untuk orang pelarian, *refugees*. Kita samakan mereka dengan pendatang asing tanpa izin. Memang orang macam di Rohingya di Rakhine itu jika mereka lari, mereka tidak ada masa untuk pergi cari dapatkan dokumen. Mereka lari untuk selamatkan nyawa-nyawa mereka. So bila tidak ada kategori ini, mereka terpaksa cuba masuk

Malaysia secara yang tidak sah. Mereka kena— macam dikatakan oleh Jabatan Imigresen, dia kata dia pakai jalan-jalan tikus untuk masuk.

Bila mereka pakai jalan tikus, ada risiko besar. Mereka akan jadi mangsa untuk *traffickers*, untuk orang yang seludup manusia kerana mereka terpaksa buat macam itu. Jadi dari segi kemanusiaan, *humanitarian*, saya ingat kita kena kaji balik adakah perlu kita sekarang wujudkan kategori pemohon suaka, wujudkan kategori orang pelarian supaya orang macam ini tidak perlu pakai *underground methods* untuk masuk Malaysia dan jadi mangsa untuk *trafficking*.

Bila mereka masuk ke Malaysia sebagai pemohon suaka, kita harus memberi mereka permit sementara untuk kerja. Jika mereka masuk ke Malaysia dan tidak boleh kerja secara yang legal, secara yang sah, mereka dibuli oleh *underground economy*. So saya rasa kita harus kaji isu ini. Rohingya amat dianaya di negara mereka. Bila mereka ke sini pun, mereka menghadapi masalah. Jadi saya harap kita boleh kaji masalah ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang ini dan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

■1430

**2.32 ptg.**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Majlis dalam Jawatankuasa. Ya pembahas baru. Yang Berhormat Sungai Siput sudah habis tadi kan? Baiklah Yang Berhormat, kita seperti lazimnya kita akan hentikan perbahasan untuk kementerian pertama ini sebelum jam 4 nanti. Yang Berhormat Gerik.

**2.33 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan dalam Kementerian Dalam Negeri, Butiran 010300 - Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) ataupun nama baru Agensi Kawalan Sempadan Malaysia.

Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan satu unit baru iaitu Agensi Kawalan Sempadan Malaysia.

Persoalan yang hendak dibangkitkan, hampir satu tahun unit ini telah ditubuhkan, satu unit yang amat penting untuk kawasan sempadan-sempadan antarabangsa. Salah satu contoh di tempat saya di Pengkalan Hulu. Saya hendak tanyakan ialah sejauh mana kementerian telah bersedia membentuk satu rang undang-undang untuk AKSEM ini sehingga hari ini cuma kita dengar sebutan AKSEM.

Akan tetapi tidak ada satu rang undang-undang yang menunjukkan hala tuju AKSEM ini, apa perkara yang patut dia buat. Apa yang saya nampak di Pengkalan Hulu, AKSEM diletakkan di depan daripada CIQ. Maknanya lebih kurang dua kilometer, ia cuma memantau untuk kereta keluar masuk ke sempadan.

Oleh sebab itu, bagaimana pihak kementerian hendak menjadikan AKSEM ini satu badan yang boleh bersama dengan kastam, boleh bersama dengan imigresen, boleh bersama dengan polis, boleh bersama dengan lain-lain penguatkuasaan. Ini kerana kita tahu di sempadan, apa pun masalah yang paling besar hari ini seperti yang selalu saya sebutkan memandangkan barang kawalan harganya lebih rendah, maka banyaklah penyeludupan akan berlaku di peringkat sempadan-sempadan antara Malaysia dan Thailand contohnya ataupun di Selat Melaka dengan Indonesia. Kalau di selatan antara Johor dengan Singapura. Di sinilah yang kita hendak kan satu strategi NBOS, satu tindakan bersama bagaimana pihak Kementerian Dalam Negeri menjadikan unit tersebut benar-benar berkesan dan memberi faedah kepada rakyat dan masyarakat.

Begitu juga barang dari luar negara terutamanya rokok-rokok seludup yang masuk ke dalam negara yang harganya jauh lebih rendah. Saya berpandangan, patutnya Kementerian Kewangan jangan menaikkan harga rokok. Biarkan harga itu sama dalam pasaran yang membolehkan perokok-perokok tidak membeli dengan harga yang lebih tinggi. Ini macam-macam kerajaan beritahu. Kalau harga rokok tinggi, konon-konon orang akan kurang merokok. Soal perokok tetap akan berlaku. Orang hisap cerut, hisap paip akan terus berlaku termasuk Tuan Pengerusi pun hisap cerut juga kan [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan libatkan saya Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Jadi kita harap harganya biarlah berpatutan dengan masyarakat yang ada. Terus saya menyambung soal...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Parit bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini Yang Berhormat Gerik, dengan adanya AKSEM tadi, bolehkah agaknya dapat mengurangkan atau menghapuskan sama sekali tentang masalah kecurian kereta yang dibawa ke utara Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Ini antara yang sedang berlaku pada hari ini. Kalau AKSEM ditentukan tugas dengan sebenar-benarnya, yalah kereta bawa depan mata, ia akan kata kereta dia. Masuk ke Betong, ia *adjust* ikut lain untuk dijual di sana.

Maka di sinilah yang saya hendak tanya kepada Kementerian Dalam Negeri seperti mana Yang Berhormat Parit bertanya pada saya, hala tuju AKSEM ini macam mana? Anggotanya berapa? Kalau di Pengkalan Hulu baru ada 32 orang. Duduk pula jauh daripada *border*. Apa benda mereka boleh buat? Ini yang kita minta, buatkan satu rang undang-undang yang memberi penjelasan hala tuju kepada AKSEM, boleh duduk bersama di CIQ ataupun di Pusat Pemeriksaan Kastam dengan Imigresen, semua benda yang ada di kawasan sana dan kita hendak hala tuju ini jelas sebab AKSEM ini pun sebahagian daripada anggota pasukan polis.

Saya percaya, kalau hendak ditambahkan pasukan anggota ini tidak ada masalah. Boleh tarik daripada PGA Pengkalan Hulu kan? Inilah saya harapkan supaya selepas Yang Berhormat Menteri bercakap dalam setahun, kita masih macam terab- raba mencari hala tuju, apakah AKSEM patut bertugas untuk negara?

Dalam pada itu, saya juga ingin bercakap soal Butiran 020500 - Pencegahan Dadah.

Walau hampir lebih daripada 40, 50 tahun kita bercakap soal dadah tetapi kita hanya bercakap cerita langkah-langkah pencegahan dadah. Akan tetapi apa berlaku kepada generasi muda kita yang semakin hari semakin kita bimbang. Mereka yang belajar ke peringkat yang lebih tinggi, yang konon-konon kita hendak mereka dapat kecemerlangan dalam pendidikan, pusat pengajian tinggi sudah mula terlibat dengan dadah.

Di kampung-kampung, kita amat bimbang generasi muda terlibat dengan dadah. Walaupun undang-undang, hukuman yang keras dikenakan, pengedar mungkin dikenakan hukuman mati tetapi berterusan. Pasukan penguat kuasa tangkap sana, tangkap sini tetapi penyalahgunaan dadah, bahan dadah tetap beredar dalam pasaran dalam kuantiti yang banyak. Kita takut sekarang ini *mari* dadah bentuk baru yang

sintetik, di mana bila penagih-penagih ini menagih dadah yang baru, boleh menyebabkan putus wayar di kepala mereka.

■1440

Dalam kategori yang paling mudah, mereka mungkin boleh menjadi seorang manusia yang gila. Sanggup bunuh ibu bapa, sanggup bunuh abang, sanggup bunuh adik. Akan tetapi, apa tindakan kita? Hari-hari dalam berita keluar. Walaupun kesnya tidak banyak tapi amat membimbangkan. Anak-anak sudah mula membunuh ibu bapa semata-mata mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Jadi saya amat berharap sesuatu yang lebih berkesan dapat dibuat. Mungkin kita boleh buat macam Filipina ataupun Indonesia tentang dadah ini supaya boleh sekurang-kurangnya dihapuskan dalam pasaran kerana generasi muda yang terlibat dengan dadah, dia akan memberi kesan tidak baik kepada pembangunan negara, tidak kiralah bangsa Melayu kah, Cina kah, India kah atau lain-lain yang berada dalam negara kita. Maka, kita rasa cukup bimbang.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Gerik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya minta mencelah ini?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sila.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkennaan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Gerik, saya faham bahawa masalah dadah ataupun penyalahgunaan dadah itu perlu kita menanganinya. Itu satu masalah yang saya ingat dari sebelah sini dan sebelah sana, kita bersetuju dengannya.

Akan tetapi Yang Berhormat Gerik telah pun menyatakan tadi mungkin kita sepatutnya mencontohi negara-negara seperti Filipina. Now, adakah Yang Berhormat Gerik tahu apa yang berlaku di Filipina? Di Filipina, ada *extra judicial killings*, dengan izin, yang berlaku *in the name of drug prevention*. Now, itu satu perkara yang amat serius oleh sebab itu dengan keseluruhannya mengabaikan *the rule of law*.

Now, adakah Yang Berhormat Gerik secara serius mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita sepatutnya mengambil ataupun mencontohi langkah-langkah yang diambil oleh Presiden Duterte di Filipina yang langsung tidak menghiraukan *the rules of law* ataupun bolehkah kita sebagai Ahli-ahli Parlimen di

Dewan yang mulia ini memberi cadangan-cadangan yang lebih bermakna yang mengikut *the rules of law* untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Antara yang kita rasakan patut diadakan satu undang-undang bagaimana dadah ini tidak menjadi-jadi walaupun 40 tahun yang kita buat. Kalau sudah terpaksa, kemanusiaan- yang pentingnya dadah boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda masa akan datang.

Memandangkan masa pun sudah mencukupi, saya dengan ini menyokong dalam jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

#### **2.43 ptg.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan tentang Kementerian Dalam Negeri Butiran 010000; dan Butiran 020000.

Dalam menjalankan tugas kami sebagai wakil rakyat di Parlimen, kami dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan isu semasa termasuklah isu persempadanan semula kawasan pilihan raya yang baru-baru ini telah dipublisitikan. Dengan cadangan persempadanan ini, ramai rakyat khususnya Pantai Timur tidak memahami hak mereka dalam proses bantahan cadangan persempadanan ini. Jadi, itu merupakan tanggungjawab kita untuk memberi penjelasan.

Pada baru-baru ini, saya dan juga rakan-rakan Ahli Parlimen dan Ahli DUN telah membuat sesi penjelasan umum supaya rakyat faham proses demokrasi ini dan hak mereka membuat bantahan untuk mendapat keadilan dalam pilihan raya akan datang.

Tuan Pengerusi, di kawasan kami ada juga mereka yang bertanya, bolehkah kita membantah? Malahan, ada mereka yang menganggap buat bantahan ini satu kesalahan. Ini merupakan isu-isu asas yang perlu kita beri penjelasan.

Secara kebetulan pula, musim BERSIH 5 telah sampai pada 19 November. Bagaimanapun, kebanyakan kami atau hampir semua MP termasuk saya telah dipanggil oleh pihak polis untuk disoal kenapa dan apa yang kami ucapkan kepada rakyat dalam sesi-sesi mini ceramah tersebut.

Apakah ini satu proses untuk menghalang atau menakutkan Wakil Rakyat menyampaikan maklumat terkini yang betul kepada rakyat supaya mereka tahu hak mereka? Bukanakah ini tanggungjawab kami?

Bagi saya, pada setiap sesi Parlimen, saya pergi ke pasar-pasar malam dan minggu bila pulang pada hujung minggu untuk memberi penjelasan isu semasa, tidak kira lah sesi ini atau sesi-sesi yang lepas. Ini bukan perkara yang luar biasa. Sebelum ini kita tidak ada masalah dengan pihak Polis Diraja Malaysia. Malahan, kerjasama amat baik.

Jadi, Tuan Pengerusi, tidak ada bezanya kali ini untuk saya memberi penjelasan isu semasa Parlimen untuk disoal. Kenapakah kali ini MP-MP disoal siasat begitu terperinci sekali? Ini seolah-olah sekatan telah datang daripada pihak teratas, bukan dari negeri. Sebelum pada ini, saya ingin menyatakan sekali lagi, kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia amatlah baik.

Soalannya, kenapa menjelang adanya BERSIH 5, pihak atasan begitu paranoid dengan tekanan ke atas kami dan juga pihak polis negeri-negeri untuk bertindak atas kami yang mahu menjalankan tugas kita seperti biasa? Bukankah menjelang negara maju 2020, kematangan demokrasi Malaysia patut dimartabatkan lagi dengan kebebasan? Apalagi untuk wakil-wakil rakyat Malaysia memberikan penjelasan. Pihak Polis Diraja Malaysia sepatutnya memastikan kesuburan demokrasi akan terus berkembang, bukan untuk membantutkannya.

Saya tidak menyalahkan pihak Polis Diraja Malaysia kerana sebelum ini mereka tidak mengganggu aktiviti-aktiviti ceramah kami. Walaupun pihak berkuasa tempatan cuba menggagalkan ceramah-ceramah kami yang lepas, saya memuji pihak polis kerana mereka sentiasa memberi kerjasama yang baik malahan ada kalanya pihak Polis Diraja Malaysia menyoal kenapa pihak-pihak ini cuba mengganggu atau menggagalkan ceramah-ceramah kami. Akan tetapi, inilah yang menimbulkan situasi intimidasi yang tidak pernah berlaku sebelum daripada ini yang meyakinkan bahawa ini arahan daripada tangan-tangan yang ghaib di peringkat Pusat.

Tuan Pengerusi, sepatutnya peranan Polis Diraja Malaysia...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong,  
Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, baik.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu kerana terdapat kecenderungan di kalangan pasukan polis di mana banyak kes walaupun tiada aduan diterima daripada orang awam, tiada *report* polis dibuat tetapi ada kecenderungan pihak polis sendiri yang membuat *report* polis sehingga saya rasa ini satu pembaziran masa dan sumber tenaga polis kerana lebih banyak masa diperlukan untuk menjalankan

siasatan yang mungkin kadangkala tidak berasas. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Terengganu?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, terima kasih. Saya setuju dengan pandangan tersebut kerana ada banyak kalanya memang tidak ada asas untuk mereka menjalankan siasatan kerana tidak ada aduan daripada orang tempatan. Akan tetapi apa yang saya maksudkan tadi adalah ini arahan dari Pusat iaitu Kuala Lumpur, bukan dari negeri atau daerah-daerah.

Sepatutnya PDRM membenarkan atau *facilitate*, dengan izin, Ahli-ahli Parlimen untuk menjalankan tugas kita. Kematangan demokrasi sepatutnya didukung oleh pihak PDRM yang sebelum ini telah memberi kerjasama yang begitu baik.

Tuan Pengerusi, saya harap apa yang berlaku kebelakangan ini akan dihentikan secepat mungkin kerana saya rasa pihak rakyat amat resah akan perkembangan terakhir dan mereka yang selama ini memberi kerjasama dan menghormati pihak PDRM telah mula merasa resah dan juga hairan kenapa perubahan sikap dalam waktu terdekat. Kalau kita tengok masa perjalanan Bersih 5 pada hari Sabtu baru-baru ini pun, pihak Polis Diraja Malaysia menjalankan tugas mereka dengan baik sekali.

Saya rasa kalau tidak ada gangguan luar atau atasan kepada pihak polis, saya rasa masing-masing saling menghormati antara satu sama lain dan kita tidak akan menghadapi masalah yang telah ditunjukkan baru-baru ini.

Saya hendak beralih kepada isu tentang pendatang tanpa izin yang banyak mencerobohi kawasan Pantai Timur khususnya di kawasan Terengganu.

#### ■1450

Saya rasa kerana masalah pihak-pihak berkuasa di laut tidak dapat koordinasi kerja mereka dengan baik, saya rasa terpaksa pihak Polis Diraja Malaysia mengambil alih tanggungjawab yang lebih berat untuk memantau kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin atau pendatang haram ke Pantai Timur. Khususnya nelayan-nelayan dari Vietnam dan juga dari Thailand kerana perkara ini sudah banyak kali kita bawa ke Dewan ini tetapi tidak ada *improvement*, dengan izin, situasi di kawasan-kawasan yang terlibat.

Saya rasa inilah yang perlu diberi satu perhatian yang begitu fokus supaya masalah ini dapat dikurangkan atau dibanteras dengan secepat mungkin kerana sudah banyak aduan yang kita terima dan bukan hanya pihak komuniti nelayan yang membuat aduan tetapi rakyat biasa menghadapi masalah dan juga gangguan daripada pendatang-pendatang luar ini. Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak berkuasa atasan memberi ruang dan fokus untuk Polis Diraja Malaysia menumpukan kerja mereka terhadap unsur-unsur gangguan luar ini daripada memantau ahli-ahli politik dan

NGO yang hanya menjalankan tugas mereka untuk memberi penjelasan dan juga *enlightenment* kepada rakyat. Itulah yang sepatutnya menjadi tumpuan dan bukan untuk menekan kami yang membela rakyat tetapi untuk menjaga rakyat yang sentiasa didedahkan kepada unsur-unsur luar tanpa kawalan walaupun begitu banyak kali kita buat aduan baik di peringkat negeri dan juga di pihak Parlimen.

Peruntukan yang kita lihat dalam bajet adalah lebih daripada mencukupi tetapi tidak ada *political will* untuk pihak berkuasa, untuk betul-betul mengatasi masalah ini. Saya rasa itulah apa yang patut diberi tumpuan dan selagi lagi saya harapkan kita suburkanlah demokrasi negara kita ini dengan memberi kebebasan yang sebaik mungkin kepada mereka yang mengikut peraturan. Kami tidak ada masalah dengan pihak Polis Diraja Malaysia apabila kita membuat ceramah dengan notis yang cukup dan peraturan yang kita patuhi. Akan tetapi apabila datang arahan daripada tangan-tangan ghaib dari atas, dari Kuala Lumpur, itulah yang menimbulkan situasi baru yang sangat menyusahkan kita dan mengelirukan rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

## **2.52 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri.

Pertama, saya ingin pergi kepada Butiran 020400 – Risikan Keselamatan. Anggaran perbelanjaan yang berjumlah lebih kurang RM400 juta lebih. Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kerana dapat melaksanakan tugas dengan baik sama ada daripada segi apa aspek yang telah dijalankan dan kita mempunyai pasukan keselamatan yang cukup baik di dalam negara kita ini. Oleh sebab itu daripada segi risikan-risikan yang dilaksanakan sama ada oleh pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun anggota-anggota keselamatan kita dapat berjalan dengan baik.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan suasana dalam era ancaman anasir-anasir dalam dunia ini dan juga di dalam negara kita, kita pernah mendengar ledakan bom yang berlaku di Puchong tidak silap saya. Di Puchong, ledakan bom dan kita percaya kalau kita tidak dapat mencegah ia dengan baik, maka ia akan boleh berlaku di dalam kawasan-kawasan lain.

Di sini saya ingin membangkitkan soal ini kerana kita dapati penyebaran Daish ataupun IS makin berleluasa. Maka dalam keadaan seperti ini kita harus menjaga keselamatan semua termasuklah sama ada daripada Perdana Menteri, Timbalan

Perdana Menteri, Menteri, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negeri, Dewan Negara dan sebagainya. Kita harus menjaga keselamatan.

Apa yang ingin saya bangkitkan dalam hal ini iaitu daripada segi sistem keselamatan. Saya melihat daripada segi sistem keselamatan di Parlimen ini sendiri. Bermula daripada Parlimen. Saya bayangkan bagaimana kalau hari perasmian. Perasmian itu sendiri, waktu semua Ahli-ahli Yang Berhormat berada dalam Dewan dan beradanya Agong yang merasmikan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita berada di dalam Dewan, maka berlaku satu serangan yang mungkin boleh menggegarkan satu dunia apabila Dewan ini sendiri pun telah diletupkan oleh pihak-pihak tertentu. Maka daripada segi ini, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Dalam Negeri memastikan keselamatan yang lebih ketat di peringkat Parlimen ini sendiri.

Saya melihat waktu pagi-pagi saya datang ke Parlimen ini, banyak kereta yang kita tidak pasti apakah tujuan ke Parlimen ini dan kita melihat di sekeliling Parlimen ini juga terlalu ramai orang yang kita tidak kenal pasti. Maka dalam soal ini, tidak kira sama ada kontraktor atau bukan kontraktor, kita hendak mengutamakan keselamatan. Kalau daripada segi soal ini, saya percaya tidak kira sebelah sana atau sebelah sini akan terlibat. Kalau ledakan yang jatuh hari ini, kalau kebetulan Yang Berhormat Lipis tidak ada, Yang Berhormat Lipis bernasib baiklah. Kalau Yang Berhormat Lipis tidak ada dalam Dewan. Kalau berada, kurang bernasib baiklah.

Maknanya kita melihat kadang-kadang persekitaran ini kita lihat berkeliaran orang-orang yang tidak kita kenali sama ada pakai sut, memakai seluar jeans, memakai *T-shirt* dan sebagainya. Ini menyebabkan kadang-kadang kita merasakan yang ini juga boleh berlaku dalam hal ini sekiranya kita tidak membuat pemerhatian daripada segi hal ini. Bermula daripada pintu masuk, hendaklah diketatkan. Maknanya kita tidak kira sama ada seorang Ahli Yang Berhormat pun yang melaluinya mestilah ada pemeriksaan. Mungkin boleh beri kad-kad tertentu kepada Ahli Yang Berhormat. Mungkin kad ini boleh disentuh dan pintu akan dibuka. Bererti mereka seorang Yang Berhormat ataupun pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen ini.

Ini kerana saya melihat keadaan, suasana cukup tidak selesa ada ketikanya kita bimbang akan berlaku perkara-perkara seperti ini, juga berlaku di kementerian-kementerian. Saya melihat ada kementerian yang kita berkunjung tidak payah ada pemeriksaan. Kita terus boleh naik berjumpa dengan Menteri. Kita boleh terus berjumpa. Dia tidak mengenali kita. Pengawal keselamatan tidak mengenali kita. Cuma kita beritahu hendak jumpa Menteri sekian, sekian, sekian. Maka pengawal keselamatan

terus benarkan kita naik. Bayangkan sekiranya mereka itu golongan yang saya katakan daripada IS ataupun Daish ini sendiri yang akan meledakkan di Putrajaya itu sendiri.

Oleh sebab itu sistem keselamatan ini harus diperketat. Begitu juga dengan di *airport*. Kalau kita melihat di US sendiri, tidak menjadi kesukaran untuk membuat pemeriksaan. Letak sahaja di dalam cermin. Cermin berpusing dan didapati kita ini telah *discan* dengan baik. Sama ada ia mempunyai bahan-bahan senjata yang mungkin boleh memudaratkan negara itu sendiri. Satu lagi perkara, sebab apa PATI juga boleh ramai di negara kita? Kadang-kadang mereka duduk sini agak selesa. Dengan kemakmuran negara kita, dengan kenikmatan ekonomi yang baik tetapi mereka boleh pulang tanpa permit melalui imigresen. Contohnya Bangladesh. Mereka boleh pulang sedangkan mereka tidak ada permit. Bagaimakah laluan di peringkat imigresen itu?

Mereka ini boleh pulang. Ini kerana perkara ini saya bertanya sendiri dengan seorang Bangladesh yang kita selalu sebut Bangla. Saya tanya, “*Awak duduk sini lama tidak ada permit. Macam mana awak mahu pulang nanti?*” Sebab dia tidak mengenali kita. “*Itu tidak ada masalah bos. Kita lalu tepi saja, itu imigresen sudah kasi, benar kita lalu*”. Dia beritahu macam itu. Maknanya PATI ini dapat *green lane*. Kita tidak dapat sebagai Ahli Yang Berhormat tetapi mereka dapat melalui tanpa pemeriksaan. Hebat mereka ini.

Maka saya percaya perkara ini mesti harus ditekankan sebab saya hendak kaitkan sekiranya bagaimana pengganas-pengganas ini sendiri. Bukan dipersoalkan tentang dia itu sebab dia hendak pulang tetapi bagaimana pengganas yang boleh melakukan juga sedemikian rupa. Maknanya sistem keselamatan kita ini harus diperketat dalam keadaan dunia yang kita sering sebut, kita sering bincang di peringkat PBB dan umpamanya tetapi kita masih dalam keadaan suasana yang kita boleh melepassi dalam hal ini. Maka saya berharap supaya perkara-perkara ini harus dilihat secara teliti.

Tuan Pengurus, saya ingin beralih kepada Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah yang berjumlah kira-kira RM600 juta lebih.

Kita sering menyebut kaitan dengan soal perjudian umpamanya. Semua orang tidak suka berjudi tetapi dalam soal ini, kalau di kawasan saya Parlimen Lipis yang agak kepadatan penduduknya yang agak kurang, dalam suasana yang malamnya tenang sebagaimana Yang Berhormat Rompin pernah ucapkan pukul lapan haruslah mereka pulang ke rumah, tutup segala aktiviti, sebab itu saya bersetuju. Saya tidak jadi masalah sebab di Lipis agak tenang.

**■1500**

Saya hendak beritahu, dalam keadaan ketenangan itu, terdapat juga pusat-pusat perjudian *slot machines* ini. Bagaimanakah boleh berlaku sedangkan kita kenal-mengenali antara satu sama lain? Saya mendapat tahu daripada rakan-rakan saya, yang berkunjung ini anak-anak muda. Kita menyebut dalam segi soal ekonomi, bagaimana hendak mempertingkatkan ekonomi masa kini tetapi sedangkan mereka mendapat ekonomi yang sedikit, mungkin hasil daripada kerja-kerja tertentu, mungkin pergi kerja pembinaan, menoreh getah dan sebagainya tetapi malamnya, mereka akan pergi pula berjudi di pusat siber ini. Ini seharusnya kita memberi perhatian.

Dalam kawasan saya, saya dimaklumkan mempunyai banyak. Saya agak terkejut juga bila saya hendak pergi kepada rang undang-undang ini, saya melihat, saya bertanya tentang perkara ini di tempat saya sendiri berlaku. Ini di kawasan kecil. Saya percaya di kawasan-kawasan besar mesti berlaku perkara seperti ini.

Oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin katakan, Yang Berhormat Rompin ada dalam Dewan yang mengatakan biarlah kita tenang, tutup waktu malam. Jangan berhibur, tutup karaoke, tutup sebagainya supaya kita- Yang Berhormat Seputeh mesti ada perniagaan ini, perniagaan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya rasa di Lipis memang tidak ada *shopping mall*, tidak ada panggung wayang, apa pun tidak ada. Itu sebab yang wakil rakyat ini cakap macam ini. Dia cemburu tentang apa yang kita yang orang bandar ada sekarang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Seputeh kata. Kita memang tidak ada *shopping mall*. Kita tidak ada seperti KLCC, kita tidak ada seperti SOGO, kita tidak ada KLCC, kita tidak ada pusat hiburan, kita tidak ada tempat *massage*, cuma ada sekarang *slot machines* sahaja. Saya tidak hendak supaya mereka ini akan berkunjung ke Kuala Lumpur, ke Seputeh...

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh kata Yang Berhormat cemburu.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya tidak cemburu. Saya menggalakkan supaya kita hidup dalam keadaan aman dan damai. Kita hendak supaya rakyat Malaysia sentiasa sihat, sentiasa makmur. Maka, kita boleh membuat kerja, tidak payah kita buat lain-lain kerja. Kita tidak hendak, kita hendak supaya perkara itu baik.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan..

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya ada 23 saat lagi. Saya hendak buat juga sedikit permohonan kepada ini di bawah Butiran 11000 kerana Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis ini agak terlalu lama, tahun 70-an, sudah agak uzur. Ramai rakan saya kata seolah-olah seperti Balai Polis Bukit Kepong. Maka masukkanlah bajet untuk pembinaan baru.

Jadi, benda sudah merah, minta maaf kepada Yang Berhormat Kinabatangan sebab saya tidak bagi laluan tadi kerana saya hendak sebutkan permohonan saya. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

### 3.03 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Seputeh kata "Wah!" fasal saya bagi dengan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sebab dia pakai kuning, dia pakai kuning. Dia BERSIH punya orang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya tunggu sini pagilah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Alamat! Macam ini boleh bagi peluang kepada dia? Saya, *maybe the next Speaker.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah panggil sudah, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan perkara yang sering berlaku di negara ini yang mana ramai yang layak dan telah dilahirkan di negara ini masih belum mendapat sijil lahir atau kewarganegaraan mereka. Perkara ini berlarutan di mana yang betul-betul teruk sekali di negara ini adalah orang di kampung-kampung dan pedalaman, termasuk ramai di antara mereka masyarakat India. Saya difahamkan lebih kurang 300,000 orang yang tidak mempunyai kewarganegaraan kerana sekatan-sekatan yang tertentu yang dikenakan oleh kementerian.

Ini pada minggu dahulu, saya pun ada kes di mana seorang datang berjumpa dengan saya bernama Tan Hong yang dia dilahirkan di sini di negara ini tetapi beberapa masalah dia tidak ada IC biru, ada hanya merah. Akan tetapi Tuan Pengerusi, ini bukan perkara yang luar biasa. Saya, dilahirkan di negara ini, bapa dan emak saya pun

dilahirkan di negara ini. Saya untuk tiga tahun ada /C merah. Kalau saya boleh ada /C merah, saya tidak hairanlah, ramai di antara masyarakat orang ramai di negara ini ada masalah yang tertentu. Akan tetapi nasib baik pada masa itu, saya dapat usaha dan mendapat kewarganegaraan. Ini saya rasa satu perkara yang berlarutan.

Saya juga ingin bangkitkan satu perkara yang telah terjadi pada 5 Ogos, Tuan Pengerusi dengan izin. Pada 5/8/2015, Srijaya Devi A/P Ganesan telah melahirkan seorang bayi perempuan bernama Arela Scarlett Abraham di Hospital Tunku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan. Semasa anak berumur hanya tiga bulan, telah diserahkan kepada Rajeshwari A/P Bashkaran dan seorang lagi Lennon Abraham- Kad Pengenalan 810913-08-5323 yang beralamat di kawasan saya Tuan Pengerusi, No. 12 Jalan Ayeru, Taman Harmoni, 30100.

Pada 4 Februari 2016, ibu kepada anak tersebut telah membuat Surat Akuan Sumpah yang nyatakan bahawa beliau menyerahkan bayi tersebut kepada Rajeshwari A/P Bashkaran dan suaminya. Sejak itu, beliau tidak dapat menghubungi ibu kandung bagi anak itu, dan tidak tahu di mana ibu itu berada di masa sekarang. Pada 29 Ogos 2016, satu laporan polis dibuat oleh Rajeshwari A/P Bashkaran di IPD Putrajaya. Laporan Sungai Pelek 002030/16 mengesahkan ibu kandung kepada Arela Scarlett Abraham tidak dapat dikesan/dijumpai.

Selepas itu Rajeshwari A/P Bashkaran dan suaminya telah pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya, Bahagian Siasatan Khas untuk mendapatkan Sijil Kelahiran kepada anak yang bernama Arela Scarlett Abraham. Mereka berjumpa dengan Pegawai Siasatan Khas yang bernama Encik Saudi. Pada 27 September 2016, suami isteri ini telah mendapat hak penjagaan kanak-kanak bernama Arela Scarlett Abraham dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak.

Pada 23 November 2015 sampai sekarang, tidak ada sebarang jawapan daripada pihak pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya, Encik Saudi yang mengendalikan perkara tersebut. Mereka hanya memberi arahan untuk menunggu. Sehingga sekarang mereka menunggu sahaja tetapi tidak ada sebarang jawapan dan tindakan selanjutnya.

Apa lagi kerumitan yang dialami untuk mengeluarkan Sijil Kelahiran kepada Arela Scarlett Abraham sedangkan semua dokumen yang diperlukan Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya mengikut arahan sudah disiapkan dan diserahkan kepada pegawai, Encik Saudi mengikut apa yang diperlukan? Encik Saudi, Bahagian Siasatan Khas, bila Sijil Kelahiran ini dapat dikeluarkan bagi memudahkan suami isteri ini membuat rawatan di hospital, klinik kerajaan, membuat urusan di mana-mana jabatan kerajaan?

Tuan Pengerusi, ini bukan perkara yang luar biasa. Saya rasa ini adalah berlarutan di seluruh negara. Seperti yang saya kata, *if I can be granted the red IC when I was 12 years old, that many Malaysian in this country are like that.* Ini perkara yang kita perlu mengambil perhatian. Macam anak-anak ini hanya sekarang umur satu tahun, Tuan Pengerusi. *What is her future? What is going to happen to her?* Saya difahamkan ada ribu-ribu keadaan macam ini di mana kelambatan menjadi-jadi di jabatan tersebut. Saya rasa perlu ada satu proaktif, satu inisiatif yang baru untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu, apa terjadi kepada cadangan untuk mengadakan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* di mana *Royal Commission*, Tun Zahir telah mencadangkan ini tetapi sudah lebih kurang 10 tahun lebih. Ini kerana *custodial that* di mana ada banyak lagi berlarutan di mana kematian di lokap atau sebagainya disebabkan oleh kecuaian dan sebagainya. Apa yang menyebabkan atau kenapa pihak polis dengan persetujuan kementerian, enggan mengimplementasikan satu perkara yang normal, yang boleh diterima? Jika tidak ada apa-apa kesusahan dan tidak ada melindungi pihak-pihak yang terlibat, yang tidak ada tindakan diambil terhadap mereka. Saya rasa IPCMC satu perkara, satu mekanisme akan buat satu *check and balance* kepada *oversight* yang menjadi di lokap polis dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara yang lain mengenai penjara di Sungai Buloh. Saya difahamkan dua orang pegawai bernama Thanabalan dan Aizrul pada 2015 telah terlibat dalam pengambilan wang untuk orang-orang yang ditahan di sana, laporan telah dibuat, surat telah ditulis ke Penjara Sungai Buloh. Saya sendiri telah menulis surat untuk penyiasatan dan saya rasa ini perkara *the tip of the iceberg*. Ini perkara berlarutan, *this is happening everywhere* di semua penjara.

#### ■1510

Saya rasa tindakan yang tegas perlu diambil bagi nama tersebut. Pihak-pihak berkenaan telah melaporkan perkara ini sudah lebih satu tahun, tidak ada tindakan langsung diambil. *Are they above the law?* Kita tahu bahawa kerap kali di mana dadah diseludup ke penjara-penjara. Sebenarnya sebelum tahun 1999, ada satu undang-undang yang tertentu yang membenarkan Ahli Parlimen untuk melawat penjara-penjara itu telah diubah, kami tidak lagi ada hak. Ini adalah untuk macam penjara ada *unique facilities* di mana mereka boleh mengelak *the scrutiny of the public*.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bangkitkan perkara di mana tahun dahulu *amnesty* telah diberi kepada pekerja-pekerja dari luar negara yang datang duduk bekerja di sini tanpa *proper document*. Saya difahamkan sehingga bulan Jun, Julai

tahun dahulu, di mana beribu-ribu telah *register*. Apa terjadi kepada mereka, dan adakah betul ramai di antara mereka tidak dibenarkan didaftar sebagai pekerja sah? Apakah terjadi kepada mereka yang tidak dibenarkan di-*register* sebagai pekerja sah? Di mana mereka dihantar atau mereka diberi ruangan yang sedikit luar biasa supaya mereka dapat diserap dalam ekonomi Malaysia tersebut.

Akhir sekali perkara di mana- saya mulakan dengan sijil kelahiran dan kerakyatan dan sebagainya. Saya harap kepada bukti-bukti di mana mereka dilahirkan di negara ini, harap kerajaan mengiktiraf, memberi satu *asylum*, a *common asylum* kepada semua- semua *common amnesty* kepada semua orang ini. Supaya mereka juga boleh *enjoy*, seimbang dengan warganegara yang lain. Saya percaya ini perkara yang sangat mustahak kerana kalau kita tidak menggunakan, memberi *privileges* kepada mereka, ini menghalang mereka untuk mendapat *benefit* yang tertentu. Antaranya mereka tidak dapat bekerja, tidak mendapat EPF, SOCSO, tidak dapat pergi ke hospital biasa. Ini masalah-masalah yang tertentu. Saya harap tindakan, saya harap pandangan saya boleh diambil kira. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

### 3.12 ptg.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk beberapa perkara iaitu pertama sekali berhubung dengan PDRM. Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tie 'warna BERSIH' Yang Berhormat Seputeh kata.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tie 'berwana BERSIH' ini, cantik!...  
[Menujukan ucapan kepada YB Kinabatangan yang memakai tie warna kuning]

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bukan 'warna BERSIH' ini menunjukkan jiwa saya bersih.

Tuan Pengerusi di Kinabatangan ini terdapat dua buah daerah, satu Daerah Kinabatangan, satu Daerah Tongod. Balai polis di Kinabatangan ini sudah terlalu uzur, Ibu Pejabat, IPD. Saya memintalah kerajaan kepada pihak kepolisian supaya melihat, dan memikirkan untuk bagaimana baik pulih ataupun membina IPD baru di Kinabatangan. Ini sebab keperluan dia begitu meluas. Kinabatangan ini besarnya macam besar negeri Pahang jadi kadang-kadang saya kasihan melihat pejabat OCPD saya terlalu kecil, bernafas pun susah. Jadi macam mana hendak menjalankan kewajipan untuk membanteras jenayah kalau IPD sendiri tidak teratur.

Saya tengok di tempat-tempat lain IPD dia bukan alang-alang, besar, cantik. Kita macam seolah-olah kata di luar bandar ditinggal-tinggalkan. Saya ingat di Beluran pun sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, di pekan daerah kecil Paitan Yang Berhormat tiada balai polis cuma ada pondok polis.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada balai polis sedangkan keperluan. Jadi mana-mana pegawai-pegawai polis yang ada sini tolong laporkan kepada pihak ibu pejabat bahawa kita perlu IPD Kinabatangan dibina bangunan baru dan juga di Beluran, di Paitan.

Kedua, soal ESSZONE. Saya terkejut jugalah sebab dimaklumkan ESSCOM bahawa keselamatan terjamin pihak polis pun melaporkan terjamin tetapi dua orang lagi kena culik, satu dua hari yang lalu. Bermakna dalam satu minggu sudah dua kejadian. Jadi saya tidak tahu Tuan Pengerusi sejauh mana keselamatan rakyat Malaysia di Pantai Timur Sabah ini termasuk di Kinabatangan selamat.

Saya tidak bimbang kalau saya kena culik sebab saya ini ada ilmu sedikit bukan macam Yang Berhormat Seputeh, dia tidak ada apa-apa, dia tidak ada pegangan jadi susah sedikit. Saya ini dia takut culik sama saya sebab saya pun pakar juga ini. Akan tetapi saya bimbang rakyat saya di Kinabatangan, saya takut mereka kena culik, kena culik akhirnya tidak ada lagi pencarian. Ramai orang sebetulnya orang berada, orang kaya-kaya di Sandakan ini sudah pindah dari Sandakan Tuan Pengerusi. Pindah di Kota Kinabalu sebab mereka bimbang mereka kena culik.

Jadi pelabur-pelabur pun sebetulnya susah datang sebab bimbang. Kelmarin saya duduk bersempang-sembaring kalau datang pergi Sabah, selamatkah Yang Berhormat? Macam mana kita hendak jawab. Kita kata selamat tetapi penculikan terus berlaku jadi ini masalah besar. Apabila tidak dilihat oleh kerajaan sebagai satu *priority* saya bimbang lama-kelamaan rakyat hilang keyakinan kepada kita dalam keselamatan ini. Kalau tidak percaya tanya ini MP Semporna dia tahu Semporna pun keadaan dia pun kurang selamat termasuk di seluruh Sandakan ini.

Ketiga, soal Agensi Dadah Kebangsaan. Saya sudah macam bosan bercakap soal dadah ini sebab apabila tanya pemerintah, pemerintah kata dadah ini masih musuh utama negara kita. Apabila saya kata mana-mana pengedar dadah kita tembak macam di Philippines dia kata kita emosi dengan Presiden *Philippines*. Akan tetapi sebetulnya pengedar dadah ini musuh utama negara. Mereka membawa dadah masuk ke negara kita dan memusnahkan masa depan anak bangsa kita. Di Sandakan ini saya pun hairan sudah ada kawalan marin, polis, tentera, ESSCOM dadah masuk lagi. Dari manakah dia

masuk? Saya tidak mahu tuduh rasuahlah itu pembangkang yang suka tuduh sebab kita tidak nampak.

Cuma saya rakyat bertanya dari mana? Dari mana datang sedangkan *security* kita begitu ketat memeriksa bot-bot dan sebagainya. Jadi ini kena diambil perhatian. Di Sandakan ini seperti saya cakap dahulu membeli dadah lebih senang daripada membeli pisang goreng, di mana-mana ada. Mana-mana kawasan gelap ada pengedar. Di Kinabatangan pun ada yang masuk ke sekolah, masuk kampung-kampung. Jadi ini ancaman terlampaui besar.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh saya ...

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Satu soalan, sekejap sahaja.

Yang Berhormat Kinabatangan tadi ada membangkitkan berkenaan dengan masalah dadah di Sandakan dan nampaknya Sandakan berdekatan dengan *Philippines*. Kinabatangan masih berpegang kepada pendirian bahawa masalah dadah di Sandakan begitu teruk. Bukanakah ini menunjukkan bahawa apa yang berlaku di *Philippines* itu tidak berkesan memandangkan dadah masih masuk ke dalam Sandakan dan Sabah. Bukanakah itu menunjukkan bahawa apa yang polisi *the extrajudicial killings* di *Philippines is not effective and therefore we have to look at other alternative ways of fighting the drug menace*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya tidak melihat di *Philippines* itu tidak berjaya sebab mungkin kejayaan di sana itu dia tidak boleh mengedarkan dadah di *Philippines* sudah dibawa pergi keluar. Itu masalah yang perlu difikir sebab di *Philippines* ini *major* sendiri pun Presiden ditembak tau- suruh bunuh, sudah dua orang *major* kena tembak di *Philippines* sebab dia *stick on* dia punya *decision*. Siapa-siapa pengedar dadah mestilah kena tembak tidak perlu bicara. Jadi di Malaysia ini siapa pun tidak tahu berapa orang sudah kena gantung? Mungkin belum adalah jadi itu masalah kita. Undang-undang kita ada tetapi kita tidak guna pakai dengan bijaksana.

Jadi mungkin ekoran pergolakan di *Philippines* itu, maka berlambaklah dadah ini dibawa ke Semporna, Sandakan, Kinabatangan, macam-macam, ke Kudat. Ini sebab *border* kita terlalu luas tetapi yang menghairankan *security* kita di laut sehingga ada *curfew* sampai pukul 6 pagi, tetapi dadah masih juga datang. Jadi, itu masalah. Persoalannya mungkin persoalan dalaman Menteri yang *in charge* ESSCOM ini

mungkin kena berfikirlah macam mana hendak menghalang dadah-dadah ini masuk ke negara kita.

■1520

Yang terakhir, berhubung dengan keselamatan awam. Saya ingin mengucapkan tahniah atas tindakan pihak polis sebab berjaya membendung 19 hari bulan yang lalu daripada ancaman-ancaman yang tidak baik daripada pertembungan Baju Merah dan Baju Kuning. Sebetulnya memang ada ancaman keselamatan. Apabila ada demonstrasi yang tidak berjaya tidak tentu pasal ini, rakyat meniaga pun terancam. 500 orang peniaga mengeluh sebab mereka tidak boleh bermiaga. Saya cakap dengan peniaga-peniaga, boleh *claim* dengan BERSIH lah sebab mereka yang menyebabkan perniagaan itu rugi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sudah tidak ada masa. Saya cuma mahu menekankan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Business mereka sangat bagus. Itulah masalahnya Yang Berhormat Kinabatangan tidak datang.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Seputeh ini, inilah masalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita makan di kedai-kedai sana.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak kasi peluang, dia masih berdiri. Duduklah, saya tinggal satu minit. Saya kata ada ancaman ketenteraman awam sebab ancaman dia, peniaga-peniaga bimbang untuk bermiaga. Tidak boleh bermiaga, mereka hilang kewangan, hilang pendapatan...

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** *[Bangun]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bagaimanakah dengan pujian SUHAKAM?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi, perhimpunan mana itu?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** SUHAKAM kata itu perhimpunan aman banyak bagus.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Minta sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Semporna.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Saya tahu masa agak singkat ya. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, Tuan Pengerusi. Pasal

ada bangkit tentang penculikan, bangkit tentang *drugs*, bangkit tentang demonstrasi. Ketiga-tiga perkara ini kalau kita lihat, pertama mengenai dengan *drugs* dan kedua, mengenai dengan penculikan. Kedua-dua perkara ini berhubung kait bukan menculik dari Sabah, yang menculik ini dari Filipina, yang *drugs* ini datang dari Filipina.

Kita dah tahu lama dah. Kita dah tahu demonstrasi ini digalakkan dalam undang-undang, bukan tak digalakkan tetapi kenapa bagi kelulusan Merah dengan Kuning ini *the same day*? Kalaupun tak ada kelulusan, kenapakah digalakkan? Bagilah kelulusan yang Merah hari ini, yang Kuning hari itu. Jadi, tak bertembung. *Management*, pengurusan negara kita perlu kita lihat secara mendalam. Daripada segi penculikan ini dah lama, bukan persoalan sempadan luasnya, peralatan tak cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hmm, masa Yang Berhormat Kinabatangan dah habis, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa Yang Berhormat Kinabatangan dah habis.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Okey, sorry.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Semporna. Memang saya niat, satu minit Tuan Pengerusi, iaitu saya melihat bahawa memang sebetulnya kerajaan, pihak polis tidak membentarkan kedua-dua ini sebab itu dikatakan demonstrasi BERSIH haram, baju Kuning pun haram, yang Merah pun haram tetapi saya di sini puji polis biasa mengawal sebab apabila...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mahkamah benarkan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Berlaku demonstrasi ini, rakyat di bawah ada kebimbangan. Peniaga-peniaga hilang pendapatan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Semak fakta.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kecuali Yang Berhormat Batu bayar kepada peniaga-peniaga itu. Mereka rugi, kehilangan RM500,000. Siapakah yang bertanggungjawab? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mahkamah tolak permohonan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa dah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Haiya, Yang Berhormat Seputeh juga kah?... *[Dewan riuh]* Apakah ini Yang Berhormat Seputeh? Buka baju kah Yang Berhormat Seputeh? Jangan buka baju.

### 3.23 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, mesti kuning. Kuning. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak rujuk kepada Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Butiran 040000 – Imigresen.

Pertama sekali, saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan dia baru sampai dari Sabah, dia tak tahu apa yang berlaku tentang himpunan BERSIH 5 yang begitu berjaya, berjaya ramai orang sekali yang datang itu. *He has missed the fun.* Jadi, dia hanya boleh ikut skriplah daripada UMNO Barisan Nasional. Oh ini perhimpunan yang gagal, jadi ada orang rugi dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang itu butiran yang mana Yang Berhormat ya? *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, balik kepada PDRM. Seperti apa yang dikatakan oleh Menteri Pelancongan dua tiga hari yang lepas, dia kata, “*Himpunan BERSIH boleh dijadikan satu tarikan pelancongan, tourism demonstration.*” Juga semalam dia pun sudah minta tarikh BERSIH 6 untuk tahun depan supaya masuk dalam kalender pelancongan Malaysia. Saya kena pujilah. Puji sekali lagi, semalam puji, sekarang puji juga. Menteri Pelancongan yang mempunyai pemikiran yang terbuka dan juga...

**Seorang Ahli:** ...Jadi Perdana Menteri kah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, okey ini BERSIH ini semalam sudah cakap. Saya hendak sebut tentang PDRM adalah, hari itu bila saya bersama dengan Yang Berhormat Seremban, dia pergi sehari sebelum himpunan BERSIH 5. Dia dipanggil oleh polis untuk beri keterangan di Bukit Aman. Jadi, saya mengambil kesempatan masuk dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor pergi ke bangunan lama Bukit Aman, saya tunggu Yang Berhormat Seremban untuk beri keterangan selama dua jam. Saya pergi ke tingkat satu bersama dengan dia, saya rasa hairan Tuan Pengerusi. Sini kita ada *aircond* yang begitu sejuk dan *ventilation* yang begitu bagus. Sana, saya baru tahu pegawai polis di sana yang jalankan siasatan semua itu tak ada *aircond*. Tak cukup oksigen, itu sebab selalu tangkap salah orang macam Yang Berhormat Seremban... *[Dewan ketawa]* Saya rasa hairan pergi sana tengok aiyoo, apakah fasiliti yang kita ada?

Tadi saya dengar cerita daripada Yang Berhormat Kinabatangan dan juga kawasan Yang Berhormat itu, kelengkapan IPD tidak bagus dan sebagainya. Bukit Aman kita, ini Ibu Pejabat PDRM juga begitu. Saya hendak menyeru Yang Berhormat Menteri lihatlah bangunan *headquarters* bagi PDRM itu pastikan ada *ventilation* yang

cukup, ada peralatan yang cukup bagi mereka. Kalau tidak, susah bagi mereka yang beri keterangan dan susah lagi bagi pegawai kita yang kerja di Bukit Aman itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak pergi ke satu topik yang saya rasa agak serius adalah tentang operasi pasport dan Imigresen kita. Pada beberapa bulan yang lepas, kita baca dalam surat khabar yang mana orang ramai terpaksa berbaris, bangun awal dan berbaris banyak jam untuk tunggu pasport mereka dikeluarkan. Selain itu, saya difahamkan *auto gate* Imigresen di KLIA dan juga pintu masuk ke Malaysia ini masih tidak boleh berfungsi.

Lepas itu bila saya tanya banyak pihak, baru saya faham bahawa apa yang menyebabkan berlakunya yang pasport kita ini lewat dan juga *auto gate* masih tidak boleh berfungsi ini adalah kerana Menteri Dalam Negeri telah pun menukar pembekal sistem daripada syarikat tempatan IRIS Corporation kepada Datasonic Group Berhad pada beberapa bulan yang lepas. Saya juga difahamkan sebab orang ramai terpaksa tunggu lama untuk dapatkan pasport itu ialah kerana syarikat baru Datasonic itu tidak ada pasport yang cukup waktu itu, manakala IRIS Corporation yang itu syarikat lama boleh keluarkan pasport baru dalam tempoh dua jam sahaja.

Selain itu, sebab pasport baru tidak dapat melepassi *auto gate* Imigresen di lapangan terbang ialah kerana pasport yang dibuat di bawah sistem syarikat baru itu tidak diterima oleh *auto gate* yang diuruskan ataupun yang *dimaintain* oleh IRIS Corporation. Itu sebabnya yang kedua-dua sistem itu tidak boleh *synchronize*, tidak boleh disatukan. Saya hendak tanya, apakah yang akan dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri sekarang? Oleh sebab sudah beberapa bulan, saya percaya sesiapa yang balik dari luar negara, mereka dapatkan mereka terpaksa sekarang pergi cop, pergi kaunter untuk letak cop dan tidak dapat gunakan *auto gate* Imigresen yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, pasport yang dibuat oleh IRIS Corporation itu yang saya faham ialah cip pasport di dalam satu muka, *inner cover page* buku pasport manakala gambar foto ataupun data peribadi pemegang pasport itu diletakkan di sebelah muka dalam yang lain atau *another inner cover page* dalam buku pasport itu. Akan tetapi dalam pasport baru sekarang ini yang dibuat oleh Datasonic Group Berhad, ia meletakkan cip dan juga data peribadi bentuk polikarbonat pemegang pasport itu pada muka buku pasport yang sama. Jadi maksudnya, cara pemprosesan pasport baru ini akan menyebabkan pemegang pasport menghadapi risiko keselamatan dan juga ancaman. Oleh sebab sekiranya sebelah buku pasport kita ini yang mengandungi maklumat pemegang pasport itu hilang ataupun dikeluarkan, ia boleh digunakan maklumat yang lain daripada orang yang lain. Ini satu risiko yang akan dihadapi.

Selain itu, di bawah sistem pasport baru, saya juga difahamkan bahawa buku pasport dan cip dibuat oleh syarikat yang sama iaitu Datasonic Group Berhad. Akan tetapi di bawah sistem yang lama oleh IRIS Corporation, ia hanya keluarkan cip. Cip itu dihantar kepada pejabat Imigresen di Putrajaya dan selepas itu Putrajaya yang masukkan dalam buku pasport.

■1530

Jadi ini satu bentuk *check and balance* bagi buku pasport dalam sistem yang lama. Walhal sistem di bawah Datasonic Berhad sekarang i digunakan untuk menghasilkan cip dan buku pasport pada waktu yang sama dan ini akan mengetepikan *check and balance* dan berkompromi keselamatan pasport kita.

Sehubungan dengan itu saya difahamkan bahawa syarikat Datasonic juga membuat kad pengenalan warga Malaysia manakala IRIS Corporation hanya dibenarkan untuk membuat sebahagian daripada pasport tetapi tidak terlibat dalam pengeluaran kad pengenalan kita. Saya rasa yang Datasonic ini diberi kuasa dan tugas yang terlalu banyak yang mana saya rasa sekiranya ada apa-apa berlaku keselamatan data kita ini akan berkompromi.

Tuan Pengurus saya difahamkan yang kesemua sistem pada *auto gate* yang dibuka oleh IRIS Corporation itu kerana ia digunakan oleh pasport lama, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apa yang dilakukan oleh kementerian untuk meng-synchronize kedua-dua itu? Begitu juga daripada segi harga saya juga difahamkan bahawa IRIS Corporation mengenakan harga RM30 bagi cip dan ‘PERSO’ iaitu *personalization of passport*. Akan tetapi syarikat baru Datasonic mengenakan RM25 untuk pembuatan cip dan RM29 untuk *personalization of passport*, itu ‘PERSO’.

Jadi saya ingin tanya Menteri, kenapakah KDN pilih syarikat yang mengeluarkan harga produk yang lebih mahal di samping berkompromi keselamatan untuk mengeluarkan pasport kita? Saya difahamkan juga IRIS Corporation yang kontraknya yang sepatutnya berakhir pada 31 Disember 2016 tetapi IRIS telah pun dihentikan oleh KDN tujuh bulan sebelum pengakhiran kontrak di antara kerajaan dengan IRIS Corporation iaitu dihentikan pada 31 Mei 2016. Itulah sebabnya orang ramai terpaksa tunggu lama untuk bila mereka membuat permohonan untuk pasport.

Saya hendak tanya beberapa soalan ialah kenapakah kerajaan tidak teruskan kontrak dengan syarikat tempatan tetapi menggunakan cip bukan buatan Malaysia? Kenapakah pihak kerajaan melalui *negotiated tender* untuk pilih syarikat Datasonic itu yang mengeluarkan harga produk yang lebih mahal daripada syarikat yang lama? Adakah KDN telah membuat semakan *due diligence* terhadap pembekal sistem baru supaya keselamatan maklumat negara kita ini tidak dikompromi oleh syarikat swasta ini?

Kenapakah KDN *prequalified* Datasonic? Kenapakah Menteri KDN melantik sebuah syarikat yang tidak mempunyai apa-apa pengalaman daripada segi pengeluaran cip seperti ini? Kenapakah kerajaan tidak mengadakan *open tender* untuk memilih atau melantik syarikat pembekal cip dan juga pembuatan pasport?

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh jawab isu-isu yang saya bangkitkan ini di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

### **3.33 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menumpu kepada Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Peruntukan lebih kurang RM1.6 bilion.

Pada saya dalam menjaga keselamatan awam ini, lebih baik kita mencegah daripada kita mengubat, *prevention better than cure*.

Jadi saya hendak bagi faham kepada mereka yang tidak berapa nak faham dan kepada mereka yang buat-buat tidak faham dan mereka yang menyempitkan makna ketenteraman awam. Ramai suka menyempitkan sesuatu ya. Jadi merujuk kepada ketenteraman awam ini sebenarnya makna dia kalau kita kira maksud dia sebenar ialah merujuk kepada caturan sistem hidupan di kalangan kebanyakan awam untuk kebaikan mereka. Jadi ia mempunyai maksud yang sama dengan keselamatan awam. Perkara ini disebut dalam satu kes undang-undang iaitu Re Tan Boon Liat tahun 1976, dua MLJ disebut perkara ini.

Jadi dalam kita untuk membuat ujian perundangan tentang menentukan sama ada perbuatan itu hanya perlakuan undang-undang ataupun ia menjelaskan ketenteraman awam. Dua perkara. Pertama persoalannya, adakah perlakuan itu menyebabkan rasa tidak selamat orang awam atau kumpulan masyarakat yang berada di satu-satu tempat atau persoalannya adakah ia hanya membabitkan individu yang tertentu sahaja. Jadi persoalan ini kita kena jawab.

Jadi sekiranya perlakuan itu hanya mengganggu seseorang atau beberapa orang individu sahaja, jadi ia hanya perbuatan melanggar undang-undang. Akan tetapi sebaliknya kalau sekiranya ahli masyarakat tidak dapat menjalankan aktiviti ataupun rutin harian dia, maka perbuatan itu dengan sendirinya mengganggu ketenteraman awam. Ini yang saya hendak cuba terangkan ya. Jadi berdasarkan kepada tafsiran yang saya buat tadi, satu persoalan timbul, bukankah sesuatu perhimpunan itu seperti yang dirancang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Ataupun telah dirancang.

**Seorang Ahli:** ...Butiran mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Butiran mana?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Butiran saya dah baca tadi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Manakah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Butiran 020600.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Apakah itu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidurkah kamu?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Apakah itu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Butiran 020600.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Apakah itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ketenteraman awam. Nyonya tidurkah?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh celah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Batu pun tidurkah?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh celah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Bangun Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum lagi. Baru hendak bagi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, okey.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Aduh. Belum habis. Nanti habis baru saya bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia hakim garang sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalah dia mengganggu. Kita cuba hendak bagi penerangan, mereka tidak mahu dengar. Itu yang masalah dia. Jadi maknanya kalau kita dah tengok ujian dia tadi, jadi berdasarkan tafsiran tadi, jadi saya katakan yang sesuatu perhimpunan yang dirancang ataupun yang telah dirancang, maknanya adakah itu satu ancaman kepada keselamatan negara dan juga keselamatan

awam. Itu persoalan dia. Adakah mereka yang menyertai perhimpunan itu mementingkan diri tanpa menghiraukan hak orang lain dalam sistem demokrasi berparlimen kita? Ini persoalan-persoalan yang saya cuba hendak nyatakan.

Jadi persoalan saya kepada pihak kementerian, adakah kita hendak menunggu sesuatu berlaku dahulu baru kita hendak mencegah. Mesti kita hendak mencegah dulu sebelum sesuatu perkara berlaku. Jadi ketenteraman awam mesti dijaga daripada awal. Kalau saya hendak katakan bila kita adakan satu perhimpunan yang dihadiri oleh ramai orang, bilakah ramai orang yang hadir apa kesan dia? Kesan dia mudah sahaja. Polis berapa ramai yang hendak jaga? Dikerah polis beramai-ramai hendak jaga. Kalau hadir 15,000 orang, polis hanya ada berapa ribu? Macam mana hendak jaga. Bila datang macam-macam lah perangai. Perangainya ada yang mengotorkan tempat-tempat awam.

Ada saya tengok... *[Disampuk]* Saya tidak sebut lagi Bersih kan. Sabar. Saya hanya sebut perhimpunan baru-baru ini. Tidak kira di mana pun. Ada yang saya tengok gambar yang dalam *Facebook* itu yang melepaskan kencinglah senang ke dinding-dinding bangunan. Itu yang dikatakan maknanya apa yang ‘bersih’? Tidak bersihlah. Bukan bersih-bersih dah.

Jadi macam mana kita hendak jaga? Kalau yang hadir itu kalau macam Yang Berhormat Seputeh yang hadir, yang lemah lembut mungkin okeylah agaknya. Manakala yang macam Yang Berhormat Batu- Yang Berhormat Batu tidak tahu, lembut ataupun tidak...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Dia masuk lokaplah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau jenis macam ini hadir perhimpunan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Mungkin tidak ada masalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh bagi laluan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum sebut BERSIH lagi ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Belum, saya tidak mahu sebut “bersih”.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masa tiga minit, tidak sempat please. Saya hendak terus kepada...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagi saya 30 saat...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi saya hendak katakan sekarang ini maknanya boleh atau tidak, pihak polis hendak mengawal kalau berlaku...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat. Tidak bagi jalan.

■1540

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Perhimpunan ini dalam keadaan yang tertentu, okey. Saya hendak sentuh sedikit tentang SOSMA ini pula. Banyak yang mempersoalkan tentang SOSMA ini. Kita kena pastikan bahawa peruntukan asalnya ini, ia memperuntukkan langkah-langkah khas berhubungan dengan kesalahan keselamatan. Jadi tujuannya untuk apa?

Jadi tujuan sebenarnya untukkekalkan ketenteraman awam, keselamatan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini tujuan sebenar SOSMA diadakan. Jadi kalau ia memudaratkan kepentingan awam dalam Persekutuan kita atau bahagian-bahagian Persekutuan, maka ini termasuk bawah SOSMA.

Jadi, kita apa yang hendak susahnya? Kalau polis tangkap, dia akan beritahu sebab apa dia ditangkap. Dia akan menyatakan kenapa dia ditangkap, sebab-sebab ditangkap. Sudah, okeylah. Makna penangkapan itu sah. Kalau tidak sah, boleh bawa ke mahkamah. Tidak ada masalah kecuali ada yang tidak percaya kepada mahkamahlah. Itu susah sikit nak cakaplah. Dalam masa tertentu dia percaya, satu masa dia tak percaya kepada mahkamah. Ini payah.

Jadi, SOSMA juga sebenarnya diluluskan di Parlimen dan di mana-mana negara pun, makna undang-undang akan diluluskan di Parlimen. Jelas. Di mana-mana pun ada. Di negara komunis kah, negara apa, semua ada undang-undang. Jadi kita undang-undang yang sedia ada di bawah Perlembagaan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti dahulu, tidak sempat. Masa saya tidak sempat. Nanti sekejap. Kalau sempat, saya bagi *last* nanti.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Satu soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan. Duduklah, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, kemungkinan yang timbul, hanya daripada segi pentafsirannya. Yang timbul daripada segi pentafsiran undang-undang itu sendiri. Yang sebelah sana tafsir macam ini, yang sebelah kita tafsir macam ini. Jadi itulah pertembungan pentafsiran.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Adakah kesalahan itu boleh termasuk atau tidak?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu, just satu, yang cepat sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, okey.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu baru beritahu bahawa undang-undang SOSMA itu di-pass di Dewan Rakyat dan masalahnya perbezaan pentafsiran sana dan sini. Adakah Yang Berhormat Setiu sedar bahawa dalam *debate* atau perbahasan SOSMA tersebut, yang berbahas dari sana semua bersetuju bahawa SOSMA itu hanya *reserve* untuk pengganas? Jadi sekiranya *that is their* pentafsiran, jadi sekiranya pentafsiran itu diberi dalam Dewan yang mulia ini, bukankah SOSMA itu disalahgunakan apabila ia diguna pakai untuk Maria Chin?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuba kita lihat apa definisi dalam SOSMA ini. Dia termasuk ketenteraman awam. Bukan satu tafsiran, dia termasuk ketenteraman awam. Yang satu itu, yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor hanya satu. Dia ada banyak maknanya. Itu jadi kena tuju pada- yang saya bercakap pasal ketenteraman awam. Jadi BERSIH ini sebenarnya satu perhimpunan yang tidak bersih. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, yang pasti tidak semua dapat peluang, Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat Padang Serai.

### 3.43 ptg.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bermula dengan item di bawah pendaftaran iaitu mengenai masalah individu-individu yang masih tidak mendapat kewarganegaraan atau pun menerima /C merah.

Tuan Pengerusi, masalah ini satu masalah yang amat serius yang telah lama tidak juga diselesaikan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jumlahnya pun kita tidak tahu. Mungkin berpuluhan-puluhan atau beratus-ratus ribu. Daripada keturunan di Semenanjung dan juga ramai di Sabah dan Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman, rakyat yang dilahirkan di negara ini, hidup di negara ini seluruh hidup mereka tetapi masih diberikan /C merah.

Tuan Pengerusi, saya hendak beri satu contoh keadaan di mana perkara ini dapat berlaku dan saya ingin merekodkan individu ini bagi *Hansard*. Ini adalah seorang

yang tinggal di Padang Serai, bernama Ayaroo A/L Narayanan, /C 331212-02-5215 yang berumur 83 tahun, lahir di Padang Meha, Padang Serai tahun 1933. Ibu bapanya orang Malaysia tetapi disebabkan satu kesilapan yang dibuat oleh ibu bapa pada masa itu, era British lagi, kelahiran itu tidak direkodkan, dokumentasi tidak dibuat masa itu. Sejak itu, Tuan Pengerusi, 80 tahun lebih beliau telah membuat cubaan demi cubaan, permohonan demi permohonan untuk mendapatkan /C biru tetapi sehingga hari ini, tidak dapat.

Saya sendiri pernah bertanyakan mengenai kes ini di Dewan sebelum ini, juga diberitahu masih dalam permohonan. Sampai hari ini masih keadaan yang sama. Keadaan ini menunjukkan bukanlah kesnya yang apabila kita kata tidak ada kewarganegaraan atau pun IC merah dan sebagainya. Bukan kita kata beri kewarganegaraan kepada seorang dari Indonesia yang baru turun di KLIA atau pun baru duduk di negara ini untuk satu tahun atau sebagainya. Bukan. Ini kes-kes orang yang lahir di sini mempunyai *roots* di sini, seumur hidup di sini.

Bukan sahaja kes Ayaroo ini satu sahaja, Tuan Pengerusi, tetapi berpuluhan-puluhan ribu. Kita pun tidak faham. Kita pun tidak tahu apakah *the exact figure*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yes.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Setujukah Yang Berhormat Padang Serai dengan saya, cadangan saya ialah supaya kerajaan memberi kerakyatan kepada semua mereka yang dilahirkan di sini di mana ibu bapa mereka satu daripada mereka adalah warganegara atau pun yang bermastautin tetap seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan tetapi hanya kerana perkara teknikal iaitu mereka terlupa mendaftarkan perkahwinan mereka atau keadaan yang sedemikian?

Ini kerana di tangan saya pun banyak kes. Macam ada satu kes, nama dia "Tiada Nama". Sijil kelahirannya, 900923-08-5940. Kalau sijil kelahirannya dinyatakan "Tiada Nama", maksudnya ibu bapanya mesti ada mungkin masalah mendaftarkan anak ini. Jadi haruslah kerajaan prihatin. Setuju tidak? Banyak lagi kes, Wong Yu Li, Wong Yu Cheng, Chang Meng Yen, semuanya anak orang Malaysia tetapi ada *technicality* yang menyebabkan mereka tidak diberikan kerakyatan.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, sebenarnya Tuan Pengerusi, dalam kes ini, undang-undang tidak menjadi masalah. Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas, bahawa dalam kes-kes seperti ini, kewarganegaraan adalah automatik dan akan diberi.

Masalahnya, jelas daripada pengalaman kita *on the ground* di pejabat JPN untuk memastikan bahawa permohonan-permohonan ini diteliti dengan betul, masalahnya adalah daripada segi operasi kementerian sendiri di mana disebabkan sebab-sebab teknikal- dokumentasi tidak lengkap dan sebagainya- sewenang-wenangnya ditolak walaupun seperti dalam kes Arayaroo, dokumentasi memang tidak ada tetapi budi bicara perlulah digunakan dalam polisi kementerian. Dalam polisi kementerian mestilah ada budi bicara, mestilah mengenal pasti masalah dokumentasi seperti ini dan memastikan ada *guideline* supaya kes-kes seperti ini di-*issued*-kan Kad Pengenalan biru.

Oleh sebab terlalu banyak permohonan-permohonan seperti ini, perlu satu perubahan yang serius, yang radikal daripada pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini kerana setiap tahun, setiap sesi Parlimen, isu ini ditimbulkan tetapi sehingga hari ini, Tuan Pengerusi, masih tidak ada satu penyelesaian.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa tidak ada apa-apa *problem* dalam memberi mereka *IC* biru. Mereka menghadapi banyak sangat masalah apabila tidak ada kewarganegaraan. Daripada kesihatan, pendidikan anak-anak, *pension*, BR1M, semua, apa pun mereka tidak dapat. Mereka hidup, dengan izin Tuan Pengerusi, *they live in a twilight zone in our country*.

#### ■1550

Ini sebenarnya tidak patut dibenarkan. Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada isu penyiasatan jenayah. Isu penyiasatan jenayah, isu Maria Chin telah ditimbulkan oleh beberapa Yang Berhormat tadi. Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah dinyatakan. Jelas satu tangkapan yang tidak boleh dijustifikasi. Akan tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan kepentingan saya bahawa saya juga mewakili Maria Chin Abdullah di mahkamah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kalau di mahkamah Yang Berhormat jangan sentuh tentang fakta-fakta kes ini.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ia bukan kes mahkamah tetapi mengenai penangkapan, Tuan Pengerusi. Beliau sekarang disimpan dalam keadaan di mana tidak dapat tidur disebabkan lampu menyalा sepanjang masa di atas satu- tidak ada selimut, tidak ada tilam, tidak ada bantal dan sebagainya. Iaitu dalam keadaan yang mendera, keadaan yang mendera. Benda ini telah ditimbulkan semalam oleh anaknya Mohamad Azumin Mohamad Yunus.

Soalnya Tuan Pengerusi adalah yang pertama sekali, memandangkan perhimpunan yang diketuai oleh Maria Chin itu habis diakui oleh semua secara aman. Mengapakah tahanan di bawah SOSMA ini dilakukan terhadap seseorang yang tidak

pernah meminta supaya apa-apa *violence* digunakan? Akhirnya juga kita lihat bahawa perhimpunan itu aman sepenuhnya tetapi beliau ditahan di bawah SOSMA, di bawah keadaan seperti itu. Soalan saya dan saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri selain daripada penahanan salah ini, mengapakah Maria Chin disimpan ataupun ditahan di bawah keadaan-keadaan seperti itu? Tidak ada sesiapa pun yang patut ditahan dalam keadaan di mana di atas lantai seperti itu, seolah-olah seorang penjenayah *terrorist international* cara beliau ditahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih. Saya ingat mungkin tidakkah pihak SUHAKAM, pihak mahkamah sendiri, semua telah mengiktiraf dan menyatakan bahawa perhimpunan itu satu perhimpunan yang sah dari sudut undang-undang. Sudah dibicarakan, sudah bawa pergi ke mahkamah. Mahkamah pun sudah kata tidak ada masalah, ia satu tindakan yang sesuai, yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Lalu tidakkah menghairankan apabila kita lihat masih ada lagi yang menyatakan ia satu perhimpunan haram, apakah pandangan?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Sebenarnya Tuan Pengerusi...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Maju bangun.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta Yang Berhormat Padang Serai sebagai doktor perubatan, keadaan tangkapan Maria Chin, satu keadaan yang buruk. Walaupun bukan keadaan dipukul tetapi kita panggil minta izin, *mental torture*. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi dengan ringkas, yang pertama sekali tidak ada kategori dan saya kagum bahawa masih IGP dan ramai pemimpin masih menyatakan, menggunakan terma perhimpunan haram. Selepas Akta Perhimpunan Aman, tidak ada kategori di bawah undang-undang yang dikenali sebagai perhimpunan aman, tidak ada sudah. Ini mereka perlu faham dulu sebab itu saya rasa *confusion* ini.

Kedua, fasal 10 jelas menyatakan perhimpunan dibenarkan di Malaysia. Mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju juga apabila penderaan seperti itu dilakukan secara mental dan fizikal, ini sendiri menyebabkan

tahanan itu menjadi tidak sah. Saya pohon penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya panggil Yang Berhormat Kulai, selepas itu Yang Berhormat Jasin. Kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab. Lain itu minta maaf ya.

### 3.54 ptg.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh dua butiran, Butiran 020000 – PDRM, sub Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah. Di sini sana hendak sentuh tentang jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Pendedahan yang dibuat oleh doktor pakar sakit Dr. Maimunah Fadzil dalam Seminar Lindungi Diri dan Keluarga - “*Pedofilia, Pornografi dan Jenayah Siber*” di Melaka yang dianjurkan oleh Pertubuhan IKRAM Melaka amat mengejutkan semua pihak. Dilaporkan sekurang-kurangnya terdapat tiga kes rawatan direkodkan setiap minggu di Hospital Melaka disebabkan penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Menurut doktor tersebut, kebiasaannya kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak akan meningkat pada ketika cuti persekolahan, perayaan ataupun ketika kanak-kanak tersebut banyak menghabiskan masa mereka di rumah.

Masalah ini bertambah buruk apabila terdapat ibu bapa yang enggan melaporkan kes yang berlaku kepada pihak berkuat kuasa disebabkan malu ataupun ingin menjaga keharmonian dalam rumah tangga. Dilaporkan terdapat 12,987 kes penderaan seksual kanak-kanak direkodkan antara Januari 2012 hingga Julai tahun ini. Daripada jumlah itu, hanya sebanyak 2,189 pertuduhan difaikkan. Namun hanya 140 kes yang disabitkan. Faktor lain yang menyebabkan kurang laporan dibuat oleh ibu bapa adalah kerana kurangnya keyakinan terhadap keberkesanan pihak polis dalam penyelesaian kes dan kelemahan undang-undang di negara kita berhubung perlindungan kanak-kanak sehingga menyebabkan kurangnya sabitan dikenakan terhadap pesalah.

Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan soalan-soalan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri KDN...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Berapa jumlah laporan polis yang telah diterima terutamanya dari Hospital Melaka? Berapakah jumlah kes sebegini di seluruh Malaysia? Sila memberi statistik bagi setiap negeri.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bangun ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Kulai. Satu daripada sebab utama kenapa laporan tidak dibuat ialah isteri ataupun anak-anak ini tidak mendapat perlindungan kerana yang menderanya ialah ahli keluarga sendiri, biasanya bapa yang ganas. Saya cadangkan supaya kerajaan adakan lebih banyak rumah perlindungan dan juga pegawai, *guardian* yang melindungi mereka sementara laporan dibuat ataupun mereka menandingi mereka yang ganas mendera isteri dan anak ini. Ini kerana tanpa perlindungan mereka takut kerana polis biasanya menganggap kes-kes ini sebagai kes kita kata masalah keluarga dan tidak bertindak keras terhadap suami ataupun bapa ini seperti menandingi penjenayah-penjenayah lain. Jadi cadangan saya adakan lebih banyak rumah perlindungan dan juga pegawai, *guardian* kepada isteri dan juga anak, sementara masalah ini ditangani.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya, saya sangat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Beruas. Saya rasa sepatutnya anggota polis dihantar untuk menjadi pelindung kanak-kanak dan juga isteri yang telah didera dan bukanlah anggota polis dihantar untuk tangkap Maria Chin ataupun tangkaplah Yang Berhormat Seremban ataupun kacau perhimpunan aman.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kulai.

Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Kulai. Mengapakah tiada dalam belanjawan di bawah KDN peruntukan untuk *sexual women and children investigation division*? Memandangkan kini ada banyak kes pedofilia di negara ini. Saya juga ingin quote di sini kenyataan daripada Ong Chin Lan *Assistant Commissioner of Division* ini, "*Child sex crime unit of PDRM can't properly monitor the encrypted pedophile networks. We do not have expertise in handling the dark. We get alerted from our counterparts overseas*". Saya rasa sudah tiba masa ada peruntukan dalam belanjawan ini untuk menangani isu ini daripada terus berleluasa.

Saya juga ingin bertanya kalau Yang Berhormat Kulai bersetuju dengan saya persoalan mengapa data-data yang berhubung dengan jenayah seksual terhadap

kanak-kanak ini diletakkan, diklasifikasikan di bawah OSA? Sekiranya di bawah OSA, bagaimana JKM dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan dapat maklumat ini? Apakah pandangan Yang Berhormat Kulai? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Batu Kawan. Saya sungguh setuju dengan cadangan beliau dan juga pandangan beliau bahawa statistik tentang jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini tidak sepatutnya diletak di bawah OSA. Jadi di sini saya juga hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan, berapa kes rogol atau cabul yang berlaku di mana mangsa memanglah mengenali pelaku melalui media sosial atau melalui aplikasi *chat*? Ini kerana saya rasa memang banyak kes berlaku oleh sebab sosial media dan juga aplikasi *chat* sekarang.

#### ■1600

Selain daripada itu, saya juga hendak tahu, apa tindakan yang boleh diambil oleh PDRM terhadap individu yang menghantar, berkongsi gambar atau video lucah kepada kanak-kanak bawah umur?

Selain daripada itu, ekoran berleluasa penderaan dan juga tindakan seksual terhadap kanak-kanak, saya rasa kes pembuangan *baby* juga semakin meningkat di seluruh dunia. Jadi saya hendak tanya, berapa banyak jumlah kes pembuangan *baby* di seluruh negara dan sila beri statistik bagi setiap negeri. Selain daripada itu, tentang kes *baby* yang ditemui ini, bagaimana dengan taraf kerakyatan *baby* tersebut, dan di manakah *baby* tersebut akan diletak dan dijaga?

Apabila kita menyentuh tentang isu kerakyatan seperti yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Padang Serai dan selainnya, saya juga hendak sentuh sikit- saya rasa isu kerakyatan ini bukan sahaja wujud dalam masyarakat Cina ataupun masyarakat Melayu dan India. Akan tetapi di sini, saya juga ada terima aduan bahawa di mana seorang ayah yang namanya Shahrul bin Samsudin, beliau menemui seorang *baby* yang dibuang, tidak tahu oleh siapa, di Petronas Johor Bahru pada 17 Februari 2010. Tidak tahu siapa ibubapa *baby* tersebut. Jadi oleh sebab beliau dan isterinya tidak ada anak sendiri, jadi mereka buat satu keputusan untuk menjadikan *baby* itu sebagai anak angkat mereka dan permohonan mereka telah diluluskan oleh mahkamah dan disokong oleh Jabatan Kebajikan. Akan tetapi apabila mereka membuat satu permohonan untuk mendapat kerakyatan untuk anak mereka, permohonan mereka ditolak pada bulan April tahun ini.

Jadi saya rasa ini satu isu yang cukup rumit, yang merangkumi kesemua kaum. Jadi sudah beberapa kali, banyak kali kita menyentuh, membangkitkan isu kerakyatan ini di Dewan Rakyat. Tiap-tiap kali jawapan yang saya dapat daripada Menteri Dalam

Negeri- sudah beberapa kali Menteri Dalam Negeri menjawab tentang soalan ini, setiap orang menyatakan bahawa mereka rasa simpati. Ya, memang kita tidak sepatutnya *punish* kanak-kanak yang tidak berdosa ini tetapi sampai hari ini, sudah lapan tahun saya berterusan membangkitkan isu ini di dalam Dewan Rakyat tetapi selepas lapan tahun, kita tidak ada satu penyelesaian untuk golongan yang kurang bernasib baik ini. Saya rasa bukankah slogan Barisan Nasional, "Rakyat Didahulukan." Kenapakah kita tidak boleh mencari satu penyelesaian untuk golongan ini?

Seperti yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Padang Serai, memang sebenarnya di bawah Perlembagaan Persekutuan, salah seorang ibubapa warganegara, adalah mencukupi. Sekarang, kita ada laporan ujian DNA untuk membuktikan bahawa antara kes-kes ini, memang ayah kanak-kanak ini warganegara Malaysia. Akan tetapi oleh sebab mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dengan warga asing, jadi sampai hari ini, anak-anak mereka tidak dapat kewarganegaraan.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, saya sudah bertemu dengan generasi kedua. Maksudnya, anak-anak yang tidak ada kerakyatan ini, sekarang sudah menjadi dewasa. Ada yang sudah mencapai umur 21 tahun tetapi oleh sebab tidak ada kewarganegaraan, tidak boleh pergi ke universiti, tidak boleh beli rumah, tidak boleh membuat pinjaman bank. Bukan itu sahaja, kalau mereka berkahwin dengan orang Malaysia, isu ini akan berterusan.

Jadi saya di sini- terima kasih kepada Tuan Pengerusi memberikan peluang kepada saya untuk membangkitkan isu ini. Saya harap Timbalan Menteri boleh memberikan satu penyelesaian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

#### **4.04 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020400 – Risikan Keselamatan PDRM; Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam PDRM; dan seterusnya Butiran 090700 – Penugasan di ESSZONE

Tuan Pengerusi, Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur serta sejahtera. Kita sebenarnya di antara negara yang telah mencatat satu kecemerlangan terutamanya apabila *rating agency* telah meletakkan dalam *Human Development Index* (HDI), Malaysia terletak nombor ke-34 daripada 160 buah negara.

Jadi dalam usaha kita bagi memastikan supaya kesejahteraan, keselamatan yang kita miliki ini terjamin, kita mestilah mengambil langkah-langkah awal supaya kita jangan terlambat sehingga berlaku keresahan ataupun keselamatan yang tidak terkawal,

barulah kita hendak sibuk mengambil tindakan. Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah bidang kuasa pada ketika ini mengikut lunas undang-undang kita, mencukupi terutamanya dalam usaha kita membasi dan untuk mengawal terutamanya dalam penyalahgunaan hak keistimewaan bersuara dan memburuk-burukkan kerajaan yang menyebabkan keresahan?

Pada ketika ini, spekulasi sudah cukup berleluasa sekali. Kita harap kalau boleh, tindakan yang drastik dibuat supaya keresahan kaum dan rakyat ini tidak akan berlaku. Terakhir ini, selain daripada katakan ekonomi kita teruk, negara kita telah bankrap- yang terakhir ini pula mengatakan bahawa ringgit kita tidak diterima di Indonesia, Singapura dan juga di Mekah.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya pergi kepada trend anti keganasan dan juga analisa tahun 2015. Saya ambil laporan daripada *School of International Studies, Nanyang Technological University*, Singapura, yang menyebut, walaupun tiada serangan terus, *direct attack*, Indonesia dan Malaysia mempunyai rekod penglibatan langsung rakyat mereka dalam kegiatan Daish dan juga ISIS di Iraq dan Syria. Saya berpendapat, ancaman ekstremisme dan juga radikalisme di dalam negara kita ini adalah *clear* ataupun nyata sekali dan *present*, yakni semasa, dengan izin. Ini bermakna, ancaman ini bukan satu andaian ataupun untuk kita menakut-nakutkan ataupun satu *assumption* dan bukan sudah berlalu ataupun akan datang ataupun *future* tetapi pada ketika ini.

Jadi kita telah mendengar banyak laporan dan juga liputan berita sama ada dalam dan luar negara bahawa rantau Asia Tenggara dalam Malaysia sasaran kumpulan-kumpulan ini. Namun, saya seharusnya membuat pujian kepada tindakan pantas apabila membentangkan Kertas Putih di Parlimen bagi kita membendung ancaman ISIS pada tahun 2014. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada pasukan keselamatan yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan supaya kesejahteraan, keamanan dan kestabilan yang kita miliki pada ketika ini akan terus terjamin.

Saya juga berharap agar pihak kerajaan akan terus menerus mengawal dan mengambil tindakan keras kepada mana-mana ancaman, khususnya untuk melindungi terutamanya generasi muda, belia kita daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir yang buruk ini. Sebenarnya, pemikiran mereka banyak diracuni oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah pihak KDN dan juga pihak PDRM akan meneruskan kerjasama strategik bersama pihak-pihak berkuasa keselamatan ASEAN untuk memastikan supaya ancaman kita ini terkawal?

Keduanya, adakah pihak kementerian dan juga pihak PDRM mempunyai perancangan dalam Bajet 2017 yang diperuntukkan untuk usaha-usaha bagi membasmi ancaman yang saya sebutkan tadi secara total?

Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Boleh? Dua minit. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat mengenai keselamatan dalam negeri dan juga ancaman-ancaman yang dihadapi oleh Kerajaan Malaysia ataupun rakyat Malaysia. Satu isu saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan *trafficking in persons* yang merupakan satu ancaman yang dihadapi oleh Malaysia pada dua tahun yang lalu dan selepas itu, Malaysia telah menandatangani ataupun Malaysia telah menggubal *trafficking in persons* akta di Dewan yang mulia ini.

#### ■1610

Soalan saya Yang Berhormat berkait dengan, mengapakah Kerajaan Malaysia belum lagi menandatangani *ASEAN Declaration of Trafficking in Person*? Ini merupakan satu ancaman dan saya minta pandangan Yang Berhormat, adakah wajar Kerajaan Malaysia tandatangani *ASEAN Declaration*, di mana kita dapati Malaysia sendiri telah menggubal *ASEAN Declaration Againts Trafficking of Women and Children in particular*, kita dapati negara *Cambodia* termasuk dengan Singapura telah tandatangani. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah wajar Malaysia sendiri menandatangani supaya satu ancaman seperti *trafficking in person* boleh diatasi? Minta pandangan. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya telah timbulkan perkara ini dalam bentuk soalan tadi, bentuk keselamatan kerjasama di antara negara-negara ASEAN. Kita yakin tentang kebijaksanaan yang telah dibuat oleh kerajaan pada ketika ini dalam memastikan supaya keselamatan, kesejahteraan dan kestabilan negara kita akan terus terjamin.

Jadi, saya terus kepada kawalan imigresen, selepas itu kepada Butiran 010300 - Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP)/Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)- membanteras perdagangan orang, *human trafficking*.

Saya berpendapat penguatkuasa imigresen pada ketika ini supaya kita memastikan individu yang kita mempunyai kepercayaan boleh menyebabkan fahaman *radicalism* ataupun *extremism* ini kita dapat kawal kemasukan mereka. Saya ucap tahniah kepada pihak berwajib yang telah mengambil tindakan dan menangkap beberapa orang pegawai yang kita syaki telah melakukan banyak kesalahan. Dengan

kawalan dan penguatkuasaan kita, kemudian juga kita mengambil satu langkah yang proaktif dan lebih menumpukan kepada pencegahan daripada segala-galanya sebelum kita terlewat. Sebab itulah apa yang kita sebut, adakah rang undang-undang, ataupun bentuk undang-undang yang kita ada ini mencukupi bagi memastikan supaya kita dapat mencegah sebelum perkara-perkara buruk boleh berlaku.

Saya ingin menambah satu lagi perspektif iaitu membendung kemasukan tanpa kawalan daripada *stateless*, dengan izin, *stateless people* seperti Rohingya. Kita memang simpati kepada mereka dan kerajaan sebenarnya telah membuat satu tindakan yang cukup baik sekali dalam membela nasib mereka. Akan tetapi, Malaysia telah pun disenaraikan satu ketika dahulu sebagai hub dan transit pemerdagangan manusia ataupun *human trafficking*. Kita pernah berada pada *Tier Ketiga*, dan kita pada ketika ini telah dinaikkan kepada *Tier Kedua* dan Malaysia sebenarnya, dengan izin, *on the watch*.

Jadi seharusnya kita dapat pastikan supaya *rating* negara kita akan berada pada tahap yang terbaik. Seterusnya, pihak kerajaan telah bertindak dengan pantas dalam membanteras jenayah berat melalui penguatkuasaan Akta Anti Pemerdagangan Manusia dan Anti Penyeludupan tahun 2007. Di samping itu, kerajaan juga komited dengan rakan-rakan negara ASEAN yang lain, saya sebut soalan dari Sarawak tadi dan kita yakin dengan kebijaksanaan kerajaan dalam menandatangani *ASEAN Convention Against Trafficking in Persons Especially Women and Children* ataupun ACTIP.

Saya berharap agar kerajaan akan mengambil satu tindakan yang serius dalam menguruskan perkara ini dengan baik tanpa menjaskan nama baik Malaysia dan rakyatnya yang sangat prihatin dengan kepayahan dan juga masalah yang dihadapi orang-orang *stateless* ini. Jadi, satu perkara yang saya hendak sebut tentang dadah tadi, kita berharap kepada pihak kementerian memperkasakan pejabat-pejabat antidadah pada setiap negeri dan daerah. Pada ketika ini, di daerah-daerah tidak ada mempunyai peruntukkan-peruntukkan yang mencukupi. Kita sudah dilantik sebagai Ahli Parlimen sebagai Pengerusi, kita kena tanggung semuanya. Akan tetapi kita yakin, usaha ini sebenarnya kerjasama kita semua. Jadi kita tidak ada masalah, tetapi kita berharap supaya pihak kementerian dapat memperkuuhkan pejabat-pejabat kita.

Akhirnya bagi menghormati masa, saya hendak tanya satu pada pihak Menteri, adakah pihak kementerian akan memastikan sumber-sumber dan kepakaran dan peralatan kita cukup bagi memastikan supaya kemasukan orang-orang yang tidak kita ingini ini dapat kita bendung? Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya sikit Tuan Pengerusi, berapa banyakkah masa yang saya ada untuk hendak habiskan jawapan ini? Memandangkan ada dua lagi kementerian selepas ini?

**Tuan Pengerusi:** Sepuluh minit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sepuluh minit? Sepuluh minit lagi saya suka. Jadi saya akan menjawab mengikut masa yang diberikan oleh Tuan Pengerusi.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada seramai enam belas orang sehingga Yang Berhormat Jasin. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017, Peringkat Jawatankuasa di Dewan yang mulia ini pada 22 November 2016 ini, antara lain menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab kenyataan yang telah dibangkitkan Yang Berhormat, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kerajaan, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau dan Kementerian Kewangan menyediakan Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan keseluruhan sebanyak RM12,814,921,100.00 bagi tahun 2017. *Insha Allah*, Kementerian Dalam Negeri akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberikan impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan, kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama oleh kementerian ini.

Saya akan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut, pertama keselamatan dan ketenteraman awam, polis dan kawalan sempadan, penjara, pendaftaran, imigresen dan pekerja asing, pembangunan dan infrastruktur dan akhirnya antidadah.

Saya juga hanya akan menjawab soalan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini. Jadi untuk soalan yang pertama tadi, yang datang daripada ahli Yang Berhormat kawasan Batu, dia tidak hadir jadi saya tidak akan menjawab soalan yang diutarakan oleh beliau.

Seterusnya Yang Berhormat dari Bagan Serai, yang bertanyakan mengenai keberkesanan Program Pemulihan Dadah oleh AADK, dan adakah sasaran 40 peratus pemulihan AADK telah tercapai? Saya hendak maklumkan di sini bahawa AADK sentiasa memantau aspek kebolehan klien termasuk melalui program-program dalam komuniti yang melibatkan klien-klien yang dibebaskan.

Berdasarkan kepada pemantauan dan penilaian AADK, didapati kadar kepulihan bekas-bekas klien di pusat pemulihan dadah 60 peratus dan ia melebihi sasaran 40

peratus yang telah ditetapkan oleh KPI kementerian untuk tahun 2016. AADK melaksanakan program Penilaian dan Pengukuran Kebolehan menggunakan kaedah ataupun *instrument* pengukuran kebolehan yang dihasilkan dengan amalan yang terbaik berdasarkan kepada prinsip-prinsip kepulihan SAMSHA iaitu dalam bahasa Inggerisnya- *Substance Abuse and Mental Health Services Administration*, dengan izin, di bawah *Institute of National Drug Abuse*, dengan izin. Kaedah ini mengguna pakai enam indeks kebolehan seperti berikut iaitu yang pertama ukurannya:

- (i) penggunaan dadah dan bahan;
- (ii) sokongan kebolehan;
- (iii) pekerjaan;
- (iv) kefungsian sosial;
- (v) kesediaan untuk berubah; dan
- (vi) kesihatan psikologikal dan mental

Yang Berhormat Bagan Serai juga ada bertanyakan mengenai, apakah dasar kerajaan terhadap permasalahan dadah di Malaysia, sama ada ia merupakan satu penyakit atau dilihat sebagai masalah sosial? Adakah belia-belia Malaysia selamat daripada masalah dadah? Kerajaan melihat permasalahan dadah menggunakan pendekatan *dual policy*, iaitu ia sebagai masalah keselamatan dan juga ia sebagai masalah kesihatan.

Dalam hal ini, sekiranya penagih dadah tidak terlibat dalam kes-kes jenayah, maka ia harus dilihat sebagai masalah kesihatan, dan sekiranya penagih dadah terlibat dalam kesalahan jenayah maka ia merupakan masalah keselamatan. AADK sebagai peneraju dalam menangani permasalahan dadah negara telah melihat isu ini secara keseluruhan merangkumi semua peringkat umur, iaitu di peringkat kanak-kanak sehingga dewasa. Dalam hal ini, AADK telah melaksanakan pelbagai program-program Pencegahan seperti di peringkat sekolah rendah Program Pintar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, di peringkat sekolah menengah ia melibatkan Program SHIELDS iaitu Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya dan juga di peringkat IPT ia melibatkan Program *Tomorrow's Leader*.

## ■1620

Yang Berhormat Bagan Serai juga membangkitkan mengenai apakah status pindaan undang-undang penyalahgunaan daun ketum dan adakah kerjasama diadakan dengan kementerian terlibat untuk menjalankan kajian saintifik tentang kesan penggunaan daun ketum.

Dimaklumkan bahawa cadangan pindaan undang-undang berkenaan dengan penyalahgunaan daun ketum sedang diambil tindakan oleh Kementerian Kesihatan

Malaysia. Soalan kedua, statistik penyalahgunaan daun ketum dan jumlah *kingpin* dadah yang ditangkap sehingga kini. Berdasarkan kepada rekod PDRM, statistik rampasan daun ketum (*mitragyna*) bagi tempoh tahun 2013 sehingga Ogos 2016 adalah seberat 83,612.94 kilogram. Jumlah *kingpin* dadah yang telah ditangkap semenjak tahun 2014 sehingga Oktober 2016 - 59 orang.

Seterusnya, Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan mengenai cadangan untuk mewujudkan daerah baru bagi Balai Polis Pokok Sena dinaik taraf sebagai satu buah daerah polis di Parlimen Pokok Sena.

Pada masa ini Balai Polis Pokok Sena terletak di bawah pentadbiran IPD Kota Setar. Untuk ketika ini, cadangan untuk mewujudkan daerah baru bagi Balai Polis Pokok Sena, tidak disenaraikan di bawah perancangan strategik PDRM. Namun demikian, PDRM akan meneliti cadangan ini sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk dinaikkan taraf sebagai sebuah daerah polis. Keutamaan pihak PDRM pada masa kini adalah untuk meneliti balai-balai polis di seluruh negara yang lebih mendesak untuk dinaik taraf atau dibina kompleks baru serta untuk menambahkan kekuatan keanggotaan yang sedia ada. Yang Berhormat Pokok Sena pun bertanya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal balai. Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, saya akui bahawa apa yang diberikan penjelasan tadi masih belum ada cadangan daripada pihak kerajaan. Sementara nak tunggu penelitian yang akan dibuat oleh pihak kerajaan, saya minta kalau boleh anggotanya mesti ditambah dan keadaan balai itu sendiri harus dibaiki dan diperelokkan lagi. Keanggotaan itu perlu ditambah kerana kepesatan pembangunan di situ, kerana di situ ada kawasan industri, ada pekerja asing dan sebagainya, memang pesat membangun.

Di situ kawasan daripada Jabi sampai ke Pekan Pokok Sena itu, jadi banyak kawasan-kawasan industri yang wujud yang membabitkan pekerja-pekerja asing dan sebagainya. Kemudian dengan kawasan-kawasan perumahan baru cukup banyak.

Jadi, saya minta penambahan bagi menampung jumlah penduduk di situ pada kadar yang munasabah, sebelum penelitian untuk memutuskan pewujudan IPD baru. Jadi, saya minta kalau boleh wujudkan IPD barulah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat yang prihatin mengenai masalah penduduk di Pokok Sena.

Dengan ini pihak polis telah jelas mendengar rintihan daripada Yang Berhormat Pokok Sena dan saya rasa mereka akan menumpukanlah perhatian kepada cadangan Yang Berhormat tadi untuk menambahkan jumlah anggota. Jumlah anggota ini pun perlu jumlah anggota yang berpengalaman, bukan tambah orang untuk duduk di kerusi

meja sahaja tapi kena ada orang yang ada kemahirannya dalam pelbagai bidang, termasuk untuk mengekang masalah yang ditimbulkan oleh mungkin pekerja di kilang dan juga pekerja asing. Juga Yang Berhormat fahamlah,kekangan kewangan pun di pihak kementerian juga perlu diambil kira dalam perancangan yang dibuat. Akan tetapi memandangkan Yang Berhormat minta dengan secara baik, saya rasa pihak polis boleh mempertimbangkan juga dengan baik. Terima kasih

Yang Berhormat Pokok Sena juga [Ketawa] ...Bertanya mengenai peranan UPP iaitu Unit Pencegahan Penyeludupan, di bawah AKSEM atau Agensi Kawalan Sempadan Dalam Mencegah Penyeludupan.

Kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap aspek kawalan penguatkuasaan sempadan darat negara. Dalam konteks ini pelbagai usaha telah dilakukan dan akan diteruskan bagi memastikan tahap kawalan penguatkuasaan di sempadan darat negara terus terpelihara dan bagi memastikan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Selaras dengan hasrat tersebut, kerajaan telah bersetuju dengan pewujudan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia atau AKSEM, melalui penglibatan lima agensi penguat kuasa iaitu:

- (i) Polis Diraja Malaysia;
- (ii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (iii) Jabatan Imigresen Malaysia;
- (iv) Agensi Antidadah Kebangsaan; dan
- (v) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

Di samping itu juga, AKSEM akan mengadakan kerjasama lebih rapat dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Rakyat (RELA) dan juga Kementerian KPDKKK. Jadi, AKSEM bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan dalam melaksanakan operasi bersepadu secara NBOS iaitu *National Blue Ocean Strategy*, bagi membanteras aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang dan menangani isu ketirisan ekonomi akibat daripada aktiviti penyeludupan di sempadan darat negara.

Jadi, Ketua Pengarah AKSEM telah pun dilantik dan apabila Akta AKSEM yang sedang dipertimbangkan oleh Peguam Negara bakal dibentang dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun depan, maka diharap bahawa Akta AKSEM ini akan memberikan kuasa yang lebih kepada Ketua Pengarah AKSEM untuk mengkoordinasikan semua aktiviti agensi penguatkuasaan di bawah AKSEM supaya ia akan lebih berkesan dalam mengekang masalah penyeludupan dan juga membawa kepada penghukuman mereka yang terlibat dengan aktiviti penyeludupan di negara. Bagi Yang Berhormat Pokok Sena dulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Isu yang saya nak dapat penjelasan, sebelum ada AKSEM ini, memang UPP ini sudah wujud sejak zaman berzaman lagi. Lama sudah saya masih ingat, memang lama. Dulu kalau beras Siam baru naik kereta api, mereka akan rampas macam itu saja, rampas dan sebagainya. Isunya ialah, apakah masalah kegagalan mereka nak cegah penyeludupan barang-barang yang dikatakan dari Malaysia yang diberikan subsidi oleh kerajaan ini keluar pergi ke Thailand? Macam tepung gandum dulu, kemudian minyak masak dan segala mak nenek ini, apakah masalahnya? Takkan nak tunggu Akta AKSEM baru hendak ini sedangkan UPP itu sudah wujud. UPP, nama pun Unit Pencegahan Penyeludupan, saya tidak tahu lah kalau UPP itu hanya mencegah penyeludupan dari luar masuk ke dalam, bukan dari dalam pergi keluar.

Saya tidak pastilah tetapi faham saya, UPP itu cegah penyeludupan tidak kira luar dalam. Luar ke dalam, dalam keluar mestilah dicegah kerana itu kepentingan negara kita, barang-barang yang diberikan subsidi, ini alasan kerajaan.

Jadi, seolah-olah bagi saya selama ini UPP gagal untuk nak cegah barang subsidi itu keluar dari Malaysia. Jadi, apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh UPP? Kalau lantik Ketua Pengarah AKSEM kemudian ada Akta AKSEM tapi tidak juga dapat berjalan, apakah maknanya? Minyak masak macam itu.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Saya sambung sikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Memang sekarang ini ada AKSEM, sebelum ini ada UPP dan saya dapat senaraikan di sini, ada lagi jabatan-jabatan lain yang turut sama mengambil tanggungjawab untuk mencegah pengedaran dan juga kemasukan dadah dalam negara kita ini. Sebagai contoh, Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik, kemudian Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Majlis Penyalahgunaan Dadah, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja, Jabatan Imigresen, Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan dan banyak lagi jabatan-jabatan lain yang saya kira sepatutnya mereka ini bersepada untuk menangani bukan saja penyeludupan dadah daripada sempadan tetapi pengedaran dadah dalam negara kita.

Akan tetapi sampai hari ini dengan banyaknya jabatan yang sebegini tetapi masih lagi tahap pengedaran dan penagihan begitu tinggi dalam negara kita. Jadi, di manakah sebenarnya punca kegagalan itu?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sebenarnya, perkara ini yang saya sebut tadi mengenai kurang koordinasi di antara agensi-agensi yang dikepalai di bawah UPP ini,

yang dikepalai oleh KDN lah. Ia melibatkan kementerian-kementerian lain dan juga jabatan-jabatan yang lain. Jadi, apabila mereka membuat operasi bersepadu, unit-unit yang di bawah kawalan UPP ini, masih lagi *reporting* kepada kementerian-kementerian atau jabatan mereka yang sendiri. Jadi, kadang-kadang apabila tangkapan dibuat, timbul pula masalah di mana *follow-up* untuk penguatkuasaan, untuk tindakan undang-undang, itu tidak dibuat.

### ■1630

Sebab itu Akta AKSEM ini dibentuk khusus untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah AKSEM untuk mengepalai pegawai-pegawai daripada kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang lain yang terlibat. Maknanya mereka sekarang ini terus *report* kepada Ketua Pengarah AKSEM. Dia satu *line* saja, dia bukan ada dua *line*. Jadi dengan harapan bahawa apabila AKSEM ini dapat berjalan dengan kekuatan undang-undang di belakangnya, maka ia akan memberikan kejayaan yang lebih kepada aktiviti yang dibuat oleh AKSEM.

Satu perkara lagi saya hendak sebut fasil penyeludupan ini sebenarnya berlaku kerana perbezaan harga di antara barang-barang di Thailand dan juga di Malaysia. Memang UPP pun sekarang ini kerja dia untuk mengawal penyeludupan dua hala, bukan satu hala saja. Akan tetapi sejak beberapa tahun sebelum ini nampaknya kerana perbezaan harga di Malaysia terlebih rendah berbanding dengan perbezaan harga barang di Thailand, maka penyeludupan itu dia pergi satu hala ke Thailand untuk barang-barang subsidilah contohnya ya. Sebab itu kerajaan sekarang sedang menimbangkan sama ada kita perlu meneruskan subsidi ini kepada barang-barang tertentu yang sebenarnya menggalakkan lagi aktiviti penyeludupan. Jadi sama ada kerajaan hendak terus subsidikan barang ini atau tidak.

Kedua, barang-barang yang terlarang seperti dadah, pistol dan sebagainya yang masuk dari Thailand ke sini. Sekarang ini, masalah ini pun tidak akan dapat dikekang sekiranya kita tidak mendapat kerjasama daripada pihak berkuasa di Thailand. So, sebab itu baru-baru ini Perdana Menteri telah ke Bangkok untuk rundingan bilateral, dua hala yang mana perkara ini ditimbulkan di mana kita hendakkan kerajaan Thailand bersungguh-sungguh dalam aktiviti penguatkuasaan mereka dan mengeratkan kerjasama di antara pihak berkuasa di Thailand dan juga di Malaysia supaya masalah ini akan dapat di kawal di dua-dua pihak dan nampaknya hasilnya kerajaan Thailand memang memandang lebih serius mengenai perkara untuk membanteras penyeludupan di kawasan sempadan ini. So, akan datang dengan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan ini, *insya-Allah* masalah penyeludupan akan terus berkurangan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sekejap, hendak jawab Yang Berhormat Temerloh dulu. Yang Berhormat Temerloh tadi sama kan, boleh terima jawapan. Boleh. Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Penjelasan Yang Berhormat tadi kerana kurangnya ataupun gagalnya koordinasi antara jabatan-jabatan yang wujud dalam UPP ini bila penangkapan dibuat ada sesetengah itu pergi *report* kepada jabatan dia yang dia wakililah. Bagi saya tidak apalah, dia *report* kepada jabatan dia, makna okeylah ada *report*. Maknanya tangkapan dibuat.

Akan tetapi soalnya sekarang ini macam mana pula kerajaan kata banyak penyeludupan barang itu *pi* keluar. Seolah-olahnya gagal, UPP gagal untuk mencegah penyeludupan keluar. Bukan soal kerana kegagalan koordinasi. Kegagalan koordinasi, kelemahan koordinasi bermakna bahawa benda itu berlaku. Maknanya berjaya pencegahan penyeludupan. Pergi *report* tetapi sekarang ini banyak barang yang terlepas keluar. Saya ingat kerajaan rugi RM500 juta. Ini *claim* kerajaanlah. Maknanya Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Yang Berhormat Menteri Kewangan II kata kita rugi RM500 juta.

Jadi maknanya Unit Pencegah Penyeludupan ini gagal. Bukan soal koordinasi. Kalau koordinasi maknanya berjaya. Cuma koordinasi kerana lambat hendak ambil tindakan undang-undang dan sebagainya. Akan tetapi sekarang dia kata RM500 juta setahun kita rugi. Jadi gagallah bagi saya. Jadi apa masalah sebenarnya bagi saya. Bagi saya, saya tidak boleh terima kata kerana koordinasi itulah menyebabkan kelemahan yang menyebabkan kita gagal dalam mencegah penyeludupan. Bukan koordinasi. Koordinasi bukan jawapan bagi saya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Koordinasi itu saya maksudkan kepada tindakan seterusnya selepas tangkapan dibuat. Dalam mengkoordinasi apa-apa operasi bersama untuk penguatkuasaan, kadang-kadang ada timbul masalah orang dalam yang *leak information*, apa yang hendak dibuat dan sebagainya. Jadi kalau di bawah AKSEM yang seterusnya, penguatkuasaan ini dibuat, dia akan melancarkan lagi segala aktiviti yang dibuat oleh AKSEM berkenaan dengan jabatan-jabatan yang ada di bawahnya. Saya sendiri sudah pergi ke sempadan Perlis, Kedah dan juga baru-baru ini saya pergi ke Kelantan. Ada juga masalah budaya. Budaya orang yang tinggal di kawasan sempadan kerana dia mempunyai saudara-mara dan sebagainya di sebelah Thailand. Orang Thailand pun ada saudara-mara di sebelah sini, belah Malaysia.

Jadi masalah budaya, cara orang yang tinggal di kawasan sempadan ini juga menjadi satu kekangan juga bagi keberkesanan pihak penguatkuasaan AKSEM dan juga UPP sebelum ini. Jadi inilah masalah-masalah yang kita kena selesaikan satu

persatu, Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat jangan kata gagal terus. Mana negara yang boleh terus tutup masalah penyeludupan. Tidak ada. Indonesia pun dia ada masalah penyeludupan juga. Thailand pun ada masalah penyeludupan juga. Yang pentingnya kita kena tepuk tangan, dua tanganlah untuk menyelesaikan masalah seperti ini. Janganlah Yang Berhormat tuduh penguatkuasaan di Malaysia pula yang gagal dan sebagainya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerasi, saya kata gagal kerana kepentingan negara, kepentingan rakyat. Sebab kerana kegagalan pencegahan penyeludupan itulah menyebabkan rakyat mengalami penarikan semula subsidi terhadap minyak masak. Itu *argument* kerajaan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kerajaan menarik subsidi minyak masak kerana apa, kerana masalah penyeludupan, kegagalan kita menyekat penyeludupan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, masa saya tidak lama. Saya tidak hendaklah orang kata berbahas secara *detail* dengan Yang Berhormat ini kan. Kita bincang dekat luar nanti. Bagi *chance* pada Yang Berhormat Temerloh dengan Yang Berhormat Rantau Panjang untuk hendak tanya soalan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, macam ini orang lain banyak lagi jawapan hendak bagi ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apalah, saya kasihanlah kepada Yang Berhormat fasal cakap lemah lembut itu, okeylah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya bagi Yang Berhormat Temerloh lepas itu bagi peluang Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang Berhormat saya hendak tahu sikit tentang AKSEM tadi itu. Berapa sebenarnya di bawah AKSEM itu jabatan-jabatan yang telah pun disenaraikan yang akan berfungsi untuk kerjasama bagi membanteras penyeludupan dadah, satu.

Kemudian tentang senarai-senarai jabatan-jabatan yang disenaraikan tadi. Kalau selain daripada masalah koordinasi tadi, apa sebenarnya mereka tidak ada satu keputusan ataupun satu hasil daripada tindakan-tindakan mereka sehingga akhirnya peningkatan jumlah pengedaran dadah itu masih berkembang. Jadi ini yang kita hendak tahu sebenarnya. Sebab seolah-olah kalau saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena sebut itu. Satu koordinasi, itu teknikallah. Akan tetapi hasil tindakan daripada jabatan-jabatan yang begitu banyak tadi di mana sebenarnya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana datang kawasan saya tetapi sayang tidak jemput saya datang. Tidak beritahu. Inilah Yang Berhormat Menteri. Datang kawasan, di Parlimen tetapi datang kawasan saya sendiri tidak beritahu. Saya anak jati Rantau Panjang, saya tahu apa yang berlaku. Jadi apa yang dibuat, saya tengok realiti yang berlaku. Sekarang ini pihak keselamatan meletakkan pasukan PGA di sekitar Sungai Golok sedangkan bidang kuasanya terhad. Saya dapat aduan, makluman bagaimana mereka boleh menangkap, tetapi mereka tidak ada kuasa untuk menggeledah, *check* barang-barang, itu bukan bidang kuasa mereka. Jadi ini antara punca kelemahan.

Begitu juga apabila penguatkuasaan sempadan Imigresen. Lepas pada 10 malam sepatutnya tidak boleh keluar, memang pintu *gate* dikunci tetapi di sepanjang sungai, sepanjang waktu rakyat boleh menyeberang. Pukul 10 malam ramai remaja yang keluar ke seberang untuk mungkin kerana ada program hiburan dan sebagainya ke negara jiran. Jadi apabila ini menyebabkan isu sosial. Saya dimaklumkan oleh pihak Imigresen, ada yang balik pukul 3 pagi, muntah depan tempat Imigresen. Macam mana ini berlaku, apabila saya telah buat aduan beberapa kali, beritahu dalam Dewan ini beberapa kali tetapi tindakan tidak dibuat.

Jadi macam mana ini berlaku. Begitu juga saya pernah jumpa, turun padang, *check* macam mana penyeludupan minyak berlaku. Apabila saya pergi ke Thailand, Sungai Golok, saya pun ramai keluarga di Sungai Golok. Apabila kita pergi ke sana, ramai jual macam goreng pisang jual minyak subsidi Malaysia. Macam mana begitu? Apabila saya cuba *check* tanya orang yang memang duduk hari-hari bawa penyeludupan, dia kata dia bayar bulan pada pihak penguasa. Ini realiti. Saya cakap ini realiti. Dia bayar bulan.

#### ■1640

Begitu juga isu dadah, tidak selesai, isu penyeludupan senjata tidak selesai. Apabila kita tanya, “*Macam mana tangkap-tangkap, lepas?*” “*Bayar bulan*”, dia kata. Ini realiti. Jadi penyelesaian ini tidak akan selesai selagi tidak ada integriti. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya mohon maaflah tak maklum dulu sebelum datang masuk kawasan, tidak *assalamualaikum* dulu. Tetapi saya tahu Yang Berhormat akan menyentuh perkara-perkara mengenai kawasan Yang Berhormat dalam Dewan ini pun tetapi saya hendak dengar sendiri daripada pegawai-pegawai penguatkuasaan ini.

Masalah integriti memang menjadi masalah yang besar. Ganjaran yang boleh diterima daripada aktiviti penyeludupan ini memang tinggi. Jadi nafsu ini memang sentiasa tinggi. Sebab itu saya katakan tadi, nafsu sentiasa tinggi dalam kalangan anggota penguatkuasaan yang terlibat. Kalau ada AKSEM, ada satu saja ketua pengarah, semua anggota ini kena dipertanggungjawabkan di bawah satu orang. Sekarang ini anggota KPDNKK, KPDNKK lah, anggota RELA, Imigresen ini semua bawah KDN. Akan tetapi jangan lupa, di sepanjang Sungai Golok itu pun saya lihat sendiri ada banyak port yang tidak dibenarkan, haramlah kiranya untuk melintas. Sungai itu bukan panjang sangat pun dan kawasan tersebut tidak dijaga oleh PGA, tidak semua tempat dijaga oleh PGA. Ia juga dijaga oleh angkatan tentera.

Jadi harapannya selepas ini, kalau AKSEM ini dapat dikembangkan, maka anggota-anggota tentera yang terlibat di kawasan-kawasan yang sepanjang Sungai Golok yang bukan dijaga oleh AKSEM ini akan dilibatkan sekali di bawah satu *command*. Jadi kita boleh pertugaskan kepada satu orang. Hal integriti, hal pengurusan, hal efektif, bagaimana efektifnya penguatkuasaan, satu orang akan jawab, bukan banyak orang yang jawab macam sekarang ini yang sebab itu tindakan pun susah hendak diambil.

Akan tetapi saya ambil kiralah, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ada satu persefahaman. Kita hendak selesaikan masalah ini secara bersama. Boleh jawapan itu? Boleh ya? Okey [Ketawa]

Yang Berhormat Temerloh, masalah yang sama juga berkenaan masalah dadah ini. Dulu dadah, dadah yang organik. Dia nak seludup daripada sempadan, kena bawa barang itu. Selepas itu- saya pun baru di sempadan semalam, memang ada kekurangan daripada segi *scanner* nak imbas barang-barang masuk dalam negara, tidak ada. Mungkin ada satu sajalah tetapi patutnya perlukan pelbagai, perlukan *scanner* untuk lori dan sebagainya. Jadi perkara ini kami akan bawa kepada Kementerian Kewangan di mana Kastam menjadi anak buah di bawah Kementerian Kewangan. Jadi barang yang nak masuk ini, kalau bahan dadah organik, pun kita boleh juga nak kesan.

Masalah dadah dalam negara kita, Yang Berhormat, bukan sahaja dadah yang diseludup masuk dalam negara kita tetapi dadah yang dibuat dalam negara kita. Maknanya dadah berbentuk kimia. Penyeludup itu bawa masuk barang-barang, *ingredient*, bahan-bahan inti untuk buat dadah ini berasingan. Selepas itu dadah itu dibuat di dalam negara Malaysia. Jadi kalau kita nak tahan masalah penyeludupan dadah seperti dadah kimia dari sempadan pun, dadah tersebut tidak dibawa sepenuhnya sebagai dadah, ia dibawa sebagai inti-inti kepada pembuatan dadah tersebut.

Jadi, ini dua perkara yang berbeza tapi kita sentiasa mengambil kira perkembangan dan juga kelicikan sindiket-sindiket dadah ini yang sentiasa bertindak, dengan izin, *one step ahead of the police*. Jadi saya berterima kasih di atas rintihan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, dah setengah jam dah. Okey, seterusnya Yang Berhormat dari Lumut yang minta penjelasan berkaitan dengan pembelian perabot di Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam yang melebihi RM800 ribu yang didakwa telah melanggar prosedur kewangan.

Pihak Jabatan Audit Negara telah menjalankan siasatan terhadap perkara ini dan Kementerian Dalam Negeri tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dalam melakukan- ini salah ini. Bukan penyelewengan. Dia langgar prosedur kewangan. Nanti saya akan maklumkan kepada pegawai saya. Ini salah ini. Tidak ada penyelewengan berlaku. Waktu itu ini timbul di PAC pun, saya jadi Pengerusi PAC. Memang ada masalah mengenai prosedur kewangan yang tidak ditepati oleh pegawai PGA ini tetapi tidak timbul itu penyelewengan dalam itu pembelian perabot ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, ia disebut dalam laporan itu bahawa ini menunjukkan pemalsuan dan penipuan terhadap dokumen pembayaran telah berlaku dalam pengurusan perolehan perabot. Dinyatakan dalam laporan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Isu ini ialah pembelian barang sebelum tutup tempoh untuk pembelian, maknanya *end of the year purchasing*. Jadi maknanya itu ini bila baki belanjawan itu ada lagi dan pembelian barang itu dibuat pada akhir tahun dan invois dikeluarkan dulu tetapi penghantaran barang itu dibuat selepas tempoh *cut off account* PGA pada ketika itu. Jadi, tidak timbul soal penyelewengan. Ia cuma soal prosedur kewangan tidak dipatuhi. Sepatutnya pembelian itu dibuat sebelum tempoh akaun ditutup dan penghantaran barang itu dibuat sebelum tempoh akaun PGA itu ditutup.

Jadi seterusnya Yang Berhormat Sungai Siput...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:** Sebelum itu, Yang Berhormat Menteri. Dalam laporan ini ada teguran daripada PAC mengesyorkan supaya KDN perlu mengenakan tindakan tatatertib atau *surcharge* terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam pengurusan perolehan ini yang menyebabkan berlakunya *improper payment*. Perancangan dan pemeriksaan yang teliti perlu dibuat oleh KDN dan PDRM dan sebagainya. Saya harap tindakan ini boleh dilihat dan ini merupakan kali pertama dan terakhirlah. Ini kerana PTG tidak mempunyai kuasa

untuk membuat perolehan sehingga RM800 ribu, kuasanya RM20 ribu sahaja, tetapi macam mana dia buat perolehan sehingga RM800 ribu? Ini menjadi persoalan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dalam hal ini, saya ada konflik jugalah pasal saya Pengerusi PAC pada ketika itu meminta tindakan diambil oleh KDN. Sekarang ini saya duduk di KDN pula, kena menjawab isu ini [Ketawa]

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid [Lumut]:**  
*All right.* Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi, jawapan yang saya terima ini ialah KDN memang dah buat penyiasatan dan tindakan telah diambil dalam hal ini. Itu sahaja yang saya boleh jawab pada ketika ini. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Sungai Siput bertanya apakah keperluan wujudkan permit kerja untuk pemohon suaka yang melibatkan pelarian Rohingya.

Jawapannya ialah walaupun Malaysia bukan negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967, tindakan negara dalam mengendalikan migran dan pelarian atas dasar kemanusiaan jelas membuktikan bahawa Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab melebihi obligasi sedia ada negara di peringkat antarabangsa.

Bagi etnik Rohingya yang berada di Malaysia, kerajaan kini dalam tindakan melaksanakan projek perintis kebenaran bekerja untuk pemegang kad UNHCR etnik Rohingya yang memberikan kebenaran bekerja kepada seramai 300 orang etnik Rohingya yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Peserta projek perintis ini akan dibenarkan bekerja dalam sektor perladangan dan perkilangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya mengapakah Menteri tidak menggunakan kuasa untuk mempercepatkan urusan kewarganegaraan kanak-kanak yang berstatus *stateless* yang dilahirkan oleh ibu yang bukan warganegara tetapi bapa warganegara.

Jawapannya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kelahiran kanak-kanak yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di bawah peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Persekutuan tanpa mengambil kira taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut. Dalam hal ini, pendaftaran kelahiran tersebut tidak memberikan kewarganegaraan secara automatik.

■1650

Semua penganugerahan kewarganegaraan adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana individu yang memohon

kewarganegaraan hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat ditetapkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian ingin menegaskan sekali lagi bahawa bagi kelahiran yang berlaku tanpa perkahwinan yang sah, maka penentuan kewarganegaraan kanak-kanak adalah berdasarkan kepada kewarganegaraan ibunya sahaja. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 17, Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita yang bukan warganegara dan tanpa perkahwinan yang didaftarkan mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia. Di sini saya hendak tegaskan walaupun kuasa untuk meluluskan kewarganegaraan kuasa Menteri tetapi Menteri tetap akan mengikut landasan undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen. Bukan sewenang-wenangnya Menteri boleh meluluskan kewarganegaraan seseorang itu. Terima kasih. Tuan punya soalan dahululah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ada tanya satu hal spesifik di mana ibunya seorang warganegara di Malaysia di mana selepas kelahiran, dia memberi anak ini kepada seorang bernama Rajeswari A/P Paskaren. Suaminya Lenin Abraham. Ini adalah spesifik. Selepas itu, apabila kementerian ingin memberi *MyKid* dan surat beranak dan sebagainya, ada halangan di sana kerana menyatakan bahawa dia perlukan ibu yang sah, yang memberi anak itu semasa di hospital. *The hospital in Hospital Seremban, there is evidence of that nature.*

Akan tetapi sekarang mereka kata pergi cari ibu asal. Mereka tidak dapat lokasi ibu tersebut. Kenapakah menyusahkan perkara sedemikian? Sudah lebih daripada setahun, *what is the difficulty?* Saya ada bagi nama, *IC* yang spesifik. Boleh Yang Berhormat jawab atau secara bertulis, kalau tidak boleh hari ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya jawab soalan Yang Berhormat Sungai Siput dahulu. Perkara itu saya akan bawa sebagai jawapan bertulis kerana saya pun tidak tahu mengenai perkara itu. Terima kasih. Lupa Yang Berhormat, nama saya tahu tetapi kawasan saya lupa.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Klang.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Beruas, okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Memang kita tahu bahawa di bawah Perlembagaan kita mana-mana anak yang dilahirkan seorang warganegara ataupun mereka yang bermastautin tetap akan secara automatik, *by operation of law*, dengan izin, menjadi warganegara. Masalah yang timbul ialah dan saya tadi cadangkan ialah anak-anak yang dilahirkan ini memang merupakan anak kepada warganegara Malaysia sekurang-kurangnya seorang daripadanya. Akan tetapi oleh sebab beberapa keadaan yang berlaku dan saya bagi contoh-contoh. Saya rasa adalah perlu kerajaan menyelesaikan isu ini. Memang tadi dikatakan kita masih mesti mengikut undang-undang yang sedia ada. Akan tetapi sekarang isunya budi bicara. Jadi yang saya bagi contoh-contoh ini, mereka sudah layak *by naturalization, by registration* mengikut ibu bapa dan sebagainya.

Akan tetapi selepas mereka memenuhi semua syarat di bawah undang-undang Malaysia, kenapa kerajaan tidak menggunakan budi bicara memberikan kewarganegaraan kepada mereka ini di mana mereka tidak ada lagi tempat hendak pergi kerana mereka lahir di sini, ibu bapa di sini. Bagi contoh dan juga contoh yang berlaku. Katakan anak India ini apabila dilahirkan memang kita tahu ramai yang buta huruf dan pelbagai keadaan. Nama dalam sijil kelahirannya ditulis tiada nama. Semasa sijil lahir dikeluarkan, budak yang namanya tiada nama ini telah diiktiraf sebagai warganegara. Kemudian apabila hendak buat Kad Pengenalan, *National Registration Department* sekarang ini ketat, dia soal siasat macam-macam, kemudian tarik balik pula kewarganegaraannya. Itu satu contoh.

Ini kes tiada nama. Lagi satu kes, Chan Meng Yeng rujukan Bil. 4, JPN WN163/1/459/1-2010. Kes ini dia memang seorang budak dilahirkan oleh seorang budak India. Akan tetapi sudah diambil sebagai anak angkat oleh sebuah keluarga Cina. Sekian lama berpuluhan-puluhan tahun dalam sijil lahirnya dinyatakan warganegara. Akan tetapi apabila hendak buat kad pengenalan dikatakan kulitnya hitam sedikit, ditarik balik pula. *They are only creating a problem.* Memang dia dilahirkan oleh orang India Malaysia. Akan tetapi selepas 20 tahun mana hendak cari ibu kandung? Biasanya mereka yang berikan anak kepada yang lain memang ada masalah.

Jadi kita mewujudkan masalah untuk warganegara sendiri dengan begitu ketat sekali. Orang ini sejak kecil lagi hingga dia habis Poli- juga, sekarang dia tidak ada Kad Pengenalan merah. Dia diberikan kad sementara waktu. Pertama kali saya nampak ada Kad Pengenalan sementara waktu. Dia hendak pergi mana? Bapa angkat dia ada juga harta hendak bagi kepada dia tetapi tidak boleh masuk nama dia. Kenapa kita wujudkan masalah untuk budak yang sedemikian, yang memang berpelajaran tinggi.

Dua kes lagi Wong Yu Lee dan Wong Yu Cheng. Ini adik-beradik. Memang bapanya orang Malaysia. Dia sudah berkahwin dengan orang Filipina. Akan tetapi tidak daftarkan. Itu kesilapan mereka, tidak daftarkan perkahwinan mereka. Kemudian bapanya meninggal. Sampai hari ini kedua-dua budak ini masih duduk di Malaysia dengan ibunya. Belajar di sekolah Malaysia dan membesar. Memang budak-budak yang baik. Untuk memenuhi kehendak undang-undang setelah dinasihatkan untuk dianak angkatkan kepada orang sendiri, pun saya sudah tolong buatkan anak angkat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk sekejap Yang Berhormat. Saya tidak tahu kalau ada waktu siapa yang berhujah perkara begini ditimbulkan. Saya cadangkan kalau perkara baru seperti begini dan spesifik, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tulis surat, beri *detail* kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita tidak panjang masa sangat. Boleh begitu?... *[Disampuk]* Ya, kalaupun ada Yang Berhormat bangkitkan, kalau macam perkara begini Yang Berhormat Beruas boleh tulis surat secara *detail*. Selepas itu nanti ambil tindakan yang sewajarnya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat saya tarik balik *floor* Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Okey. Satu minit. Saya mohon kepada kerajaan...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bagi saya maklumat spesifik. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat, ditanya memang soalan dia. Jadi saya bagi dia tanya soalan spesifik.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya pun mencelah. Saya minta kerajaan satu polisi baru. Mereka yang memang anak orang Malaysia, kita berikan kewarganegaraan kerana kes ini menyebabkan lebih banyak masalah sosial.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Kulai hendak tanya soalan spesifik kah atau hendak tanya soalan berkenaan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Isu undang-undang tentang kerakyatan ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sentuh, sebut bahawa ikut undang-undang sekarang ibu bapa mestilah mendaftarkan perkahwinan mereka. Barulah anak-anak itu berhak untuk dapat kewarganegaraan, kerakyatan ikut ayah.

Akan tetapi saya tidak setuju sedikit. Saya ingin merujuk dengan izin, kepada *Second Schedule of Federal Constitution*, Jadual Kedua yang menyatakan di sini, “*Citizenship by operation of law, of person born on or after Malaysia Days*”. Di sini menyatakan dengan begitu jelas bahawa, “*The following persons born on or after Malaysia Day are citizen by operation of law’ that is to say:*

- (a) *every person born within the federation of whose parents one at least is at the time of the birth either citizens or a permanently resident in the federation.”*

#### ■1700

Jadi di sini, apa yang anak itu perlu tunjuk adalah semasa beliau dilahirkan, ibu bapa salah satu orang warga Malaysia ataupun PR di Malaysia adalah mencukupi. Ya, ibu bapanya mungkin tidak mendaftarkan perkahwinan mereka tetapi sekiranya anak tersebut boleh menunjukkan laporan ujian DNA untuk membuktikan bahawa orang itu ayah dia memang merupakan seorang warga Malaysia dan dia memang merupakan anak kepada orang itu, apakah kesilapan untuk kita memberi kerakyatan kepada orang tersebut? Ini kerana kalau ikut Perlembagaan Persekutuan, hanya sebut bahawa ibu bapa, salah satu orang adalah mencukupi. Kalau sekarang, saya rasa syarat bahawa ibu bapa itu mestilah mendaftarkan perkahwinan mereka, itu sebenarnya tidak nyata dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

Jadi di sini, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa cukup banyak Ahli Parlimen menyentuh, membangkitkan isu ini dan kita perlu pandang serius tentang isu ini kerana sekarang isu ini sudah menjadi isu untuk generasi kedua. Oleh sebab mereka tidak ada kerakyatan, apabila mereka kahwin, mereka tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka dengan warga Malaysia.

Oleh sebab itu, kanak-kanak mereka sekarang juga menjadi *stateless children*. Jadi di sini, saya memanglah hendak minta simpati daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bangkitkan isu ini dengan Menteri Dalam Negeri supaya cari satu penyelesaian untuk membantu golongan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Limbang. Tuan Pengerusi, boleh? Sikit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Limbang dulu, bagi saya Yang Berhormat Limbang dulu. Sekejap.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak berhubung dengan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Kulai tadi. Memang betul di kawasan kita yang terjadi perkara begini penduduk orang kampung di

luar bandar, petani, nelayan. Memang ada kes-kes begini juga terjadi. Cerita lamalah ya, cerita lama.

Memang ada jawapan daripada kementerian tetapi dalam sesetengah jawapan itu meminta mereka ini membuat ujian DNA sebab bapa atau mak, mungkin tidak mendaftar semasa kahwin dulu-dulu cara kampung. Jadi minta- tetapi terus-terang Yang Berhormat Menteri, bila mereka sudah diminta untuk buat ujian DNA ini, timbulah cerita tidak ada kemampuan untuk ini. Mungkin perkara ini dapat dilihat bagaimana, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam jawapan berkait dengan *1951 Refugee Convention* dan juga saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah mula mengambil pelarian di Malaysia khususnya Rohingya untuk kerja di Malaysia. Saya ucapkan tahniah.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya hendak cadang kepada Yang Berhormat Menteri supaya nombor satu, *cost benefit analysis* kalau boleh, supaya mempertimbangkan menggunakan pelarian di Malaysia yang sedia ada. Saya percaya lebih kurang 300,000 orang yang ada di Malaysia, kerja di Malaysia, di kilang-kilang Malaysia dan sebagainya supaya kita tidak bawa pekerja dari Bangladesh, Nepal dan lain-lain negara. Kalau ini dibuat, saya percaya Yang Berhormat Menteri, maka kita boleh mengatasi beberapa masalah yang sedia ada.

Satu, kita boleh menggunakan *human resources* yang sedia ada di Malaysia dan juga kita tidak bawa pekerja-pekerja asing datang ke Malaysia yang membawa masalah-masalah sosial dan sebagainya. So saya minta supaya kerajaan untuk mengatakan, adakah kerajaan boleh mempertimbangkan, membuat satu *cost benefit analysis* supaya menggunakan warga-warga pelarian yang sedia ada di Malaysia untuk kerja di Malaysia sebagai pekerja sambilan? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, Yang Berhormat Beruas tadi tanya soalan itu. Walaupun isu yang ditanya oleh Yang Berhormat itu spesifik, tetapi saya minta perkara tersebut ditulis kepada saya dan saya hendak maklumkan di sini bahawa segala permohonan, dipertimbangkan secara *case-by-case* Yang Berhormat. Bukan ditolak tepi dan tidak dipertimbangkan. Soalnya sekarang ini, apabila ia berkenaan dengan Perlembagaan, jadi perlu ada satu ketetapan dari Mahkamah Agung juga mengenai hal ini. Bukan sahaja ia boleh jadi satu penyelesaian politik tetapi ia juga perlu ditangani di peringkat Mahkamah Agung kerana ia berkenaan dengan Perlembagaan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya, mereka ini rakyat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak. Perlembagaan sekarang ini tidak fleksibel daripada segi itu. Ia ada interpretasi yang dipakai oleh Mahkamah Agung sekarang berkenaan dengan syarat-syarat untuk mengatakan seseorang itu warganegara.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Warganegara.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi bukan *straight forward* ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ia ada kategori. Mereka sudah memenuhi kategori itu. Masalah sekarang ini ialah budi bicara pihak kerajaan. Itu sahaja. Memang saya setuju kalau dia tidak layak kerana Perlembagaan tidak memberi hak kepada kerajaan untuk memberi kewarganegaraan, itu saya faham. Akan tetapi, mereka ini dengan latar belakang yang berbeza, sekarang boleh rakyat di bawah kategori-kategori lain. Akan tetapi sekarang masalah hanya budi bicara pihak kerajaan. Saya mohonlah kalau boleh, mereka memang rakyat Malaysia, sudah tinggal di sini, lahir di sini, tidak ada lain-lain negara hendak mereka mengadu. Haraplah budi bicara ini akan dibuat memihak kepada mereka.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Itulah seperti saya kata tadi, memang *case by case*, budi bicara digunakan. Cuma mungkin kena tengok secara *detail-lah*.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kadang-kadang, Yang Berhormat sebut tadi mengenai soal kenapa waktu dia lahir, dia disahkan sebagai warganegara, keluar *MyKid card* dan sebagainya. Akan tetapi bila dia hendak ambil *IC* dia yang pada umur 12 tahun, ada masalah kerana juga ada kes-kes di mana persuratan atau dokumen yang dikeluarkan waktu dia lahir tidak sah atau palsu dan sebagainya. Jadi, sebab itu perkara ini perlu diteliti oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) secara *case-by-case*. Dia tidak boleh ada satu keputusan secara menyeluruh kerana dia perlu lihat juga daripada segi kesahihan tersebut. Yang Berhormat cakap tadi saya faham. Sudah 20 tahun umur, baru hendak cari balik ...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, kalau semua dokumen sah, tidak payahlah hendak cari masalah. Dia automatik jadi warganegara. Kita takkan bangkitkan isu ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak. Itu saya tidak mahu mengulas kes spesifik ya. Mungkin ada masalah-masalah lain. Dokumen itu diserahkan tetapi dokumen tersebut ada dia punya *defect* dia. Mungkin tidak lengkap ataupun ada maklumat yang tidak sesuai. Jadi saya tidak hendak ulaskan secara *case-by-case* pasal ini kita habis..

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya bagi satu contoh undang-undang.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sudah, sudah, sudah. *I mean* sudah, sudah, sudah. Saya bagi jawapan yang bertulis. Nanti bagi kepada saya secara bertulis...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, duduk Yang Berhormat Menteri, duduk dulu Yang Berhormat Menteri. Duduk dulu Yang Berhormat Menteri, duduk. Yang berdiri itu duduk dulu.

Ini bukan lagi cara Parlimen *by* ini. Ini sudah cara duduk di kedai kop... *[Dewan riu]* Ini kerana ada lagi perkara yang penting untuk di bahas. Itu sebab saya sarankan tadi, tulis surat secara *details* kerana kalau saya ikuti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, ini melibatkan soal *very technical*, maknanya dengan Perlembagaan. Jangan bawa di sini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, kita bawa di sini kerana semua sudah ditolak.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri tidak akan dapat jawab juga.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya bantu Yang Berhormat. Itu sebab saya kata, tulis surat, lepas itu Yang Berhormat dapat timbang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, kita sudah tulis surat, sudah mohon. Semua ditolak sebab itu kita mohon polisi kerajaan mesti ditukar. Budi bicara.

**Tuan Pengerusi:** Lepas itu rayu lagi Yang Berhormat. Itu saya kata, tulis lagi, rayu lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebab itu, itu sahaja sebab memang kita sudah tulis dan ditolak.

**Tuan Pengerusi:** Ada nanti Ahli-ahli Yang Berhormat, saya duduk sahaja di sini selepas itu kamu berceritalah... *[Dewan ketawa]* Sila. Yang lain, kita ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bagi saya jawab sikit dahulu. Yang Berhormat Kulai tadi, jawapan saya, saya rasa ada merangkumi juga mengenai Perlembagaan itu perlu diinterpretasikan dengan lebih lanjut oleh Mahkamah Agung.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya hendak cakap di sini bahawa pandangan daripada Yang Berhormat Limbang itu yang datang dari Sarawak, Sarawak dan Sabah, isu mengenai hal warganegara ini memang isu yang begitu...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Rumit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Panas di Sabah dan Sarawak dan ia berkenaan dengan budaya juga di mana di sempadan Sabah dan Sarawak ini, dia tidak anggap ada sempadan. Di Malaysia dengan Kalimantanah, dia tidak anggap ada sempadan. Jadi untuk dia, dia tidak faham dan sebagainya *and then* akhirnya, bila anak itu sudah dilahirkan dan sebagainya, ia timbul masalah. Ya, jadi jawapan saya itu sahajalah. Kita akan pinda Perlembagaan. Selepas itu kita akan apa? Kita bukan. Salah cakap itu *[Ketawa]*

▪ 1710

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh, boleh pinda Perlembagaan. Kami akan sokong.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kita akan minta Mahkamah Agung untuk hendak bagi interpretasi yang sebenar. Isunya DNA...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Satu cadangan, satu cadangan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Isu ujian DNA setakat ini tidak diterima sebagai satu bukti.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kenapakah?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kerana dia belum lagi ada *ruling* dari mahkamah mengenai kesahihan menggunakan *DNA test*.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya rasa sebenarnya kita di Parlimen, kita buat undang-undang dan *this is Sovereignty of Law*, maksudnya akta ataupun undang-undang yang dibuat di Parlimen ini adalah yang paling berkuasa.

Jadi cadangan saya di sini adalah bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempertimbangkan bahawa biarlah kita wujudkan satu Jawatankuasa. Ada melibatkan Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, kerajaan, ada juga melibatkan Ahli Parlimen daripada pembangkang. Kalau memang kita perlu meminda ini Perlembagaan Persekutuan ini, saya rasa dua-dua pihak kita boleh kerjasama atas isu ini untuk membantu *stateless children* ini. Bukan satu masalah.

Saya rasa ada *ruling* dari Mahkamah Agung yang cakap bahawa tidak boleh kasi mereka kerakyatan walaupun mereka ada ini laporan ujian DNA. Memang setakat ini tidak ada kes yang menyatakan begitu. Jadi kalau kita perlu ubah undang-undang untuk memberi kuasa kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membantu golongan ini, biarlah kami wujudkan satu Jawatankuasa yang melibatkan dua pihak. Kerajaan dan juga pembangkang. Kita boleh kerjasama untuk mengatasi isu ini dan cari satu penyelesaian secara selama-lamanya. Tidakkanlah kita setiap kali perlu bangkitkan isu ini.

Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, sekejap. *Related. DNA.*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu tafsiran Perlembagaan kita telah masuk ke mahkamah beberapa kali dalam kes-kes macam ini. Saya ingat lebih sepuluh kes dan mereka menang. Mereka ada bapa yang warganegara, ibu yang bukan warganegara. Pada masa anak itu beranak, belum lagi berkahwin. Pergi ke mahkamah dengan DNA semua dan menang di mahkamah. So jika kita tengok tafsiran Perlembagaan, dalam *High Court*...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Mahkamah mana?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *High Court* dengan *Appeal Court.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...*Court*, Mahkamah Agung?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Sorry? Tidak, selepas *Appeal Court*, kerajaan tidak *appeal* lagilah. So ada kes macam itu dan banyak kes yang kita kendalikan adalah daripada B40. Mereka yang miskin. *Situation* dia ini *stateless* ini, pinggirkan dia lagi. So saya rasa kita kena kaji balik kes-kes yang kerajaan ambil lawan dengan kes ini dan kalah sampai Mahkamah Rayuan, tengok adakah tafsiran kita di jabatan mungkin tidak betul dan buatlah ini *administrative. Nothing to fight about*. Mereka beranak di sini, bapa orang Malaysia, tinggal di sini, jika kita tolak dia pun, dia hendak pergi ke mana? *And it just marginalize* dia lagi. So saya rayumlah. Kaji balik. Saya sendiri ada lebih kurang 20 kes dan saya ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat lain juga ada kes *and this is all poor people*. So saya haraplah kaji balik kita punya pendekatan. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, sekejap. Sikit sekejap. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan perbincangan tadi kerana saya dari Sarawak. Di Sarawak pun terdapat banyak kes.

Jadi saya hendak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang kita berada pada zaman yang moden di mana DNA sekarang banyak digunakan. Kenapakah kita tidak mahu memodenisasikan cara kita untuk membuat ujian tersebut? Saya hendak minta pengesahan kementerian, kalaularah ujian DNA boleh digunakan untuk menjatuhkan hukuman kepada Dato' Seri Anwar, kenapakah ia tidak boleh dipakai dalam kes ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Pengerusi, boleh celah sikit. Sedikit lagi. Tadi Yang Berhormat Kulai dan juga Yang Berhormat Stampin. *Just now*, dengan izin, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata, DNA belum dapat digunakan. *Just to correctionlah* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun ada keliru sedikit sebab ada kes-kes begini di kawasan saya ada rakyat yang menerima jawapan daripada kementerian. Memang dalam surat itu menyuruh dia ambil DNA. Memang ada dia suruh. Itu saya ada keliru sedikit apakah memang belum diiktiraf. Jadi kenapa dalam surat jawapan ada yang menyuruh rakyat mengambil *test DNA*? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** DNA merupakan satu syarat dan bukannya kalau lepas DNA itu, maknanya kementerian akan keluarkan kewarganegaraan. Ia satu syarat. Itu saya hendak terangkan di situ. Kalau pihak kementerian minta DNA itu, ia mungkin sebagai satu syarat untuk menguatkan lagi permohonan untuk mendapatkan warganegara tetapi bukannya pas syarat DNA, terbukti anak tetapi terus di bawah Perlembagaan boleh diberikan kewarganegaraan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Itu saya hendak *clearkan* perkara itu. You pun sama, kan? Soalan sama, kan? Kenapa boleh pakai DNA pada kes lain, yang ini tidak boleh.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kena tukar Perlembagaan dululah ataupun interpretasi dari Mahkamah Agung mengenai penggunaan DNA itu sendiri. Yang Berhormat Batukah Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak apalah, Yang Berhormat Padang Serai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya rasa masalahnya sebenarnya bukan peruntukan masalah dari mahkamah ataupun keputusan *Federal Court* dan sebagainya. Masalahnya ialah kerana kita bawa banyak kes seperti ini ke JPN dan sebagainya, *problemnya* permintaan berbagai-bagai dokumentasi dalam kes-kes yang sebenarnya tidak perlu kerana kes di mana seorang lahir seperti contoh yang saya beri tadi di Padang Serai, lahir di Malaysia, duduk di Malaysia sampai 80 tahun tetapi kementerian dan JPN masih meminta berbagai-bagai dokumen dan masih tidak meluluskan. Setahu saya apa yang ada dalam Perlembagaan itu mencukupi. Mencukupi, dan *adequate* dan tidak ada keputusan mahkamah yang

menjadi suatu masalah dalam permohonan-permohonan untuk kerakyatan ini. Tidak ada kerana *the constitution if you ask me it's okay*.

Akan tetapi *all the red tape*, permohonan dokumen dan sebagainya sehingga kanak-kanak sekolah pun ramai yang tidak dapat kerakyatan walaupun kedua-dua *parents* adalah dari sini dan lahir di sini dan orang yang umur 80 tahun pun seperti di Padang Serai yang saya sebut tadi juga tidak dapat.

Sebab itu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Beruas dan sebagainya tadi, perlu satu penukaran polisi secara keseluruhan supaya pastikan bahawa masalah ini tidak timbul *because*, dengan izin, *it is not good for the country* kalau ada ramai dalam keadaan seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh sedikit? Kita dengar, sebenarnya semua yang kita deal dengan kes ini, satu masalah ialah ia tidak ada SOP atau *step* yang konkrit. Kalau katalah 'A', *you kena prove this*, dan lepas itu DNA, *after DNA 'A', 'B', 'C'. You set the guidelines- 'A' to 'Z'* supaya orang tahu *where this is*. Akan tetapi dalam pengalaman kita, bila minta DNA, dapat DNA, ada pula *other issues*. Selepas itu hendak cari surat lahir ibu, kemudian hendak cari *signature* ayah. Bila dapat itu pula, ada syarat yang baru. *So that is why* Kementerian Dalam Negeri, *can you publish something that seven steps kah, eight steps kah, twenty steps pun tidak apa, apakah cara supaya seseorang itu dan satu rayuan sahaja?* Dalam isu ini, ia melibatkan kanak-kanak. Kalau kesilapan pun, ibu bapa. *Let us sometimes give amiss rather than* kita *punish* kanak-kanak itu, tidak apalah. Kalau betul kita dalam prosedur ini, *some of the parents who are not genuine*, dengan izin, *not genuine* ibu bapa dia bukan dari Malaysia tetapi *at least we let go somebody rather than punishing a lot of people*. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *just one*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkenaan dengan DNA, saya faham bahawa keluarga terpaksa bayar *to test this*. Kalau DNA ini bukan *step* yang terakhir, kosnya sangat tinggi. Saya pun... *[Disampuk]* RM7,000 saya dengar... *[Disampuk]* RM3,000? *It is a big sum of money*, Tuan Pengerusi. Sebelum itu juga, boleh saya ingin meminta penjelasan. Satu, di Sabah banyak masalah pasal kerakyatan dan balik-balik orang Sabah tanya, bilakah *devolution* ataupun *decentralization* dibuat di mana Sabah mengendalikan pengurusan kewarganegaraan dan juga pengeluaran *I/C* di Sabah? *Maybe that something you can consider* di Sabah, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, sebenarnya memang kerajaan simpati dengan nasib mereka yang masih lagi *stateless*.

**■1720**

Jangan salah faham. Kita memang simpati dan kita juga takut masalah sosial yang akan wujud sekiranya jumlah mereka yang *stateless* ini, yang tidak ada harapan lagi, makin bertambah dan juga boleh mengubah struktur sosial di negara kita. Soal sekarang ini dan saya sudah ulang perkara ini, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat hendak terima atau tidak terimalah. Kalau hendak guna budi bicara Menteri, Menteri kena yakin dengan dokumentasi dan bukti bahawa anak mereka yang terlibat tersebut adalah betul-betul sahih atau tidak.

Oleh sebab itu, timbul isu mengenai dokumen ini, dokumen itu, DNA dan sebagainya. Yang Berhormat Batu tadi menyatakan bahawa patut diwujudkan SOP oleh Kementerian Dalam Negeri secara *final*, menyeluruh supaya SOP ini ditetapkan, kalau dipenuhi semua syarat, maka automatik. Soalnya dalam hal ini bukan automatik, ia budi bicara Menteri. Menteri perlu diyakinkan dahulu dan kalau ada SOP pun, kadang-kadang ada yang syarat-syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh pemohon tersebut, bukan automatik.

Jadi, saya hendak tekankan sekali lagi di sini, kalau hendak guna budi bicara Yang Berhormat Menteri, boleh tetapi Yang Berhormat Menteri kena yakin dan ada orang yang telah diluluskan juga, bukan tidak ada. Ada tidak? Yang Berhormat, ini perkara betul kan? Ada juga Yang Berhormat Menteri meluluskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yalah saya tahu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itulah, *that is the problem*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *I know yes. Yes, but Minister has, dengan izin...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam *one family, three got it, two don't have it. I mean that is a bit strange kan?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dalam hal ini Yang Berhormat Menteri kena hati-hati dalam meluluskan warganegara ini kerana warganegara Malaysia adalah merupakan warganegara yang dikejar oleh ramai orang. Tidak ramai orang hendak jadi warganegara Indonesia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Betul.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Berbeza dengan orang yang hendak menjadi warganegara Malaysia ataupun *Philippines* ataupun Thailand dan sebagainya. Dia hendak jadi warganegara Malaysia fasal banyak *benefitnya*. Pasport yang tanpa

*restriction* dan sebagainya. Menteri Kewangan Kedua kata, dapat subsidi, itu bercanda ya.

Akan tetapi isunya juga adalah ke depan, memang masalah ini perlu ditangani dan sentiasa difikirkan oleh pihak KDN. Cuma sekarang ini Yang Berhormat Menteri kena diyakinkan dahulu mengenai kesahihan seseorang tersebut. Tadi ada ditimbulkan, macam tadi Yang Berhormat Padang Serai pun cakap, ada pengundinya lahir yang umur 80 tahun. Itu lahir sebelum merdeka lagi, di mana undang-undangnya berbeza. Ada juga mereka dilahirkan waktu Mageran, di mana ordinan undang-undang dijalankan tanpa Parlimen. Ada juga perbezaannya, itu yang timbul ordinan untuk Sabah dan ordinan untuk Sarawak.

Oleh sebab itu tadi Yang Berhormat dari Sabah mengatakan mengapa tidak serahkan kuasa pada Sabah sahaja untuk menentukan kerakyatan Malaysia. Sarawak sahaja yang meluluskan tetapi ada perbezaan undang-undang di antara Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian di Sabah dengan undang-undang kelahiran dan kematian di peringkat Persekutuan.

Jadi, ada isu-isu yang perlu ditangani dahulu sebelum sesuatu permohonan dapat diputuskan. Tadi Yang Berhormat dari Klang tadi, kenapakah *you* pergi balik? Saya sudah jawab tadi *you* pergi balik [Ketawa] *You* tidak puas hati kah jawapan saya? Etnik Rohingya ini saya sudah sebutkan dalam jawapan saya, sekarang ini Kementerian Dalam Negeri sedang menjadi *lead agency* dalam melaksanakan Projek Perintis Kebenaran Bekerja untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya yang untuk memberikan kebenaran bekerja kepada seramai 300 orang Etnik Rohingya yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Peserta projek perintis ini juga akan dibenarkan bekerja dalam sektor perladangan dan perkilangan. Maknanya, kerajaan sedang melaksanakan apa yang, Yang Berhormat katakan tadi.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya tadi saya terima, saya katakan syabas kepada pihak kementerian. Akan tetapi soalan saya ialah mengapa tidak boleh memperluaskan kepada semua pelarian di Malaysia yang ada lebih kurang 300,000. Saya buat cadangan ini supaya kita kurangkan pembawaan pekerja asing dari Bangladesh, Nepal dan sebagainya. Sebab ini sumber manusia yang sedia ada di Malaysia. Mengapakah kita tidak gunakan mereka? Itu soalannya dan juga adakah kerajaan sedia untuk membuat satu *cost benefit analysis* untuk menggunakan pekerja-pekerja, *I mean* pelarian ini di Malaysia yang sedia ada untuk kerja di kilang Malaysia, ladang-ladang di Malaysia dan juga di hotel-hotel di Malaysia. Itu soalannya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih atas soalan itu. Jadi, Yang Berhormat memujilah langkah daripada kerajaan ini?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Bila buat bagus.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Orang sini dapat lebih kebaikan daripada Rohingya tetapi akan kita bincang itu.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kita bincang di luarlah mengenai *detailnya*. Saya hendak betulkan *figure* Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat kata ada 300,000 orang pelarian Rohingya di Malaysia, itu tidak...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Bukan Rohingya sahaja tetapi semua, semua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang didaftarkan di bawah UNHCR baru 160,000. Yang Berhormat dapat daripada mana ini?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Maksudnya di sini ialah ada masalah dengan *registration* dengan UNHCR. UNHCR is very-very slow and can't be trusted. There are much more, many more pelarian di Malaysia daripada Rohingya dan UNHCR does not reflect the number of people who exist here. Pelarian...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat memberikan satu angka yang tidak boleh di *verify* ini, yang kita gunakan angka yang digunakan oleh UNHCR pun Yang Berhormat mempertikaikan juga jumlahnya *[Ketawa]* Akan tetapi jumlah yang kita boleh pakailah, kita pakai secara rasmi yang dipersetujui oleh UNHCR dengan kerajaan ialah seramai 160,000 orang. Saya tidak hendak nanti Yang Berhormat sebut 300,000 orang pelarian di Malaysia ini karang di kalangan rakyat timbul pula kekhawatiran pula ada ramai pula pelarian di samping kebanjiran pekerja asing yang ada di negara kita. Jadi, saya hendak terangkan sedikit mengenai ciri-ciri pelarian Rohingya ini dan juga...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Sekejap, sekejap.

Juga kesesuaian mereka untuk bekerja dalam pekerja yang formal. Budaya mereka juga ada mempengaruhi keputusan mereka untuk hendak bekerja di pekerjaan yang formal, yang *fixed*. Mereka ini kebanyakannya tidak suka dengan pekerjaan yang telah tetap, suka bekerja sambilan dan sebagainya.

Jadi, masalah budaya mereka sendiri pun perlu ditangani juga sebelum kita boleh meluaskan lagi tawaran untuk bekerja ini kepada mereka dengan lebih luas kepada ramai orang. Oleh sebab itu kerajaan mengadakan program perintis ini dahulu, seramai 300 orang ini dahulu, kita *test them out and then we have our lessons learnt*

*from the pilot project and then after that, we will know what to do to expand the problem to other refugees like them, dengan izin...*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Adakah program ini telah mula ataupun akan dilancarkan?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sedang di *finalizedkan*.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Diuruskan sekarang?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Akan difinalizedkan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat dahulu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, terima kasih. Jadi, bermakna ada *shift in policy*lah. Sekarang bahawa kerajaan akan memikirkan ataupun berusaha atau bersetuju bahawa kemungkinan besar 160,000 atau 300,000 orang pelarian akan diberi peluang juga macam 300,000...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya kata ini adalah *test* atau *pilot programme* untuk kita mengetahui sebenarnya kesesuaian mereka untuk bekerja di sektor formal di negara kita.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *I hope the pilot doesn't apply to the Ministry and go back, it doesn't come back. I hope these pilot comes back.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Soalan serius.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Not changing policy, but we try out first to solve the problem.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan yang serius. Oleh sebab kita tidak kisahlah *the number is* 50,000 ataupun 100,000. Isunya kita sedar bahawa mereka yang hadir di sini kalau kita tidak diberi peluang kerja dan kita iktiraf supaya mereka boleh ada di sini, mereka harus hidup, makan, kena ada cara untuk mengatasi pelbagai keperluan hidup. So, sebenarnya kita tutup sebelah mata, kita tahu mereka kerja. Kalau dia tidak kerja, dia tidak akan dapat teruskan kehidupan mereka.

■1730

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Sekarang masalahnya bila penguat kuasa katalah di kawasan Selayang di kawasan saya, bila penguat kuasa tangkap mereka pun semasa mereka bekerja, kalau ada kad UNHCR lepas juga. *So in that sense* kita sudah *acknowledge* mereka kerja, so itulah sebab saya kata kita kena mempercepatkan pengiktirafan itu. Kalau tidak sebenarnya dia akan menjadi satu perkara yang memperlekehkan penguat kuasa undang-undang kita.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Batu inilah masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Sejak kita mula menerima pelarian dari Vietnam tahun 1979 dahulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Betul.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dahulu kita letakkan mereka di atas pulau dan juga walaupun kita tidak menandatangani UNHCR punya *convention* tetapi kita masih lagi atas dasar perikemanusiaan kita benarkan mereka untuk masuk dan kita iktiraf mereka sekiranya mereka ada kad UNHCR. Mereka boleh duduk di atas tanah di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan sebagainya. Ke depan memang kerajaan hendak buat sesuatu.

Jadi isu tadi mengenai Yang Berhormat kata tadi fasal Selayang saya pun tahu saya pun sudah pernah pergi ke sana senyap-senyap. Pihak polis menghadapi masalah hendak tangkap orang yang ada kad UNHCR atau tidak kerana takut nanti ada tuduhan bahawa kerajaan tidak menjaga kepentingan mereka.

Jadi pandang ke depan macam saya kata tadi jawapan daripada Yang Berhormat Klang tadi kita sedang mengadakan *pilot program* ini untuk menentukan kesesuaian dan seterusnya dasar untuk hendak menguruskan pekerja asing ini. Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat janganlah angguk-angguk lepas itu cakap jangan hilang macam MH370 pula. Itu tidak sensitif kepada mangsa-mangsa keluarga MH370. Jadi ada lagi yang saya belum jawab, soalan ada?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sudah habis?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tuan Pengerusi kata sudah habis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Belum belum soalan kita tidak jawab lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah jawab sudah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Perkara-perkara yang kita bahas tentang SOSMA, tentang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya, imigresen...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bukan saya tidak hendak jawab, pindah topik. Sabar, sabar! Ishh... *[Ketawa]* Bukan saya nak... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habis isu yang itulah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bila Tuan Pengerusi kata sudah habis, kita tanya. Banyak yang belum jawab.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey tadi Yang Berhormat Gerik ada juga membangkitkan mengenai apakah peranan dan hala tuju Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM).

Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan akta khusus berkaitan dengan agensi ini? Kerajaan menyedari keperluan bagi memperkuatkuahkan kekuatan agensi-agensi penguatkuasaan bagi menangani aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang khususnya di kawasan sempadan negara.

Bagi tujuan ini, pihak kementerian telah menyediakan draf Rang Undang-undang AKSEM yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi yang akan datang. Antara lain rang undang-undang ini akan mengambil kira keperluan memperkemaskan struktur dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia mengenai kaedah NBOS iaitu dengan penglibatan PDRM khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, AADK serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di bawah AKSEM.

Usaha ini akan membantu AKSEM untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan khususnya dengan kepakaran dan pengalaman daripada pelbagai agensi penguat kuasa. Pada masa yang sama AKSEM telah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain bagi melaksanakan operasi secara bersepadu seperti RELA, APM dan KPDKKK. AKSEM diketuai oleh Ketua Pengarah iaitu Pegawai Kanan Polis berpangkat *Senior Assistant Commissioner (SAC)* yang berpejabat di Kementerian Dalam Negeri. Bagi operasi ini AKSEM beroperasi di sempadan Malaysia-Thailand di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan dan mempergunakan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 15. Pada masa akan datang juga kawasan yang dijaga oleh AKSEM ini dijangka akan diluaskan ke sempadan Sabah dan Sarawak juga.

Yang Berhormat Gerik juga bertanya mengenai cadangan sama ada Malaysia berhasrat untuk menggunakan pendekatan seperti di negara Filipina dan Indonesia dalam menangani gejala dadah di negara ini. Kerajaan berpegang kepada konsep *no*

*size fits all*, dengan izin. Dalam hal ini Malaysia sentiasa melaksanakan pemberantasan dadah di negara ini mengikut acuan sendiri iaitu berasaskan kepada pendekatan holistik iaitu pencegahan rawatan, pemulihan dan penguatkuasaan. Juga kita perlu patuh kepada undang-undang dalam melaksanakan tindakan kita menangani gejala dadah ini dan juga memelihara hak asasi manusia pada waktu yang sama. Pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menggunakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Filipina. Cuma kita mempunyai dasar yang sama iaitu konsep *zero tolerance*, dengan izin, kepada masalah dadah ini.

Seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan isu mengenai tindakan terhadap aduan berhubung penyelewengan dan penyeludupan dadah di Jabatan Penjara Malaysia. Hal ini dalam penyiasatan. Itu sahaja yang saya boleh jawab tanpa *without prejudicing the investigation*. Tadi Yang Berhormat menyebut nama.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Menyebut dua nama pegawai yang mana mereka telah menerima wang dari seorang banduan mengatakan kalau membayar sedemikian so macam mana. *All approve was there* dan tidak ada tindakan, *many months already*. So mereka berjumpa dengan saya dan saya menulis surat kepada penjara.

Saya beritahu kepada pihak penjara bahawa, ini dari sebelum sesi bermula, saya kata sila mengambil tindakan dan memberi makluman kepada saya supaya saya tidak perlu membangkitkan perkara ini dalam Parlimen tetapi tidak ada apa-apa. *That's why I'm forced to raise the matte. It's not that I want to just raise the matter for the sake of raising the matter*. Akan tetapi rasa ini adalah *at tip of iceberg* saya rasa Tuan Pengurus bahawa bukan satu sahaja, ada banyak kes sedemikian. Saya harap penyiasatan dipercepatkan dan tindakan diambil dengan seberapa cepat yang boleh.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih kerana kesudian Yang Berhormat untuk membawa perkara ini ke dalam Parlimen ya. Akan tetapi seperti saya katakan tadi perkara dalam siasatan dan Yang Berhormat sendiri tadi bercakap mengenai *this problem is the tip of iceberg. So understand when I say that investigation is going on where the objective of getting overall result and not just the individual result. Thank you*, dengan izin.

Seterusnya Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan keperluan balai polis yang baru di daerah Kinabatangan dan daerah Tongod yang ketika ini terlalu kecil dan sempit. Jadi pihak KDN mengambil maklum dan keutamaan pihak PDRM pada masa kini adalah untuk meneliti balai-balai polis di seluruh negara yang lebih mendesak untuk dinaik taraf atau dibina kompleks baru serta menambahkan kekuatan keanggotaan yang

sedia ada. Walau bagaimanapun kita akan memberikan perhatian kepada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, masukkan Beluran Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Masukkan Beluran sekali. Baik, pegawai-pegawai saya akan mencatatkan pandangan daripada Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balainya kecil...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Mengenai kepincangan balai polis di kawasan Beluran.

Seterusnya Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Beruas. Membawa isu mengenai isu permohonan kewarganegaraan individu-individu yang bukan warganegara iaitu pemegang IC merah. Jadi jawapannya semua penganugerahan kewarganegaraan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana individu yang memohon kewarganegaraan hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Hendak dapat penjelasan. Kenapa antara yang saya nyatakan Cham Ming Yeng ini diberikan kad hijau dan dikatakan kad sementara. Adakah kategori di bawah apa kategori ini, kad hijau.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat ini perkara yang spesifik kita akan bagi jawapan bertulis. *Why you give specific...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini kad 'Malaysia Boleh' punya kad.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Menteri, harap Menteri faham semua ini kita sudah mohon semua ditolak. Mereka hidup sengsara. Orang Malaysia. Sebab itu saya mohonlah budi bicara, semua mereka layak.

■1740

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya berjanji, bawa kepada saya perkara ini, saya akan bawa kepada perhatian Menteri.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, terima kasih. Tolonglah, ini memang saya kasihan mereka ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, baik. Soalan seterusnya adalah kenapa KDN menukar pembekal cip pasport daripada IRIS ke Datasonic. Yang Berhormat Seputeh ya? *You ada masalah pasport baru kah? [Ketawa]*

Jawapannya, pembekalan Pasport Malaysia Antarabangsa yang merupakan dokumen keselamatan negara yang diguna pakai sekarang telah dipertingkatkan dengan 28 ciri-ciri keselamatan yang mematuhi piawaian ICAO ya bagi membaik kualiti serta ciri keselamatan dalam Pasport Malaysia Antarabangsa yang telah digunakan sebelum ini. Pengeluaran PMA versi baru oleh pejabat JIM di seluruh negara telah bermula sejak bulan Jun 2016. Sehingga kini, isu kelewatan pengeluaran pasport di Pejabat-pejabat Imigresen Malaysia telah dapat ditangani dan diatasi dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan isu soalan mengenai pasport antarabangsa yang sering menghadapi masalah semasa penumpang lalu melalui *auto gate* di lapangan terbang antarabangsa. Lapangan terbang mana ini, Yang Berhormat? KLIA?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** KLIA.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, KLIA. Selaras dengan sistem pemeriksaan pasport yang telah disesuaikan dengan ciri-ciri baru Pasport Malaysia Antarabangsa, masih terdapat pengguna yang masih belum lagi menyesuaikan diri dengan penggunaan Pasport Malaysia Antarabangsa yang baharu yang perlu dibuka semasa diletakkan di mesin pengimbas iaitu di *auto gate*. Justeru itu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kekeliruan pengguna *auto gate* seperti menyediakan pegawai bagi membantu pengguna semasa menggunakan mesin *auto gate* di KLIA dan juga KLIA2 dan menyediakan *indicator* kepada *reader* untuk pasport tersebut untuk membantu pengguna meletakkan pasport pada posisi yang tepat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya tahu, yang *auto gate* itu diuruskan oleh IRIS iaitu pembekal sistem yang lama tapi sekarang ialah Datasonic yang keluarkan cip dan juga buku pasport itu. Itu sebab dua sistem tidak boleh *synchronize* kerana dua syarikat yang berlainan.

Jadi sekarang, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beritahu kita yang *auto gate* itu tidak perlu pakai lagi atau mungkin *auto gate* yang baru akan *install* lagi di KLIA? Macam mana sekarang? Ini kerana saya rasa perkara ini telah pun dilaporkan dalam surat khabar sudah beberapa bulan dan saya pernah ada pengalaman. Saya lihat dengan mata saya sendiri pada bulan lepas bila saya balik daripada pelancongan di China, saya lihat ini memang berlaku. Saya terpaksa cap dekat kaunter dan tidak boleh guna *auto gate* lagi. Apa gunanya ada *auto gate*?

So, dan juga 28 ciri-ciri tentang pasport baru itu, saya tadi dalam ucapan saya, saya kata pasport baru yang dikeluarkan oleh Datasonic ini menghadapi risiko kalau yang satu muka surat itu dikeluarkan, yang lain boleh masuk dan *security* atau

keselamatan maklumat kita ini akan dikompromi. So, saya tidak tahu 28 ciri-ciri baru itu. Apakah ciri-ciri itu? Mungkin boleh senaraikan kepada kita di Dewan yang mulia ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun bukan pakar pasport ini. Jadi saya akan bagi jawapan bertulislah mengenai 28 ciri-ciri tersebut kepada Yang Berhormat, tapi rata-rata dah mudahkan untuk nak lepaskan *auto gate* kan?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang *auto gate* masih menghadapi masalah yang sama.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tapi dah kurang kan? Dah kurang. Tak macam dulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sudah kuranglah?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ha, betullah, baguslah. Dah kuranglah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, saya tanya kerana saya tak tahu kerana bulan lepas saya masih lihat masalah yang sama. Masalah dengan Menteri dan Timbalan Menteri ialah apa tahu? Selalu mereka ada *bodyguard*, ada ramai hulubalang yang ikut mereka bila mereka pergi ke luar negara.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya tak ada *bodyguard*, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mereka pergi ke bilik VIP, semua *kautim* untuk Menteri dan Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya kalau...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Lepas itu masuk kapal terbang sahaja. Ikutlah seperti cara kami bersama dengan rakyat. *Try yourself and see whether it's working or not.* Betul tak?

*[Dewan riuh]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya hendak betulkan Yang Berhormat. Saya tak ada *bodyguard* dan saya selalu pakai laluan biasa di KLIA dan juga di lapangan terbang antarabangsa hendak *check* apa yang pegawai imigresen buat. Saya tak lalu VIP room, jangan takut. *[Ketawa]*

Okey, masa dah 5.45 petang ya. Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh jawab bertulislah, Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Boleh jawab bertulis ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah hampir dua jam, Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Hampir dua jam ya? Okeylah, yang lain ini saya bagi jawapan bertulislah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tapi Tuan Pengerusi, *I think* Timbalan Menteri sengaja hendak *avoid the difficult question* yang kita tanya. Batu yang bahas pertama sekali tapi tak ada jawapan. Lepas itu saya agak Timbalan Menteri hendak serah kepada Menteri untuk jawab sebab kalau Menteri sudah sampai, mungkin Menteri boleh sambung untuk jawab...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Menteri boleh sambung, sambung. Saya tanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Timbalan Menteri bercadang untuk jawab bertulis, boleh Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Untuk jawab soalan-soalan yang kita bangkitkan. *The first few speakers... panjang lebar.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kalau Timbalan Menteri dah letih, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh jawablah. Mungkin Timbalan Menteri sudah letih.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Tak apalah, kita tunggu Menteri. Kalau Menteri bercadang atau berhasrat untuk jawab bertulis, tidak ada masalah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tak boleh. *This is not the question for jawapan bertulis.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jawapan bertulis ialah taici, tahu? Taici itu tolak, tolak, tolak. Tak payah jawab.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sebenarnya maklumat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan dua orang sekali bercakap, Yang Berhormat. Seorang, seorang.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tahu sebenarnya Yang Berhormat Batu hendak tanya pasal Puan Maria Chin ya?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan itu sahaja, banyak soalan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan. Saya punya...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, beginilah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Banyak soalan yang saya tanya. Soalan siasatan dan prosedur.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya lah, yang itu saya boleh bagi jawapan bertulis. Boleh ya? Saya bagi jawapan bertulis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tak, tak. Kita hendak dapat respons supaya kita boleh tanya soalan lanjutan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tak, tak. Masa dah tak ada, jadi saya bagi jawapan bertulis.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tak, tak. *At least you have to address the issue.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tadi ada soalan mengenai Puan Maria Chin. Saya hendak maklumkan di sini bahawa saya dah sedia jawapan dan jawapan pun telah di— banyak maklumat itu telah dikeluarkan di surat khabar. Masalahnya, saya baru menerima maklumat bahawa Puan Maria Chin telah memasukkan permohonan *writ habeas corpus* berkenaan dengan penahanan beliau yang telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada hari ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kata *sub judice* lagi.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Justeru, perkara itu tidak boleh diulas lanjut kerana ialah perkara *sub judice*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, kita ada secara umumnya...

*[Dewan riuh]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi saya dengan ini mengakhiri penggulungan daripada Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Timbalan Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita hendak tahu secara apa penggunaan pakai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri dah habis jawab, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, baik. Ini isu penting sebab polis ini tanya tentang OT.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bagaimana Menteri tahu sub judice?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah habis jawab, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Menteri tak tahu kandungan permohonan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tentang OT, tentang *overtime* polis. Itu saya terpaksa bawa sebab polis sudah memberi layanan baik kepada kita yang duduk dalam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya punya?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Perkara ini perlu dijawab hari ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua jawapan yang tidak dijawab akan dijawab secara bertulislah, Yang Berhormat ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak tahu pendirian kementerian tentang overtime polis. Ada jawapan tak overtime polis?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,857,184,500 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM11,857,184,500 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM957,736,600 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM957,736,600 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.63 [Jadual] –**

**Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Sik.

#### **5.49 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Assalamualaikum, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi peluang saya bercakap dalam peringkat jawatankuasa dalam *Ministry of Education. Education makes a person wise in many aspect.*

Saya ingin menyentuh beberapa butiran. Butiran yang pertama ialah Butiran 020200 – Pendidikan Rendah. Pendidikan rendah adalah amat penting untuk seorang pelajar. Pendidikan rendah adalah satu *foundation* untuk seseorang pelajar. Dalam

keputusan UPSR tahun ini hanya 1.11 peratus daripada jumlah keseluruhan 440,782 calon yang memperoleh semua ‘A’. Keputusan ini dilihat sebagai satu penurunan yang ketara berbanding tahun lalu.

Apakah punca penurunan yang agak ketara ini? Adakah keputusan kurang baik yang disebabkan oleh pertukaran format yang bermula pada tahun 2010 ini dikhuatir telah menjasakan motivasi dan menjasakan semangat pelajar-pelajar? Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah ini benar? Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada kementerian, rata-rata saya melihat guru-guru, ibu bapa dan juga pelajar-pelajar, mereka rasa tidak puas hati dengan keputusan ini.

Bagaimanakah kementerian berperanan untuk memulihkan semula semangat, merungkai masalah kefahaman mereka dan mengubah *mindset* mereka supaya mereka faham yang lebih penting ialah tidak menumpukan kepada berapa ‘A’ yang kita dapat seperti mana yang selalu diuar-uarkan sebelum ini. Apabila kita bertanya kepada kanak-kanak ataupun pelajar, kita tanya berapa ‘A’. Akan tetapi yang lebih penting ialah ilmu dan juga pengetahuan yang mereka dapat.

Saya pergi kepada Butiran 020400 – Pendidikan Lepas Menengah. Objektif dalam pengajian menengah selama lima tahun ialah untuk menyediakan satu laluan kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM untuk memasuki institusi pengajian tinggi dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Cadangan saya adalah mengadakan banyak program motivasi dan memberi gambaran yang jelas untuk pelajar SPM. Apakah kursus yang mereka boleh pilih selepas SPM? Ini akan memberi gambaran yang jelas kepada pelajar SPM dan mereka akan faham apa yang mereka perlu buat selepas SPM.

Soalan saya kepada kementerian, apakah tumpuan kementerian iaitu bidang-bidang manakah untuk pendidikan menengah ini supaya ijazah yang mereka dapati boleh menyebabkan mereka mendapat pekerjaan yang senang. Oleh sebab di dalam survey ijazah-ijazah yang dikeluarkan daripada universiti, yang pertama doktor perubatan dan pergigian mendapat 95 percent peluang pekerjaan yang tinggi. Sains veterinar 85 percent boleh mendapat peluang pekerjaan yang tinggi, *medical related courses* 80 percent, seni bina dan perancangan 71 percent dan lima, sains komputer 60 percent. Manakala yang lain itu di bawah 50 percent.

Seterusnya Butiran 050100, saya pergi kawasan saya. Saya sebagai Ahli Parlimen Sik sudah beberapa kali telah memohon sebuah dewan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Sik. Sekolah ini adalah satu sekolah yang paling tua di Sik. Umurnya lebih kurang 60 tahun lebih. Sekarang ini ia menjadi satu sekolah yang baik iaitu sekolah *cluster*. Masalah yang besar di sekolah ini ialah sekolah ini tidak pernah

ada dewan, tidak mendapat dewan dan tidak ada dewan sampai sekarang 60 tahun lebih.

Fasiliti dewan adalah amat penting untuk sekolah ini. Saya harap bahawa kali ini permintaan atau cadangan saya akan diluluskan oleh kementerian. Setakat ini daripada dulu sampai sekarang, daripada sekolah dibina, dewan itu dibina seperti biasa dengan membuka bilik-bilik darjah untuk menjadikan dewan, sama ada ketika ada program-program yang kecil ataupun program-program yang besar.

Kedua, dalam aspek sekolah menengah, di dalam kawasan saya hanya terdapat satu sahaja sekolah Tingkatan 6. Saya memohon kepada kementerian dan Yang Berhormat Menteri supaya menimbaangkan dan mengadakan satu Kolej Tingkatan 6 di dalam Parlimen Sik. Seperti tempat-tempat lain Kolej Tingkatan 6 ini perlu sebab Tingkatan 6 ini dia punya tahap samalah dengan diploma seperti yang lepas.

Manakala yang ketiga Menteri, saya mengucap syabas dan terima kasih kepada Menteri Pendidikan sebab Menteri Pendidikan telah menggembirakan guru-guru yang duka lara. Memberi pemindahan kepada guru-guru yang duduk jauh daripada isteri ataupun pasangan mereka, isteri ataupun suami mereka. Saya pohon kepada Menteri supaya tolong Sik juga. Sik ini ada duka lara juga sebab Sik ini ada jabatan-jabatan, ada madu empat. Dalam Sik ini ada...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Madu empat?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya, kahwin empat. Bukan Ahli Parlimen Sik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua guru Yang Berhormat?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua guru empat, empat?

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Bukan. PPD sahaja, PPD. Maksud saya Sik ini dia ada empat jabatan yang berkongsi Tuan Pengerusi, iaitu JKR, JPS. Makna bermadulah, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap Menteri Pendidikan tolong pisahkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Madu lainlah.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Jadi sudah lama menanggung penderitaan ini. Saya tengok ada tiga minit lagi. Saya ingat saya tidak sempat habis. Saya cari benda yang penting. *[Ketawa]*

Dalam Butiran 050200, liputan internet di kawasan Sik tidak begitu baik. Saya cadangkan bahawa kementerian memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di kawasan Sik dengan menyediakan *high speed broadband* untuk setiap sekolah di

kawasan Sik. Saya berharap dengan peruntukan yang diberi cadangan saya akan ditunaikan oleh kementerian.

Ada dua minit lagi. Satu lagi, saya boleh tambah satu lagi, saya mohon kepada kementerian, ini pun banyak kali saya cakap sebelum ini dan tahun-tahun yang lepas. Satu lagi masalah, banyak sekolah di kawasan Sik tidak ada padang. Padang bola tidak ada. Jadi budak-budak hendak bermain susah. Di padang bola ini seperti juga padang permainan yang lain adalah amat penting untuk sukan dan aktiviti kokurikulum. Jadi budak-budak sekolah sekarang pun banyak yang obes. Obes ini satu penyakit, jadi penyakit popular. Jadi dengan adanya padang sekolah, budak-budak boleh bersukan dan juga penyakit obes yang banyak boleh menyebabkan *predispose* kepada penyakit-penyakit lain kepada kanak-kanak sekolah dapat dielakkan.

Akhir sekali Tuan pengerusi saya berharap supaya keluhan guru-guru dan juga murid-murid, ibu bapa dan penduduk Sik dapat dipenuhi oleh Kementerian Pendidikan dan dapat memberi perhatian kepada Parlimen Sik. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih. Sik mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lanang.

### **3.58 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 070100 – Majlis Peperiksaan Malaysia dan Butiran 020300 – Pendidikan Menengah. Saya ingin membangkitkan satu isu yang berlaku di Sibu pada 14 November 2016 iaitu pada hari Isnin yang lepas empat orang pelajar dari SMK Bandar Sibu tidak dibenarkan menduduki peperiksaan SPM subjek Matematik.

Keempat-empat orang pelajar ialah Mohd Aziz bin Mohd Izzat, Rudi Salam, Mohd Amrizal dan Mohd Hafiz bin Khair. Salah seorang daripada mereka telah membuat laporan polis pada hari tersebut. Saya ingin membaca laporan polis yang dibuat dengan izin, “*Pada 14 November 2016 jam lebih kurang 7.40 pagi bertempat di SMK Bandar Sibu Jalan Ling Kai Cheng Sibu. Saya telah ditegur oleh Pengetua sekolah bernama Wong Sing Chuan (lelaki) kenapa saya datang untuk menghadiri peperiksaan SPM subjek Matematik kerana beliau berkata saya dan rakan telah berjanji untuk tidak menduduki peperiksaan subjek tersebut kerana gagal semasa peperiksaan percubaan.*”

### **■1800**

*Padahal pada masa tersebut, kami dipaksa untuk berbuat demikian. Pengetua menyuruh saya dan rakan, nama Rudy Salam, Mohd Amrizal dan Mohd Hafiz untuk duduk sahaja dalam kelas, buat ulang kaji subjek lain dan tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan untuk menduduki peperiksaan tersebut. Saya tidak berpuas hati*

atas tindakan pengetua tersebut dan saya datang ke balai untuk membuat laporan untuk rujukan pihak sekolah dan pihak berkenaan. Sekian laporan saya”.

Ini adalah laporan polis dari salah seorang daripada empat orang pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan SPM subjek Matematik. Saya dimaklumkan oleh bapa salah seorang murid pada hari yang sama, perkara ini juga dilaporkan ke Jabatan Pendidikan Sarawak di Kuching. Pada keesokan hari, pegawai Pejabat Pendidikan pula memberitahu mereka bahawa kes ini perlu mereka rujuk kepada *higher level* dan menyuruh empat orang pelajar tersebut untuk *move on* ke subjek lain.

Ini seakan-akan Pegawai Pendidikan Negeri Sarawak di Kuching tidak dapat mengambil apa-apa tindakan dan ingin melepas tindakan mengenai tanggungjawab mereka dalam perkara ini. Tuan Pengurus, saya rasa inilah satu perkara di mana pengetua telah salah guna kuasa untuk menghalang pelajar menduduki peperiksaan adalah tidak masuk akal dan tidak munasabah untuk menghalang pelajar menduduki peperiksaan SPM supaya prestasi sekolah tidak dipengaruhi oleh keputusan keempat-empat pelajar tersebut.

Jadi saya minta Kementerian Pendidikan untuk mengadakan satu peperiksaan khas, khas untuk empat orang pelajar tersebut untuk mereka mengambil peperiksaan SPM subjek Matematik. Saya rasa tidak boleh biarkan perkara seperti ini berlaku lagi di negara kita dan ia adalah tidak sepatutnya mengatakan *move on* dan *ignore that subject as it would not affect the overall result of SPM*. Walaupun mungkin Matematik bukan *compulsory subject* tetapi ia adalah tidak adil kepada keempat-empat orang pelajar tersebut.

Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya minta juga satu peperiksaan khas untuk empat orang murid ini diadakan sebelum SPM yang akan habis peperiksaan pada 30 November tahun ini. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Merbok.

### **6.03 ptg.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Tentang Bekalan B.63, Butiran 090000.

Tuan Pengurus, baru-baru ini, saya dikejutkan dengan berita kejadian ribut yang berlaku di kawasan DUN Tanjung Dawai iaitu di kawasan Sekolah Kebangsaan Sultan Mudzaffar Shah. Akibat berlakunya kejadian ribut itu, sekolah terbabit telah mengalami beberapa kerosakan pada bangunannya. Namun, setelah sebulan, tiada apa-apa proses baik pulih dijalankan di sekolah berkenaan walaupun pihak sekolah telah menghantar permohonan baik pulih pada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Muda, Yan

dan juga Exco Negeri Kedah. Keadaan ini semakin bertambah kritikal apabila pada masa sekarang berlakunya musim hujan di kawasan berkenaan dan telah mengakibatkan kerosakan pada bangunan dan juga harta benda lain di sekolah terbabit.

Tuan Pengurus, selain daripada itu, kawasan Parlimen Merbok terdapat satu buah sekolah yang berada di kawasan pedalaman yang mengalami masalah kekurangan ruang untuk menampung pelajar dan juga guru-guru mereka. Sekolah yang saya maksudkan itu adalah Sekolah Kebangsaan Aman Jaya yang terletak di kawasan DUN Bukit Selambau. Sekolah terbabit telah berubah lebih daripada 30 tahun dan akhirnya hanya mempunyai satu buah bangunan sahaja.

Pada awal penubuhan sekolah terbabit, ia mampu menampung bilangan pelajar, guru-guru dan juga kakitangannya. Namun sejak lima tahun kebelakangan ini, sekolah terbabit tidak dapat menampung jumlah pelajar dan juga guru-guru yang mengajar di sekolah berkenaan kerana faktor penambahan penduduk dan juga taman perumahan di kawasan sekitarnya. Selain daripada mempunyai masalah daripada segi ruang dan bangunan, sekolah tersebut juga mengalami masalah daripada segi kelengkapan pembelajaran, elektrik, air dan juga pagar sekolah yang usang. Saya mohon kepada kementerian supaya turun meninjau kawasan terbabit untuk melihat masalah yang berlaku terhadap sekolah berkenaan, sekali gus menyelesaikan masalah tersebut.

Seterusnya, saya ingin menyatakan beberapa buah sekolah yang perlu diambil tindakan terhadap penyelenggaraan dan pemberian bangunan sekolah tersebut. Sekolah-sekolah yang saya maksudkan ialah Sekolah Kebangsaan Bukit Selambau, Sekolah Aman Jaya, Sekolah Patani Para, Sekolah Sungkap Para, Sekolah Tanjong Dawai, Sekolah Kampung Jerai dan juga SMK Bedong. Mohon kerajaan menyelesaikan masalah yang berlaku pada sekolah berkenaan.

Masih banyak lagi sekolah-sekolah di negeri ini yang menggunakan sistem pendawaian elektrik usang ekoran kekangan kewangan untuk menambah baik sistem berkenaan di kawasan Merbok. Terdapat berpuluh-puluh buah sekolah, namun, bukan semua yang masih menggunakan pendawaian lama. Jadi, mohon kementerian berusaha melihat semula sistem pendawaian elektrik sekolah di kawasan ini serta menambah baik sistem itu dari semasa ke semasa bagi mengelakkan kemalangan yang berpunca daripada pendawaian elektrik berlaku.

Secara keseluruhannya, walaupun Bajet 2017 pada baru-baru ini dilihat sedikit, agak berkurangan, namun, pihak kerajaan tetap komited dalam pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bagi menjamin mutu pendidikan negara pada tahap yang diinginkan. Oleh itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih

kepada pihak kerajaan kerana begitu komited dalam menjalankan tugas. Sekian daripada saya, Yang Berhormat Merbok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

#### **6.08 ptg.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 080000 – Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beberapa tahun yang lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka ini telah pun menyasarkan penggunaan Bahasa Melayu dalam sesi pengajaran kursus undang-undang di institusi pengajian tinggi di seluruh negara dengan sasaran untuk mencapai 70 peratus. Sasaran ini, saya difahamkan adalah sebahagian daripada matlamat untuk memperkasakan sistem perundangan negara melalui bahasa kebangsaan. Jadi saya mohon daripada pihak kementerian untuk menjelaskan sejauh mana pencapaian sasaran ini sehingga saat ini yang mana saya kira sepatutnya sasaran telah pun berada pada paras 40 ke 50 peratus. Kemudian, keduanya ialah pelan tindakan yang dirangka dan dilaksanakan ke arah mencapai sasaran itu khususnya yang telah dibuat di peringkat sistem pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2013, Dewan Bahasa dan Pustaka juga turut terlibat sama dalam penerbitan Buku Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Itu nama yang dipakai pada waktu itu yang mana bertujuan untuk memastikan semua media penyiaran dan juga media cetak melaksanakan penggunaan bahasa Melayu seragam dalam siaran radio, televisyen, akhbar dan juga majalah.

#### **■1810**

Akan tetapi kalau kita lihat pada hasilnya yang berlaku pada hari ini, pelaksanaannya masih berada pada tahap yang sangat tidak memuaskan di mana keceluaran penggunaan bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia masih lagi berleluasa sama ada dalam media kerajaan ataupun media swasta. Sama ada kesalahan itu pada penggunaan bahasa ataupun pada tulisan dan juga sebutannya. Ini masih lagi terlalu ketara. Jadi sebagai pihak yang bertanggungjawab membina, mengembangkan dan juga memasyarakatkan serta membudayakan bangsa Melayu, saya ingin penjelasan sejauh manakah sebenarnya bidang kuasa dan juga peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ke atas pihak-pihak yang berkenaan ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah pada awal tahun ini, negara kita telah pun dikejutkan dengan satu isu novel Pantai Kasih yang telah dijadikan sebagai komponen

sastera Tingkatan 4, yang mana dilaporkan bahawa novel ini mempunyai unsur lucah yang telah menonjolkan hubungan negatif antara seorang doktor dengan jururawat dalam novel tersebut sehingga ia mencetuskan kemarahan para ibu bapa dan juga orang ramai termasuk pelbagai pihak yang mengamati dan juga mengikuti perkembangan sastera dalam negara kita.

Jadi walaupun pihak penerbit buku juga bertanggungjawab terhadap kualiti penulisan yang akan diterbitkan supaya dia dapat membina pemikiran pembaca daripada hanya memikirkan soal keuntungan penerbitan buku semata-mata tetapi saya lihat juga ialah panel pemilih yang juga turut bertanggungjawab bagi komponen sastera ini sepatutnya peka dengan masalah ini sebelum ia menjadi sebahagian daripada kandungan dalam kurikulum sekolah menengah di negara kita. Jika tidak, memang ini akan menjaskankan imej dan juga kredibiliti Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah organisasi yang telah pun diberikan peranan untuk memperkasakan sastera kebangsaan melalui pembinaan dan juga perluasan khalayak sastera serta penghasilan produk sastera yang berkualiti tinggi dalam negara kita.

Tuan Pengerusi kedua saya merujuk kepada Butiran 060000 – Dasar, Penilaian dan Pengurusan Prestasi. Dalam perkara ini saya ingin mengulas mengenai dengan keputusan UPSR baru-baru ini yang telah pun menunjukkan satu pencapaian yang sangat berbeza dari tahun-tahun yang lalu yang mana jumlah mereka yang mendapat kesemua ‘A’ berkurangan sebanyak 87 peratus daripada 38,344 kepada hanya 4,896 orang sahaja pada tahun ini.

Kita semua memahami bahawa pelajar UPSR ini telah menggunakan satu sistem baru iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini yang telah pun mula diterapkan sejak daripada tahun 2011 untuk pelajar Darjah 1 tahun 2011. Manakala dalam *Malaysia Education Blueprint* dengan izin, 2013–2025 meletakkan sistem KBAT ini akan diterapkan 40 peratus dalam soalan-soalan UPSR. Ini juga bererti orientasi peperiksaan berubah daripada asas membaca, mengira dan menulis kepada suatu tahap yang lebih tinggi iaitu berfikir, menyelesaikan masalah dan menganalisis situasi.

Namun apa yang mengecewakan saya ialah apabila kementerian telah memberi satu ulasan yang sangat *simplistic* terhadap keputusan yang begitu rendah pada keputusan UPSR baru-baru ini yang mana alasan dan ulasan yang diberikan oleh pihak kementerian bahawa keputusan itu adalah memuaskan apatah lagi ini adalah merupakan *batch* yang pertama yang mengaplikasikan sistem KBAT ini.

Jadi saya fikir sepatutnya tidak semudah itu bagi kementerian untuk memberi respons terhadap penurunan yang begitu ketara sebagai suatu pencapaian yang memuaskan. Hujah saya Tuan Pengerusi, pelaksanaan KBAT ini, ia sebenarnya telah

bermula sejak tahun 2011, bermula dengan Darjah 1. Maknanya dalam tempoh enam tahun, mereka telah menggunakan sistem KBAT ini dalam proses pembelajaran dan juga pengajaran mereka di sekolah. Maknanya sepatutnya dalam tempoh enam tahun itu, mereka selayaknya telah memahami dan telah sebatи dengan sistem KBAT ini. Tetapi dengan keputusan UPSR baru-baru ini yang diumumkan baru-baru ini, ternyata rendah dan keupayaan di kalangan mereka untuk mendapat *straight 'A'* itu sangat rendah.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah sebenarnya yang berlaku? Apakah memang murid itu yang gagal untuk mengadaptasi sistem yang telah dikemukakan oleh pihak kementerian atau keupayaan guru dalam mengajar pelajar-pelajar ini terbatas sehingga keputusan yang sedemikian telah keluar dan memang ia telah menjadi satu penanda aras yang cukup membimbangkan kita kerana kita melihat bahawa ini telah enam tahun dilaksanakan. Persoalan yang lebih luas lagi, apakah polisi kerajaan ini tidak dapat diadaptasi dengan baik oleh sistem pendidikan di sekolah-sekolah? Ini persoalan yang sangat besar, kementerian perlu berikan perhatian dan ini bukan perkara yang boleh dipandang remeh dan dijawab begitu mudah sahaja bahawa ini adalah pencapaian yang memuaskan.

Ini kerana pada saya jika sekiranya kerajaan menyebut bahawa angka ini adalah merupakan suatu pencapaian yang memuaskan, maka ini adalah satu sikap bermudah-mudah tanpa meletakkan apakah sebenarnya hasil kajian daripada kejatuhan keputusan ini ataupun kementerian sebenarnya tidak bersedia, tidak ada kajian yang lengkap. Kajian terhadap polisi yang telah dibuat, yang telah dilaksanakan. Apakah pencapaian itu berdasarkan kepada pelan yang telah pun ditetapkan?

Sebab itu saya ingin tekankan di sini, pada pandangan saya ialah kementerian perlu ada satu badan bertindak untuk melakukan analisis terhadap sebarang polisi-polisi yang besar yang telah pun dikemukakan terutamanya seperti KBAT ini. Apakah ia telah menepati polisi yang telah ditetapkan dengan penilaian impak yang telah ditetapkan? Saya perlukan jawapan daripada kementerian ini supaya kita dapat menilai secara objektif kelemahan yang terdapat dalam polisi baru ini sepanjang tempoh ia dilaksanakan iaitu tempoh enam tahun sejak tahun 2011 sampailah kepada 2016. Ini juga akan memberikan kesan kepada masa depan pelajar untuk mereka menyambung ke peringkat sekolah menengah.

Kalau hanya 4,000 yang mendapat 6A, ertinya selepas ini sekolah berasrama penuh akan kehilangan pelajar. Nampaknya mereka terpaksa menurunkan pula gred kemasukan ke peringkat asrama penuh, di peringkat sekolah menengah nanti. Jadi kalau mereka turunkan kepada 3A, 3B sebagai contoh atau 4A, 2B sebagai contoh,

ertinya mereka balik asal. Balik asal seperti tidak ada KBAT. Mereka terpaksa turunkan gred itu untuk masa depan pelajar sekolah rendah ini. Jadi apakah erti KBAT itu kalau sekiranya ia gagal untuk menepati apa yang disasarkan oleh pihak kementerian? Oleh sebab masa sangat terbatas, saya kira sekadar itu yang dapat saya kemukakan. Saya harap jawapan yang tuntas daripada pihak kementerian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### **6.19 ptg.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Pendidikan Awal. Dalam kajian yang bertajuk, ‘Keberkesanan Pendidikan Prasekolah KEMAS dan Swasta: Perbandingan Mengikut Persepsi Ibu Bapa’ mendapati bahawa ibu bapa cenderung memilih prasekolah swasta kerana mempunyai persepsi bahawa prasekolah swasta mempunyai reputasi yang baik. Pada perhatian saya, salah satu kelebihan pelajar yang belajar di prasekolah swasta adalah mereka berpeluang untuk mendapat pendedahan yang lebih luas kepada penggunaan bahasa Inggeris. Disebabkan itu kita dapat lihat rata-rata pelajar prasekolah swasta apabila mereka memasuki peringkat sekolah rendah, mereka mampu untuk belajar dan menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih yakin berbanding pelajar prasekolah awam.

#### **■1820**

Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Pihak kementerian melakukan kajian terperinci kepada modul dan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh prasekolah swasta untuk diadaptasikan sekiranya sesuai oleh prasekolah awam daripada segi pembelajaran bahasa Inggeris. Kedua, menghantar guru-guru prasekolah awam ke kursus bahasa Inggeris secara berperingkat bagi membolehkan mereka untuk memberi pengalaman pembelajaran bahasa Inggeris yang lebih berkesan kepada para pelajar.

Saya merujuk pula kepada Butiran 050400 – Pentaksiran. Seperti juga Yang Berhormat Temerloh yang telah menyentuh mengenai KBAT, saya amat menyambut baik dan menyokong usaha kerajaan untuk memastikan para pelajar kita mampu untuk bersaing di peringkat global. Disebabkan itu, konsep KBAT iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi diperkenalkan bagi membudayakan pelajar kita. Untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan berinovasi.

Secara peribadi, saya tidak memandang konsep ini diperkenalkan dalam keadaan tergesa-gesa. Saya difahamkan bahawa kementerian telah melakukannya secara berperingkat dan tersusun. Peratusan item KBAT dibuat secara beransur-ansur supaya para pelajar mampu untuk membiasakan diri dengan konsep dan kehendak soalan. Penggunaan stimulus dan merujuk kepada situasi baru yang tidak lazim adalah antara usaha di dalam KBAT. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kita taksirkan kaedah yang kita ceduk dari negara Barat dan dilahirkan oleh satu sistem negara yang lain dapat membantu pelajar-pelajar kita secara holistik? Di samping dapat berfikir di laras yang mengambil kira budaya dan nilai-nilai masyarakat kita.

Saya sedar ia hanya melibatkan subjek-subjek dalam kelas tetapi antara pendapat mengajar seseorang berfikir dan cara berfikir adalah baik. Akan tetapi keberkesanannya yang melibatkan budaya bangsa dan *emotional intelligence* yang praktikal dan dapat membantu negara. Saya harap apa sahaja yang diceduk daripada kejayaan orang lain atau dari luar, harus selalu mengambil kira apa impaknya kepada nilai-nilai positif negara bangsa.

Saya memohon kepada kementerian, bagaimanakah kementerian memastikan kecekapan guru yang mengaplikasikan KBAT seiring dengan pembelajaran ke atas pelajar? Guru-guru harus mendahului dan lebih mahir mengubah cara. Guru-guru juga harus perlu memiliki teknik-teknik dan sikap-sikap hebat juga untuk mencetuskan semangat berfikir supaya tidak statik dan harus lestari. Saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, elemen *happiness*, dengan izin, harus ada pada KBAT.

Seseorang pelajar harus seronok dan suka belajar dan sebarang tekanan dan ketidaktentuan harus dilerakan dan dihapuskan. Maka, satu *assessment psychology* ke atas anak-anak kita harus dibuat untuk sentiasa memantau tahap keceriaan dan kegembiraan sistem KBAT ini melalui pembelajaran mereka. Barulah peratusan ponteng ke sekolah boleh dikurangkan dan mereka akan teruja hendak ke sekolah, terutama sekali di kawasan luar bandar.

Saya pula merujuk kepada Butiran 050100 – Pembangunan Infrastruktur. Butiran ini saya ingin sentuh tentang infrastruktur pendidikan di Kuala Kangsar. Pertama adalah berkenaan dengan pejabat baru PPD Kuala Kangsar. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah meluluskan pembinaan pejabat baru PPD Kuala Kangsar. Seperti Yang Berhormat Menteri sudah maklum, organisasi PPD Kuala Kangsar kini telah berkembang bilangan ahlinya dan saya ingin mohon agar pembinaan ini dapat dimulakan dengan segera.

Kedua, adalah berkaitan dengan infrastruktur di SMK Raja Muda Musa. Buat makluman pihak kementerian, SMK Raja Muda Musa masih beroperasi dalam keadaan tidak mempunyai dewan besar untuk melakukan program sekolah dan juga untuk tujuan peperiksaan. Pihak sekolah telah beberapa kali membuat permohonan untuk pembinaan dewan, namun ia masih belum dapat direalisasikan. Pembinaan dewan ini adalah penting untuk memberi keselesaan kepada guru dan pelajar untuk melakukan aktiviti. Tambahan lagi, sekolah ini merupakan salah satu sekolah pusat Tingkatan 6.

Selain itu dan sangat mendesak sekarang ialah SMK Raja Muda Musa juga memerlukan pemberian dan pendawaian baru di asrama yang telah musnah akibat kebakaran. Anggaran pemberian itu adalah sebanyak RM300,000. Berkaitan dengan pemberian dan naik taraf infrastruktur, SJK(C) Manong memerlukan pemberian dewan sekolah sedia ada. Akhir sekali, keempat, di Kuala Kangsar terdapat dua buah sekolah yang berada dalam kategori daif. Sekolah-sekolah itu adalah SK Bekoh dan SK Ulu Piol. Saya mohon pihak kementerian untuk mempertimbangkan kerja menaik taraf infrastruktur kedua-dua buah sekolah ini. Bagi menjamin keselesaan anak-anak kita untuk menuntut ilmu. Tuan Pengurus, sekian terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengurusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bendera.

#### **6.25 ptg.**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya merujuk kepada Butiran 050200 – Teknologi Maklumat. Tuan Pengurus, Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung perkhidmatan penuh kontroversi 1BestariNet yang dibentangkan dalam Mesyuarat kali ini telah mengesahkan hampir ke semua kekhawatiran yang telah saya bangkitkan selama ini mengenai ketempangan dan kepincangan dalam pelaksanaan projek tersebut. PAC juga mengesyorkan agar Jabatan Audit Negara melakukan audit susulan secara keseluruhan di samping melaksanakan kajian keberkesanan terhadap pelaksanaan 1BestariNet ini.

Saya harap pengauditan dan kajian ini akan dilakukan dengan segera agar tidak membazirkan lebih banyak lagi duit dan menjelaskan prestasi pengajaran dan pembelajaran guru dan murid-murid kita. Tuan Pengurus, kebanyakan masalah yang berbangkit berpunca daripada salah urus kontrak atau *contract mismanagement* yang amat ketara. Salah satu contoh jelas adalah pendedahan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2013 berkenaan pemasangan menara telekomunikasi 1BRIS ataupun *1BestariNet Receiver Integrated System*.

Menara ini banyak mengundang kontroversi kerana ia berfungsi untuk memancarkan isyarat tanpa wayar bukan sahaja ke dalam perkarangan sekolah tetapi juga di kawasan sekeliling. Ini menimbulkan persoalan sama ada menara ini juga digunakan untuk perkhidmatan komersial Yes 4G oleh kontraktor 1BestariNet iaitu Syarikat YTL. Jika benar, maka ada kemungkinan besar bahawa projek ini sebenarnya membiayai pengembangan rangkaian Yes 4G secara meluas di setiap pelosok negara kerana ia melibatkan pembinaan infrastruktur telekomunikasi di beribu-ribu sekolah.

Walaupun penggunaan menara 1BRIS bagi tujuan komersial telah dinafikan oleh pegawai-pegawai kementerian dalam prosiding PAC, YTL sendiri pernah mengakui dalam laporan media bahawa penggunaannya tidak terhad kepada kawasan sekolah. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi komen mengenai perkara ini agar tidak berlaku kemusykilan. Tambahan kepada itu, terdapat kelompongan kontrak berkenaan dengan kadar sewaan bagi penggunaan premis sekolah untuk pemasangan menara 1BRIS.

Berdasarkan penemuan Audit, kementerian telah membenarkan YTL untuk memasang menara 1BRIS di sekolah-sekolah dengan kadar sewaan yang ditetapkan oleh JPPH iaitu sebanyak RM1,200 sebulan atau RM14,400 setahun bagi setiap tapak 1BRIS. YTL pada mulanya enggan membayar jumlah tersebut dan setelah berunding dengan kementerian, kadar sewaan telah diturunkan kepada hanya RM1,000 setahun bagi setiap tapak. YTL kemudian membuat rayuan sekali lagi pada tahun 2014 dan akhirnya, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian memutuskan untuk mengurangkan sewa lagi kepada harga rendah hanya RM120 setiap setahun.

Tuan Penggerusi, kadar sewaan RM120 setahun ini amat kecil dan langsung tidak masuk akal, khususnya apabila kadar pasaran ataupun *market rate* sewaan tapak untuk menara telekomunikasi adalah dalam lingkungan RM14,400 sehingga RM24,000 setahun. Masjid di kawasan saya pun boleh caj sebanyak RM18,000 setahun untuk pemasangan menara telekomunikasi. Ini pula Kementerian Pendidikan.

Oleh itu saya kurang faham, bagaimanakah mungkin yuran sewaan ini ditetapkan pada kadar yang begitu rendah? Lagi-lagilah apabila kita mempertimbangkan bahawa menara 1BRIS ini mampu menyediakan perkhidmatan internet tanpa wayar bagi tujuan komersial. Daripada RM14,400 setahun mengikut syor JPPH, ia dikurangkan kepada RM1,000 setahun dan kemudiannya kepada RM120 setahun. Jika dikirakan berdasarkan 3,203 buah tapak yang sepatutnya dibina, maka kerugian yang dialami oleh kementerian adalah RM45 juta setahun. Apakah kewajaran bagi kerugian yang begitu besar ini?

**■1630**

Di samping itu Laporan Audit juga mendapati bahawa semua *charge utiliti* termasuk bil elektrik tidak dibayar oleh kontraktor dan sebaliknya ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Kementerian sendiri mengakui bahawa kecuaian dalam kontrak ini telah mengakibatkan kenaikan kos elektrik antara RM150 sehingga RM180 sebulan bagi setiap sekolah yang di mana ada pasangnya 1BRIS. Ini bermaksud bahawa setiap sekolah akan menanggung kos lebihan antara RM1,800 sehingga RM160 setahun iaitu 15 hingga 18 kali ganda kadar sewaan yang dikenakan ke atas YTL. Di mana logiknya keadaan ini ibarat menyewa rumah pada kadar yang tidak mencukupi untuk membayar bil utiliti?

Ini merupakan kerugian besar yang tidak sepatutnya berlaku. Sekurang-kurangnya sewa harus memadai untuk meliputi semua kos yang terlibat dan kementerian tidak sepatutnya lebihan seperti *charge utiliti*. Menurut laporan PAC, syarat ini akan dikaji semula. Jadi saya hendak tahu sama ada kementerian sudah memaksa kontraktor membayar caj utiliti dan bagaimana ia dilakukan.

Tuan Pengurus, laporan PAC turut mendapati bahawa pelaksanaan 1BestariNet gagal menepati kebanyakan KPI yang ditetapkan. Contohnya kontrak menyatakan bahawa 1BestariNet sepatutnya siap dipasang di kesemua 10,000 sekolah di serata negara pada bulan Mac 2013. Namun hanya 60 peratus berjaya siap disiapkan tepat pada waktunya dan setakat Oktober 2014, masih belum siap dan YTL telah didenda sebanyak RM2.4 juta. Malangnya sehingga kini dalam pengetahuan saya, pemasangan 100 peratus masih lagi belum dicapai walaupun sudah tiga setengah tahun sejak tarikh yang sepatutnya. Justeru kementerian perlu menjelaskan tahap pemasangan infrastruktur tersebut, sebab-sebab kelewatan dan apa tindakan susulan selain daripada denda yang dikenakan pada tahun 2014.

Pada masa yang sama penggunaan pelantar pembelajaran maya, *virtual learning environment* (VLE) juga turut bermasalah. Sistem e-pembelajaran inilah yang sebenarnya yang memakan belanja paling besar dalam projek 1BestariNet iaitu kos berkala sebanyak RM513 juta setiap dua tahun tidak termasuk bahan-bahan pengisian. Dengan kos yang begitu besar adalah amat mengejutkan apabila Jabatan Audit mendapati bahawa penggunaan dalam kalangan murid adalah kurang daripada 0.64 peratus. Jadi bagi menangani masalah penggunaan yang amat rendah ini, kementerian telah melaksanakan beberapa aktiviti termasuk bengkel kerja, latihan bimbingan secara *hand holding* kepada guru-guru dan sebagainya.

Di samping itu 351 sekolah *champion* juga telah dikenal pasti bagi menjadi sekolah contoh bagi penerapan teknologi. Malah maklum balas dalam Laporan PAC

menyatakan bahawa kementerian telah menasarkan KPI bahawa sejuta murid akan menggunakan VLE sekurang-kurangnya 30 minit seminggu pada tahun 2015 dan kemudiannya 3 juta murid pada tahun seterusnya. Oleh itu kementerian wajib menjawab sama ada KPI bagi tahun 2015 dan 2016 sudah pun dicapai dan memberi perangkaan penggunaan terkini. Daripada maklumat yang saya terima, penggunaan VLE masih lagi tidak mencapai tahap yang mewajarkan perbelanjaan yang begitu besar.

Satu lagi masalah adalah liputan jalur lebar yang kurang memuaskan yang mana sebenarnya audit telah menemui bahawa kelajuan internet tidak konsisten malah Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) juga mengadu bahawa dalam kebanyakan kes, guru-guru dan juga PIBG terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk melanggan perkhidmatan internet daripada syarikat penyedia lain. Apakah gunanya kementerian membayar berbilion ringgit untuk perkhidmatan 1BestariNet ini jika guru-guru dan ibu bapa terpaksa memikul beban tambahan ini?

Tuan Pengurus, sebenarnya banyak lagi masalah, KPI yang tidak ditunaikan oleh YTL tetapi masa tidak mengizinkan. Lagi satu masalah yang mungkin saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi liputan *coverage* yang mana pada masa audit, dapatan adalah bahawa hanya 58 peratus sekolah yang ditinjau menikmati liputan keseluruhan sekolah. Jadi saya hendak tahu sama ada masalah ini sudah pun diselesaikan ataupun tidak. Jika tidak, adakah kementerian menuntut pampasan atas lagi satu kegagalan KPI ini?

Tuan Pengurus, projek 1BestariNet ini telah membazirkan sejumlah duit wang rakyat yang begitu besar dan jika dibiarkan berterusan selama 15 tahun seperti yang dipersetujui dalam kontrak, maka lebih banyak lagi duit rakyat yang akan disia-siakan. Pada saya pokok kepada masalah kepada projek ini adalah pendekatan satu saiz untuk semua ataupun *one size fits all* yang diambil oleh kerajaan. Pelaksanaannya secara sekali gus ke atas 10,000 sekolah. Hampir setengah juta guru dan 5.5 juta murid adalah terlalu bercita-cita tinggi dan hanya akan mendatangkan pelbagai masalah seperti mana yang sudah pun terbukti.

Negara kita yang luas ini mempunyai sekolah yang amat berbeza keadaannya dengan persekitaran logistik dan sosioekonomi yang jauh berlainan antara satu sama lain seperti mana yang dibuktikan oleh Jabatan-jabatan Audit sendiri, sekolah yang paling memanfaatkan teknologi 1BestariNet adalah sekolah bandar yang mempunyai infrastruktur yang sedia ada yang memadai seperti makmal komputer yang lengkap dengan projektor, sering juga diselenggarakan dan sebagainya. Pada masa yang sama, murid di sekolah-sekolah tersebut juga menikmati penggunaan internet dan peranti di rumah serta mendapat khidmat sokongan daripada guru dan ibu bapa. Malangnya kalau

kita hendak mereplikakan keadaan ini di semua 10,000 sekolah, saya rasa tidak boleh dicapai.

Jadi akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan agar kementerian mengambil pendekatan memberi pilihan kepada sekolah-sekolah untuk menentukan keperluan dan keutamaan mereka sendiri sama ada mereka memerlukan VLE ataupun tidak ataupun 1BestariNet ataupun tidak. Biar sekolah-sekolah itu memilih sendiri daripada kementerian memaksa dan kemudian pelaksanaannya jauh kita nampak tidak begitu memuaskan. Jadi sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

### 6.36 ptg.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, kementerian ini kita kan hentikan perbahasan sebelum jam 8.00 malam nanti Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih. Saya ada dua butiran yang saya hendak nyatakan. Yang pertamanya Butiran 090400 – Pembaikan Bangunan. Baru-baru ini ada kejadian bencana ribut dekat kawasan saya. Tarikh dia 29 Oktober dan ribut ini telah menyebabkan kerosakan yang agak ketara kepada empat sekolah di kawasan saya, ini pertamanya, SK Seri Permatang Rengas, yang keduanya SK Seri Sejati, yang ketiganya SMK Seri Medan dan yang keempatnya SK Tenaga Setia. Jadinya tindakan awal yang dibuat oleh pihak sekolah dan juga PPD dan juga PIBG-PIBG adalah untuk memindahkan pelajar-pelajar ke bangunan yang lebih selamat.

Jadinya soalan saya pada pihak kementerian ini adalah bilakah bangunan-bangunan ini, terutamanya yang membabitkan bumbung-bumbung akan dapat dibetulkan. Seterusnya bagaimanakah sekiranya ada lagi kes seperti ini terjadi? Bagaimanakah pihak kementerian boleh *react* dengan izin, dengan kadar segera melalui bantuan? Mungkin melalui PPD ataupun *delegatekan* kepada PPD dan adakah ada cadangan agar pihak sekolah itu dibenarkan untuk membaik pulih kerosakan yang sedia ada mungkin secara bergotong royong tetapi dengan pemantauan daripada pihak PPD ataupun mungkin pihak PPD boleh mencadangkan nama-nama kontraktor yang boleh membaik pulih kerosakan-kerosakan ini.

Seterusnya soalan berkaitan tajuk butiran yang sama juga adalah bagaimanakah cara? Saya juga hendak tahu sebabnya bila bencana ribut ini dia sering terjadi semuanya, macam yang terbaru ini terjadi, habis semua bumbung, habis semua tempat,

semua tercabut. Jadinya saya hendak tanya kepada pihak kementerian bagaimanakah sebenarnya cara kementerian memantau bencana-bencana seperti ini kalau ia terjadi di sekolah-sekolah.

Seterusnya kepada Butiran 020300 iaitu Pendidikan Menengah. Melalui butiran ini, ringkas saja saya cuma hendak tanya sekolah di kawasan saya ini memang berhampiran dengan bandar Batu Pahat ataupun sebahagian daripada Bandar Batu Pahat itu adalah kawasan Parlimen Parit Sulong tetapi kita tidak mempunyai apa-apa sekolah berasrama penuh. Jadinya saya hendak bertanya pada pihak kementerian, adakah ada perancangan untuk menaik taraf sekolah yang sedia ada menjadi sekolah berasrama penuh ataupun membina satu sekolah asrama penuh baru di kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

### **6.39 ptg.**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Penggerusi. Saya ingin terus kepada Kepala P.63 Butiran 01000 iaitu Pejabat-pejabat Pendidikan. Yang Berhormat Menteri, saya pernah menyuarakan iaitu tentang permohonan dan Pejabat Pendidikan Limbang telah pun menghantar ke ibu pejabat mereka, mungkin sudah sampai dengan kementerian iaitu keadaan pejabat PPD yang ada di Limbang begitu kecil. Dulu ia adalah bekas pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan, *very small*, yang dibina dalam tahun 1971-1972.

### **■1840**

Saya telah pun melawat dan melihat bahawa memang kecil dengan *strength* Jabatan Pendidikan. Maka, saya berharap Kementerian Pendidikan akan meluluskan untuk pembinaan Jabatan PPD di Limbang.

Keduanya ialah P.63 Butiran 05100 – Perabot dan Peralatan. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian, kerajaan bahawa pembinaan SMK Limbang yang telah pun dibina pada tahun 1962, di mana *group student* yang permulaan masuk ke sekolah itu ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita daripada Lawas ini. Mereka ialah *the first batch* di sekolah ini iaitu di mana telah pun diluluskan untuk pembinaan baru sekolah ini.

Apalah salahnya sekiranya— saya difahamkan bahawa konsultan telah pun buat lukisan untuk pembinaan sekolah ini. Mungkin kontraktor tak tahu sama ada sudah dipilih ataupun belum. Tetapi sekiranya alumni *student-student* lama ini berusaha bersuara kepada saya ingin nak melihat bagaimana rupa bentuk sekolah baru ini sebab ia begitu nostalgik bagi kawasan kami di utara, sebab sekolah yang saya ada dengar-

dengar berita, sekolah ini dibuat di atas bukit yang sekolah asal dulu, *I think that will cost a lot of money to cut the hills*, mungkin wasted lah. Sedangkan mungkin ada opsyen-opsyen yang lain di mana peruntukan sebanyak RM65 juta atau RM68 juta ini dapat digunakan sepenuhnya untuk pembinaan sekolah baru ini. Bukan hanya nanti habis untuk memotong bukit, *rock blasting* dan sebagainya.

Keduanya ialah tentang SMK Limbang pada masa ini. Ia sekolah lama, *student* dekat 1,300 lebih orang. Sedihnya ialah kerusi mejanya memang daif, harapkan PIBG yang *repair*. Saya difahamkan mereka ada juga mendapat peruntukan untuk *maintenance* kerusi meja *student* tetapi memang tidak mencukupi. Saya mohon juga sementara untuk pembinaan baru SMK Limbang ini, sekiranya kementerian dapat menyalurkan peruntukan untuk mengganti kerusi meja yang begitu daif, warnanya macam-macam, tinggi rendahnya pun macam-macam.

Satu lagi ialah Kepala B.63 Butiran 090400 – Pembaikan Bangunan. Saya telah difahamkan bahawa SK Tanjong akan dibina. Bila? Mungkin tengah pemilihan kontraktor. Untuk pengetahuan kementerian, masa ini di Limbang dah mula banjir, depan sekolah SK Tanjong dah ada banyak runtuhannya baru. Saya takut dalam seminggu dua ini *some of the buildings will go down into the river*, dengan izin. Jadi saya minta pelaksanaan SK Tanjong ini dipercepatkan sejak ia dipohon pada tahun 2009.

Satu lagi ialah tentang— pada masa ini SK Limbang. SK Limbang ini sekolah baru, dibina siap digunakan dalam tahun 2014. Pada masa itu, Timbalan Menteri adalah Yang Berhormat Datuk Wee Ka Siong telah pun melawat sendiri ke Limbang pada masa itu sebab ada *delay* dalam pembinaan sekolah tersebut.

Jadi pada hari Sabtu lepas, saya pergi program PIBG sekolah tersebut dan banyak aduan dibuat kepada saya dan saya sendiri melihatnya. Kalau tempat lain kena ribut tetapi saya terima— saya mintalah ya, ini bukan saya yang meminta kepada pihak sekolah. Dan juga PPD pada masa itu untuk membuat laporan. Rupa-rupanya mereka dalam bulan Jun telah pun membuat laporan kepada pihak teknikal, JKR Sarawak dan juga *I think the director* di Kuching, memang betul *the columns of the four-storey school is cracking*. Memang *dangerous*, memang bahaya.

Saya ambil semua gambar dalam telefon saya ini. Yang saya risaukan ialah *cracking* itu yang saya ini juru periksa, saya pun seorang bekas jurutera, saya pun minta *hammer*, saya ketuk-ketuk, dalam tiang *column* ini dia orang sumbat dengan *polystyrene* nak tutup lubang *cracking*. *I have to tell the truth because* saya terima surat daripada— ini surat yang ditulis oleh PPD Limbang kepada JKR di Sarawak dan dijawab oleh JKR Sarawak kepada pegawai daerah. [Membaca petikan]

*“Untuk pengetahuan pihak tuan, pihak JKR Sarawak tidak terlibat dalam proses pembinaan sekolah yang tersebut di atas dan kami difahamkan ia dikawal selia oleh konsultan yang telah dilantik. Oleh yang demikian, pihak kami menasihatkan pihak tuan untuk berhubung terus dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.”*

Jadi saya mengambil kesempatan ini—saya risau, Yang Berhormat Menteri. *The crack is there. Please, go down bring your technical, your officer to verify whether the building is safe or not.* Anak buah pun, keluarga, sepupu, cicit pun ada juga sekolah di situ. Kalau apa-apa, risau juga. *The column is cracking.* Saya hitung-hitung *the main column* yang *crack*, satu, dua, tiga, empat dan lepas itu ada dua *column* yang sambut dia punya balkoni pun *crack* juga, semua disumbat dengan *polystyrene in the middle of the column.*

Jadi saya berharap—perkara ini begitu serius. Sebelum ada apa-apa terjadi—kalau Hospital Sultan Aminah terbakar, kita semua melompat. Jadi ini saya beritahu awal-awal sebelum ada apa-apa terjadi. *“Robohnya sebuah sekolah SK Limbang.” Nauzubillahiminzalik.* Jadi saya berharap perkara ini dan juga tadi saya minta juga, saya ulang balik, SK Tanjong ini cepat-cepatlah.

Satu lagi ialah saya ingin nak suarakan, pada pagi tadi Timbalan Menteri KKLW, saya *missed* satu minit untuk soalan nombor tujuh. Akan tetapi saya dah minta jawapan bahawa jalan untuk daripada Meritam–Telahak–Bungabai fasa kedua, *retender* akan dimulakan pada awal Disember. Saya sebut jalan ini begitu penting, *it’s a good news for us*, sebab di sepanjang jalan luar bandar ini ada lima buah sekolah, sekolah SK yang sebenarnya. Saya dah suarakan perkara ini sejak penggal lepas sebab dulu sekolah-sekolah ini jauh, ia melalui sungai nak pergi satu-satu sekolah. So, sampai ada lima buah sekolah sepanjang sungai itu, ia ikut satu tanjung sungai, ada sebuah sekolah. Ada SK Tiga Kampung, SK Telahak, SK Meritam, SK Kuala Awang, SK—apa lagi? Ada limalah.

Tetapi apabila kita dah bina jalan raya yang disebutkan Menteri tadi, dari sebuah sekolah ke sebuah sekolah lima minit saja. Jadi saya telah pun menyuarakan apalah salahnya kiranya pihak kementerian, kerajaan menimbang untuk membina sekolah berkelompok. Kalau dikumpulkan pun *student* dalam lima buah sekolah ini, habis-habis barangkali 200 orang atau 300 orang sahaja.

Kalau kita bina sebuah sekolah yang berkelompok *with all the modern facilities*, kawasan di luar bandar, jalan raya pun, *insya-Allah*, akan siap ini, maka ini akan dapat memberikan kemudahan yang terbaik. Kemudahan pembelajaran, fasiliti sekolah untuk anak-anak di lima buah kampung di sepanjang sungai di mana sekolah-sekolah ini

diletakkan. Saya rasa dari segi *maintenance* perbelanjaan, walaupun 20 orang *student* sama saja *as a one school*. Ini *suggestion* kita. Mungkin ini satu penjimatan lima buah sekolah menjadi sebuah sekolah yang besar yang berkelompok di sepanjang jalan yang telah pun diluluskan oleh kerajaan ini.

Saya rasa itu sahaja. Jadi saya mohon bantuan kepada kementerian memastikan semua yang dilaporkan oleh PPD dan saya lihat akan kebimbangan para ibu bapa pada Sabtu lepas dan juga guru-guru tentang *crack* ini. Saya berharap kalau boleh *Monday* ini or next week send down your engineers or whatever is involved in the construction of the school, the consultant atau yang mana-mana. Please, Sir.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

■1850

**6.48 ptg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Kepala Bekalan 63 Butiran 00700 – Pendidikan Guru-Maktab Perguruan. Tuan Pengerusi, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tuaran adalah merupakan institut pendidikan guru yang tertua di Sabah yang sebelum ini menggunakan nama Maktab Perguruan Kent.

Institut Pendidikan Guru Kampus Kent Tuaran siap dibina pada tahun 1952. Institut Perguruan Kampus Gaya telah mula dibuka pada tahun 1963. Institut Pendidikan Kampus Keningau telah siap dibina pada tahun 1984. Apakah sebab IPG ini ditukar status? Adakah sebab kos yang tinggi? Saya minta kementerian berikan kos senggara IPG di Sabah sejak 10 tahun yang lalu. Pendidikan di kawasan luar bandar Sabah bergantung penuh kepada guru tempatan. Pendidikan di Sabah khasnya di kawasan luar bandar masih lagi jauh ketinggalan daripada segi infrastruktur dan juga kualitinya.

Banyak sekolah di luar bandar masih berkeadaan daif dan perlu naik taraf termasuk kemudahan kepada guru-guru yang bertugas di kawasan luar bandar ini. Sabah juga masih kekurangan guru khasnya yang bertugas di kawasan yang terpencil. Kebanyakan sekolah luar bandar ini tidak mempunyai fasilitet untuk penginapan guru yang bertugas sehingga ada antara mereka terpaksa menyewa rumah orang kampung yang berdekatan. Saya bagi satu contoh. Guru di Pulau Banggi terpaksa sewa rumah di Bandar Kudat. Jadi setiap hari perlu naik feri satu jam pergi Pulau Banggi ajar, balik lagi satu jam. Inilah, sampai hari ini 50 tahun masih lagi begitu. Jadi saya harap kementerian ambil prihatin kepada hal ini.

Tuan Pengerusi, tetapi kita cuba cari jalan untuk memperbaiki keadaan ini. Institut Pendidikan Guru di Sabah bakal akan ditutup atau ditutup tukar menjadi institusi lain. Ingin saya jelaskan di sini bahawa dua buah institut pendidikan guru (IPG) iaitu IPG Kampus Gaya di Kota Kinabalu dan IPG Kampus Keningau adalah dua buah institut yang sangat penting bagi melatih guru-guru tempatan. Sejak IPG ini mula beroperasi, ia telah menghasilkan ribuan guru terlatih untuk berkhidmat di Sabah dan Malaysia secara amnya. Rancangan untuk menukar status kedua-dua IPG ini adalah satu penafian hak rakyat Sabah. Dalam pendidikan dan usaha untuk melaksanakan ‘Borneolisasi’ dalam perkhidmatan awam seperti yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia tahun 1963.

Rancangan untuk menutup atau menukar status institut pendidikan guru di negeri Sabah haruslah ditimbang semula untuk menghormati kehendak rakyat Sabah. Pensyarah tempatan yang sedang berkhidmat di dua buah IPG ini juga bimbang akan masa depan mereka apabila IPG in ditutup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kadang-kadang IPG, kadang-kadang IGP.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** IPG bukan IGP. IPG ini juga bimbang akan masa depan mereka apabila IPG ini ditutup. Kerajaan Negeri Sabah juga tidak setuju dengan rancangan ini kerana ia akan menutup atau menyukarkan orang Sabah untuk mendapat latihan untuk menjadi guru yang terlatih. Apakah rancangan kementerian untuk membantu kakitangan serta pelatih di IPG tersebut yang mungkin terpaksa mengulang atau menambah atau tukar mata pelajaran atau kemahiran yang lain. Ini sudah tentu melibatkan masa dan kos yang tidak sepatutnya berlaku.

Saya ingin tegaskan juga bahawa peluang orang tempatan Sabah dalam perkhidmatan sebagai guru di Sabah khasnya di kawasan luar bandar harus diberi keutamaan. Rakyat tidak bersetuju dengan cadangan untuk tukar status kedua-dua IPG ini. Sebaliknya kerajaan harus naik taraf institut ini bagi menepati aspirasi rakyat Sabah. Seterusnya memastikan kesinambungan nisbah orang tempatan berkhidmat dalam perkhidmatan awam di Sabah. Saya ingin tahu berapa ramaikah kakitangan IPG dan pelatih yang terlibat. *[Disampuk]* IGP ya.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** IPG. *[Ketawa]* Mungkin ini IGP kena setlah. Tidak boleh pakai IGP sudah, kena tutup dia dan pelatih yang terlibat di IPG. Ini kakitangan saya salah ini. *[Ketawa]* Akan tetapi mungkin mahu tutup IPG ini, mahu kasi set sama dia. IPG Kampus Keningau seramai 81 orang kakitangan dan 757 orang pelatih yang terlibat. Berikan jumlah kakitangan ICP dan pelatih di IPG di seluruh Sabah pada masa kini. Bagaimana kementerian selesaikan masalah ini?

Tuan Pengerusi, berapakah peratus guru yang berasal dari Sabah yang mengajar di Sabah berbanding guru dari Sarawak dan Semenanjung? Adakah guru daripada Sabah sudah mencukupi? Apakah nisbah guru berbanding murid sekarang? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

#### **6.57 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak kementerian kerana mendapat peruntukan yang agak besar iaitu RM49.8 bilion ataupun 16.7 percent daripada peruntukan negara. Ini berkat kerja kuat daripada Yang Berhormat Menteri, mungkin memohon peruntukan. Akan tetapi walau bagaimanapun banyak juga faktor yang perlu ditambah baik. Saya pergi kepada Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia yang memperuntukkan sebanyak RM138 juta.

Saya mengucapkan tahniah juga kerana Yang Berhormat Menteri telah banyak memfokuskan kepada pertukaran-pertukaran guru-guru yang mana dinamakan masalah guru duka lara yang melibatkan berjauhan daripada suami atau pun isteri atau isteri berjauhan dengan suami yang kebanyakannya daripada Sabah dan Sarawak. Dalam soal ini, kita masih lagi memerlukan soal seperti sedemikian rupa kerana banyak lagi permohonan yang melebihi tiga empat tahun yang masih berada di pedalaman Sabah ataupun Sarawak. Akan tetapi saya percaya kementerian akan melaksanakan tugas ini.

Saya percaya juga dalam hal ini sudah pastilah banyak permohonan yang mengikut negeri-negeri. Di sini saya ingin menanyakan kepada kementerian, mengikut peratus di negeri Pahang, guru-guru telah mencukupi. Akan tetapi malangnya di Parlimen Lipis masih tidak mencukupi. Sedangkan saya melihat peruntukan ini agak besar. Seperti biasa, ingin kami nyatakan bahawa kalau di Parlimen peringkat kampung ini kebanyakannya penguasaan bahasa Inggeris adalah sangat kurang, bahasa Inggeris, sains dan matematik. Jadi lambakan guru-guru ini yang saya dimaklumkan adalah kebanyakannya di bandar besar seperti di Kuantan ataupun Temerloh.

#### **■1900**

Jadi, saya mohon supaya pihak kementerian mengambil tindakan kerana pada saya kalau berkeadaan dalam negeri sahaja, ia tidaklah menjadi guru yang duka lara. Kalau Sabah dan Sarawak itu saya percaya kerana melibatkan kapal terbang untuk pulang dan sebagainya. Akan tetapi kalau di dalam negeri, antara daerah ke daerah,

saya rasa tidaklah menjadi halangan. Ini sebagaimana yang telah diakujanjikan sewaktu permohonan, mereka sanggup bertukar ke mana-mana. Kebanyakan di pedalaman-pedalaman, di kawasan saya masih banyak kawasan pedalaman, maka masih banyak lagi kekurangan daripada segi opsyen ini.

Tuan Pengerasi, saya ingin pergi kepada Butiran 090200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris. Peruntukan ini juga agak besar iaitu lebih kurang RM150 juta yang saya rasakan kita perlu menguasai yang saya katakan tadi yang di peringkat kampung banyak ketinggalannya. Jadi dengan penguasaan ini, saya percaya, berilah tumpuan kepada peringkat luar bandar dalam hal ini. Saya percaya, kalau kita dapat menguasai bahasa ini, murid-murid di luar bandar juga boleh bersaing dengan pelajar-pelajar di dalam bandar itu sendiri.

Saya pergi kepada Butiran 050100 – Pembangunan Infrastruktur dan peruntukan tidak berapa besar, sebanyak RM17 juta. Akan tetapi walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di dalam kawasan saya juga terlibat sekolah-sekolah yang masih kedaifan, yang masih duduk pedalaman, yang mana adanya masih lagi sekolah-sekolah yang menggunakan bangunan kayu seperti di sekolah SK Jeram Landak, SJ Kuala Kenu, SJK(T) Ladang Budu dan juga SJK(C) Padang Tengku. Saya melihat sendiri sebenarnya dan kebanyakannya bangunan-bangunan ini telah dimakan oleh anai-anai. Jadi saya mengharapkan supaya kalau boleh menjadikan bahaya kepada anak murid kita, sudah pastilah kita mesti memberi perhatian.

Saya percaya dengan kepandaian Yang Berhormat Menteri yang ada pada hari ini, saya yakin beliau akan dapat melaksanakan permohonan-permohonan seperti ini. Ini dianggarkan juga kebanyakkan bangunan-bangunan yang ada melebihi 25 tahun ataupun 30 tahun dan ini kita mesti beri perhatian kepada sistem *wiring*. Kita banyak melihat daripada segi kes kebakaran-kebakaran disebabkan oleh pendawaian elektrik ini, maka kalau mengikut pengiraan seorang jurutera elektrik melebihi 20 tahun, mestilah hendak diganti dengan pendawaian baru. Jadi, saya mohon supaya pendawaian ini khususnya kepada sekolah, kquarters guru di dalam semua kawasan khususnya dalam kawasan Parlimen Lipis.

Saya juga ingin bertanya kepada Butiran 050300 iaitu Bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang dianggarkan lebih kurang RM19 juta. Saya dimaklumkan tetapi saya tidak tahu sama ada benar ataupun tidak benar, ramai guru telah menerima *tab* ataupun *smartphone* dan ini adalah bagi membantu untuk mengakses internet untuk memperlaju, mempercepatkan akses ini, maka telah diadakan peruntukan itu. Akan tetapi, saya menerima daripada rakan-rakan guru di Lipis, mereka mengatakan mereka masih belum

menerima. Sekiranya ya, segerakanlah pelaksanaan ini kerana semua berkehendakkan akses yang begitu laju.

Begitu juga dengan peralatan-peralatan yang lain. Saya banyak menerima permohonan LCD daripada sekolah-sekolah tetapi dalam hal ini, saya rasa juga pihak kementerian perlu menumpukan kepada sekolah-sekolah LCD ini sebab LCD ini amat penting kerana dengan sistem pembelajaran yang baru ini, dengan sistem berfikiran aras tinggi dan sebagainya, maka kita juga mestilah melaksanakan keperluan-keperluan di peringkat sekolah ini.

Saya hendak pergi kepada Butiran 090700 iaitu Penyelenggaraan Telaga Tiub yang diperuntukkan sebanyak RM69 juta. Saya percaya sekolah-sekolah di pedalaman masih banyak menggunakan *tube well* ini ataupun telaga tiub yang mana saya dapati niat pihak kementerian sangat baik tetapi malangnya, kita tidak ada penyelenggaraan. Saya minta supaya dengan peruntukan sebanyak RM69 juta ini supaya melihat di dalam kawasan-kawasan pedalaman berkenaan dengan *tube well* ini. Kalau di dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands, saya tengok telaga *tube well* di SK Titom, SK Lenjang, SK Betau, SK Senderut, tidak berfungsi begitu lama.

Kalau dalam kawasan saya, SMK Setia Wangsa, SMK Clifford, SMK Orang Kaya Haji dan juga lain-lain dalam kawasan yang tidak dapat saya sebutkan satu per satu, masih memerlukan ini, penyelenggaraannya. Sebab *tube well* ini, saya tahu dia hendak menggunakan penyelenggaraan. Dalam hal ini, saya mohon supaya pihak kementerian dapat melihat kawasan-kawasan ini walaupun saya menyebut kawasan Cameron Highlands tetapi kawasan Cameron Highlands mempunyai ramai kepadatan penduduk sekolah Orang Asli.

Saya pergi kepada Butiran 092700 iaitu Biasiswa Kecil Persekutuan. Pada tahun 2016, peruntukan RM100 juta tetapi pada tahun ini kosong. Apakah sebabnya?

Saya pergi kepada Butiran 091200 – Bantuan Kokurikulum, anggaran peruntukan juga kosong, pada tahun 2016, RM43 juta. Apakah sebab dua ini yang saya tengok yang agak penting tetapi tidak ada peruntukan ataupun cetakan buku bajet ini silap? Boleh dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak pergi kepada baru-baru ini saya ada menyebut soal mohon peruntukan di Sekolah Kolej Vokasional Lipis yang memohon peruntukan sebanyak lebih kurang RM500,000 yang diluluskan oleh pihak kementerian. Akan tetapi malangnya, apabila saya menghubungi pihak vokasional, mereka mengatakan memang benar RM500,000 ini dihantar tetapi tidak dapat dilaksanakan. Ini saya rakamkan ucapan terima kasih tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana bahan-bahan tersebut adalah bahan-bahan yang hendak diimport dari luar negara. Sudah pastilah peruntukan

RM500,000 untuk dilaksanakan dalam masa sebulan tidak mencukupi. Saya mohon supaya dianjakkan kepada tahun hadapan.

Serba sedikitnya, saya juga hendak menyokong saranan Yang Berhormat Limbang tadi. Saya ingat kalau kerja-kerja di bawah KPM yang diserahkan kepada konsultan ini perlu berhati-hati. Konsultan ini kebanyakannya konsultan baru, baru lepasan universiti, sudah buka *consultancy* dan kita tawarkan kerja tetapi mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik. Saya tengok banyak kegagalan daripada segi *construction* di KPM ini. Saya mohon supaya pertimbangkan sehabis baik dalam hal ini dan kalau perlu, kerjasama dengan JKR. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat.

#### **7.07 mlm.**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Parlimen sekalian. Tuan Pengerusi, saya ingin membicarakan secara rangkuman tiga atau empat aspek sekali yang saya fikir soal yang sangat fundamental dalam pendidikan iaitu soal Kepala Butiran 010000 – Pengurusan, Butiran 020000 – Operasi Pendidikan, Butiran 030000 – Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu dan yang terakhir ialah Butiran 040000 – Pembangunan Profesionalisme.

Tuan Pengerusi, saya ingin tegaskan daripada awal – saya ingin menyarankan supaya kementerian kembali kepada soal pokok dalam pendidikan iaitu *humanizing the human institution*. Kita memanusiakan institusi manusia iaitu sekolah. Kita jangan hanya menumpukan aspek-aspek teknikal, bangunan, teknologi tetapi kita lupa daripada segi faktor memanusiakan manusia itu sendiri.

Saya bermula dengan bahagian pengurusan Tuan Pengerusi iaitu Butiran 010000. Apa yang ingin saya utarakan di sini ialah membangunkan, kita harus bangunkan pengetua sebagai *instructional leadership* ataupun kadang-kadang digunakan sebagai *curriculum leadership*. Dia bukan menguruskan kawasan sahaja ataupun menguruskan kewangan sahaja tetapi pada asasnya, dia menjadi pemimpin *instructional*, pemimpin kurikulum yang menjadikan seluruh aspek pengurusannya, pengurusan kewangan, pengurusan harta benda, pengurusan persekitaran dan segala macam itu ke arah membangun satu suasana yang memberikan yang kondusif kepada pembelajaran.

**■1910**

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, ialah soal operasi pendidikan. Saya ingin menegaskan konsep-konsep Tuan Pengerusi, kerana saya tidak fikir dalam waktu yang ada ini, dapat kita terangkan semua tetapi saya akan berikan contoh-contoh bagaimana mengoperasikan, bukan sahaja memberikan *conceptual framework* tetapi juga *insya-Allah* memberikan *operational framework* dan juga *action plan*nya atau tindakan yang boleh dilakukan. Menyentuh soal operasi pendidikan, kita ingin menegaskan supaya pendidikan itu menjadikan anak-anak didik kita yang datang ke sekolah, yang lahir, dilahirkan dan datang ke sekolah sebagai manusia, dimanusiakan.

Bukan datang ke sekolah didaftarkan sebagai manusia tetapi tamat zaman persekolahan, dia sudah tidak jadi manusia. Dia sudah jadi separuh manusia. *Half man. Half man, half animal* ataupun jadi robot oleh kerana kita tidak melihat manusia, anak-anak kita itu sebagai manusia. Yang kita hanya lihat kadang-kadang kalau guru jasmaninya hanya lihat jasadnya, kalau guru agamanya hanya lihat barangkali aspek rohaniahnya, tanpa amalnya. Jadi, tidak melihat manusia anak-anak kita ini sebagai suatu yang holistik sifatnya.

Kalau kita perhatikan apa yang berlaku, Tuan Pengerusi di sekolah, pagi tadi dibangkitkan soal buli. Sebelum ini kita bangkitkan soal *problem-problem* sosial, ponteng sekolah dan lain-lain lagi ciri-ciri yang seperti itu yang berlaku di sekolah. Ini semua hanya merupakan simptom, tanda-tanda kepada kerosakan ataupun kelemahan pendidikan kita yang tidak dapat membangun manusia sebagai manusia. Yang tidak dapat menyematkan nilai dalam diri manusia itu.

Saya ingin sarankan, kita kembali balik dalam penekanan falsafah yang telah kita kemukakan dulu bahawa mahu melahirkan manusia yang *value base*. Kita menekankan soal bahasa misalnya. Bahasa Melayu, bahasa Inggeris tetapi kita bukan soal teknikal sahaja, bukan soal nahu sahaja tetapi soal pembinaan kalau bahasa Melayu itu kita jadikan dia reti bahasa. Sedar bila dibahasakan.

Saya ingat semasa saya sekolah pra merdeka dahulu. Belajar bahasa Inggeris. Saya diajar oleh cikgu saya, mengajar bahasa Inggeris dengan lemah lembut dan segala macam tetapi *with the English gestures*. Kalau dia kata, “*Good morning*”, kita kalau pakai topi, dia pakai, dia buka topi, Tuan Pengerusi. “*Good morning, Sir*”. Jadi adab dan etika Inggeris itu ditanamkan. Kalau wanita, dia pakai *skirt*, dia angkat *skirt*. “*Good morning, Sir*”.

Jadi *point* yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi ialah mengajar bahasa tetapi sekali gus mengajar budaya bahasa itu. Jadi kalau kita dapat tegaskan dalam semua mata pelajaran yang merentas soal nilainya, bukan sahaja soal agama yang

menanamkan nilai *ubudiah* dan ibadahnya kepada Allah SWT tetapi semua mata pelajaran membawakan kepada soal rasa hormat, rasa kasih sayang, rasa cinta kepada ilmu dan ini saya ingat satu aspek lagi. Pendidikan seharusnya menanamkan kecintaan kepada ilmu.

Semua ini Tuan Pengerusi, adalah ciri-ciri asasi yang sebenarnya memang dalam bahasa ‘Mat Saleh’ disebutkan *primordia potentialities*. Barangkali yang paling dekat dengan kita ialah fitrah. Dalam diri manusia ada soal dia punya aspek keimanannya sejak lahir, sudah mengenal Tuhan. [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] Ada ciri ilmunya. Ada kecintaannya kepada ilmu. Ada soal keupayaan membuat pilihan. Ini semua ada dalam diri manusia. Yang ini yang seharusnya kita *nurturekan*, kita asuhkan. Ini yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi. Minta maaf berbunyi agak *philosophical* tetapi itulah hakikatnya pendidikan. Pendidikan dia bukan yang teknikal-teknikal ini kerana dia menjadikan manusia itu manusia.

*Last but not least*, Tuan Pengerusi, ialah soal keguruan. Saya ingin mencadangkan supaya ada sahsiah keguruan. Sahsiah keguruan. Kita selalu sebutkan dalam zaman kita kecil-kecil dahulu kalau tengok cikgu, dia berjalan, dia bercakap, dia bergaya, kita tahu ini cikgu. Macam sekarang, kalau kita tengok orang politik berjalan, kita tahu ini orang politik. Kita tahu pula ini orang politik UMNO. Ini politik pembangkang. Cakap dia, gaya dia kita tahu. Ini Menteri. Ini Menteri UMNO, ini Menteri lain-lainlah.

Jadi maknanya sahsiah itu, *the personality of the profession, it is there*. Jadi kalau kita boleh bangunkan itu, *I think we can go very far*. Jadi sahsiah keguruan. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya melihat kembali soal latihan pra perkhidmatan, latihan dalam pendidikan, latihan kepimpinan para guru. Ini harus dilihat soal membangun sahsiah keguruan dengan satu karakter, dengan kecintaannya yang tinggi pada ilmu dan dengan kompetensinya sebagai guru. Kompetensi sebagai guru itu dapat dirasakan oleh murid.

Tuan Pengerusi, *we must humanize education*. Kita mesti manusiakan pendidikan dan baru kita dapat melahirkan manusia dari sekolah kita. *In order to give, you must have something to give*. Kalau kita hendak beri kemanusiaan kepada anak-anak kita, kita mesti lahirkan di sekolah itu manusia-manusia. Kita mesti lahirkan daripada Menterinya, Timbalan Menterinya, pegawai-pegawai kanannya, sampailah ke sekolah. Ini manusia-manusia yang manusiawi sifatnya. Kalau kita hanya dapat robot yang hanya dapat melihat pendidikan, hanya teknologi, hanya *all those* yang membawa masuk, ada *income*, ada pendapatan, ada hasil dari segi fulusnya, *then there's no future for us*.

Jadi Tuan Pengerusi, kita boleh ambil masa yang lain, barangkali untuk Kementerian Pendidikan. Saya bersedia untuk jadi konsultan free untuk mengembalikan *because* pendidikan ini saya punya *love*. Sejak daripada mula tahun 1967, sampai sekarang saya *maintain* sebagai seorang guru. Walaupun dalam bidang politik, saya masih mahu menganggap saya sebagai guru, mahu memanusiakan manusia yang ada dalam politik ini, bukan separuh haiwan yang pantangnya dua. Pantang jumpa dengan pantang lepa sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Very good timing.* Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### **7.17 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut bersama membahaskan peringkat Jawatankuasa B.63 – Kementerian Pendidikan. Tuan Pengerusi, saya bila merujuk tentang untuk memanusiakan manusia, sudah tentunya falsafah pendidikan yang telah digagaskan oleh Kerajaan UMNO–Barisan Nasional sudah tentunya konsepnya itu.

Sebab itu pada hemat saya yang paling penting ialah bagaimana untuk kita mewujudkan pengukuhan yang mana di dalam Butiran 050000 – Pengukuhan Operasi Pendidikan, saya ingin merujuk kepada permohonan saya mewakili Parlimen Kuala Selangor supaya pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian dapatlah bantu, khususnya dalam penyediaan ataupun pembinaan pejabat baru PPD Kuala Selangor yang saya fikir dalam keadaan yang amat kritikal ketika ini untuk digunakan kerana ia boleh merencatkan semangat guru-guru terutama sekali kepimpinan pendidik untuk memanusiakan manusia khususnya falsafah pendidikan dalam Parlimen Kuala Selangor.

Ini kerana saya lihat struktur bangunan yang sedia ada ketika ini dalam keadaan yang perlu dibangunkan dan semua itu dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau berkunjung di Parlimen Kuala Selangor iaitu kelulusan beliau untuk mewujudkan pejabat baru PPD Kuala Selangor amatlah dapat disegerakan oleh Yang Berhormat Menteri yang baik hati ini.

Tuan Pengerusi, saya juga mendapat maklumat yang mana apabila menyebut tentang bangunan baru PPD Kuala Selangor ini, saya seakan-akan terkejut, sama ada betul atau tidak kononnya senarai tersebut sudah hilang dalam senarai EPRD. Jadi saya fikir ini sangat penting kerana saya khuatir nanti, ia akan memberikan kekecewaan

kepada barisan kepimpinan guru dan pendidik mahupun veteran-veteran guru yang mengimpikan bangunan baru PPD ini kerana saya difahamkan pihak kementerian telah melakukan lawatan iaitu sebuah tapak bersebelahan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Selangor.

■1920

Tuan Pengurus, saya ingin merujuk juga kepada Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama 2 yang mana hari ini di salah sebuah media massa, di muka surat 1, 2 dan 3 telah memaparkan permintaan penduduk di Saujana Utama yang apabila mereka dinyatakan sebelum ini bahawa SMK Saujana Utama 2 ini telah dimasukkan dalam *Rolling Plan* Kedua pihak kementerian. Jadi, saya fikir ini sangat penting untuk dapat disegerakan kerana kapasiti penduduk yang semakin meningkat. Lebih-lebih lagi saya difahamkan satu kelas ketika ini, terutamanya bagi kelas sekolah menengah Tingkatan 1, kelas-kelas Tingkatan 1, difahamkan satu kelas, satu guru hingga 50 hingga 60 orang pelajar.

Ini menyebabkan motivasi guru ada kalanya terencat kerana kekangan kepadatan murid dalam kelas tersebut menyebabkan ada kalanya tekanan juga mungkin muncul. Sehinggakan ada cadangan kepada guru-guru tersebut supaya diwujudkan kelas malam yang mana saya kurang bersetuju dengan cadangan ini kerana saya fikir waktu malam biarlah guru bersama dengan keluarga mereka. Jadi, saya mintalah sangat supaya dapatlah diberikan perhatian perkara ini.

Di samping itu juga, perkara yang ketiga tentang pengoperasian yang kritikal iaitu keretakan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Selangor yang saya lihat semakin hari semakin berbahaya. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Limbang, *structure* ataupun bangunan asasnya, keretakannya itu boleh memungkinkan satu hari nanti sekiranya hujan lebat dan sebagainya, kekhuitaran ialah boleh retak dan juga boleh runtuh dan mengakibatkan, *nau'uzubillahminzalik* malang tidak berbau.

Jadi, sebab itu saya fikir sangat penting setidaknya bantuan *preemptive* dapat dibantu, terutama sekali untuk mengawal keretakan yang semakin serius ketika ini. Tuan Pengurus, saya juga ingin bertanyakan juga tentang cadangan Yayasan PIBG yang pernah diumumkan suatu ketika dahulu. Adakah ianya akan diteruskan ataupun tidak?

Akan tetapi saya fikir dengan kepimpinan kementerian yang baru ini, sudah tentu terutama sekali Yang Berhormat Menteri, yang faham tentang aspirasi dan juga kehendak guru-guru dan PIBG, sudah tentunya perlu ada satu organisasi yang boleh dijadikan sebagai teras untuk membantu dan mengkoordinasi PIBG-PIBG yang ada di seluruh Malaysia. Terutama sekali apabila bermulanya musim persekolahan pada tahun

hadapan, sudah tentunya Ahli Parlimen yang dijadikan sebagai sasaran untuk mereka memohon bantuan dan sebagainya. Jadi, sudah tentu saya harap mungkin dengan kaedah ini boleh meringankan sedikit bebanan tersebut.

Saya juga ingin bertanyakan juga tentang status peruntukan iaitu mengenai baik pulih, khususnya untuk mengelakkan litar pintas ataupun pendawaian elektrik, dalam khususnya sekolah-sekolah dalam Parlimen Kuala Selangor. Oleh kerana saya fikir ini juga sangat penting kerana ada kalanya pihak PPJ mohon penghawa dingin tetapi bila diletakkan penghawa dingin tersebut, ianya tidak dapat digunakan.

Saya khuatir penghawa dingin tersebut akan menjadi tukun yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat digunakan. Lebih-lebih lagi saya difahamkan juga, ada kalanya dalam suasana El Nino yang pernah berlaku, kepanasan itu begitu tinggi sehingga ada kalanya saya kasihan kepada guru-guru yang mengajar berpeluh-peluh, Tuan Pengerusi. Sehingga perkara ini kalau tidak dapat disegerakan juga, ianya akan menimbulkan ketidakselesaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 – Dasar, Penilaian dan Pengurusan Prestasi. Saya akui bahawa negara telah mengalami pelbagai perubahan di dalam sistem pendidikan di dalam untuk memastikan ianya berkualiti dan berupaya untuk memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Saya juga telah difahamkan bahawa beberapa evolusi telah dilaksanakan oleh pihak kementerian seperti pelaksanaan PPSMI, PT3, KBAT di dalam UPSR.

Sebelum ini juga kita lihat PPSMI telah memberikan keputusan buruk kepada pelajar luar bandar sejak ianya dilaksanakan daripada tahun 2003 sehingga dimansuhkan pada tahun 2009. Peratusan murid yang mendapat ‘A’, ‘B’ dan ‘C’ bagi mata pelajaran Sains dan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada 2008 merosot daripada 85.1 peratus ke 82.5 peratus bagi sekolah bandar dan daripada 83.2 peratus kepada 79.7 peratus bagi kawasan luar bandar ketika itu 2008.

Hari ini kita lihat juga dengan adanya sistem baru yang diperkenalkan, KBAT, walaupun setengah-setengah pihak kata ianya baru, pada hemat saya ia telah lama digerakkan sejak daripada tahun 2003 lagi. Cuma ada kalanya mungkin menimbulkan terutama sekali pertanyaan di kalangan murid-murid dan ibu bapa, sudah tentunya bila melihatkan keputusan UPSR hari ini, jangkaan mereka berbeza dengan harapan mereka.

Akan tetapi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tindakan pantas Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan memberikan kenyataan, khususnya bagi mereka demi harapan dan keinginan untuk melanjutkan pendidikan Tingkatan 1 mereka, khususnya ke peringkat sekolah-sekolah

berasrama penuh. Ini saya lihat satu perkara yang sangat baik yang dilakukan oleh pihak kementerian, setidaknya segala khususnya impian generasi muda peringkat UPSR ini dapat dibantu dengan adanya harapan dan juga kemudahan pengumuman yang terbaru itu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada tentang format UPSR. Saya lihat elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah menyaksikan hanya 4,896 calon memperoleh keputusan cemerlang. Dari dalam semua gred 'A' iaitu purata 1.11 peratus daripada 452,751 yang menduduki peperiksaan itu. Saya tidak nafikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kementerian dan memuji segala usaha untuk memastikan perubahan yang berlaku itu dalam sistem pendidikan negara seiring dengan perubahan pendidikan global bagi memastikan modal insan yang berkualiti untuk dijadikan pemimpin masa hadapan serta mempunyai kemahiran berfikir dapat dilahirkan.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, daripada keputusan yang telah dikeluarkan ini, apakah mungkin ada *post-mortem* daripada pihak kementerian? Sama ada untuk meneliti sistem ini ataupun penambahbaikan, terutama sekali bagi elemen pedagogi guru. Supaya akhirnya nanti, terutama sekali kertas-kertas lisan Bahasa Inggeris di kawasan luar-luar bandar ini yang saya lihat bagi Parlimen Kuala Selangor mungkin perlu diberikan penekanan oleh pihak kementerian. Oleh kerana saya lihat harapan begitu tinggi daripada ibu bapa di kawasan luar bandar ingin melihat anak mereka dapat 6A. Cuma ada kalanya bila mungkin dari segi soalan-soalan bahasa Inggeris itu mungkin menyebabkan ada kekangan untuk mereka untuk mungkin mencapai ke tahap yang dikehendaki oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya, adakah kajian rintis ataupun dalam konteks kurikulum dalam peringkat kementerian ini dilakukan, terutama sekali apabila keberkesanan kurikulum itu dan beberapa pengajaran dan pembelajaran dibangunkan serta sesuai dengan peredaran zaman dan juga ketika. Lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Malaysia ketika ini telah mempromosikan *digital economy*, mungkin kaedah-kaedah kurikulum yang baru mungkin yang harus diketengahkan supaya ianya memenuhi cita rasa pelajar-pelajar ketika ini. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sabak Bernam, selepas itu dua dari sebelah ini, kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

### **7.28 mlm.**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Pengurus. Saya akan membawa lima butiran. Pertama, Butiran yang pertama ialah 050100 – Pembangunan Infrastruktur. Saya ingin menyentuh tentang bilik guru. Untuk pengetahuan Tuan Pengurus, bahawa guru ini mengajar di bilik guru dan kemudian akan pergi ke padang. Apabila hendak balik ke bilik guru, beliau pastikan bahawa bilik guru ini mestilah kondusif kerana banyak kerja-kerja *clerical* perlu dibuat.

Oleh kerana saya lihat di kementerian-kementerian lain walaupun mereka dalam kategori N11, N17 tetapi yang berada di bilik guru ini kebanyakannya sekarang sama ada di sekolah rendah dan sekolah menengah adalah mereka yang terdiri daripada DG48, 52 pun ada, 44, 41 tetapi mereka tinggal ataupun bekerja dalam keadaan yang tidak kondusif. Adakah Kementerian Pendidikan ada perancangan dan cadangan untuk menaik taraf bilik guru yang lebih kondusif sesuai dengan tugasnya sebagai guru yang banyak dan penuh cabaran.

Pada masa kini terdapat lebih kurang 24,700 orang pelajar di Daerah Sabak Bernam iaitu 11,700 pelajar sekolah rendah dan 13,000 pelajar sekolah menengah. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan kesesakan pelajar di Sekolah Menengah Ungku Aziz yang memerlukan tambahan 6 kelas bagi menampung tambahan seramai 210 pelajar yang berpindah daripada Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Putra yang kini dijadikan Tingkatan 6 Mode 1.

### **■1930**

Saya berharap kerajaan khususnya kementerian akan menimbaangkan segera bangunan tambahan secara IBS untuk enam kelas sebagai langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah kesesakan pelajar dan kekurangan darjah di SMK Ungku Aziz.

Berhubung dengan Pengukuhan Operasi Pendidikan, Butiran 050100 – Pembangunan Infrastruktur ini juga, saya ingin membangkitkan cadangan pembinaan SMK Tebuk Pulai. Cadangan untuk membina SMK Tebuk Pulai ini merupakan cadangan baru RMKe-11. Asasnya pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Tebuk Pulai ini adalah mendesak.

- (i) bagi menampung perpindahan pelajar daripada SMK Tunku Abdul Rahman Putra ke SMK Ungku Aziz menyebabkan kesesakan pelajar di Sekolah SUA;
- (ii) dari segi *locality* murid di kawasan berhampiran SMK Tebuk Pulai ini akan menjadi *feeder* bagi enam buah sekolah kebangsaan, SK Sekendi, SK Batu 38, SK Panchang Bedena dan SK Tun Doktor Ismail;

- (iii) penambahan murid di sekolah-sekolah berhampiran menyebabkan pembangunan taman-taman baru seperti Taman Air Manis, Rumah Mampu Milik, Taman Emas;
- (iv) pembinaan sekolah menengah ini akan mengatasi masalah pengangkutan pelajar yang terletak di lima buah sekolah tadi;
- (v) kemudahan asrama yang terhad; dan
- (vi) kedudukan sekolah menengah lain seperti SMK Munshi Abdullah dan SUA.

Seterusnya saya ingin menyentuh Operasi Pendidikan khususnya Butiran 020300 – Pendidikan Menengah berhubung dengan penempatan guru. Berdasarkan prestasi aktiviti bilangan guru terlatih di sekolah seramai 182,986 pada tahun 2015 dan 186,000 pada tahun 2017. Saya ingin membangkitkan isu kekurangan guru bahasa Inggeris di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan Sabak Bernam. Saya difahamkan daripada segi bilangan guru opsyen bahasa Inggeris di Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur dari segi *body* memang mencukupi. Akan tetapi masalahnya guru opsyen bahasa Inggeris ramai ditempatkan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar seperti Shah Alam dan Klang. Akan tetapi guru opsyen bahasa Inggeris agak terhad bilangannya yang ditempatkan di luar termasuklah Daerah Sabak Bernam.

Saya ingin juga mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan bilangan guru opsyen bahasa Inggeris bagi sekolah menengah yang terdapat di negeri Selangor dan penempatan mengikut kategori bandar dan luar bandar. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan guru opsyen bahasa Inggeris bagi sekolah menengah ditempatkan di sekolah-sekolah menengah di luar bandar khususnya di Daerah Sabak Bernam? Apakah langkah Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar luar bandar?

Saya ingin menyentuh Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Khususnya yang berhubung urusan hal-hal perkhidmatan dan juga perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan modal insan iaitu warga KPM yang mendapat perkhidmatan psikologi dan kaunseling sebanyak 5,510 orang pada tahun 2015 dan sebanyak 5,786 pada tahun 2016. Saya ingin menyentuh berhubung dengan kes guru duka lara.

Saya difahamkan terdapat lebih 18,000 guru seluruh negara dikategorikan guru duka lara kerana terpisah dengan pasangan masing-masing kerana mengajar di sekolah di negeri berlainan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah kriteria pertukaran guru

berasal daripada Semenanjung dan Sabah dan juga dari Sabah balik ke Semenanjung. Apakah kriteria pertukaran guru berasal dari Sabah dan Semenanjung dan apakah tempoh perkhidmatan dan keadaan keluarga diambil kira.

Ini kerana saya dapat ada guru yang baru berkhidmat tiga tahun telah kembali ke Semenanjung sedangkan ada guru yang telah berkhidmat lapan tahun di Sabah yang mempunyai isteri yang bertugas sebagai guru di Pasir Puteh, Kelantan telah mempunyai tiga orang anak berumur dari satu tahun hingga enam tahun, masih gagal pulang ke Semenanjung. Saya berharap Kementerian Pendidikan akan mempertimbangkan keskes yang seumpama ini bagi membantu guru duka lara.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 070000 – Majlis Peperiksaan Malaysia dan Butiran 060100 – Lembaga Peperiksaan. Khususnya berhubung dengan keberhasilan dan keberkesanan prosedur operasi standard (SOP) yang dilaksanakan oleh Majlis Peperiksaan dan Lembaga Peperiksaan dalam penggubalan soalan pengurusan peperiksaan dan pemeriksaan kertas.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Kita dapat bahawa saya mencadangkan bahawa penggubalan soalan supaya dapat mematuhi SOP keselamatan peperiksaan dengan tidak memaklumkan identiti sebagai penggubal dan pemeriksa. Ini kerana identiti sudah diketahui umum akibatnya akan menjadi buruan sekolah untuk menjadi penceramah taktik menjawab soalan. Akibatnya kadang-kadang ada beberapa soalan yang digubal oleh para pemeriksaan ini didapati akan sama apabila dia mengajar di sekolah-sekolah ataupun menjadi penceramah di beberapa sekolah. Tuan Pengurus, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya saya difahamkan dua sahaja di sebelah kiri saya. Minta maaf ya sebelah kanan saya. Yang Berhormat Bukit Gantang dan antara Yang Berhormat Kapar atau Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Kapar. Bincang dua orang. Sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, tadi saya bincang dengan Yang Berhormat Rasah saya ambil. Tadi saya dengan Yang Berhormat Stampin, so...

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bukit Gantang lepas itu Yang Berhormat Kapar.

### 7.36 mlm.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya hendak berbahas berkenaan dengan Butiran 090200 – Martabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuatkannya Bahasa Inggeris. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan program DLP iaitu tujuan DLP ini ialah untuk hendak meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam 14 subjek dan juga di bidang teknologi, kejuruteraan, Matematik dan STEM. Memang dia bermula dengan 300 buah sekolah dan akan meningkat dijangkakan dengan 1,000 sekolah. Perkara yang berlaku walaupun di sana letaknya antara ialah kehendak sekolah, PIBG, guru-guru tetapi rungutan juga timbul kerana di sana timbulnya soal sukarela dan paksa rela yang memerlukan sekolah itu buat.

Ini kerana terdapat rungutan di kalangan guru-guru terutamanya persiapan mereka kerana mereka tidak diberikan latihan yang sebenar-benarnya. Malahan kadang-kadang kita tengok lebih dahsyat lagi daripada pelaksanaan PPSMI. Malahan buku rujukan pun masih lagi mengguna pakai buku daripada projek PPSMI dahulu. Ini kerana kita lihat PPSMI yang telah pun mengorbankan hampir tiga juta pelajar yang menyebabkan RM5.2 bilion wang negara hangus begitu sahaja.

Sedangkan satu kajian yang dibuat oleh pembina yang diketuai oleh Profesor Dr. Sahandri Hamzah daripada UPSI pada ketika itu bersama dengan 53 orang pensyarah daripada lapan buah universiti. Respondennya terdiri dari kalangan 15,089 orang murid yang saya difahamkan, bajet yang diberikan ketika itu oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada waktu itu. *Responden* yang begitu banyak, saya rasa ini satu penyelidikan yang agak menyeluruh yang menyebabkan pelajar-pelajar di FELDA, pelajar-pelajar di pulau, Orang Asli, MRSN, sekolah berasrama penuh, sekolah menengah teknik.

Kajian yang dibuat oleh pembina ini, mereka lihat bagaimana peningkatan pelajar-pelajar bandar sahaja hanya 3.8 peratus sahaja dalam penguasaan mereka di dalam bahasa Inggeris.

#### ■1940

Itu kita bayangkan berkenaan dengan pelajar-pelajar yang berada di bandar. Tadi dirungut oleh Sabah dan juga oleh sahabat kita daripada Sabak Bernam yang juga bekas seorang guru, mereka mengetahui bagaimana kemampuan guru-guru dalam konteks untuk menjayakan benda ini.

Jadi, perkara ini perlu difikirkan kembali oleh pihak kementerian terutamanya apabila pandangan-pandangan daripada mereka yang menjadi pejuang bahasa daripada kalangan Dewan Bahasa dan Pustaka, badan-badan NGO, kesatuan guru

seperti mana GAPENA, PIBG dan mereka ini telah pun memberikan pandangan-pandangan yang risau dengan program DLP ini. Ini bukan bererti kita merupakan orang yang anti kepada bahasa Inggeris. Malahan, saya juga hendak bertanya berkenaan dengan menyentuh usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu yang dilihat kurang memberangsangkan dan ini dirungut oleh pejuang-pejuang bahasa pada ketika ini.

Hal yang kedua ialah berkenaan dengan Projek Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) yang dilaksanakan mulai pada tahun 2010 di 1,800 buah sekolah rendah seluruh negara. Persoalan saya ialah setakat mana pencapaian yang mana guru-guru yang kita import dari negara-negara luar untuk melatih atau meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru-guru sebagai TOT dan juga mereka ini akan mengajar anak-anak murid kita di seluruh negara? Persoalan saya, sejauh manakah kejayaan tadi?

Begitu juga dengan penguasaan Program Pengambilan Guru Penutur Jati Bahasa Arab untuk memantapkan bahasa Arab dan tempoh cadangannya ialah pada tahun 2016 hingga 2020. Soalan saya ialah daripada negeri mana guru-guru ini diambil, tenaga-tenaga ini diambil untuk mengajar di dalam program tersebut?

Butiran 050200 – Teknologi Maklumat. Apakah masih berjalan konsep pembelajaran menggunakan perkakasan *chrome book* yang dibekalkan sebagai peranti sokongan untuk akses bahan pengajaran dan pembelajaran melalui internet dengan menggunakan *virtual learning environment* (VLE) iaitu menggunakan perkakasan *notebook* dengan sistem operasinya *Google Chrome*? Pelaksanaan projek yang berjalan sejak daripada tahun 2012 secara berperingkat-peringkat di semua sekolah dengan harapan untuk mencapai pencapaian *internet* pada tahun 2013. Ini soal pencapaian internet sedangkan rungutan yang ditimbulkan oleh guru-guru di sana ialah walaupun sekolah di tengah bandar sekalipun, kadang-kadang kelajuan internetnya agak menyedihkan. Macam mana dalam soal penggunaan *chrome book* ini?

Hari ini pun kita lihat guru-guru sendiri dekat sekolah kadang-kadang tidak boleh memakai internet yang dipasang di sekolah. Mereka terpaksa menggunakan data sendiri, telahan lagilah di Sabah dan di Sarawak. Sebab itu saya hendak bertanya berkenaan dengan hal ini. Berapakah kementerian sudah habiskan wang dalam projek untuk *chrome book* ini?

Jadi, terima kasih kepada Tuan Pengurus, terima kasih kepada Menteri.

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, nampaknya dua-dua berpakaat lima minit seorang. Yang Berhormat Kapar.

**7.44 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya kena laju, saya ada beberapa isu ini.

Yang pertama sekali adalah Butiran 050300 – Bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Baru-baru ini kita ada isu di mana Oxford Fajar dengan tajuk, ‘*Ace Ahead Tekst STPM Bahasa Melayu Penggal 1*’ terbitan Oxford Fajar menerangkan bahawa bahasa Tamil sebagai sebuah bahasa yang merupakan bahasa pinjaman daripada Yunani, Portugis dan Inggeris.

Adalah pengetahuan umum bahawa bahasa Tamil adalah, dengan izin, *the world oldest language's still spoken today* dan dikenali bahawa bahasa Tamil adalah bahasa yang tertua tetapi buku ini boleh mencetak dan menulis sesuatu yang tidak seragam dengan apa-apa penemuan. Ini bermaksud penulis tersebut mahupun penerbit buku tersebut iaitu Oxford Fajar telah menghina dan mencemarkan bahasa Tamil. Saya ingin mendapat penerangan daripada kementerian, apakah tindakan undang-undang yang telah diambil?

Saya ingin memberi satu panduan di mana kementerian ada akta *Printing Presses and Publications Act 1984* iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Melalui akta ini, kementerian ada kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang.

Saya difahamkan penerbitan seperti Oxford Fajar ini meminta maaf dan sebagainya. Itu bukan persoalan minta maaf atau tidak. Ini persoalan sebuah penerbit mempunyai tanggungjawab sosial dan moral yang perlu dimainkan dengan sewajarnya. Maka, sekadar meminta maaf, saya rasa tindakan itu tidak memadai sebab ini kena mengena dengan pelajar STPM. Mesti ada tindakan yang lebih agresif supaya perkara ini tidak berulang. Perlu dibawa ke hadapan oleh kementerian. Ada undang-undang dan saya hendak tanya, apakah tindakan kementerian?

Seterusnya saya hendak masuk kepada Butiran 060100 – Dasar Pendidikan yang kena mengena dengan keputusan UPSR baru-baru ini. Saya ingin memetik, *the Parent Action Group for Education* yang dikenali sebagai PAGE, dengan izin Tuan Pengerusi, mereka mengatakan bahawa “*The PAGE has blamed the poor UPSR results for 2016 on the lack of clear communications between the Education Ministry and the Examination Syndicate*”. Ini dikatakan oleh Pengurus PAGE iaitu Noor Azimah Abdul Rahim di mana mereka mengaitkan dulu dengan KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah), sekarang dengan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) tak ada kesinambungan.

Saya ingin setuju dengan Yang Berhormat Kuala Selangor baru tadi yang mana dia telah mengatakan bahawa hanya 1.1 percent sahaja yang telah mendapat ‘A’ iaitu

daripada 452,721 pelajar, hanya 4,890 pelajar yang telah mendapat ‘A’. Saya setuju, itu kenyataan yang benar. Tapi yang perlu kita titik beratkan adalah banding dengan setahun lepas, tahun 2015— ha, itu dia tak sebut, saya sebut— iaitu sebanyak 38,344 pelajar telah mendapat *straight ‘A’*. So, kita ada dua sistem yang baru ditukar dalam masa setahun tetapi tahun lepas kita ada 38,344 pelajar dapat *straight ‘A’*, tahun ini tiba-tiba 4,896 pelajar dapat ‘A’.

Saya faham ‘A’ bukan satu-satunya situasi yang kita perlu pandang tetapi saya minta setiap kali kerajaan menukar polisi, polisi itu perlu melalui platform yang sesuai. Dia tak boleh tiba-tiba. Memerangkap pelajar, memerangkap cikgu, memerangkap ibu bapa. Kesinambungan itu kita tak nampak. Sepatutnya kalau hendak ketatkan, hendak lebih susahkan, sepatutnya 30,000 turun ke 25,000 dan *you go on like that*. Sekali perang macam ini, saya rasa sesuatu yang tidak memadai.

Saya ingin teruskan dengan Butiran 020200 – Pendidikan Rendah. Baru-baru ini ada kes-kes cabul, liwat yang dilakukan oleh cikgu-cikgu sendiri dan kita nampak hukuman ataupun penekanan yang telah dibawa oleh Kementerian Pendidikan adalah tukar kepada sekolah lain. Saya rasa itu tidak memadai. Hukuman itu perlu lebih berat. Kita kena rujuk kepada Kementerian Dalam Negeri, PDRM atau polis untuk mengambil tindakan jenayah. Bayangkan benda yang sama dilakukan oleh orang biasa dekat luar. Mengapa cikgu didefensivkan sebegitu?

#### ■1950

Pada waktu yang sama, saya pun akui bahawa ada cikgu-cikgu yang diugut. Sekarang cikgu banyak risau kalau budak itu jahat, pelajar itu jahat, nak tegur itu pun cikgu-cikgu takut sebab tayar kena pancit. Cikgu kena ugut dan sebagainya. Saya arif tetapi pada waktu yang sama cikgu yang perlu mengajar, mendidik perlu ada sahsiah diri. Akan tetapi mereka melakukan kegiatan yang kurang senonoh. Saya minta kementerian perlu membawa satu isu yang wajar untuk menghukum cikgu-cikgu ini supaya peristiwa sebegini tidak berulang.

Tuan Pengerusi, butiran terakhir kena mengena dengan Butiran 020200 – Pendidikan Rendah juga. Ini amat penting Tuan Pengerusi. Saya minta maaf saya mengambil sedikit masa lagi. Ini kena mengena dengan cara baru menentukan *ranking* dalam SAPS iaitu hendak *rankingkan student* baru-baru ini. Okey, apa yang sedang berlaku sekarang adalah katakan ada enam pelajaran iaitu BM Pemahaman, BM Penulisan, *English* Pemahaman, *English* Penulisan, *Maths* dan Sains. So, enam mata pelajaran.

Andai kata seorang pelajar itu dapat 6A dia boleh dapat nombor satu. Akan tetapi kalau pelajar itu dapat 5A 1C, dia di bawah. Dia dapat 5A 1E, lagi bawah.

Bermaksud satu mata pelajaran kalau dia dapat 'E' ranking dia dalam kelas itu jatuh dan dia akan dihantar ke kelas terakhir. Ini dipanggil sebagai cara baru mementingkan gred yang terendah yang diperoleh oleh pelajar dalam menentukan keputusan peperiksaannya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa ini satu lagi polisi yang akan mengucar-ngacirkan bukan sahaja sistem pendidikan, guru-guru yang mendidik malahan ibu bapa dan juga pelajar. Polisi dalam pendidikan Tuan Pengerusi, perlu diteliti dan diperhalusi sebelum dilaksanakan. Saya nampak kementerian laksanakan dulu lepas itu baru terima *feedback* dan sebagainya. Pendidikan amat penting Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya membawa persoalan-persoalan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin, lima minit.

### 7.51 ptg

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Lapan minit, bolehkah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya terus ke Butiran 020000 – Operasi Pendidikan, kesemua sub butiran tersebut. SJK Chung Hua Batu 8 1/2 di kawasan Batu Kitang di mana sampai sekarang masih tiada kelas *preschool* ataupun pendidikan awal walaupun saya difahamkan bahawa aplikasi telah pun dihantar kepada kementerian. Jadi saya minta pengesahan kepada kementerian serta satu jangka masa supaya perkara ini tidak akan ditangguhkan lagi.

Tuan Pengerusi, kawasan Batu Kitang ini adalah satu kawasan perindustrian di mana terdapat banyak pembangunan yang begitu pesat sekali dikelilingi oleh projek-projek perumahan-perumahan yang baru. Ingin saya bangkitkan ialah tiada keputusan daripada kementerian terhadap penubuhan kelas prasekolah bagi SJK Chung Hua Batu 8 1/2 memandangkan begitu banyak penduduk di sekeliling sekolah tersebut. maka saya ingin mendorong kementerian supaya isu ini boleh diselesaikan dengan segera supaya anak-anak kita dan generasi muda kita tidak akan dinafikan infrastruktur pendidikan awal yang begitu penting terutamanya pada umur mereka sekarang yang sepatutnya berada di *preschool*.

Saya juga ingin minta jumlah peruntukan yang diagihkan dalam isu yang disebutkan serta saya juga ingin tahu dalam jawapan bertulis peruntukan-peruntukan

yang akan diberi kepada semua jenis sekolah di kawasan Parlimen Stampin serta kawasan Parlimen Kuching serta tujuan objektif peruntukan tersebut.

Isu kedua, iaitu isu UEC. Isu ini saya perlu bangkitkan satu kali lagi dari segi aspek yang lain walaupun kementerian selalunya memberi jawapan yang sama sahaja walaupun isu ini telah pun seperti yang dikatakan oleh kementerian sendiri telah ditangguhkan lebih daripada 45 tahun. Demi bagi rekod dalam Dewan yang mulia ini, bagi pengetahuan kementerian, isu UEC ini adalah satu isu yang mempunyai impak yang begitu besar di Sarawak. Bukan sahaja dari segi seperti yang kita bangkitkan selama ini, yang mana saya tidak mahu bangkitkan lagi akan tetapi dari segi kesengsaraan dan kesusahan yang dialami oleh rakyat Sarawak.

UEC ini bukan sahaja isu bagi sekolah SJK Chung Hua akan tetapi tahu kah kementerian bahawa di Sarawak kita tiada isu-isu perkauman seperti di Semenanjung. Maka bukan sahaja pelajar dari bangsa Cina bahkan ramai kaum Dayak, bangsa Melayu dan bangsa peribumi Sarawak lain yang masuk ke Sekolah Chung Hua dan mengambil ujian UEC. Ironinya tiada isu perpaduan semenjak kemerdekaan seperti mana yang kementerian katakan, di mana ianya antara satu sebab utama ianya tidak diiktiraf. Atas ketidakupayaan usaha kerajaan ini yang mengakibatkan kesengsaraan rakyat Sarawak.

Saya bagi contoh, selepas UEC, di manakah anak-anak Sarawak ini akan pergi? Universiti awam tidak terima mereka. Itu pun akhirnya Ketua Menteri sendiri berhasrat supaya UNIMAS ataupun Universiti Sarawak boleh terima UEC. Saya faham supaya anak-anak Sarawak boleh masuk ke universiti. Jika tidak, di mana mereka boleh pergi? Bukan semua mampu pergi ke universiti swasta, Tuan Pengurus. Maka, macam mana anak-anak Sarawak menyambung pelajaran mereka?

Ada di antara ibu bapa perlu ikat perut, jual rumah dan jual kereta supaya anak-anak mereka boleh masuk ke universiti ataupun ke kolej swasta. Itu pun akan menjadi sesuatu masalah kerana kebanyakan kolej swasta adalah berasaskan *twinning program*. Hanya sampai ke tahap diploma dan seterusnya perlu dihantar ke luar negara. Jadi kerana kos yang tinggi terutama sekali sekarang nilai RM yang jatuh mendadak, kebanyakan tidak melanjutkan lagi pendidikan mereka ke ijazah dan hanya ke tahap diploma sahaja. Maka kos yang paling rendah adalah bagi anak-anak ini adalah diutamakan kemasukan mereka di UNIMAS, di mana kos bagi mereka iaitu anak Sarawak melanjutkan pelajaran mereka adalah paling rendah sekali

Maka saya mendesak kementerian seperti yang dikatakan oleh Ketua Menteri Sarawak supaya *stupid policy* ini boleh dihapuskan dengan serta-merta bagi masa depan anak-anak Sarawak ini. Tuan Pengurus, jika kalaular isu sebegini penting,

sebegini senang diselesaikan, tidak boleh diselesaikan oleh kerajaan tetapi makan masa lebih daripada 45 tahun, patutlah rakyat serta pelabur asing tidak yakin dengan Kerajaan Barisan Nasional dalam menangani isu ekonomi yang lebih mencabar, yang dialami oleh negara kita sekarang.

Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya kita juga meneliti program pendidikan awal, pendidikan rendah serta pendidikan menengah negara kita supaya kita melahirkan satu masyarakat yang lebih *civic minded* supaya kita boleh berjaya dalam memajukan negara kita dalam melahirkan satu masyarakat yang pentingkan kepentingan satu sama lain. Apabila ini tercapai kemudian kita menjadi sebuah negara yang berjaya, moden, berakhhlak serta minda yang tinggi boleh dicapai.

Negara yang kita boleh contohi adalah seperti Jepun, Switzerland, Australia, South Korea dan lain-lain. Jika kita mengambil contoh daripada negara Jepun, negara jepun mengutamakan disiplin, memupuk sikap tanggungjawab sejak pendidikan awal lagi, lebih daripada pengetahuan iaitu sejak kecil lagi mereka dipupuk supaya anak-anak mereka mengutamakan tanggungjawab sesama sendiri. Antara program yang dijalankan adalah sejak kecil lagi, sejak pendidikan awal lagi mereka dikehendaki memastikan tandas kegunaan ramai serta sentiasa dalam keadaan bersih. Di kantin pula mereka perlu memastikan meja dan kerusi dikemas selepas makan dan secara teratur. Bilik darjah serta koridor sentiasa berada di dalam keadaan yang begitu bersih sekali. Jadi saya harap kita boleh contohi negara Jepun juga. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 7.57 ptg.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbekalan Kementerian Pendidikan. Saya telah mendengar daripada awal sehingga ke Yang Berhormat Stampin berhubung dengan pendidikan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana Ahli-ahli Yang Berhormat begitu *concern* mengenai dengan semua hal yang berkaitan dengan pendidikan sama ada ianya melibatkan dasar di peringkat nasional, hal-hal yang berkaitan dengan negeri, hal-hal yang berkaitan dengan urusan perguruan, kurikulum, buku. Begitu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan masing-masing.

Jadi, di sini sukalah saya menyatakan bahawa kalau kita ambil daripada penubuhan Malaysia, daripada Wilayah Semenanjung, Wilayah Sabah dan wilayah

Sarawak dari tarikh itu sehingga hari ini, sama ada kita bersetuju ataupun tidak bahawa kita telah berjaya dalam pendidikan, dalam satu generasi telah mengubah hal yang berkaitan dengan pendidikan walaupun tidak semua, saya akui. Akan tetapi secara keseluruhannya bahawa pendidikan di negara ini yang berasaskan kepada dasar yang sedia ada telah mengubah wajah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini termasuklah di sebelah kerajaan ataupun pembangkang datang daripada hasil dasar pendidikan yang sama melainkan Yang Berhormat tidak datang daripada sistem yang sedia ada atau belajar di tempat lain.

Jadi bermakna bahawa kita telah melalui satu proses, dalam tempoh 50 tahun itu ada banyak penambahbaikan telah berlaku dari semasa ke semasa. Semua niat penambahbaikan itu adalah untuk membolehkan kita beralih dari setapak ke setapak dan berubah untuk membolehkan kemajuan dalam bidang pendidikan. Hari ini ada 16 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam berbahas ini dimulai oleh Yang Berhormat Sik. Saya akan baca. Kalau Yang Berhormat tidak ada di sini, saya tidak payah. Yang Berhormat Sik ada?

## ■2000

Yang Berhormat Sik bercakap mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Sik. *Insya-Allah*, ini dalam RP3, *Rolling Plan* yang Ketiga 2018, Yang Berhormat. Kemudian, mengenai dengan kursus, Yang Berhormat sebut kursus ini di bawah bidang kuasa KPT dan untuk PPD, setakat ini belum ada tetapi kita cuba masuk dalam RP3, Yang Berhormat. Kemudian, berkaitan dengan Kolej Tingkatan 6. Setakat ini belum ada lagi di kawasan Sik dan sekolah yang lain Yang Berhormat bangkitkan ialah mengenai dengan liputan internet. Satu jawapan yang boleh diberi kepada sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera juga, yang berkaitan dengan jalur lebar.

Saya sebut di sini bahawa sebanyak 50 buah sekolah di bawah PPD Baling, Sik yang telah dilengkapi dengan perkhidmatan BestariNet 4G, manakala 25 buah sekolah masih lagi menggunakan VSAT dan 10 buah sekolah ADSL. Sebanyak 25 buah sekolah dibekalkan dengan lain-lain pembekal. Kementerian Pendidikan akan membuat penambahbaikan ini secara berperingkat-peringkat.

Akhir sekali, Yang Berhormat Sik membangkitkan mengenai dengan UPSR. Saya ingat UPSR ini telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan saya telah membuat jawapan pagi tadi dalam MQT. Saya ingat rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada jawapan saya pada pukul 10 pagi tadi.

Yang Berhormat Lanang- Yang Berhormat Lanang ada membangkitkan mengenai dengan satu insiden di Sibu, berkaitan dengan Matematik dan perkara ini

masih dalam siasatan sebab saya tidak dapat jawapan lagi daripada— tetapi dalam siasatan.

Ketiga, daripada Yang Berhormat Merbok.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Dalam siasatan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya, saya ingin tahu kalau empat orang pelajar itu memang tidak menduduki peperiksaan, adakah mereka diberi peluang untuk menduduki peperiksaan SPM subjek Matematik ini?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Sekejap, saya jawab.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Okey.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Apabila mereka bagi jawapan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Merbok bertanya mengenai dengan sekolah, berkaitan dengan penyelenggaraan dan *insya-Allah*, penyelenggaraan ini akan dibuat pada tahun 2017. Berkaitan dengan Yang Berhormat Merbok ini, Yang Berhormat Merbok bertanya mengenai dengan hal yang berkaitan dengan pendawaian elektrik. Saya hendak jawab kepada rakan-rakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Merbok ada dalam Dewan?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Temerloh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh juga tiada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Kuala Kangsar?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar juga tiada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Bukit Bendera?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Bendera ada.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Bukit Bendera bertanyakan mengenai dengan kadar sewaan. Jawapan yang diberi di sini adalah pembinaan struktur menara telekomunikasi adalah satu matlamat daripada segi pendidikan dan bukannya untuk tujuan komersial. Sekiranya ia tidak digunakan untuk pendidikan atau unsur komersial, maka syarikat boleh dikenakan sewaan mengikut kadar semasa. Berdasarkan kepada perjanjian penyewaan, kadar ini boleh dikaji pada setiap tiga tahun. Sekiranya menara tersebut digunakan selain daripada tujuan pendidikan, maka kerajaan boleh mengenakan kadar komersial kepada pihak syarikat.

Tahap penggunaan VLE secara amnya masih pada tahap yang rendah pada masa tersebut. Terdapat guru-guru dan murid-murid dalam peringkat penggunaan VLE pada waktu ini telah pun meningkat kepada satu juta orang murid dengan menggunakan VLE di kawasan yang telah dicapai. Pada tahun ini, tahap penggunaan telah mencapai '1,190,722' juta orang murid yang menggunakan VLE.

Projek perkhidmatan Bestari tidak gagal. Lewat jadual berdasarkan kontrak sebanyak 8,924 buah sekolah daripada 8,938 buah sekolah yang telah dipasang dengan BestariNet. Jadual ini disebabkan oleh isu kelulusan pembinaan yang melibatkan pihak berkuasa tempatan. KPM sedang menaiktarafkan kelajuan internet dengan meningkatkan jalur lebar sekolah-sekolah yang menggunakan teknologi 4G iaitu daripada empat *megabyte per second* kepada enam *megabyte per second* kepada 10 *megabyte per second* dan 15 *megabyte per second*.

Kementerian juga akan meningkatkan jalur lebar kepada 30 *megabyte per second* bagi sekolah yang telah memerlukan setelah kajian penggunaan ini dapat dilaksanakan. Bagi sekolah-sekolah yang menggunakan VSAT dan ADSL, dinaikkan taraf secara berperingkat-peringkat kepada teknologi 4G. Sekiranya perkhidmatan tidak menepati SLA, KPM memang mengenakan denda kepada syarikat.

Kementerian juga telah mengambil maklum mengenai dengan laporan pengauditan perkhidmatan BestariNet bermula pada 10 September 2014 yang meliputi isu-isu yang berkaitan prestasi dan pengurusan projek. Ekoran daripada itu, Bahagian Susulan Audit Jabatan Audit Negara telah membuat audit semula susulan bagi maklum balas KPM. KPM telah memberi maklum balas terkini kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara dan diperakui selesai. Paparan *dashboard* Ketua Audit Negara menunjukkan semua teguran pengauditan tersebut telah selesai. KPM telah memberi taklimat kepada PAC pada 16 Jun 2015. KPM mengambil kira semua teguran untuk penambahbaikan pelaksanaan BestariNet.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tidak panjang ya?

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Tidak panjang.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Sikit sahaja. Pasal saya banyak, terlampau.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Tahu, tahu tetapi hendak *follow up*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, berkenaan dengan sewaan bagi menara 1BRIS tadi yang Yang Berhormat Menteri jawab, menggunakan kadar yang rendah kerana tidak berunsur komersial.

Akan tetapi di sini, saya memetik satu temu bual pada 10 Mei 2013 oleh Pengarah YTL, Dato' Yeoh Seok Hong yang mengatakan bahawa towers dengan izin, “*Towers going up at the schools will not provide wireless internet connectivity at the school but also in the surrounding areas*”. Maksudnya, dalam kawasan sekeliling juga. Jadi ada kemungkinan. Saya hendak tahu, sejauh mana kementerian pasti bahawa menara-menara ini tidak digunakan untuk tujuan komersial. Adakah semakan telah dibuat, audit telah dibuat secara mendalam mengenai perkara ini? Sebab apabila saya baca dalam prosiding PAC pun, ia hanya satu penafian oleh pegawai tanpa ada bukti yang menunjukkan bahawa tidak digunakan bagi tujuan tersebut.

Selepas itu, dalam jawapan-jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya mengenai *roll out*. Adakah pemasangan 100 peratus sudah siap 1BestariNet ini sebab kalau ikut kontrak sepatutnya siap pada tahun 2013? Kemudian belum siap lagi pada tahun seterusnya. Saya hendak tahu, pada masa ini, adakah ia sudah siap dan kalau tidak siap lagi, apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil oleh kementerian bagi mendenda ke atas kontraktor? Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Pengerusi, tambah sedikit. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Saya mungkin bersetuju dengan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut, kena tanya Yang Berhormat Menteri, bagi laluan atau tidak.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Dia sudah tengok tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab Yang Berhormat Menteri tidak duduk, saya tidak boleh hendak jemput.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ada panjang sangatkah? Pasal, panjang ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Sikit sahaja. Tidak, ada. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Bendera. Berpandukan kepada Laporan Audit PAC ini, kenyataan Yang Berhormat Menteri mengatakan projek ini tidak gagal, dilihat tidak berapa tepat.

■2010

Kalau mengikut laporan ini, banyak kegagalan berlaku. Saya ingin bertanya, apa jadi pada 351 buah sekolah *champion school*? Kemudian apa jadi *chrome book* yang

dibekalkan kepada pelajar-pelajar? Saya pernah bawa ke sini *chrome book* kebanyakannya telah rosak dan tidak boleh dibaiki. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bagi penjelasan sikit. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera yang asalnya ialah begini. Ia sebenarnya apabila kita bercakap mengenai dengan VLE ini penggunaan 1BestariNet, pokok pangkalnya adalah yang berkaitan dengan bagaimana kita hendak membangunkan sebuah sistem yang ada kaitan dengan jalur lebar? Oleh sebab yang paling penting sekali adalah jalur lebar dan daripada pencapaian *internet* itu kemudiannya boleh kita gerakkan untuk platform VLE. Di dalam menggerakkan platform ini, saya sukalah – saya sudah sebut di Dewan yang mulia ini bahawa kita ada empat kategori sebenarnya. Kita ada kawasan sekolah di bandar, kita ada sekolah di pinggir bandar, kita ada sekolah di luar bandar dan kita ada sekolah di pedalaman. Bagi sekolah di bandar dan sekolah di pinggir bandar, dia tidak begitu ada masalah.

Akan tetapi bagi sekolah di luar bandar, di kampung-kampung. Di kampung-kampung ini *connectivity*-nya rendah. Jadi selain sewaktu pembinaan dulu, sewaktu pembinaan dulu apabila dibentangkan pembinaan ini pada tahun 2012 lagi bahawa hendak dibuat secara berperingkat-peringkat supaya capaian *internet* dan juga penggunaan VLE itu boleh digunakan. Pada masa yang sama juga, guru-guru diberi latihan untuk penggunaannya di sekolah. Jadi ada tiga elemen di situ, capaian *internet* rendah, penggunaan VLE dan latihan kepada guru. Jadi dalam proses itu, saya sebutkan tadi bahawa untuk peringkat yang pertama ada lebih kurang tadi 8,000 buah sekolah yang saya sebut tadi bahawa fasa pertama itu sudah berjalan pada waktu itu.

Apabila datang pada fasa yang kedua, kita minta pada syarikat supaya dia meningkatkan penggunaan *megabyte* daripada saya sebut tadi – ada yang kalau di sesetengah di kampung dia mungkin hanya ada dua *megabyte per second*. Kita hendak ditingkatkan kepada enam *megabyte per second*. Ada tempat yang boleh ditingkatkan kepada 10 dan ada tempat yang ditingkatkan kepada 15. Itu dalam fasa yang kedua dan kita minta syarikat buat seumpama itu.

Dalam kontrak yang baru pun kita katakan kepada syarikat servis yang diberi itu ada pembayaran, tidak dibayar secara *lump sum*. Jadi ini adalah persetujuan di mana kita hendak supaya syarikat memberi perkhidmatan kepada kementerian dan kementerian membayar kepada perkhidmatan yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Ini perkara yang sudah kita cuba perbetulkan bukan sahaja daripada segi apa yang berlaku di sekolah tetapi kita cuba perbetulkan juga yang berkaitan dengan kontrak di antara syarikat dan juga kementerian.

Yang Berhormat Lanang tadi – murid ini akan diberi peluang untuk menduduki SPM secara percuma sekiranya perkara ini benar-benar merupakan tindakan yang salah oleh pengetua sekolah. Itu jawapan saya, okey?

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya minta kalau itu – kerana tidak mahu prestasi sekolah dipengaruhi oleh keputusan empat orang murid tersebut, adakah tindakan akan diambil terhadap pengetua yang menghalang mereka menduduki peperiksaan tersebut?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Kita boleh ambil tindakan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Parit Sulong, tidak ada? Ada. Untuk Yang Berhormat Parit Sulong, sukalah saya menyebut di sini bahawa sebanyak – untuk tahun ini RM4.15 juta telah diturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan sebanyak – tambahan RM250,000 lagi kepada JPN Johor untuk tahun 2016. Jadi saya kira bahawa apabila disebut mengenai dengan kerosakan ini, sepatutnya PPD yang ada dalam tempat itu telah boleh mengambil tindakan bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk memantau dan mengambil tindakan yang sepatutnyalah kepada hal yang berlaku di Parit Sulong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong ni bahaskah tadi?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sudah bahas, bahas tadi bahas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah bahas ya?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya Tuan Pengerusi, terima kasih. Akan tetapi jumlah yang dimaksudkan tadi Yang Berhormat Menteri nyatakan adalah untuk satu Johor. Satu Johor itu ada 26 Parlimen Yang Berhormat. Selepas itu untuk daerah Batu Pahat pula kita ada empat Parlimen. Jadinya saya harap – sebab yang ini baru terjadi bulan lepas, 25 Oktober. Jadinya mungkin perlu bantuan dari Pusat *certain allocation* untuk membantu. Oleh sebab kalau hendak pergi belajar sudah ternganga bumbung itu sudah tidak ada macam mana? Kesian pada budak-budak itu semua. Jadinya saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Kita minta supaya diambil tindakan pada kadar yang paling segera. Yang Berhormat Limbang...

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang *handsome* malam ini, terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Dato' Dr. malam ni sahaja Yang Berhormat Menteri *handsome?* [Dewan ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tambah peruntukan apa.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari-hari biasa tidak *handsome* ya?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Pengerusi, saya sebut dengan segera.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi *jealous* itu.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Jadi Yang Berhormat Limbang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kuala Krau beritahu yang Yang Berhormat Menteri *handsome* setiap hari.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Lulus Kuala Krau. Yang Berhormat Limbang saya minta kes ini kes yang serius disebut oleh Yang Berhormat. Jadi saya minta hari Isnin minggu depan pegawai turun ke tempat Yang Berhormat di Limbang. Minggu ini tidak sempat Yang Berhormat sebab sibuk di sini.

Ada tiga buah sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat. Semua sekolah itu sebenarnya telah ada *design* dan misalnya SMK Limbang hanya menunggu *approval* daripada Majlis Perbandaran Limbang. Kemudian yang keduanya SK Tanjung, reka bentuk sudah siap dan sekarang menunggu untuk pelantikan kontraktor. Berkaitan dengan keretakan itu saya mintalah supaya pihak pegawai turun pada hari Isnin untuk tengok kes yang melibatkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Saya jawab yang inilah, tidak payah...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Berkenaan dengan Parit Sulong tadi.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tidak apalah, tidak apalah. Yang Berhormat duduk dulu. Saya *settle* dulu, sampai sekejap lagi Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kota Kinabalu? IGP, IGP.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri yang fasal sekolah kelompok itu macam mana ceritanya? Yang saya pohon tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minggu depanlah, minggu depan, melawat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tidak, bukan. Bukan yang retak. Sekolah kelompok.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Lima buah sekolah dia hendak – dia kalau lima buah sekolah dia hendak satukan di satu tempat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Itu saya ambil perhatianlah sebab saya tidak boleh jawab masa ini Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Betul, betul.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Oleh sebab macam mana kaedahnya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih. Yang Berhormat Kota Kinabalu, IPG dengan IGP. Jadi saya hendak sebut pada Yang Berhormat, yang pertama Yang Berhormat tanya tadi fasal guru orang Sabah, berapa orang, orang Sabah? Saya hendak sebut di sini guru-guru Sabahan – jumlah guru di Sabah 42,789 orang. Guru dari Sabah, kelahiran Sabah 35,185 orang. So, maknanya peratus Sabahan yang menjadi guru adalah 82 peratus. Satu dasar telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah yang dikenali sebagai 90-10. Jadi 90 peratus dikehendaki sekolah kebangsaan dan sekolah menengah orang dari Sarawak dan 90 peratus cikgu dari sekolah kebangsaan dan sekolah menengah orang Sabah. Jadi yang *balance* itu sahaja 10 peratus daripada Semenanjung ataupun dari Sarawak, ataupun dari Sabah macam itulah. Jadi 90-10.

## ■2020

Jadi sehingga sekarang, untuk pengetahuan di Sabah kita ada 82 peratus Sabahan yang menjadi guru. IPG bukan IGP, IPG adalah latihan untuk guru-guru yang mengajar di sekolah kebangsaan, *primary school*. Untuk sekolah menengah adalah guru-guru yang daripada universiti sama ada universiti awam atau universiti lain yang dipilih, yang ditemui duga untuk menjadi guru. Jadi, IPG itu adalah sekolah kebangsaan. Di Sabah ada empat buah IPG, IPG Kent, IPG Gaya, IPG Keningau dan IPG Tawau. Saya akui bahawa Gaya dan Kent adalah yang paling sejrahlah, ada sejarah pendidikan.

Apabila kita sudah sampai lebih kurang 50 tahun, jumlah pengambilan guru tiap-tiap tahun makin lama makin berada pada - ia *stagnant*. Ia akan tunggu berapa ramai guru yang bersara, guru yang pencen sama ada pencen wajib 60 tahun ataupun *optional*, pilihan untuk pencen. Itu jumlah guru yang patut diambil, campur lagi dengan sekolah baru. Sekolah baru tidak banyak. Sekolah baru *plus* guru yang telah bersara, itu

sahaja tiap-tiap tahun. Jadi, bila macam itu, banyak IPG yang ada di Malaysia. Kita ada 27 buah IPG semua sekali, termasuk Sabah empat buah, Sarawak empat buah. Kita semakin hari semakin kurang pelajar yang mengambil ataupun diambil di IPG. Kita cadangkan supaya IPG ini ditukar perlahan-lahan menjadi politeknik kerana pelajar IPG semakin hari semakin kurang.

Kita telah mengambil kira kalau kita tukar kepada politeknik ataupun kolej vokasional, campur semua lagi IPG yang ada ini, masih– pelajar hanya ada 80% sahaja. Jadi sebab itu, kita cadangkan. Walau bagaimanapun sehingga hari ini kita tidak tetapkan mana-mana IPG lagi. Akan tetapi kita menghormati keputusan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah yang berkaitan dengan mana-mana institusi pendidikan yang dianggap sebagai ada sejarah tersendiri, itu kita ambil perhatian dan hormati. Selepas itu, kita akan membuat keputusan setelah berunding dengan Kerajaan Sabah dan juga berunding dengan Kerajaan Sarawak, mana yang sesuai untuk masa depan. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu Yang Berhormat sebut berkali-kali IGP, IGP tadi. Yang Berhormat hendak cakap apa?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya ada lagi, ada lagi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya hanya ada satu soalan, mengenai guru-guru yang mengajar di luar bandar. Tadi saya kasi satu contoh di Banggi. Gurunya mahu tinggal di Kudat, tiap-tiap hari mahu pakai feri pergi pulau, pergi balik dua jam. Jadi, apakah langkah akan diambil supaya pengaktifan akan dibuat di Banggi dan di lain-lain tempat begitu juga.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Sabah keseluruhan sekolah yang ada di pulau, semua sekolah yang ada di pulau di negeri Sabah berjumlah 67 buah sekolah, termasuklah 14 buah sekolah di dalam Pulau Banggi. Pulau Banggi ada 14 buah sekolah dan sebuah sekolah menengah di Pulau Banggi. Ada juga guru yang tinggal di Pulau Banggi dan ada guru yang tinggal di Pekan Kudat. Saya akui itu memang betul. Ada guru yang tinggal di pulau dan ada yang tinggal di Pekan Kudat. Proses untuk hendak tengok– kalau kita anggapan yang paling baik sekali ialah kalau kita dapat mengambil guru itu dari guru-guru tempatan yang tinggal lama, boleh tinggal. Akan tetapi masalah sekarang, banyak juga guru walaupun dari Sabah tetapi misalnya dia datang dari Tuaran ataupun dia datang dari Papar, dia kalau boleh dia hendak balik dari Pulau Banggi ke kawasan masing-masing. Jadi, proses inilah yang kita sedang tengok bagaimana kalau boleh kita mengambil guru tempatan.

Keduanya, kita juga memikirkanlah, saya akui kita juga fikirkan bagaimana kalau untuk *long term* yang berkaitan dengan Yang Berhormat Kota Kinabalu sebut tadi berkaitan dengan perumahan guru di setengah-setengah tempat. Seterusnya adalah

Yang Berhormat Batu Pahat. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat telah menyatakan tentang manusiakan pendidikan itu. Saya ingat Yang Berhormat Batu Pahat mempunyai pengalaman yang banyak dalam pendidikan, sudah tentulah dapat memberi satu gambaran. Saya tidak berhasrat untuk memberi satu komen, cuma saya menyatakan bahawa ini adalah satu-satu cadangan yang baik dan boleh diketengahkan untuk kemajuan pendidikan anak bangsa kita sendiri. Jadi, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pernah bertugas di Institut Aminuddin Baki. Nanti kita bincang.

Kemudian, Yang Berhormat Lipis? Yang Berhormat Kuala Selangor? Yang Berhormat Kuala Selangor, bercakap mengenai dengan maklumat-maklumat kaedah pemberian. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini berkaitan dengan *emergency*. Saya pun belum ada mekanisme sebenarnya. Saya akui sepatutnya kita ada satu mekanisme yang boleh disegerakan dalam tempoh yang paling awal adalah satu minggu, hal yang berkaitan dengan kaedah pemberian apabila melibatkan kerosakan itu akibat daripada darurat. Jadi, ini saya akui dan sekarang ini ada, konsep *emergency* ada. Konsep *emergency*, konsep darurat ini ada tetapi kita boleh perbaiki lagi kaedah-kaedah penyampaian kewangan kepada sekolah-sekolah ataupun kepada PPD.

Untuk sekolah menengah SMK Saujana, sekarang ini dijangka akan dimulakan pada suku yang kedua 2017. *Construction* ini akan bermula 2017. Untuk PPD Kuala Selangor, kita telah cuba untuk *bid* bajet ini daripada EPU tetapi sehingga hari ini masih lagi belum dapat Yang Berhormat. Yayasan PIBG pernah diumumkan suatu masa dahulu, Yayasan Tabung PIBG, projek ini tidak dapat diteruskan. Pendawaian sekolah, sukalah saya sebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendapat maklumat di seluruh negara berkaitan dengan semua sekolah yang berusia 20 tahun ke atas. Sebenarnya, ada sekolah di Malaysia yang 20 hingga 50, 50 hingga 100 dan 100 ke atas.

Jadi, ada sekolah-sekolah yang akan nasihat jurutera JKR mengatakan kalau sekolah 20 tahun ke atas, pendawaian semula patut dilihat di sekolah-sekolah. Jadi, bermula tahun hadapan 2017, kita akan memulakan satu sistem Tuan Pengurus, di mana kita akan memberikan peruntukan untuk pendawaian semula sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat, pergi kepada sekolah yang paling teruk sekali. Bermakna, kalau sekolah itu memang dalam suasana, keadaan yang teruk, yang itu yang kita akan pergi dan kita buat untuk seluruh negara. *Insya-Allah* kita akan mula pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Sabak Bernam, ini mengenai dengan persekitaran yang kondusif sekali lagi. Saya faham bahawa ada suasana yang tidak begitu kondusif, ada suasana yang kondusif, jadi kita mengambil, kita cuba yang terbaik dan saya ingat setengah daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah memang hendak cari jalan untuk membolehkan mereka dapat suasana yang cukup kondusif untuk pembelajaran. SMK Ungku Aziz memerlukan bangunan tambahan bagi mengatasi masalah kesesakan pelajar. Kementerian telah mempertimbangkan bangunan tambahan untuk kaedah IBS di sekolah itu. Satu lagi adalah SMK Tebuk Pulai. Pembinaan ini diteliti dan boleh dipertimbangkan dalam RP3 tahun 2018, RMKe-11.

Yang Berhormat Kapar bangkit mengenai dengan Bahasa Tamil. Saya datang ke *celebration*, satu *celebration* sambutan Sempena 200 tahun perayaan Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia pada dua minggu yang lalu. Jadi Bahasa Tamil telah diperkenalkan secara formal di sekolah pada tahun 1816 di Penang Free School, Pulau Pinang dengan pada waktu itu 1816 ada satu kelas dalam Bahasa Tamil dan bermula disitulah Bahasa Tamil telah disambut pada 2016, 200 tahun. Jadi itu kita akui lah sebagai bahasa yang tertua dan di negara ini pula dia telah mencapai usia 200 tahun. Saya ingat itu tidak boleh dipertikaikanlah. Apa-apa buku yang dicetak ini adalah tertakluk di bawah KDN sebab *license* dikeluarkan di bawah KDN dan setakat ini penerbit telah menarik balik percetakan itu dan telah menulis surat secara rasmi memohon maaf. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Ya silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terlebih dahulu terima kasih kerana menerangkan tentang Bahasa Tamil tadi, saya berbesar hati dengar daripada Yang Berhormat Menteri sendiri. Kedua adalah tentang cetakan tadi. Kita undang-undang yang boleh diambil. Saya akui itu perlu dirujuk kepada KDN tetapi yang saya minta ialah Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh meminta KDN supaya mengambil tindakan melalui akta yang sedia ada. Kita ada akta-akta tetapi penerbit, penulis dan sebagainya tidak mengikut apa yang ada dan kesalahan yang dilakukan. Setiap kali kesalahan, minta maaf, setiap kali kesalahan, minta maaf.

Ini bukan perkara baru, so kalau ada sekali kementerian ambil inisiatif untuk membawa mereka ke mahkamah dari sudut undang-undang, saya rasa benda ini akan berhenti selama-lamanya. Itu pandangan saya. Saya minta satu tindakan yang positif daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih, pandangan Yang Berhormat diambil perhatian. Itulah jawapan-jawapan kepada yang telah diberi, yang telah dinyatakan oleh ahli Yang Berhormat berkaitan dengan perkara yang disebut.

Akhirnya daripada Yang Berhormat Setampin, yang ke-16. Jadi untuk Yang Berhormat Setampin, untuk SJK(C) Chong Hwa yang tidak ada pra sekolah dan itu kita boleh ambil perhatian berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dengan kadar segera sebab seperti yang saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, pada jawapan saya sebelum ini bahawa pendidikan ini untuk semua anak warga negara Malaysia tanpa mengira kaum sama ada kita daripada mana-mana kaum yang menjadi warganegara layak untuk mendapat pendidikan formal sama ada daripada pra sekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Jadi itu satu yang telah diputuskan oleh kerajaan daripada kita merdeka, penubuhan Malaysia sehingga hari ini.

Keduanya Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan UEC satu daripada tuntutan. Sejurnya mulanya masyarakat Cina yang telah mengadakan sekolah menengah persendirian Cina yang telah meletakkan satu jenis peperiksaan. Kita telah mempunyai sebuah polisi dalam negara yang kita telah bersetuju— daripada awal lagi kita telah bersetuju, kita telah memberi pada waktu itu *four fathers*, daripada dulu lagi kita bersetuju dan kita membuat *agreement* bahawa SRJK(C) boleh— saya suka menggunakan nama sekolah daripada menggunakan istilah vernakular.

SRJK(C) telah diberi, SRJK(T) telah diberi, sekolah kebangsaan telah diberi, sekolah mualigh telah diberi dan perjalanan ini tanpa gangguan. Walaupun kita berbeza pendapat, kaum dan berbeza pandangan politik dan ada kadang-kadang pihak satu pihak mungkin menyatakan tidak perlu sekolah Cina, tidak perlu sekolah Tamil dan ada kadang-kadang suara-suara daripada masyarakat Cina pula *defend*, patut ada sekolah Cina dan ada suara daripada rakan-rakan masyarakat India *defend* patut ada sekolah Tamil dan ini ada suara lain pula di kalangan orang Melayu pula kata kita pergi tutup, kita pergi buat satu sekolah.

Tapi kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional ini meneruskan usaha seperti mana sekolah-sekolah yang ada hari ini, tidak ada gangguan dan peruntukan diberi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan dalam bajet RM50 juta sekolah SRJK(C), RM50 juta Sekolah Tamil, RM50 juta Sekolah Mualigh, RM50 juta Sekolah Agama, RM50 juta MRSM dan bakinya digunakan untuk sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan, jumlah sekolah kebangsaan, saya hendak sebut di sini, SRJK(C) ada 1,300 buah sekolah SRJK(C). 1,300 *exact figure* belakang itu saya tidak ingat berapa.

**Seorang Ahli:** 1,298.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** 1,298. Sekolah Tamil 524 dan bakinya adalah sekolah kebangsaan. Dalam sekolah kebangsaan itu juga ada 90 buah sekolah adalah sekolah kebangsaan yang 100 peratus anak-anak Orang Asli dan ada lagi sekolah kebangsaan di situ yang daripada etnik kaum rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak. Jadi akhirnya inilah sekolah yang kita duduk.

Jadi bila datang pada satu lagi elemen, elemennya adalah UEC. UEC diminta supaya disetarakan ataupun diluluskan peperiksaannya. Secara prinsipnya kita telah menerima UEC ini melalui apabila ada subjek SPM. Sekarang ini pelajar UEC yang ada pelajar SPM boleh datang ambil masuk IPGM, Institut Pendidikan Guru. Sudah boleh sudah, kata boleh masuk dan masuk.

Cuma sekarang tuntutan daripada masyarakat bahawa kalau boleh UEC ini diluluskan, ataupun bukan diluluskanlah... *[Disampuk]* Diiktirafkan. Jadi saya hendak jawab secara jujur pada Dewan ini, setakat ini UEC tidak lagi diiktirafkan. Terima kasih. Jadi itu saja jawapan saya pada hari ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, dua soalan penting saya Yang Berhormat tidak sentuh langsung.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Apa dia? Yang itu sebab sebenarnya ginilah....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang ini penting Yang Berhormat. Ini yang cetak. Okey yang pertama. Pertama tadi adalah kena mengena dengan cikgu-cikgu yang meliwat, yang kurang senonoh dan sebagainya. Perlu ada komitmen daripada kementerian.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kedua, adalah KDK, kedudukan dalam kelas yang menggunakan GPP, Gred Purata Pelajar yang baru yang tadi saya bagi komen. So, dua-dua ini kementerian kena bagi komitmen. *Thank you.*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Bukit Gantang.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya, Yang Berhormat Bukti Gantang sudah jawab.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Stampin boleh.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Lupa hendak jawab yang Yang Berhormat Bukti Gantang.

## ■2040

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada soalan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Yang SJK Chung Hua Batu 8 1/2 tadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan jangka masa supaya bila ia boleh disegerakan? Kerana itu adalah permintaan

dan pertanyaan ibu bapa di kawasan saya. Jadi saya perlu berikan mereka satu jawapan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Boleh saya rujuk dengan Jabatan Pendidikan Sarawak lah untuk dapatkan yang terkini, Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey, terima kasih. Kerana saya difahamkan aplikasi telah pun diberikan.

Dari segi UEC ini— *last question*. Spesifik di Sarawak. Saya hendak dengar cadangan daripada Menteri. Jika seorang Sarawak, dia boleh dari kaum Cina, kaum Dayak, kaum Melayu di Sarawak, biasa, kaum lain ambil UEC. Jadi apakah cadangan kementerian kalau mereka nak membuat bidang kejuruteraan, universiti mana mereka boleh masuk selepas UEC? Minta cadangan Menteri. Kalau universiti awam tidak terima mereka.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Saya lupalah. Yang Berhormat, saya cari soalan Yang Berhormat Taiping tidak jumpa... *[Disampuk]* Yang Berhormat Bukit Gantang.

SRJK Chung Hua Stampin ialah sekolah bantuan kerajaan. Jadi sebarang cadangan bolehlah diutarakan melalui Lembaga Pengarah Sekolah Chung Hua okey?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Chung Hua Batu 8 1/2?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Aplikasi telah pun dihantar beberapa bulan dahulu.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey, tidak apa.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jawapan bertulis ya?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Okey.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih. Yang UEC tadi, cadangan, Menteri ada dengar tak?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tidak apa. Saya tengah cari soalan Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya tidak jumpa. Nanti saya jawablah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lajak terus ini. Lajak terus Padang Terap kah?

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat, saya jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Singgahlah perhentian Bukit Gantang beli buah limau apa dulu. Lajak terus.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Nanti kita singgah. Yang Berhormat Kapar berkaitan dengan apa yang disebut tadi, bahawa kita kementerian mengambil perhatian yang serius. Kita ada 430,000 orang guru di seluruh negara. Insiden-insiden yang seumpama

ini sememangnya kita sangat memandang serius. Apa yang berlaku sekarang ialah kita telah membuat arahan— kita tidak pindah ke sekolah lain. Apa yang kita arahkan sekarang ialah dia *pool* di Pejabat Pendidikan Daerah. Jadi untuk kesemua hal yang berkaitan— sebab, bila ada 430,000 orang guru, boleh bayangkanlah ada juga yang bermasalah. Bila ada yang bermasalah, tentulah kita nak kena *pool* mereka itu di Pejabat Pendidikan Daerah.

Jadi, ribuan terima kasih Tuan Pengerusi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat belum jawab Stampin lagi.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada semua rakan yang ada, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tadi Stampin belum jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan kedua saya pun tidak jawab.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, tadi *you* tidak jawab Stampin punya soalan. Macam mana boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM42,891,940,000 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM42,891,940,000 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,096,528,100 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,096,528,100 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.64 [Jadual] –  
Maksud P.64 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.64 dan Kepala Pembangunan P.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli: /Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa orang? Ramai? Empat orang daripada Barisan Nasional, enam orang pembangkang. Okey, sila Yang Berhormat Merbok. Walaupun diberikan masa 10 minit, kalau boleh ringkaskan ya.

**8.44 mlm.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bekalan B.64 Butiran 020000. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana berjaya menyediakan institut pengajian tinggi di setiap negeri di Malaysia. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar iaitu sebanyak RM2.4 bilion kepada universiti awam. Terima kasih kepada Perdana Menteri atas keprihatinan beliau terhadap rakyat di negara ini.

Namun begitu, fokus utama kita ialah universiti-universiti di Malaysia yang tidak dapat menampung jumlah penduduknya seramai 31 juta. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memperbanyak lagi institut pengajian tinggi di seluruh Malaysia khususnya di kawasan-kawasan yang sedang membangun seperti di Merbok.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya belanja operasi universiti awam ditingkatkan. Kerajaan juga diminta menyediakan inisiatif kewangan seperti:

- (i) pengecualian cukai kepada syarikat yang bekerjasama dengan universiti awam untuk meningkatkan belanja operasi di universiti awam;
- (ii) menggalakkan universiti awam supaya mewujudkan *endowment* bagi menjana perolehan universiti awam;
- (iii) memberi potongan cukai individu atau rebat kepada pekerja supaya meningkatkan tahap akademik pengajian di universiti bagi meningkatkan pendapatan universiti awam; dan
- (iv) memberi peruntukan tambahan kepada universiti awam berdasarkan kriteria tambahan seperti penyelidikan yang berimpak tinggi kepada masyarakat dan organisasi.

Universiti awam mesti membuat penambahbaikan belanja operasi melalui kaedah pengawalan inventori untuk bahan mentah, *work in process* dan *maintenance repair* dan *operating* supaya belanja operasi dapat dikurangkan.

Memandangkan ranking dan rating menjadi utama di peringkat universiti awam, kerajaan perlulah mengambil tindakan untuk jawatan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan perlu diadakan segera kerana jawatan tersebut mestilah disamaratakan dengan jawatan jurutera. Pihak kolej komuniti vokasional perlu bekerjasama dengan universiti tempatan di dalam membantu dan membangunkan program yang sesuai.

Tuan Pengerusi, masalah utama dalam menjalankan bidang penyelidikan ialah pertama, kekurangan bantuan sumber kewangan yang kuat. Contohnya, jumlah geran penyelidikan sangat terhad bagi universiti-universiti awam yang bukan daripada kategori *research university*.

Kedua, kekurangan kemudahan peralatan bagi menjalankan penyelidikan. Contohnya, penyelidikan dalam bidang kejuruteraan voltan tinggi memerlukan peralatan yang melibatkan kos yang tinggi. Kekurangan pakar rujuk dalam bidang penyelidikan mestilah diramaikan.

Ketiga, kerena birokrasi yang amat rumit dalam urusan penggunaan wang geran penyelidikan yang diperolehi. Contohnya, proses kelulusan mengambil masa yang lama dan menjajaskan program penyelidikan yang telah dirancang oleh penyelidik.

Keempat, insentif kepada para penyelidik sangat kurang. Contohnya, insentif jangka pendek dalam bentuk kewangan, insentif jangka panjang, proses kenaikan pangkat di universiti mengambil masa yang amat lama dan rumit.

Selain itu, beban tugas pengajaran pensyarah universiti yang agak tinggi mengehadkan masa bagi penyelidik universiti menjalankan kerja-kerja penyelidikan.

## ■2050

Untuk geran penyelidikan yang diperuntukkan untuk universiti-universiti bukan dalam kategori *research* universiti sangat kurang. Kualiti kertas kerja penyelidikan yang dihasilkan terlalu bergantung kepada impak faktor yang ditetapkan oleh pihak luar. Contohnya *ISI Web of Science, Scopus*. Faktor ini kadangkala melemahkan semangat penyelidikan terutama di universiti-universiti.

Tiada inisiatif yang cukup untuk menarik pelajar terbaik antarabangsa ke Malaysia dan tidak dapat dibiayai oleh kebanyakan geran penyelidikan. Pembayaran moratorium kepada penyelidik yang membentangkan kertas kerja dibayar ikut gred jawatan. Ini kurang memberi motivasi terutama kepada penyelidik muda di universiti. Kekurangan kemudahan bagi penyelidik universiti bagi menjalani *post doc* atau pun... *sabbatical leave* sama ada di dalam atau di luar negara.

Kesimpulannya kemudahan universiti bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan industri negara. Universiti mempunyai yang lebih besar iaitu melahirkan warga negara terbaik dan modal insan cemerlang serta holistik bagi memenuhi keperluan sumber tenaga negara.

Masa depan pendidikan tinggi Malaysia bukan lagi tentang retorik nasionalisme dan pembangunan modal insan. Ia adalah tentang bagaimana pengajian tinggi akan mampu mendukung daya saing Malaysia dalam mendepani impak globalisasi Malaysia yang maju dan progresif. Malaysia yang berupaya menjadikan sistem pengajian tingginya sebagai instrumen dan sumber utama untuk membolehkan ia membina, menyokong dan melonjak daya saing bangsa dan negara di peringkat global. Sekian dari Merbok.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

### **8.53 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Kementerian Pengajian Tinggi. Pertamanya kita melihat peruntukan pemberian Kod 40000 bagi semua universiti awam di bawah kementerian ini. Ada 20 buah universiti hanya yang saya lihat enam buah universiti mendapat peruntukan melalui Kod 40000 ini yang bertambah, lainnya mengalami penurunan yang sangat ketara. Ini termasuklah UiTM yang hampir atau melebihi RM600 juta kekurangan peruntukan bagi tahun ini, daripada RM2.2 bilion kepada RM1.6 bilion.

Jadi, kita meragui, walaupun kerajaan mencadangkan supaya universiti-universiti ini, semua universiti awam ini turut mencari dana melalui program-program pendidikan mereka, *research* dan sebagainya tetapi kita tidak pasti sama ada universiti ini mampu untuk mencapai hasrat tersebut. Khususnya bagi lima buah universiti *research* seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat Merbok tadi iaitu Universiti Malaya, UKM, USM, UTM dan UPM. Kelima-lima universiti ini sendiri mengalami penurunan yang banyak iaitu hampir RM660 juta daripada peruntukan berbanding tahun sebelumnya. *Research* ini seperti yang kita sedia maklum Tuan Pengerusi adalah sangat kos intensif kerana kita mahu mencari perkara yang baru, meneroka perkara baru tentulah memerlukan satu jumlah yang banyak. Jadi bagaimana kita hendak mempertahankan kedudukan lima buah universiti ini sebagai universiti *research* yang kukuh? Kalau dalam masa yang sama mereka hendak menjalankan *research*, mereka terpaksa mencari dana mereka sendiri? Jadi sudah tentulah keadaan ini tidak akan membantu penyelidikan yang bertaraf lebih tinggi. Oleh sebab itu saya pun hendak tahu untuk beberapa tahun yang

kebelakangan ini, apa pencapaian universiti-universiti ini dari sudut penemuan-penemuan baru dan juga penyelidikan-penyelidikan yang berjaya dikomersialkan yang boleh membawa *income* dengan izin kepada universiti-universiti ini. Kalau prestasi yang ada kepada mereka boleh meyakinkan kita, maka saya tidak keberatan untuk melihat ataupun menyokong pemotongan peruntukan ini.

Akan tetapi kalau hasil daripada penyelidikan ini tidak dapat membawa kewangan kepada pusat-pusat penyelidikan di lima buah universiti ini, saya khawatir semangat untuk menjalankan *research* yang bermutu, yang boleh di-commercialize-kan di kalangan pensyarah-pensyarah kita akan menurun. Terutama pula dalam keadaan pensyarah-pensyarah senior mereka yang pada satu ketika dilanjutkan perkhidmatan melalui kontrak sudah mendapat arahan ataupun surat-surat untuk menamatkan perkhidmatan mereka. Jadi sudah tentu ini akan mengurangkan lagi daya maju bagi universiti-universiti berkenaan untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan.

Jadi saya rasa kalaupun untuk tahun 2017 ini peruntukan ini berkurangan, apalah kiranya pada tahun 2018 kita kembali kepada satu tanggungjawab bagi kerajaan iaitu untuk membantu khususnya universiti *research* ini untuk menjalankan *research* yang lebih baik melalui peruntukan yang lebih. Begitu juga di bawah peruntukan kepada hospital-hospital mengajar, *teaching hospital* yang ada tiga buah di bawah kementerian ini iaitu di Universiti Malaya, USM dan juga UKM. Kita lihat peruntukannya juga jauh berkurangan. Ini merisaukan ya, walaupun ia hampir sama dengan keadaan di Kementerian Kesihatan yang mengurangkan peruntukan bagi sebahagian daripada perkhidmatannya.

Akan tetapi bagi universiti pengajaran ini, pengurangan peruntukan adalah sesuatu yang kita rasa boleh menjelaskan bukan sekadar pendidikan, pengajaran tetapi kepada perkhidmatan itu sendiri. Kita biasa dengar sekarang ini peralatan makmal, bukan peralatannya, barang-barang untuk penyelidikan di makmal sudah berkurangan. Sampai *screening activities* dikurangkan. Ini berlaku di Kementerian Kesihatan. Saya tidak terkejut kalau ia juga berlaku di hospital-hospital mengajar ini.

Jadi saya ada sebut dalam perbahasan Kementerian Kesihatan, kalaular peruntukan untuk *screening* ini dikurangkan maka kita akan menjelaskan usaha-usaha pencegahan penyakit. Ini kerana banyak ujian, *test* yang terpaksa kita abaikan kerana kos barang yang tidak dapat ditampung oleh pembiayaan oleh kerajaan.

Tuan Pengerasi, saya juga ingin memohon penjelasan sebab saya tidak tahu apa program di bawah Butiran 090300 – Air Kokol dan Ubatan ini yang diberikan peruntukan RM75 juta. Itu banyak ya. Jadi bukan saya mempertikaikan cuma saya tidak tahu. Batuk kokol saya tahu tahulah ya tapi air kokol ini. Apakah ia satu program ialah—elok Yang

Berhormat Menteri jawab. Saya pun tidak boleh untuk membuat sebarang andaian. Tuan Pengerusi, itu sekadar pertanyaan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

### **8.59 mlm.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Jabatan Pendidikan Tinggi yang mana peruntukannya bertambah RM3 juta daripada RM90 juta kepada RM93 juta dan Butiran 060000 – Universiti Awam, RM6 bilion yang mana peruntukannya telah turun daripada RM7.5 bilion di bawah maksud B.64.

### **■2100**

Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan dan KPT kerana dengan semangat *soaring upwards* ini dan laungan semangat ini dan juga usaha-usaha yang dijalankan di universiti-universiti terutamanya *research university* yang kebanyakannya telah meningkat dalam ranking dunia walaupun bukanlah ranking dunia itu sahaja yang menentukan bahawa universiti itu bagus sepenuhnya. Universiti pun kena berfikir macam itu kerana banyak lagi faktor-faktor lain yang menyatakan bahawa universiti itu telah memberikan kebaikan banyak kepada negara Malaysia. Sudah tentu ranking dunia merupakan salah satu daripada kriteria-kriterianya.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi, terdapat 10 inisiatif di bawah 10 lonjakan pelan yang telah dikenal pasti. Antaranya, ialah yang saya sebutkan tadi, perkara mengenai *soaring upwards* ini. Saya berminat dengan *battle-cry*, dengan *war-cry* ini kerana ia memberikan semangat. Kadang-kadang tatkala kita ada masalah dalam pembelajaran kita, dalam *business* kita, dalam kerja-kerja kita, *soaring upwards* ini ataupun perkataan-perkataan yang memberi semangat ini, betul-betul melonjakkan kita. Ini bagus untuk pelajar-pelajar di universiti. Kita semua kebanyakan telah melalui pembelajaran di universiti dalam empat tahun, lima tahun, enam tahun, ada sahaja cabaran dan sebagainya. Dalam kehidupan kita juga, tatkala kita rasa lemah dan sebagainya, ada orang jumpa kita kata, “*You can do it*” dan kita rasa semangat. Tiba-tiba semua enzim hormon dalam badan pun *to boom* semangat dan itu memberikan kita kekuatan.

Jadi saya rasa istilah ataupun *battle-cry*, *war-cry* *soaring upwards* ini perlu diterapkan dalam pelajar-pelajar di universiti-universiti dan semua orang mesti bangga bersungguh-sungguh bukan semangat tidak berkata dengan semangat. Ini satu saya amat memuji tindakan ini terutamanya kementerian. Begitu juga di universiti pun ada

lagu-lagu dia. Saya pernahlah hadir dalam universiti, lagu itu tidak berapa *power*. Bila lagu tidak berapa *power*, dia jadi boleh lemah. Lagu pun mesti ada lagu yang memberi semangat dengan kata-katanya, dengan seni katanya dan ayat-ayat yang memberi semangat dan pembelajaran. Ini satu perkara penting.

Perkara kedua, graduan holistik berciri keusahawanan dan keseimbangan. Ini iCGPA. Saya sekali lagi ini bagus. Kalau kita lihat iCGPA ini yang telah diterapkan dalam pelan pembangunan ini, macamlah juga cerita UPSR itu, macam juga UPSR. Kita bukan sahaja bergantung pada keputusan pelajaran. Ada orang dapat semua A, bila tengok darah, pengsan. Mana boleh jadi doktor? Dapat semua A, tengok darah pengsan. Mana boleh jadi doktor? Jadi banyak ciri-ciri lain selain daripada atas kertas itu. Jadi kita lihat iCGPA ini menerapkan kesemua faktor yang menentukan kejayaan seseorang dalam kehidupan dia.

Perkara ketiga ialah tentang kecemerlangan bakat ataupun *CEO Faculty Programme*. Ini satu perkongsian yang baik. Perkongsian seperti sekarang, dunia pendidikan bercakap tentang *technopolis*, tentang *collaboration*, dengan izin antara universiti dan juga industri. Antara mereka yang telah berpengalaman, CEO, pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang berpengalaman, CEO yang berjaya umpamanya, dengan universiti-universiti supaya pelajar-pelajar kita keluar, jangan tahu hendak buat apa. *Result* bagus tetapi tidak reti hendak buat kerja. *Result* bagus tetapi English tidak bagus, umpamanya. Jadi ini perkara-perkara yang saya lihat yang ada pada pelan pembangunan ini yang sangat-sangat baik. Jadi kita harap banyak lagi *CEO Faculty* yang akan mengambil bahagian dalam perkara ini.

Jadi IPTA cemerlang akan melahirkan produk yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat yang global. Seperkara lagi yang saya hendak sebut ialah tentang pembelajaran dalam talian tidak global, *Massive Open Online Courses (MOOCs)*. Ini satu lagi perkara baru yang mana negara kita menjadi kata orang, *awwalin* lah, jadi yang pertama sekali yang buat MOOCs ini, yang pembelajaran secara *online*.

Pelajar-pelajar dianggap sebagai pelanggan di IPT di mana mereka memerlukan persekitaran yang baik untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang baik. Saya ingin menyentuh tentang – saya berpendapat yang berbeza sedikit tentang apabila bajet yang dikurangkan. Kita lihat banyak universiti bajet dikurangkan. Bajet dikurangkan ada perkara-perkara – kita tahu tentang keadaan ekonomi sekarang ini, tentang bagaimana kerajaan merasionalisasikan. Bagaimana kerajaan cuba buat supaya semua terpaksa dikurangkan tetapi bukanlah sampai merudum tidak boleh buat kerja. Satu perkara. Keduanya, bajet dikurangkan telah diberitahu kalau tidak silap saya pada KPT, *research*

*university*, universiti awam. Mereka pada satu ketika nanti akan terpaksa berdiri di atas kaki sendiri.

Kita lihat di negara-negara maju, bukan semua kerajaan bantu. Kerajaan mungkin *30 percent* tetapi universiti itu berdiri di atas kaki sendiri *70 percent*. Jadi pada pendapat saya, universiti mestilah secara *gradually*, dengan izin untuk berdiri atas kaki sendiri. Bermula dengan universiti-universiti yang *matured*, UKM, UM, UPM yang lama ini, *matured university*, universiti-universiti yang sudah senior dan setiap universiti mempunyai keupayaan yang berbeza-beza. Jadi banyaklah perkara yang saya hendak – universiti, kalau universiti itu ada berapa profesor di universiti? Profesor yang senior di universiti. Kalau ada profesor dekat 100 profesor, apakah mereka tidak boleh fikir bagaimana untuk melaksanakan program-program R&D ataupun program pembelajaran, program-program *consultation* yang boleh mendatangkan dana kepada universiti itu? Ini satu perkara yang penting untuk memberikan semangat untuk berdikari sendiri. Kita kena positif. Kerajaan buat bukan untuk menjatuhkan sesiapa. Kerajaan buat untuk membantu rakyat semua. Jadi di sini kita lihat, ada universiti-universiti yang patut buat demikian.

Saya hendak ulang balik tentang MOOCs tadi merupakan satu evolusi baru dalam pendidikan global yang dihasilkan di Malaysia di mana pelajar dapat ikuti daripada pelajar luar negara. Pada tahun 2015, sebanyak 64 kursus di MOOCs ditawarkan dengan penglibatan yang sangat menggalakkan. Seramai 133,946 pelajar dari lebih 80 negara. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan lagi penawaran kursus melalui MOOCs pada masa akan datang? Apakah bidang kursus yang akan ditawarkan?

Beberapa cadangan, saya serah kepada kementerian untuk melihat kepada program CEO *Faculty* tadi untuk membuka ruang dan menambahkan lagi pegawai tinggi dan juga CEO-CEO syarikat untuk mengambil bahagian. Segala perkara yang telah disebutkan tadi merupakan antara inisiatif yang terdapat pada Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi ke arah melahirkan graduan yang mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat global serta menambahkan kredibiliti kebolehpasaran graduan-graduan tersebut.

Tuan Pengurus, saya ingin bertanya sedikit sebab masa pun sudah hampir tamat, tentang perkara pembangunan TVET mengarusperdanakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional. Sebanyak 1.5 juta pekerjaan berasaskan TVET akan diwujudkan menjelang tahun 2020. Oleh itu, berapakah jumlah pekerjaan berasaskan kemahiran yang telah ditawarkan dari tahun 2015 sehingga kini dan berapakah jumlah graduan yang telah mendapat tempat berdasarkan angka peluang pekerjaan tersebut?

Menghadirkan diri di universiti hari ini, Kementerian Pendidikan Tinggi bukanlah seperti 20 tahun, 30 tahun dahulu. Kalau kita lihat apa yang saya sebut ini tadi, perkara-perkara ini semasa saya di universiti dulu tidak ada, tidak ada di universiti dulu. Jadi hari ini kita melihat kepada bagaimana hasil modal insan daripada pelajar-pelajar yang keluar daripada universiti hari ini supaya kebolehpasaran. Maknanya daripada segi beberapa aspek yang tertentu. Jadi oleh sebab itu saya puji Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan tadi yang telah gulung, bahawa daripada awal lagi. Contohnya UPSR itu bukan mengejut macam itu tetapi daripada awal lagi supaya dapat mereka telah dilatih 2016 ini mengambil UPSR sepatutnya sudah bersedia dengan sistem format yang telah ada ini. Rakyat juga hari ini kena fikir macam itu.

Oleh sebab itu mak bapa, *parents*, tidak boleh kata kita cerita ini, kita kesal sangatlah anak kita tidak dapat semua A, umpamanya. Kalau dapat yang semua A itu saya dengar Yang Berhormat Parit Sulong anak dia dapat semua A, itu baguslah. Tahniah kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Betul ya? Hah! Betullah. Akan tetapi semua A bukan segala-galanya. Harapan anak-anak Yang Berhormat Parit Sulong semua A segala-galanya tetapi bukan hari ini bukan semua rupanya. Jadi kita di kampung, di masjid, di surau, orang tanya “*Anak berapa A dapat?*” Hah! Itu pun tidak betul. Maknanya saya hendak tanya, kalau budak itu dapat semua B macam mana? Adakah masa depannya gelap? Tidak. Ini baru permulaan dan baru asas-asasnya.

Jadi kita patut belajar daripada cerita-cerita UPSR ini dibawa kepada sampai ke KPT. Itulah sebab ada iCGPA. Itulah sebabnya ada *CEO Faculty*. Itulah sebabnya ada MOOCs. Itulah sebabnya adanya program-program yang untuk memberikan, melahirkan modal insan yang cemerlang, yang sangat berguna untuk Malaysia hendak jadi negara maju hari ini. Oleh sebab itu saya sekali lagi Tuan Pengerusi, saya sangat-sangat setuju dengan kata-kata semangat *the battle-cry, the war-cry soaring upwards* dan sebagainya memberikan semangat, memberikan kekuatan untuk meneruskan perjuangan.

Yang Berhormat Bagan Serai setuju. Terima kasih Tuan Pengerusi.

## ■2110

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kepong.

### 9.10 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, secara ringkasnya, 010000 - Pengurusan. Di sini ada peruntukan dikurangkan RM743 juta daripada RM1.6 bilion kepada RM895 juta. Saya tidak tahu macam mana kita boleh menguruskan dengan kekurangan begitu banyak untuk kementerian ini. Hari ini saya hendak sebutkan mengenai Institut Pengajian Tinggi Swasta dan MQA.

Saya ada terima aduan mengenai cara pihak kementerian atau pihak agensi untuk menguruskan terutamanya pelajar-pelajar daripada luar negara. Saya tidak tahu lah macam mana pihak kementerian dapat menguruskan hal ini kerana ini memang satu perkara yang rumit dan kita pun mesti jaga kerana keselamatan negara, kita tidak mahu pelampau-pelampau yang masuk ke negara ini dengan pura-pura untuk memasuki IPTS. Dengan ini saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan macam mana kita dapat menapis pelajar-pelajar dari luar negara yang semakin hari semakin bertambah di negara ini.

Saya hendak menyaksikan agensi yang mengendalikan hal pengambilan pelajar-pelajar luar negara dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan dan juga adil kepada semua pihak kerana kita ada banyak IPTS di negara ini. Semua yang dijalankan mesti ikut kriteria dan syarat yang ditetapkan.

Seterusnya, MQA. MQA sekarang kita nampak ada usaha untuk menentukan kualiti. Kualiti IPTS dan kualiti graduannya. Di sinilah saya hendak bertanya kepada pihak kementerian bagaimana MQA ini dapat menjalankan tugas kerana kita ada banyak institut-institut swasta dan macam mana MQA ini dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan supaya semua IPTS ini boleh mencapai satu tahap yang tinggi dan menjamin graduan-graduan itu ada harapan yang cerah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Besar.

### **9.13 mlm.**

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Izinkan Sungai Besar mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Butiran 030000 – Jabatan Pendidikan Politeknik di bawah Pengurusan dan di bawah 00400, Pembangunan juga Pendidikan Politeknik.

Di saat IPTA lain memperlihatkan penurunan bajet tetapi pada kali ini, untuk politeknik di peringkat pengurusan memperlihatkan penambahan sebanyak RM17 juta daripada RM841 juta kepada RM858 juta. Saya melihat juga kepada bahagian Pembangunan Pendidikan Politeknik, Butiran 00400 dan kalau tahun 2016, memperlihatkan RM143 juta, tahun 2017 bertambah kepada RM452 juta. Pertambahan lebih 300 peratus. Saya mohon *respond* kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi apakah sebenarnya penambahbaikan kepada penambahan ini sebab sering kali disebut politeknik ini menjadi pilihan kedua selepas universiti, UiTM dan sebagainya dan apakah sebenarnya fokus terhadap politeknik ini? Saya mengambil bahagian ini kerana saya adalah merupakan produk politeknik. Saya pernah belajar di Politeknik Kota Bharu, Kok

Lanas, Kelantan. Mula-mula pergi itu memang dia dalam sebuah kawasan kebun dan kawasan kampung. Bukan di Kota Bharu tetapi di Kok Lanas iaitu lebih kurang 24 kilometer dari pekan Kota Bharu itu sendiri.

Akan tetapi saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana setidak-tidaknya memberi peluang kedua dan dengan politekniklah saya berjaya menyiapkan diploma dan seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan seterusnya ke peringkat PhD.

Ada beberapa kebimbangan saya apabila saya ke politeknik. Pertama, saya pernah ke Politeknik Sabak Bernam dan seterusnya saya ke Politeknik Shah Alam dan saya kerap kali juga dipanggil ke politeknik tempat saya dibesarkan iaitu Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Apa kebimbangan saya? Kebimbangan saya, setelah memperlihatkan begitu banyak politeknik iaitu politeknik konvensional sebanyak 25 buah, politeknik metro sebanyak lima buah dan politeknik premier ada tiga buah. Tatkala kami belajar, saya belajar di Politeknik Kota Bharu, Kelantan suatu masa dahulu, saya melihat ada suatu – bukan polisi, ada suatu pecahan yang agak besar iaitu di Politeknik Kota Bharu, Kelantan ketika saya belajar dahulu, 30 peratus daripada pelajar itu adalah pelajar dari luar Kelantan. 30 peratus. 70 peratus itu adalah pelajar-pelajar dari Kelantan.

Lawatan saya terakhir ke Politeknik Kota Bharu saya memperlihatkan hampir 90 peratus pelajar-pelajar yang datang itu adalah pelajar dari negeri Kelantan. Kebimbangan saya ialah dasar percampuran, kemudian daripada segi soal Bahasa Inggeris dan peluang kerja dan saya berpendapat dan juga saya mencadangkan supaya setidak-tidaknya politeknik ini mempunyai dasar 50 peratus daripada penduduk setempat dan 50 peratus itu daripada penduduk luar dari kawasan tersebut. Maksudnya dalam konteks Kota Bharu tadi, Politeknik Kota Bharu, kalau boleh 50 peratus itu datangnya daripada pelajar negeri Kelantan dan 50 peratus itu datangnya daripada pelajar di luar negeri Kelantan.

Mengapa saya katakan kepentingan ini? Ini kerana dengan bajet yang sebegini besar, peningkatan hampir 30 peratus, peningkatan pengurusan lebih daripada RM17 juta dan saya melihatkan sudah sampai masanya dasar percampuran ini kerana soal TVET, soal peluang kerjaya, saya fikir polisi 50-50 ini sesuai untuk dilaksanakan.

Seterusnya Tuan Pengurus, saya melihat politeknik yang pertama sekali, kalau mengikut catatan sejarah adalah Politeknik Ungku Omar yang dibina di Ipoh dengan bajet RM24.5 juta. Jadi Politeknik Ungku Omar ini yang ditubuhkan pada tahun 1969 yang sekarang ini bermula daripada satu politeknik sehingga kepada 25 buah politeknik, sudah sampai masanya politeknik ini dijenamakan semula. Kerana apa? Berdasarkan keperluan dasar dan polisi negara terhadap program-program TVET, saya fikir sudah

sampai masanya penjenamaan semula bukan sahaja kepada kurikulum dalam konteks perkembangan masa kini tetapi juga penampilan ikon-ikon politeknik supaya persepsi politeknik itu tidak dilihat sebagai opsyen pilihan kelas kedua selepas universiti dan lain-lain pusat pengajian tinggi. Itu sahaja. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera. Cuma saya hendak dapatkan kepastian sebelah kanan saya, Yang Berhormat Parit seorang ya? Betul Yang Berhormat Parit seorang? Okey, dua, empat, enam, tujuh. Ya, sila Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera, ada tujuh lagi. Saya pesan kalau boleh ringkas, ringkaskannya ya.

#### **9.19 mlm.**

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Okey, saya cuba, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 060000 – Universiti Awam. Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan isu pembangunan modal insan di universiti awam kita. Antara program pembiayaan yang disediakan oleh kementerian adalah MyBrain15 yang memberi pembiayaan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dalam usaha untuk mencapai sasaran 60,000 pemegang PhD dalam kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Pada tahun 2016 iaitu tahun ini, kementerian menyasarkan 20,000 orang penerima biasiswa dengan 15,000 diperuntukkan untuk pelajar MyMaster iaitu sarjana dan 5,000 pula untuk Program MyPhD.

#### **■2120**

Sasaran ini diumumkan oleh Menteri sendiri pada awal tahun ini. Namun begitu, tampaknya berlaku penangguhan apabila tarikh akhir permohonan MyBrain15 bagi tahun ini telah pun dilanjutkan tanpa penjelasan, dari bulan Mac hingga bulan Mei dan kemudiannya tidak ada maklumat lanjut selama 6 bulan. Sehingga saya difahamkan baru semalam mereka telah mengumumkan kelulusan permohonan setelah 6 bulan menunggu. Sehubungan dengan itu, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan punca kelewatan keputusan permohonan ini serta memberikan perangkaan bilangan pelajar yang berjaya mendapat biasiswa.

Adakah bilangan ini daripada 20,000 yang disasarkan, saya hendak tahu sama ada untuk tahun ini adakah kementerian berjaya mendapat 20,000 tersebut? Seterusnya, saya ingin tanya sama ada yuran yang sudah dibayar pada awal tahun ini oleh pelajar yang baru menerima kelulusan permohonan mereka, sekali dengan elau mereka akan dibayar balik? Ini kerana terdapat banyak kekhawatiran dalam kalangan pelajar mengenai perkara ini. Pada masa yang sama saya dimaklumkan pembayaran

elaun bulanan bagi pelajar MyPhD telah dikurangkan daripada RM2,300 sehingga hanya RM1,800.

Dengan kenaikan kos sara hidup yang ketara pada ketika ini, adakah ianya wajar memotong elaun bulanan para akademik kita sebanyak lebih daripada 20 peratus? Usaha mengecapi kelayakan tertinggi dalam bidang akademik tidak mudah dan membabitkan pengorbanan masa dan duit yang banyak. Kementerian seharusnya membantu menyenangkan hidup mereka dan bukan menyukarkan keadaan mereka.

Saya juga difahamkan para penerima MyBrain15 yang sedia ada menghadapi masalah apabila pembiayaan yuran bagi pengajian semester 2016/2017 lambat dikreditkan kepada pihak universiti sehingga menyebabkan ada pelajar yang didenda kerana lewat mendaftar. Takkan perkara semudah ini tidak boleh diproses tepat pada waktunya? Apabila pemprosesan ini dibuat secara lambat, maka pelajar juga yang terpaksa menanggung natijahnya. Kelewatan membayar elaun sara hidup dan yuran pengajian ini bukan sahaja dihadapi oleh para penerima MyBrain15, malahan juga pelajar biasiswa kita di luar negara.

Pada bulan Oktober yang lalu, media melaporkan berlaku kelewatan pembayaran elaun yang telah menjelaskan ramai pelajar kita di luar negara. Selain itu, pelajar tajaan di luar negara juga khabarnya terpaksa berdepan dengan pelbagai potongan kemudahan seperti elaun seminar dan sebagainya. Tidakkah tindakan ini akan memberi kesan kepada kualiti pengajian pelajar tajaan kerajaan kita di luar negara? Saya harap kementerian dapat menjelaskan berapa banyak kemudahan yang dipotong serta kewajarannya.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengetahui berapa ramaikah penerima biasiswa luar negara di bawah kementerian mengikut pecahan skim, termasuk Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan juga Skim Latihan Akademik (SLAI) pada tahun 2016. Berdasarkan statistik bagi tahun 2015, bilangan pelajar tajaan kementerian ke luar negara telah menjunam sebanyak 40 peratus daripada 26,530 pada tahun 2014 kepada 15,843 pada tahun 2016.

Apakah punca kepada pengurangan yang mendadak ini dan adakah jumlah pada tahun hadapan akan berkurangan lagi? Skim seperti SLAB dan SLAI ini adalah penting dalam mengukuhkan kedudukan dan kualiti universiti awam kita agar mencapai sasaran 75 peratus staf akademik dengan kelulusan PhD di universiti penyelidikan dan 60 peratus di universiti bukan penyelidikan yang sepatutnya dicapai pada tahun 2015 tetapi belum dicapai, Tuan Pengurus. Oleh sebab semakan pada statistik terkini menunjukkan bahawa hanya 13, 925 orang berkelulusan PhD daripada jumlah keseluruhan 31,877 staf akademik pada tahun 2015.

Meskipun terdapat beberapa universiti penyelidikan yang sudah mencapai sasaran 75 peratus, angka keseluruhan sebanyak 40 peratus ini adalah jauh daripada sasaran. Di samping itu, statistik yang sama juga menunjukkan hanya berlaku penurunan sebanyak 15 peratus bagi pelajar luar negara tajaan persendirian berbanding dengan tajaan kerajaan, ia tidak berkurangan dengan begitu ketara. Jadi, berdasarkan dengan trend semasa ini adalah dikhawatir kekurangan ketara pelajar tajaan kerajaan berbanding pelajar tajaan persendirian akan menyumbang kepada ketidakcukupan kepakaran dalam negara, khususnya dalam sektor awam.

Tuan Penggerusi, saya ingin membangkitkan isu mengenai satu-satunya universiti APEX dalam negara kita iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Dalam *QS University Ranking 2016/2017*, kedudukan USM telah merosot dari tempat ke-289, ke tempat 330. Ini merupakan *ranking* yang lebih teruk berbanding kedudukannya pada tempat ke-307 pada tahun 2007 iaitu setahun sebelum USM diberi penarafan sebagai universiti APEX. Keadaan ini tidak masuk akal kerana sepatutnya prestasi USM meningkat dan bukan menurun selepas diberi penarafan APEX.

Saya telah memasukkan soalan mengenai perkara ini dalam pertanyaan lisan dan mendapat jawapan bahawa penilaian APEX dan *ranking* adalah dua sistem penilaian yang mempunyai fungsi berbeza. APEX menilai potensi institusi untuk memacu ke arah kecemerlangan, manakala *ranking* menunjukkan keadaan semasa. Jawapan ini sebenarnya membingungkan saya kerana penarafan APEX telah diberi pada tahun 2008 iaitu 8 tahun dahulu. Bagaimanakah mungkin dalam tempoh masa 8 tahun ini tidak ada peningkatan yang ketara?

Jika USM dikenal pasti sebagai universiti yang berpotensi tinggi, sepatutnya kita sudah boleh melihat peningkatan prestasi dalam masa hampir satu dekad. Khususnya apabila Yang Berhormat Menteri sendiri mengakui bahawa USM telah pun memulakan transformasinya sejak tahun 2001 lagi. Malah, semasa mengumumkan pemilihan USM sebagai universiti APEX pada tahun 2008, Menteri Pengajian Tinggi pada ketika itu menghebahkan bahawa USM mestii berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam masa 5 tahun dan mencapai kedudukan 50 universiti terbaik menjelang 2020.

Adakah Yang Berhormat Menteri yakin bahawa USM dapat melakukan lompatan yang begitu mendadak dalam tempoh masa 4 tahun dari sekarang sehingga berjaya masuk ke dalam kedudukan 50 universiti terbaik. Saya tidak yakin bahawa sasaran ini boleh dicapai, apatah lagi apabila peruntukan untuk USM kita nampak makin berkurangan daripada RM654 juta pada tahun 2015 kepada RM542 juta pada tahun 2016 dan hanya tinggal RM390 juta bagi tahun hadapan.

Pun begitu, jika Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa APEX dan *ranking* adalah dua penilai yang berbeza, saya ingin tahu apakah indikator penilaian yang digunakan untuk APEX? Adakah indikator yang sama digunakan untuk universiti awam lain? Dalam pada itu, saya ingin tanya sama ada kementerian berhasrat untuk membangunkan sistem *ranking* kita sendiri berdasarkan keperluan konteks negara. Saya rasa amat berguna jika kita mempunyai sistem *ranking* sendiri bagi memantau prestasi dan kejayaan universiti kita serta menyediakan pentas persaingan di antara universiti-universiti tempatan atas terma dan syarat yang lebih relevan kepada negara kita.

Jadi, saya harap kementerian dapat mempertimbangkan segala isu yang telah saya bangkitkan dan memberi jawapan yang tuntas dan bernalas. Sekian, terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit.

#### **9.27 mlm.**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 080100 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bagi maksud ini saya hendak merujuk, memetik Titah Ucapan Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzudin Shah dalam Majlis Titah Diraja di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 5 Oktober yang lalu.

*“Pemimpin Melayu juga jangan begitu cepat mencurah air dari tempayan kerana mendengar dentuman guruh di langit. Anak Melayu yang sudah tinggi pengajiannya, sudah tinggi ilmunya, sudah tinggi jawatannya berhentilah daripada bersifat kacang lupakan kulit. Janganlah ilmu dan pengetahuan, status dan pangkat yang membolehkan anak Melayu sudah pandai bersarapan keju dan sosej, menjadikan anak Melayu terlupa daratan. Justeru, memberikan martabat kemuliaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan itu adalah sebahagian daripada semangat perjanjian kemerdekaan yang perlu terus dihidupkan dan obor memperjuangkannya hendaklah dinyatakan sepanjang masa”.*

Tuan Pengerusi, saya melihat apa yang disebut dijelaskan oleh Sultan Perak itu adalah satu saranan yang perlu diberikan perhatian serius agar kedudukan bahasa Melayu harus terus dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu juga seharusnya menjadi kebanggaan seluruh pelosok rakyat Malaysia. Sungguhpun kita mengejar arus pembangunan dan pemodenan, seharusnya kedaulatan bahasa

kebangsaan perlu dipertahankan oleh seluruh masyarakat Malaysia. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah jangka panjang kementerian bagi memartabatkan bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dan menengah? Apakah pelan yang telah dirangka oleh pihak kementerian bagi mengangkat martabat bahasa Melayu?

■2130

Tuan Pengerusi kita melihat umpamanya pada hari ini peminggiran Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan dalam banyak sektor begitu ketara sekali. Umpamanya kita melihat dari segi penamaan taman-taman, penamaan jalan-jalan dan sebagainya langsung tidak melambangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bahasa rasmi negara ini. Saya pernah membuat satu pertanyaan, siapakah, agensi manakah yang perlu melihat tentang kedudukan Bahasa Melayu ini. Saya bertanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka mereka kata mereka tidak ada kuasa, mereka hanya boleh memerhati dan melihat.

Jadi kerana itu Tuan Pengerusi saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya bawa ke Dewan ini balik satu rang undang-undang untuk membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka diberikan kuasa untuk melihat perkembangan, untuk melihat kemajuan, untuk melihat perlanggaran tentang penggunaan bahasa kebangsaan di negara ini. Ini sebab ia termaktub dalam Perlembagaan yang mengatakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Jadi Tuan Pengerusi itu sahaja terima kasih. Parit menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Hulu Langat.

**9.31 mlm.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.64 ingin mendapat penjelasan kerana apabila melihat P saya memikirkan tentang pembangunan tetapi mungkin tidak benar. Jadi saya hendak merujuk kepada Butiran 05009 – Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) berjumlah RM4.5 juta. Satu, saya tidak tahu di mana yang kedua sasaran latihan kepada siapa yang diberi keutamaan di sini. Kedua Butiran 05011 – Penyelidikan Fundamental berjumlah RM235 juta. Adakah satu peruntukan yang diberi untuk membangunkan pensyarah-pensyarah muda yang mungkin belum *familiar* dengan penyelidikan-penyelidikan. Ataupun ada program khas mengenai penyelidikan ini.

Ketiga Butiran 05012 – Latihan Penyelidikan Universiti, ini pun berjumlah RM245.9 juta. Agak besar tetapi saya tidak jelas adakah berkesinambungan dengan

Butiran 05011 tadi, penyelidikan. Kemudian memberi latihan sebelum mereka melaksanakan penyelidikan *under institusi* dan sebagainya.

Terakhir saya mengucap tahniah kepada kementerian kerana berusaha untuk mengurangkan beban, di peringkat universiti telah pun menubuhkan tabung zakat dan wakaf. Jadi baru-baru ini Menteri ada sebut ada universiti yang keenam membentuk ataupun menubuhkan tabung zakat dan wakaf ini. Jadi saya minta sebagai rekod boleh tidak Yang Berhormat Menteri menyebut balik universiti-universiti yang telah pun mempunyai tabung zakat dengan wakaf. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

### **9.33 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk turut sama memberikan dan membahaskan Butiran B.63, Kementerian Pendidikan Tinggi. Tuan Pengerusi saya hendak merujuk kepada Butiran 040000 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Apabila saya baca butiran ini saya melihat ia merujuk kepada peri pentingnya pendidikan vokasional dan juga teknikal atau TVET yang berperanan bukan sahaja sebagai satu saluran untuk memproses dan menghasilkan tenaga mahir tempatan malahan juga sebagai enjin pembangunan negara. Ini sangat penting kerana ada kalanya TVET sering disalah anggap sebagai bidang yang terakhir yang menjadi pilihan dalam meneruskan pengajian seseorang individu.

Dalam memenuhi hasrat meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, Malaysia mesti menambah *enrolment* dalam TVET dan meningkatkan lagi kualiti latihan secara keseluruhan dan juga holistik. Daripada hemat saya sekiranya perubahan ini tidak dilakukan dengan segera, akan dikhuatiri menjadi tidak *competent* di peringkat global dan akan terus ketinggalan.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bertanya kepada pihak kementerian apabila Kementerian Pendidikan juga mempunyai kolej-kolej vokasional dan juga memberikan saluran kedua dalam konteks kemahiran. Bagaimana ia dapat dihubungkan dengan permintaan khususnya di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya bagi menyediakan saluran kedua supaya akhirnya ada wujud perimbangan kohort-kohort

terutama sekali dalam memastikan bahawa hasrat untuk meletakkan lulusan TVET ini juga adalah sebahagian daripada lulusan peringkat akademik.

Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya, adakah pendekatan NBOS dilakukan di antara Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan terutama sekali dalam mewujudkan dan juga keutamaan dalam mewujudkan peluang-peluang pengajian tinggi dari segi penerusan di peringkat sekolah menengah ke peringkat pendidikan tinggi. Dari segi memastikan TVET ini terus menjadi kompetitif dalam suasana pasaran yang sering berubah-ubah saya juga ingin mohon juga atas dasar kepentingan pendidikan teknikal ini juga. Saya ingin mencadangkan juga dan ingin memohon agar mungkin Kolej Komuniti dapat diwujudkan dalam Parlimen Kuala Selangor. Ini kerana saya lihat baru-baru ini inisiatif ini telah digerakkan dan pemilihan tempat telah dilakukan. Cuma saya amat berharap hasrat untuk mewujudkan elemen kepentingan kepada khabaran ini dapat diterjemahkan juga dengan pewujudan Kolej Komuniti di Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi yang kedua terakhir iaitu Butiran 070000 – Hospital Pengajar. Saya ingin bertanyakan mengenai status perancangan pihak kementerian terutama sekali dari segi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam dalam pembinaan Hospital Perubatan UiTM Puncak Alam. Pada hemat saya ia merupakan satu institusi yang sangat penting yang dapat memainkan peranan dalam aspek penjagaan kesihatan dan rawatan para penduduk di kawasan sekitar Puncak Alam bahkan dalam Parlimen Kuala Selangor. Ini kerana saya lihat dengan adanya cadangan ini yang telah mungkin digerakkan dan diluluskan di peringkat kerajaan. Ia memberikan satu harapan terutama sekali bagi memberikan kesedaran kesihatan dalam warga penduduk Parlimen Kuala Selangor.

Di sini saya sangat mengharapkan agar ia dapat disegerakan terutama sekali dalam melahirkan juga para pelajar yang kompetitif dan mahir dalam perubatan. Kewujudan hospital ini juga amat penting dalam menyediakan suasana pembelajaran kedoktoran yang komprehensif dan praktikal kepada para pelajar fakulti perubatan UiTM. Justeru itu saya mohon sangat kepada pihak kementerian dapat memaklumkanlah sedikit sebanyak status terkini supaya akhirnya juga apa yang telah direncanakan oleh pihak UiTM itu dapat menjadi satu manifestasi kepada satu kebudayaan bukan hanya ilmu tetapi juga dalam elemen memasyarakatkan masyarakat yang sekitar di kawasan Puncak Alam itu tentang peri pentingnya khususnya dari elemen sains dan teknologi.

Walaupun saya akui banyak tohmahan yang diberikan tetapi saya lihat pihak UiTM telah memberikan penjelasan terutama sekali tentang rasional pembinaan hospital

perubatan UiTM di Kampus Puncak Alam di Parlimen Kuala Selangor ini juga. Saya juga ingin bertanyakan juga bila merujuk kepada UiTM Puncak Alam ini juga sejauh manakah penjenamaan baharu UiTM Puncak Alam ini kepada penjenamaan UiTM Selangor. Setidaknya juga akan menjadi satu hab memandangkan saya akui bahawa di negeri Selangor ini mungkin sukar untuk mewujudkan lebih banyak cawangan walaupun jumlah kepadatan penduduk semakin meningkat. Akan tetapi dengan adanya UiTM Puncak Alam dapat dijadikan UiTM Selangor, setidaknya imej pendidikan khususnya dalam konteks UiTM itu dapat dipertingkatkan.

Terakhir saya juga amat berharap dari segi perancangan hospital perubatan UiTM Puncak Alam ini sekiranya telah dalam proses khususnya perancangan dan juga pembinaan amatlah diharapkan. Supaya ia juga akan menjadi satu elemen pemangkin kepada budaya khususnya di peringkat ekonomi setempat. Setidaknya juga akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam masyarakat luar bandar dan juga separa bandar.

Tuan Pengerusi, Kuala Selangor menyokong.

#### ■2140

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar. Saya akan panggil seorang dua lagi Yang Berhormat, selepas itu Menteri menjawab.

#### 9.40 mlm.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya ruang untuk membahaskan B.64 dan P.64. Saya akan tanya soalan yang senang-senang, Tuan Pengerusi. Bila saya tanya soalan yang susah-susah, kementerian tidak menjawab. Maka saya pilih yang senang.

Butiran 090300 – Air Kokol dan Ubatan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Krai tadi yang membawa benda yang sama atau butiran yang sama, air kokol ini bukan isu yang baru. Sebenarnya di UKM pada tahun 2010, Jabatan Penyelidikan telah melakukan kajian dan telah menggunakan air kokol ini untuk sistem pendinginan dan sebagainya. Digunakan untuk teknologi penyimpanan tenaga, satu teknologi hijau sebenarnya. Pada tahun ini dianggarkan sebanyak RM39 juta digunakan untuk teknologi ini.

Persoalan saya adalah, tahun 2010 atau 2012, ada peruntukan diberikan. Selepas itu macam tahun lepas tak ada peruntukan, tiba-tiba kita ada bahagian yang balik atau kita kembalikan dengan anggaran sebanyak RM75 juta. Apakah cadangan dan konsep yang sedang dibawa oleh kementerian? Ada, lepas itu tak ada, sekarang

kita ada lagi. Bagaimanakah kita akan guna RM75 juta ini sebaik yang mungkin? Atau adakah seperti Yang Berhormat Kuala Krai kata tadi, ini adalah sesuatu yang berbeza daripada apa yang telah berlaku di antara tahun 2010 hingga 2012 di UKM? Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

Seterusnya saya hendak masuk kepada Butiran 060400. Ini berkenaan dengan salah seorang pelajar bernama Kauselia a/p Segaran yang telah mendapat satu keputusan yang cemerlang dalam SPM di mana Bahasa Malaysia A+, Bahasa Inggeris A-, Pendidikan Moral A, Sejarah A, Matematik A+, *Additional Mathematic* A, Fizik A+, *Chemistry* A+, Bahasa Tamil A+, Kesusastraan Tamil A manakala Biologi B+. Beliau telah meminta untuk menyambung belajar dalam bidang doktor perubatan di UPM. Beliau juga telah dipanggil untuk temu ramah tetapi gagal, dia tidak dapat tetapi yang dia dapat ialah Universiti Malaysia Terengganu untuk Sarjana Muda Sains Biologi.

Saya faham kita ada kekurangan daripada sudut penempatan jumlah pelajar dalam satu-satu fakulti tetapi pada waktu yang sama, kerajaan juga perlu menitik berat kecemerlangan sesuatu keputusan pelajar seperti ini yang saya nampak 10A 1B dan pada waktu yang sama, keluarga yang miskin, tidak ada ruang lain untuk membuat kedoktoran. Inilah satu-satu peluang yang mereka anggap ada ruang dan peluang untuk meneruskan cita-cita beliau dari awal lagi. So, bagaimana kerajaan ingin mengambil inisiatif untuk membantu pelajar-pelajar daripada keluarga miskin? Sebab, ini adalah perkara yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sebenarnya isu inilah yang saya hendak bangkit dalam perbahasan nanti. Oleh kerana Yang Berhormat Kapar telah membangkitkan isu ini, jadi saya hendak sambung sedikit.

Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, saya hendak beritahu bahawa keputusan 10A 1B itu keputusan SPM dia tetapi kalau kita tengok sebelum itu dalam peperiksaan UPSR, dia dapat semua A. Dalam Penilaian Menengah Rendah, semua A dan juga SPM 10A 1B dan di matrikulasi *four flat*. Dia dapat satu keputusan yang cukup cemerlang.

Dan yang penting lagi yang perlu kita tahu ialah mengenai latar belakang keluarga dia. Dia datang daripada satu keluarga yang cukup miskin. Bapanya adalah seorang pekerja ladang dan ibunya adalah seorang buruh kasar yang bekerja sebagai pencuci di sekolah anaknya itu sendiri. Saya rasa kita perlu beri pertimbangan kepada

semua ini dan hari ini, ibu dan bapa dia datang ke Parlimen berjumpa dengan saya dan mereka menitiskan air mata. Dia kata, “*Saya tidak boleh buat apa-apa kecuali kerajaan boleh membantu memberi peluang kepada dia untuk belajar di universiti awam*”. Dia tidak ada duit untuk hantar anak pergi ke luar negara untuk belajar kedoktoran.

Saya rasa perkara-perkara ini perlu diberi pertimbangan dan saya juga hendak beritahu kepada Yang Berhormat Kapar, kalau kita imbas kembali, dulu MIC ada membina satu universiti, AIMST namanya, dan hari ini masih ada universiti itu dan dana untuk universiti ini dikutip daripada orang-orang India. Katanya dia akan membantu anak-anak masyarakat India untuk belajar doktor. Apa sudah jadi dengan universiti ini? Hari ini bapanya beritahu, hendak pergi ke universiti itu pun tak boleh kerana cukup mahal. Saya juga hendak minta sama ada apa-apa boleh dilakukan oleh pihak sebelah sana untuk membantu pelajar seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Boleh masukkan keseluruhan ucapan tadi ke dalam ucapan saya, bukan sebahagian tetapi keseluruhan.

Yang Berhormat Menteri, *this is a very important issue*. Tiap-tiap tahun pelajar cemerlang sebegini diabaikan. Dah dengar tadi, AIMST yang dibina pada asasnya—Tuan Pengurus, ayah saya masa itu saya masih lagi dalam sekolah rendah, ayah saya telah memberi saya RM100 untuk derma di Batu Caves dan saya telah derma kepada mantan Presiden MIC ketika itu, Dato' Seri Samy Vellu. Saya sendiri derma tetapi hari ini seorang pelajar yang cemerlang sebegini— UPSR cemerlang, PMR cemerlang, SPM cemerlang, matrikulasi *four pointer*— apa lagi kementerian mahu kalau bukan hendak bagi benda ataupun pengajian kepada pelajar sebegini? Saya tak nafikan hak pelajar-pelajar yang telah mendapat kerusi dalam fakulti tersebut, tahniah, tetapi jangan juga abaikan sesuatu untuk pelajar ini. Saya rasa kementerian kena pikul amanah dan tanggungjawab untuk memastikan cita-cita budak ini tercapai.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, silakan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin mencelah sedikit mengenai ciri untuk memasuki universiti untuk penuntut-penuntut daripada keluarga yang kurang berkeupayaan, keluarga miskin. Saya merasakan bahawa kita perlu memberi pemberat atau *weightage* kepada mereka daripada keluarga miskin. Mungkin kita perlu ada kategori. Inilah yang patut kita guna sistem kuota kepada keluarga yang miskin. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, boleh masukkan juga keseluruhan ucapan tadi.

Yang Berhormat, tapi saya hendak petik sedikit. Bila *interview* atau temu duga itu diadakan, semua ini kena tanya. Apa cita-cita dia, apa yang telah dilakukan, apa latar belakang *family* dia, berapa orang adik-beradik. Semua ini perlu ditanya. Bukan sekadar wayang kulit, letak satu temu duga, lepas itu buat keputusan hantar ke Universiti Terengganu dengan fakulti yang dia tak minat. *That is very wrong*. Kalau dia anak daripada keluarga berada, ada *choice* dan saya tak akan berdiri di sini ungkitkan isu ini. Tetapi ini keluarga yang miskin. Kalau kementerian atau Menteri hendak jumpa, esok kita boleh aturkan, tak ada masalah. Tetapi Menteri kena ada jiwa besar, ambil perkara ini secara serius dan pastikan pelajar itu dapat apa yang beliau idamkan selama ini dan pastikan juga perkara ini tidak berulang pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ada beberapa poin lain tetapi disebabkan masa tidak memberi ruang dan peluang untuk saya, saya mengakhiri wacana saya malam ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Nerus dan selepas itu Menteri jawab.

■2150

#### 9.50 mlm.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi, saya sebenarnya tidak banyak, cuma satu perkara B.64 Butiran 060700 – Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Satu ketika dahulu Universiti Islam Antarabangsa telah memainkan peranan penting dalam arena antarabangsa berhubung dengan pencapaian akademik dan pemahamannya tentang Islam sebenarnya. Akan tetapi akhir-akhir ini kita dapati Universiti Islam Antarabangsa telah malap. Saya difahamkan Universiti Islam Antarabangsa ini ditubuhkan di bawah aktanya tersendiri, bukannya seperti universiti-universiti awam yang lain seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan sebagainya.

Saya difahamkan juga banyak profesor yang terbaik telah keluar daripada universiti ini dan pergi ke luar negara. Ini disebabkan oleh ada dikatakan bahawa di sebuah universiti itu ada dua pengurusan, satu akademik dan satu pengurusan yang mana pengurusan diketuai oleh Presiden dan akademik oleh *vice chancellor* ataupun *rector* di Universiti Islam Antarabangsa. Terdapat bukan sahaja di Universiti Islam Antarabangsa, universiti-universiti lain juga kemungkinan campur tangan berlebihan daripada pentadbir dalam akademik menyebabkan rasa kurang senang di kalangan para akademik untuk terus tinggal di sebuah universiti itu, maka mereka akan keluar.

Tidak dinafikan bahawa di universiti yang terbaik mempunyai hubung kait langsung dengan *a good professor*, profesor-profesor yang terbaik, ternama dan terkenal di seluruh dunia akan menaikkan nama universiti itu. Jadi saya mencadangkan supaya kementerian melihat sendiri tentang perjalanan UIA ini kerana saya bimbang UIA nanti akan terus pencapaian akademiknya, penarafannya di peringkat antarabangsa terus turun dan bimbang tidak ada nama langsung dalam kategori universiti-universiti yang diiktiraf di antarabangsa.

Satu lagi perkara yang saya hendak bangkit adalah Universiti Teknologi Malaysia (UiTM). Satu ketika dahulu UiTM mempunyai dua fakulti dari awal penubuhan mempunyai kekuatan tersendiri iaitu dari segi akaun...

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Mengenai UIA ini saya terdengar tadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin. Cuma saya hendak bertanya Rompin tentang *International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC). Saya mendengar beberapa pandangan daripada pensyarah terutama sekali tokoh-tokoh ilmuwan Islam, mereka menyatakan bahawa ISTAC ini kalau dahulu merupakan tempat pengumpulan ilmuwan Islam dan ada kalanya mengumpulkan ilmuwan-ilmuwan daripada Indonesia dan serantau untuk memperkuuhkan khususnya dalam perbincangan intelektual Islam.

Hari ini saya difahamkan ISTAC seakan-akan hidup segan mati tidak mahu. Adakah Yang Berhormat setuju supaya ISTAC ini harus dikembalikan peranannya? Mungkin kalau jumlahnya memerlukan peruntukan lebih kurang RM10 juta hingga RM15 juta, saya fikir dalam konteks mewujudkan lagi perbincangan ilmiah ilmuwan Islam saya fikir ianya harus terus menerus untuk diwujudkan kerana ianya mempunyai sinonimnya dengan peradaban dan juga khususnya ketamadunan dalam konteks intelektual Islam di rantau Asia dan juga dunia. Saya mahu pandangan Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya setuju pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya pernah pergi ke perpustakaan UIA ISTAC ini, ia mempunyai *collection* buku-buku yang sukar didapati di universiti-universiti lain yang ternama dalam dunia ini. Satu ketika dulu dia membeli banyak risalah dan buku-buku, jurnal yang mempunyai kualiti tersimpan di seluruh dunia. *Collection* dia sangat bernilai. Nampaknya ISTAC ini tidak dipandang serius oleh pihak UIA.

Satu ketika dahulu kalau kita lihat di surat khabar *Star* umpamanya akan sentiasa mengeluarkan artikel-artikel dan pandangan sarjana-sarjana profesor daripada UIA yang menjelaskan Islam sebenarnya untuk difahami oleh masyarakat keseluruhannya. Ini tidak boleh dinafikan peranan yang dimainkan oleh ISTAC dan

pensyarah-pensyarah UIA. Saya setuju dan UIA harus melihat semula tentang kedudukan universiti ini ISTAC supaya peranannya dikembalikan semula, statusnya dikembalikan semula sebagai satu pusat pengajian Islam yang bertaraf antarabangsa dan melahirkan banyak sarjana dan ilmuwan. Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih. Yang Berhormat Rompin ada menyebut tentang UiTM tadi bagaimana satu masa dahulu... *[Disampuk]* Ya, saya hendak ulang fasal patah balik tadi itu tidak sempat sebab Yang Berhormat Kuala Selangor masuk dahulu. Bagaimana UiTM dahulu memang satu institusi yang hebat.

Saya masih ingat lagi zaman-zaman tahun 70-an apabila Tan Sri Dato' Seri Arshad Ayub menjadi ketua di sana, pelajar-pelajar UiTM belum pun *graduate, employer* akan datang khususnya daripada *graduate* dalam bidang undang-undang dan juga *finance*. Maknanya kualiti mereka cukup hebat kerana pemimpin di UiTM pada waktu itu hebat. Saya kira di antara sebab UiTM hebat, pemikiran dan juga *maturity student* hebat dan penggunaan bahasa Inggeris yang cukup menyeluruh. Hampir semu fakulti mengajar dalam bahasa Inggeris. Budak UiTM yang *well respected among the institution in Malaysia*.

Akan tetapi Yang Berhormat Rompin juga sebut sekarang ini Yang Berhormat Rompin bimbang melihat keadaan UiTM sekarang. Adakah ini sebabkan majoriti? Keduanya penggunaan bahasa Inggeris yang sangat *sluggish* dan semakin turun di UiTM sekarang. Apa pendapat Yang Berhormat Rompin tentang itu? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Satu ketika dulu lepasan di UiTM dalam dua bidang iaitu *business management* dan juga *accountancy*. Memang diiktiraf di peringkat nasional malah *companies* yang bukan milik bumiputera pun mengakui lepasan universiti dalam dua bidang ini sangat berkualiti. Malah mungkin ia diasaskan penubuhannya dengan *twinning* di mana UiTM tahun 70-an telah mengadakan *twinning program* dengan universiti-universiti luar negara.

Jadi bila ada *twinning* maknanya penguasaan bahasa Inggeris mesti bagus. Kalau tidak, tidak mungkin kalau *twinning program* yang diasaskan oleh UiTM. Walaupun saya bukan lulusan UiTM, saya memerhati secara mendalam tentang dua subjek ini iaitu *accountancy* dan *business management*. Mungkin itu asasnya. Jadi kedua subjek ini memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang bagus. Jika tidak, tidak

mungkin boleh melepassi satu tahap kemampuan untuk mengeluarkan graduan-graduan yang terbaik dalam kedua bidang ini.

Saya berharap kerajaan akan terus menumpukan bidang ini di samping bidang-bidang lain. Jadi itulah dua perkara yang saya hendak bangkitkan iaitu UiTM dan UIA yang saya kira harus diberi perhatian khusus oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

### **9.59 mlm.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. [Berselawat]* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi pada Butiran 060000 – Universiti Awam. Melalui *Malaysia Education Blueprint 2015-2025* kerajaan memaklumkan bahawa setiap universiti awam termasuk politeknik dan kolej komuniti perlu mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan daripada kerajaan dalam menghadapi situasi ekonomi genting. Banyak universiti yang dipotong. Isu yang saya hendak timbulkan ialah bukan kepada hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan universiti awam kepada kerajaan tetapi lebih kepada kemampuan universiti awam pada hari ini telah menjadi medan melahirkan modal insan yang berkualiti.

### **■2200**

Paling kita bimbang ialah pada kala mana mereka dibebankan dengan bebanan kewangan, akhirnya tugas pada pensyarah yang sepatutnya lebih fokus kepada pendidikan dan pengajaran akan terganggu. Saya mendapat aduan daripada beberapa orang pensyarah bahawa sekarang pun untuk mereka mengusahakan kajian-kajian, mereka diminta oleh universiti untuk mencari dana dari luar universiti. Sudah tentulah itu satu perkara yang agak membebankan kepada mereka. Itu keadaan sekarang.

Bagaimanakah keadaan akan datang pada kala universiti dipotong dengan begitu banyak, tentulah akan memberikan kesan yang besar kepada bebanan kepada pensyarah ini. Lebih-lebih lagi mereka juga – kita bimbang nanti akan dibebankan dengan banyak lagi isu lain selain daripada isu pendidikan tadi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh mana idea untuk mengurangkan bajet ini adalah memberi kebaikan kepada universiti. Kita setuju untuk jangka masa panjang tetapi persiapan universiti awam pada hari ini untuk menghadapi situasi pemotongan bajet ini, itu satu.

Kedua, saya hendak pergi kepada isu, banyak universiti di Kuala Lumpur sebagai contoh mempunyai Fakulti Pengajian Islam tersendiri. Akan tetapi saya lihat antara masalah besar mereka adalah dari sudut menyediakan bahan-bahan kajian terkini yang begitu laju penerbitannya di peringkat di negara Arab. Jika semua universiti ini secara tersendiri mendapatkan bahan bacaan mereka, bahan terkini, tentulah akan menimbulkan bebanan yang besar pada sudut kewangan. Maka, adakah kementerian ada cadangan sebagai contoh untuk mewujudkan satu perpustakaan besar Islam khusus untuk menyediakan bahan-bahan bacaan terkini, kajian-kajian terkini? Ini secara bersama antara universiti ini, antara UIA, UM, UKM, USIM dan sebagainya.

Saya juga mendapat aduan daripada mereka di bidang Pengajian Islam. Bebanan mereka ini dari sudut untuk mendapatkan jawatan profesor. Mereka perlu untuk menyediakan jurnal-jurnal di peringkat antarabangsa yang sebahagian jurnal ini tentulah memberi satu ruang yang kecil untuk mereka di bidang Pengajian Islam untuk menerbitkan kajian-kajian mereka untuk mereka mendapat pengiktirafan sebagai profesor. Maka, sejauh mana kementerian mengambil cakna isu melibatkan Fakulti Pengajian Islam ini.

Kemudian, saya hendak tengok khusus pada 061300 – USIM. Satu pusat yang menarik berjaya ditubuhkan USIM dipanggil INFAD iaitu satu pusat kajian fatwa ditubuhkan di USIM. Cuma persoalan saya, sejauh mana setelah begitu lama ia ditubuhkan, sejauh mana INFAD ini berjaya membantu khususnya jabatan-jabatan mufti di seluruh Malaysia untuk meningkatkan dari sudut pengurusan fatwa mereka. Adakah universiti ini, USIM ini mendapat dana bantuan, sumbangan dari negeri-negeri kerana apa yang dibuat oleh USIM ini sebenarnya menguntungkan Islam di fatwa-fatwa di negeri-negeri? Itu yang saya hendak bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **10.03 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan sudi membahaskan isu-isu Kementerian Pendidikan Tinggi di peringkat Jawatankuasa. Saya akan memberi fokus, penggulungan saya menjurus kepada penjelasan kepada isu-isu Jawatankuasa yang dibangkitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sentuh tentang kekurangan bajet untuk tahun 2017, maka izinkan saya untuk memberitahu

bahawa kekurangan bajet untuk tahun 2017 sebenarnya adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negeri dan satu kajian telah dijalankan tentang pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan sudah berkesan dalam kajian itu bahawa kewangan tidak mampan apabila Kementerian Pendidikan Tinggi atau UA bergantung sebanyak 70 peratus sehingga 90 peratus.

Sebagai satu tindakan susulan dan kesinambungan dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 hingga 2025, Ionjakan kelima yang bertajuk Kemapanan Kewangan memang adalah selaras dengan pemotongan Bajet 2017. Apa yang terkesan di sini bahawa negara-negara yang lain seperti Thailand, United Kingdom, USA, negara-negara ini hanya bergantung kepada kerajaan 30 peratus.

Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengambil beberapa inisiatif untuk menghadapi cabaran kekurangan bajet dan satu buku *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf*, dengan izin, sudah disediakan. Langkah-langkah yang diambil oleh UA atau universiti awam, untuk menghadapi cabaran ini adalah untuk menggunakan kepakaran sedia ada daripada sumber manusia masing-masing dan aset bagi menjana pendapatan dalaman UA.

Selain daripada itu, UA buka potensi aset, mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat daripada anak syarikat dapat membantu UA dan membiayai sebahagian pembelajaran dengan *commercialization of ideas and products*, dengan izin. Selain daripada itu, dana *endowment* yang bernilai RM1.7 bilion adalah sudah diusahakan untuk beberapa buah universiti di mana UKM adalah RM50 juta, USM adalah RM115 juta dan UM adalah RM1.35 bilion. Ini adalah satu bukti bahawa UA mampu melestarikan kedudukan kewangan kerana telah bersiap sedia sejak tahun 2007 lagi untuk menjana dana mereka masing-masing.

Selain daripada itu, UA juga dapat pembangunan di mana UTM mampu untuk membina 500 unit dengan sebanyak RM180 juta. UNIMAS membina 15 blok apartmen dengan RM52 juta untuk 3,000 orang pelajar. UM Holdings juga membina tiga buah blok kediaman. Hasil kejayaan UA dalam penjanaan pendapatan sendiri untuk *research university* iaitu UKM dan UM menghasilkan 25 peratus, UA yang bukan *research university*, dengan izin, seperti UPSI menghasilkan 30 peratus dana, UMS 35 peratus dan UiTM 10 peratus dan untuk UA bukan *research university below ten*, 10 tahun dengan izin adalah UniSZA adalah 38 peratus, UMK 37 peratus and UMT 29 peratus.

Wakaf untuk UA adalah berjumlah RM12.23 juta dan ini adalah satu inisiatif KPT untuk semua UA menambah dana wakaf.

Selain daripada itu, UKM juga dapat sumbangan dari Yayasan Albukhary iaitu RM40 juta UKM Desa Tasik Chini, pusat penyelidikan dan amanannya adalah sebanyak RM45 juta. Jadi ini sudah membuat satu implikasi bahawa UA mampu dan ada potensi untuk menghadapi cabaran pengurangan bajet.

Ada juga Yang Berhormat yang tanya tentang kekurangan dan kenapakah ada kekurangan? Di sini juga saya hendak ambil kesempatan ini untuk memberitahu bahawa permohonan untuk anggaran perbelanjaan mengurus atau APM mengikut carta aliran kerja. Kita mula dengan Kementerian Pendidikan Tinggi terima arahan menyediakan perbelanjaan dari MOF serta pemakluman pantas pembelajaran dari Pejabat Belanjawan Negara, MOF. Selepas Kementerian Pendidikan Tinggi menerima arahan, Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan bengkel pra penyediaan bajet kepada UA dan badan perakaunan dan memaklumkan tetapan siling permohonan kepada semua UA. UA kemukakan dokumen cadangan peruntukan tahunan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Tinggi selepas menerima dokumen membuat semakan ke atas dokumen cadangan peruntukan tahunan yang dikemukakan oleh setiap UA dan badan perakaunan. Sekiranya dokumen yang diserah tidak ada pembetulan, jadi dokumen akan – KPT akan membuat ringkasan bagi cadangan peruntukan tahunan dan seterusnya dikemukakan kepada *Ministry of Finance* dengan izin.

Selepas itu satu mesyuarat pemeriksaan bajet dengan Kementerian Kewangan bersama dengan semua UA dan badan perakaunan untuk satu sesi pembidaan bajet oleh UA iaitu *financial screening* atau *budget screening* dengan izin. Selepas itu semua UA dan badan perakaunan mengemukakan semula dokumen cadangan peruntukan tahunan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi berdasarkan semakan Kementerian Kewangan semasa mesyuarat pemeriksaan bajet. Terakhir kemukakan dokumen cadangan peruntukan tahunan ke Kementerian Kewangan untuk lulusan berdasarkan Kementerian Kewangan semasa mesyuarat pemeriksaan bajet dijalankan. Ini adalah dia punya carta aliran kerja dan ini bermakna bahawa apa yang diterima oleh UA atau Kementerian Pendidikan Tinggi sudah melalui satu *standard operating procedure*.

Merujuk kepada Yang Berhormat Merbok, geran penyelidikan yang berkurangan terutamanya kepada universiti bukan RU dan di sini sepanjang tahun lalu KPT menerima sebanyak RM370 juta bagi peruntukan penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D. Manakala tahun 2017, KPT diberi peruntukan sebanyak RM400 juta. Jadi ini bermakna bahawa ada menambah bukan kekurangan. Mengikut kategori universiti penyelidikan atau RU terima RM300 juta untuk tahun ini kalau dibandingkan dengan tahun 2016 iaitu RM200 juta. Geran penyelidikan tahun 2016 adalah RM150 juta dan

tahun 2017 adalah RM100 juta. Jumlah *end high core* adalah RM200 juta dan jumlah untuk tahun 2016 adalah RM370 juta. Untuk tahun 2017, RM400 juta diagihkan. UA turut menerima banyak geran juga dari luar yang membantu penyelidikan. Geran luar yang diterima oleh UA ialah sebanyak RM461 juta dan ini termasuklah geran daripada industri sebanyak RM237.8 juta. Geran luar negara yang diterima pula adalah dari *Japanese International Company Agency* dengan izin, *Japan Look East* dengan izin, *New .... Ungku Omar* dan dari Australia (IRU).

Yang Berhormat Merbok juga tanya tentang inisiatif kewangan dan proses kenaikan pangkat adalah lama dan rumit dan proses kenaikan pangkat secara di UA adalah tertakluk kepada perakuan LPU. Kriteria kecemerlangan memang adalah kriteria yang begitu penting untuk – dan ini juga ditentukan oleh pihak LPU. JPA telah mempersetujui kaedah *topping up* oleh pihak UA dalam memberi ganjaran kepada pensyarah-pensyarah cemerlang.

Yang Berhormat Merbok juga tanya tentang proses kelulusan kewangan untuk penyelidikan dan adakah ini menjaskan di universiti? Ini adalah kerana untuk meluluskan setiap geran proses penilaian cadangan yang mantap perlu dijalankan. KPT juga telah memperkenalkan proses penilaian secara *online* iaitu MyGrant yang dapat meningkatkan keberkesanan dan menyediakan proses penilaian geran penyelidikan.

Yang Berhormat Merbok juga tanya tentang pembayaran insentif penyelidikan mengikut gred penyelidik melemahkan motivasi penyelidikan. Insentif penyelidikan yang berupa geran yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah mengikut pencapaian institusi dan penyelidik bukan gred seorang pensyarah. Pencapaian institusi berdasarkan kepada proses audit yang ketat melalui sistem e-MyRA iaitu *Malaysian Research Assessment*.

Yang Berhormat Kuala Krai tanya kebolehan RU untuk mencari dana dan saya sudah menjawab tadi apabila saya mulakan jawapan saya. Saya tidak akan ulang lagi. Yang Berhormat Kuala Krai juga ada sentuh tentang bajet dan saya rasa ini saya pun sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Saya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Okey.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menerima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi dan sedikit sebanyak boleh menjawab mengenai peruntukan yang berkurangan. Akan tetapi saya masih lagi merasa penekanan harus diberi kepada lima buah universiti *research* yang utama kerana walaupun universiti lain boleh *support* ia punya perjalanan dengan tambahan seperti UniSZA, 38 peratus daripada keperluan boleh dapat oleh universiti berkenaan. Akan tetapi bagi lima buah universiti ini puratanya disebut tadi lebih kurang 25 percent sahaja. Sedangkan pemotongan yang dibuat sekitar 30 percent.

■2220

Jadi bukan apa, saya mengharapkan ia tidak menjelaskan usaha-usaha untuk meletakkan universiti yang lima buah ini ke taraf yang sepatutnya sebagai universiti ulung penyelidikan di negara kita ini dengan memberikan tumpuan kepada pembiayaan yang lebih baik, terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sudah berkongsi tadi, cara di mana universiti akan dapat menjana dana. Saya berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat memberi peluang kepada universiti-universiti untuk menghadapi cabaran ini dan janganlah mengadakan satu pandangan yang negatif, di mana katalah apabila cabaran ini dikemukakan kepada UA, kita sepatutnya memberikan motivasi dan mengadakan satu kepercayaan bahawa universiti-universiti sebagai yang sudah diberikan autonomi untuk mengurus kewangan di universiti masing-masing.

Yang Berhormat Kuala Krai, apa maksud butiran air kokol dan ubatan dengan peruntukan berjumlah RM75 juta? Air kokol atau *chilled water*, dengan izin, adalah sistem untuk tujuan penghawa dingin bagi Projek Hab Pendidikan Tinggi Pagoh dengan anggaran RM10 juta. Manakala peruntukan sebanyak RM65 juta adalah untuk pembelian ubatan di empat buah hospital pengajar iaitu Hospital Pengajar UKM, Hospital Pengajar USM, Hospital Pengajar UM dan Hospital Pengajar UPM.

Yang Berhormat Bagan Serai...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Balik kepada RM25 juta yang akan diberikan kepada teknologi hijau air kokol itu tadi. Saya telah bangkitkan tadi, kita juga telah membelanjakan RM39 juta pada tahun 2012. Apakah perbelanjaan itu? Bagaimanakah kita telah menggunakan RM39 juta ini untuk penyelidikan di bahagian air kokol ini di UKM? Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat Kapar memerlukan *the breakdown*, jadi ini adalah spesifik. Sekiranya diperlukan, saya akan menjawab dalam bentuk bertulis. Yang Berhormat Bagan Serai...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Sama-sama. Berapakah jumlah kemahiran berdasarkan TVET yang ditawarkan dari tahun 2015 hingga kini dan berapakah jumlah graduan yang dihasilkan? Berdasarkan rekod terkini, jumlah enrolmen pelajar TVET adalah seramai 436,552 orang. Untuk KPM, kolej vokasional seramai 111,794 orang. Jumlah untuk politeknik, kolej komuniti dan MTUN adalah 324,750 orang. Yang Berhormat Bagan Serai, saya sebenarnya mesti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kerana Yang Berhormat Bagan Serai menghargai usaha-usaha yang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam *soaring upwards*. Universiti-universiti mesti *gradually* berdiri di atas kaki sendiri dan memang lah universiti awam telah bertindak seperti yang saya sudah beritahu tadi untuk menjana pendapatan sendiri.

Yang Berhormat Bagan Serai, bagaimana kementerian menapis pelajar luar negara, khasnya IPTS, untuk menjaga keselamatan negara? Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan tapisan pelajar-pelajar luar negara tidak berisiko keselamatan. Sekiranya perlu, Kementerian Pendidikan Tinggi dan agensi-agensi berkaitan akan merujuk kepada pihak berkuasa di negara asal pemohon. Yang Berhormat Bagan Serai, adakah KPT akan menambah bilangan kursus MOOC? Memang pelaksanaan MOOC dinyatakan di bawah Lonjakan Kesembilan iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dalam PPM Pendidikan Tinggi. Di bawah inisiatif ini, setiap UA adalah dikehendaki membangunkan sekurang-kurangnya tiga kursus setiap tahun mulai tahun 2016 hingga 2020. Kursus-kursus MOOC yang ditawarkan adalah mengikut tiga kategori iaitu kursus umum, kursus tujuan atau kebitaraan atau *niche* dan kursus pembelajaran sepanjang hayat. Kursus MOOC bukan hanya ditawarkan di UA tetapi di politeknik juga.

Yang Berhormat Kepong, bagaimana MQA dapat menjalankan tugas agar menjamin kualiti IPTS dan kualiti graduan agar mudah mendapat pekerjaan? Bagi tujuan menjamin IPTS, MQA melaksanakan audit institusi dan audit pematuhan dalam tempoh lima tahun selepas program mendapat akreditasi. Bagi memastikan kualiti graduan, MQA melaksanakan penilaian akreditasi terhadap program yang ditawarkan berdasarkan standard program dalam bidang berkaitan yang dibangunkan bersama pakar akademik dan industri. Yang Berhormat Kepong bertanya pengurangan Bajet

2017 dan yang berkaitan dengan pengurusan ibu pejabat daripada RM1.6 bilion tahun 2016 kepada RM890.9 juta pada tahun 2017. Secara keseluruhannya, pengurangan bajet mengurus tahun 2017 disebabkan pembayaran projek PFI tahun 2017 dipindahkan kepada peruntukan pembangunan sebanyak RM1.3 bilion. Sebelum itu, pada tahun 2016, pembangunan projek PFI dibuat di bawah peruntukan belanja mengurus. Oleh itu, peruntukan pembangunan 2017 meningkat kepada RM2.6 bilion berbanding RM1.6 bilion pada tahun 2016.

Yang Berhormat Kepong, bagaimana kementerian menapis pelajar luar negara khasnya IPTS, untuk menjaga keselamatan negara? Semua pelajar antarabangsa yang memohon visa pelajar untuk mengikuti pengajian di Malaysia perlu melalui dua peringkat saringan sebelum memasuki negara. Saringan akademik oleh *Education Malaysia Global Services*, dengan izin, atau EMGS. Kedua, saringan keselamatan Imigresen yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan PDRM. Hanya pelajar yang telah melepas dan lulus saringan dengan memperoleh kelulusan dan menerima surat kelulusan visa. Selepas memasuki negara, mereka mesti ada saringan kesihatan melalui klinik berdaftar dan mengadakan saringan Imigresen. Hanya pelajar yang telah melepas keseluruhannya saringan akan dikeluarkan pas pelajar oleh Jabatan Imigresen. Yang Berhormat Sungai Besar, apakah penambahbaikan di politeknik sering menambah peruntukan di politeknik? Jadi, di sini sejak tahun 2010, enrolmen politeknik telah meningkat daripada 87,750 orang kepada 90,551 pelajar. Dalam tempoh masa yang sama, bilangan program yang ditawarkan dari 60 program ke 92 program pengajian pada tahun 2016.

## ■2230

Ini menunjukkan KPT sentiasa berusaha menambah peluang melanjutkan pengajian kepada lepasan sekolah dengan program yang dipelbagaikan untuk memenuhi permintaan pekerja di industri dan politeknik sekarang adalah arus perdana, bukan pilihan yang kedua.

Cadangan Yang Berhormat Sungai Besar, cadangan penjenamaan semula politeknik agar tidak dilihat sebagai opsyen kedua dan di sini saya sudah bagi tahu bahawa politeknik sekarang adalah arus perdana. Pada tahun 2010, KPT telah melancarkan program Transformasi Politeknik. Sejak itu tahap penawaran kelayakan program telah ditingkatkan pada kelayakan lebih tinggi iaitu program diploma dan ke atas.

Justeru beberapa program telah di tanda aras mengikut taraf antarabangsa dengan mendapat penilaian dari *Canadian Technology Accreditation Board* dengan izin. Hasilnya tujuh program juruteknik *accreditation* kejuruteraan mendapat akreditasi dari

*Canadian Technology Accreditation Board* (CTAB). Program ini setanding dengan program seumpamanya di peringkat antarabangsa. Susulan program politeknik kekal sebagai program pilihan di kalangan lepasan sekolah.

Yang Berhormat Sungai Besar, apakah fokus politeknik untuk tahun 2017. Merujuk kepada fokus dalam tahun 2017, politeknik akan memberi tumpuan untuk menambahbaikkan kurikulum program pengajian supaya ia dapat memenuhi hasrat lonjakan empat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi iaitu menghasilkan graduan TVET berkualiti dan hasrat lonjakan 1PPPMPT adalah untuk menghasilkan pelajar holistik seimbang dan berciri keusahawanan.

Hasrat ini dicapai melalui inisiatif penggubalan industri kurikulum dan peningkatan kolaborasi dengan industri. Usaha kerjasama dengan pihak industri dipertingkatkan melalui penyelidikan dan inovasi dan sekarang dilaksanakan melalui *Public Private Research Network* (PPRN). Melalui PPRN, politeknik yakin kepakaran pelajar dan tenaga pengajar dapat dimanfaatkan bagi membantu pihak industri meningkatkan produktiviti mereka.

Yang Berhormat Sungai Besar mencadangkan pengambilan pelajar politeknik adalah 50 peratus daripada penduduk setempat dan pengambilan pelajar politeknik berdasarkan permohonan pelajar dan biasanya pelajar memohon untuk mengikuti program pengajian yang terdapat di politeknik tersebut. Pihak KPT melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Politeknik akan memberi penempatan pengajian pelajar berdasarkan permohonan program yang dibuat oleh pelajar tersebut.

Yang Berhormat Bukit Bendera, bilangan berjaya yang ditawarkan tajaan MyBrain15 pada tahun 2016 dan jawapan saya adalah seramai 11,551 orang ditawarkan di bawah program pada tahun 2016. Permohonan diterima adalah 18,222. Sebab kelewatkan mengumumkan keputusan MyBrain15 adalah berpunca kerana kerajaan sedang dalam proses merealisasi program basiswa dalam konteks memenuhi keperluan bidang-bidang baharu.

Yang Berhormat Bukit Bendera...

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya, daripada 11,551 yang berjaya itu, boleh tidak bagi pecahan berapa PhD, berapa sarjana. Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, memandangkan ini juga adalah satu soalan yang spesifik yang mana *you* hendak minta *the breakdown of scholars*, jadi saya akan menjawab dalam bentuk tulisan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Itu memang saya sudah jawab bahawa saya akan bagi jawapan tulisan kerana ini adalah satu soalan yang spesifik di mana Yang Berhormat memohon *the breakdown of the number of students*. Okey.

Yang Berhormat Bukit Bendera, berapa ramai penerima bantuan SLAB dan SLAI. Sehingga 31 Oktober 2016, 526 orang kakitangan akademik UA ditawarkan bantuan SLAB dan SLAI, 165 di luar negara dan 361 dalam negara dan apakah punca pengurangan bantuan SLAB dan SLAI. Bilangan tawaran bantuan SLAB dan SLAI bergantung kepada keperluan atau *demand* tenaga pelajar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di universiti dan bilangan ini boleh bertambah atau berkurang tertakluk kepada keperluan di universiti-universiti.

Yang Berhormat Bukit Bendera, USM merosot walaupun APEX dan tidak ada peningkatan ketara. Kementerian memandang serius terhadap penurunan kedudukan USM di dalam *QS World University Rankings 2016* dan namun sekiranya dilihat prestasi keseluruhan bagi tiga tahun terakhir, penurunan ini tidaklah begitu ketara kerana USM pernah menduduki ranking ke-355 pada tahun 2013 dan 2014. Walaupun kedudukan ranking telah menurun, USM masih kekal sebagai universiti terbaik negara bagi bilangan sijil penerbitan bertaraf akademik bagi tempoh lima tahun terakhir.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Menteri hendak minta penjelasan.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** USM juga kekal sebagai universiti kedua terbaik negara dan pihak USM telah mengambil tindakan untuk memperkuatkan dan memperkasakan prestasi berdasarkan indikator nisbah pensyarah antarabangsa, bilangan pelajar antarabangsa dan nisbah pelajar kepada pensyarah.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Bukit Bendera bangun. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Okey Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apakah sebabnya Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sekarang menggunakan *ranking table QS World University Rankings* bagi universiti-universiti dan bukannya *table-table* yang lain yang lebih terkemuka dan

lebih diiktiraf oleh universiti-universiti sebagai ranking yang lebih tepat sebab QS telah pun dikritik banyak kali bahawa kriterianya tidak betul dan dibuat oleh *consultant* komersial yang terikat dengan *business-business consulting* mereka. Terutamanya saya lihat seperti apa dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Universiti USM disebut tadi akan cuba untuk menaikkan jumlah penuntut luar negeri supaya dapat memenuhi kriteria yang lebih baik dalam *QS rankings*.

Adakah dengan adanya lebih penuntut dari luar negeri walaupun mereka datang daripada China kah, Burma kah, Afrika kah, ia akan menjadikan USM menjadi sebuah universiti yang lebih baik.

#### ■2240

Itu kriteria yang digunakan oleh QS tetapi kriteria yang tidak digunakan langsung oleh mana-mana ranking yang lain seperti *Shanghai University Rankings*, seperti *Times Higher Education* dan lain-lain. So kita minta tahu, kenapa hanya QS sahaja dirujukkan? Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Saya nak minta penjelasan juga, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, nak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai USM.

Yang Berhormat Menteri kata 330 itu tak seterusnya beberapa tahun yang lepas di mana USM berada dalam tangga 350 lebih. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, yang saya bangkitkan dalam ucapan saya tadi, universiti USM mendapat penarafan APEX pada tahun 2008. Tahun sebelum 2008 iaitu 2007, ranking USM dalam QS ialah 307. Makanya, selepas mendapat APEX, kita nampak penurunan sehingga 350 dan kemudian 330. Jadi yang saya tidak faham, selepas mendapat APEX ini sepatutnya meningkat prestasi tetapi kita nampak dalam lapan tahun ini prestasi makin menurun. Jadi saya hendak minta penjelasan dari segi itu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat, saya rasa saya banyak kali sudah beritahu bahawa pendidikan adalah satu proses. Dalam satu proses, QS ranking digunakan di sini adalah satu permulaan di mana kita Kementerian Pendidikan Tinggi menilai status atau kedudukan universiti. Ranking seperti *Shanghai*, *Times Higher Education* akan menjadi satu ranking di mana Kementerian Pendidikan Tinggi akan menggunakan dan ini adalah di mana saya panggil ini adalah satu proses yang berkaitan dengan peningkatan untuk mewujudkan peningkatan demi peningkatan. Itulah kita punya *battle-cry* adalah di mana kita nak *soaring upwards*, di mana kita nak...

[*Tepuk*] Di mana Kementerian Pendidikan Tinggi sudah merekodkan banyak kisah kejayaan.

Cuma, amat menyediakan adalah di mana ada Yang Berhormat yang tidak mahu mengakui bahawa memang Kementerian Pendidikan Tinggi adalah *soaring upwards*.

[*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Sekiranya saya tidak...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, mantan Timbalan Perdana Menteri ada di sini. [*Ketawa*]

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Sekiranya saya tidak salah...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dia lebih tahu dari *you*.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Buletin atau *book* seperti ini sudah diedarkan kepada semua Yang Berhormat. [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] Saya berharaplah Yang Berhormat akan mengambil sedikit masa untuk membaca tentang usaha-usaha yang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan kisah-kisah kejayaan yang sudah diperolehi bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat antarabangsa. [*Tepuk*]

Okey, saya teruskan. Yang Berhormat Bukit Bendera bertanya apakah indikator yang digunakan untuk menilai universiti APEX dan adakah indikator yang digunakan oleh universiti yang lain.

Indikator yang digunakan oleh APEX adalah pelan transformasi yang berkesan. Apabila kita sebut tentang APEX, ini ada berkaitan dengan *having accelerated programme to propel for excellence*, dengan izin, untuk menjadikan USM sebagai satu universiti yang terbaik di dunia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Panjang lagi. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau panjang, boleh jawab bertulis Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Betul, betul, Tuan Pengerusi. Jangan ringkaskan karangan. Biarkan, biarkan.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Okey. Jadi, Tuan Pengerusi, sekiranya Tuan Pengerusi minta saya memberi jawapan bertulis, saya akan memberi jawapan bertulis. Sekian terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak boleh, tak boleh, Tuan Pengerusi. Kita nak jawapan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, tadi saya tanya tentang seorang pelajar. Mana jawapan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh jawab bertulis, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *My God. What is this?*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kapar, sembang luar, sembang luar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Seorang ibu bapa datang Parlimen minta, saya telah bawakan dan Menteri duduk macam itu. *My God. Seriously rubbish.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,497,311,400 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM9,497,311,400 untuk Maksud B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,635,329,300 untuk Maksud P.64 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM2,635,329,300 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

*[Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

*[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan 46(4), saya memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

#### ■2300

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi belah bahagian yang kita jalankan sebentar tadi adalah seperti berikut:

Ahli-ahli yang tidak mengundi, *abstain* - 1 Ahli

Ahli-ahli yang tidak bersetuju...73 Ahli *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang bersetuju... 105 Ahli *[Tepuk]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

### USUL

**Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang

diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Razali bin Ibrahim]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

“*Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 23 November tahun 2016.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.10 malam]*